

SIRI 3 2022

ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM

PENGAJIAN DAKWAH DAN USULUDDIN

PENYUNTING

**SAFINAH BINTI ISMAIL
NUR USWAH BINTI AHMAD FAUZI
NOOR HAFIZAH BINTI MOHD HARIDI
AHMAD A'TOA' BIN MOKHTAR**

**ISU-ISU KONTEMPORARI
DALAM PENGAJIAN DAKWAH
DAN USULUDDIN
(SIRI 3) 2022**

PENYUNTING

SAFINAH ISMAIL

NUR USWAH AHMAD FAUZI

NOOR HAFIZAH MOHD HARIDI

AHMAD 'ATO A MOKHTAR

PENERBIT FPPI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

2022

HAK CIPTA

Hak Cipta/*Copyright* Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), KUIS, 2022

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku digital ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit FPPI terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit FPPI.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

PENERBIT FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
<http://www.kuis.edu.my/fppi/>
03-89117000 ext: 7167

e ISBN 978-967-2808-28-2

ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN DAKWAH DAN
USULUDDIN (SIRI 3) 2022
9789672808282

KATA ALU-ALUAN

Segala pujian dan setinggi kesyukuran dirafakkan ke hadirat Allah SWT, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, Ahli Keluarga Baginda dan Para sahabat. Ucapan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk saya menukilkan sepagh dua kata dalam buku digital ini bagi mewakili pihak pengurusan Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI).

Ucapan syabas dan tahniah kepada Pengarah dan  Ahli Jawatankuasa Penganjur *International Conference on Islamic Civilizational Studies (IConICS 2022)* yang terus berusaha dengan sepenuh jiwa mendokong Fakulti dan KUIS meneruskan program pengembangan akademik dan keilmuan serta jihad pendidikan bagi melaksanakan tanggungjawab memartabatkan ummah. Tahniah juga kerana berjaya menerbitkan buku digital *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Dakwah dan Usuluddin* bersempena dengan penganjuran *International Conference on Islamic Civilizational Studies (IConICS 2022)* oleh Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pada tahun 2022. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dengan penerbitan buku digital ini, sama ada sebagai penerbit, penyunting dan penyumbang artikel.

Seperti yang kita maklumi, Islam merupakan agama yang mengatur kehidupan manusia (*way of life*) dalam setiap dimensi kehidupan dan peredaran zaman. Islam menjadi instrumen yang amat penting dalam pembangunan ummah dan pendidikan pasca pandemik Covid 19. Islam yang bersifat dengan kesempurnaan dan kesejagatan sangat relevan dalam mendepani situasi ini.

Terdapat pelbagai isu kontemporari dalam aspek penguasaan dan penghayatan ilmu dalam dunia masa kini khususnya pasca pandemik ini. Dalam mendepani situasi ini, kaedah dan pendekatan terkini dalam penyampaian dan penerapan ilmu kepada pelajar sangat penting. Selain itu, isu-isu lain seperti pemisahan antara ilmu aqli dan naqli, proses pengajaran yang berkonsep *knowledge transfer* tanpa elemen pendidikan (*tarbiyah*) dan lain-lain juga perlu diberikan perhatian serius.

Diharapkan dengan penerbitan buku digital ini dapat menjadi satu wadah diskusi yang sangat signifikan bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap isu-isu kontemporari dalam bidang pengajian Islam. Semoga usaha ini akan menjadi peneraju tradisi ilmu dalam usaha memberikan pencerahan dan informasi demi memperkasa usaha pembudayaan ilmu dan dakwah di jalan Allah SWT.

Sekian, Salam hormat.

DR. MD. NOOR HUSSIN

Dekan,

Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

SEUNTAI KATA

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadirat Allah SWT. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, penghulu segala nabi dan rasul, pemimpin umat ke jalan kebenaran.

Buku digital ini adalah hasil daripada 3rd International Conference On Islamic Civilisation Studies 2022 (ICONICS 2022). Seminar ini bertujuan untuk memberikan pendedahan isu-isu semasa dalam Pengajian Islam. Justeru, tema utama seminar kali ini ialah “Pengajian Islam dan Peradaban Islam Fasa Endemik”. Tema ini dibahagikan kepada beberapa subtema yang berkaitan dengan Pengajian Islam dengan harapan ianya dapat melestarikan pengajian ilmu-ilmu Islam dan peradabannya dalam menghadapi fasa endemik.

Saya dengan rendah hati mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para ilmuwan dan pengkaji yang berkongsi ilmu dan hasil penyelidikan dalam bentuk penulisan buku digital ini. Buku digital ini merupakan kesinambungan daripada siri buku digital sebelum ini dan bertujuan sebagai wadah perkongsian ilmu, pengalaman, dapatan baru dalam bidang Pengajian Islam.

Akhirnya, ucapan tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat dalam penerbitan buku digital ini yang terdiri daripada para pensyarah Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) KUIS. Ucapan terima kasih juga kepada Universiti Fatoni, Thailand dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara, Indonesia sebagai penganjur bersama seminar ICONICS 2022 ini. Mudah-mudahan usaha kita semua dinilai sebagai amal soleh di sisi Allah SWT. Semoga perkongsian ilmu ini memberikan manfaat serta kemaslahatan kepada insan lain. Sekian, terima kasih.

ABDUL HADI AWANG
PENGARAH ICONICS 2022

PRAKATA

Bismillahirrahmanirrahim.

إن الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره ونستهديه، ونعوذ بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا، ومن يهد الله فلا مضل له ومن يضلل فلا هادي له، وأشهد أن لا إله الا الله وأن محمدا عبده ورسوله. أما بعد:

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kami panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya buku digital ini dapat diterbitkan dengan sempurna. Buku digital ini memfokuskan kepada perbincangan berkaitan isu-isu kontemporari dalam pengajian Dakwah dan Usuluddin. Buku digital ini sarat dengan hasil penyelidikan terkini sama ada kajian yang berbentuk teori mahupun yang berbentuk kajian lapangan. Penghasilan buku digital ini merupakan usaha pengembangan ilmu yang berterusan.

Bidang pengajian Dakwah dan Usuluddin diyakini akan terus relevan dalam mendepani isu-isu kontemporari. Penyelidikan yang berterusan merupakan platform terbaik oleh para akademik dalam mencari solusi tentang permasalahan isu-isu semasa dan menyebarkan luas serta berkongsi dapatan kajian yang memberi manfaat kepada semua pihak. Pendek kata, umat Islam harus berpartisipasi dalam mendepani cabaran pandemic Covid-19 seterusnya menghasilkan penulisan ilmiah yang bermanfaat bagi masyarakat.

Alhamdulillah, syabas dan tahniah kami rakamkan kepada para penyumbang artikel atas usaha murni dalam menerbitkan buku digital *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Dakwah dan Usuluddin* terbitan Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pada tahun ini. Naskah ilmiah ini merupakan koleksi percambahan idea autentik para akademik dalam usaha menambah publikasi korpus pengajian Dakwah dan Usuluddin.

Adalah diharapkan dengan penerbitan buku digital ini para pembaca dan pengkaji dalam bidang Dakwah dan Usuluddin khususnya dan bidang pengajian Islam umumnya dapat menjadikannya sebagai bahan bacaan dan rujukan bagi kajian-kajian yang akan dijalankan. Mudah-mudahan hasil perkongsian para ahli akademik ini memberi sumbangan yang besar dalam bidang keilmuan. Sekian, selamat membaca.

Safinah Ismail

Nur Uswah Ahmad Fauzi

Noor Hafizah Mohd Haridi

Ahmad 'Atoa Mokhtar

Penyunting

KANDUNGAN

	HALAMAN
KATA ALU-ALUAN	iii
SEUNTAI KATA	iv
PRAKATA	v
KANDUNGAN	vi
PENDAHULUAN	viii
BAB 1 AQIDAH TAHAWIYAH & JAUHARAT AL-TAUHID DALAM LITERATUR DAN KERANGKA FAHAM ASHAIRAH Hamidun Mohamad Husin	1
BAB 2 CABARAN DALAM DAKWAH KEPADA NON MUSLIM Nur ‘Adilah Faqihah Embong Safinah Ismail	9
BAB 3 STRATEGI PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR MENGGUNAKAN TEKNIK PEMIKIRAN VERBAL Siti Salwa Mohd Noor, Norasyikin Osman	13
BAB 4 SUMBANGAN ABDULLAH AL-QARI HAJI SALLEH DALAM BIDANG DAKWAH Syarul Azman bin Shaharuddin, Mus’ab Bin Hilaluddin	20
BAB 5 PRINSIP-PRINSIP UMUM KEPIMPINAN SPIRITUAL DALAM KALANGAN TOK BATIN MASYARAKAT ORANG ASLI Halim Mokhtar, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Zulkefli Hj. Aini, Mustafa Kamal Amat Misra, Abdul Haiy Mahmud	37
BAB 6 ELEMEN TOLERANSI ANTARA AGAMA DALAM KALANGAN PENGANUT-PENGANUT AGAMA DI MALAYSIA Siti Nurbalqis Baharuddin, Mohamad Abu Abbas Mohd Faizal, Mohd Zulfikaar Azizi Aliakbar, Muhammad Farid Hafiz Md Subandi, Muhammad Aiman Shaharudin	42
BAB 7 SALAH FAHAM KONSEP WALI DAN KARAMAH DALAM KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA: ANALISIS ISU YANG TULAR DI INTERNET Mohd Aizul Yaakob, Mohammad Roshimi Abdullah Muhammad Ihsan Idris	48
BAB 8 PETUA DAN PANTANG LARANG PENGHAMBAT REZEKI DALAM KITAB TA’LIM WA AL- MUTA’LLIM KARYA AL-ZARNUJI: KAJIAN DI	59

KUALA LIPIS, PAHANG

Mohd Zahir Abdul Rahman, Mohamad Hafizuddin Mohamed Najid, Ahmad Murshidi Mustapha, Mohd Miqdad al-Aswad, Shah Rizul Izyan Zulkipli

BAB 9	FALSAFAH KEPIMPINAN MENURUT ISLAM: SATU TINJAUAN	68
	Abdul Haiy Mahmud, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Halim Mokhtar, Mustafa Kamal Amat Misra, Zulkefli Hj. Aini	
BAB 10	REKABENTUK DAN PEMBANGUNAN MODEL PEMULIHAN HOLISTIK TERHADAP KOMUNITI LESBIAN, GAY, BISEKSUAL DAN TRANSGENDER (LGBT) DI MALAYSIA	74
	Noor Hafizah Mohd Haridi, Nasrudin Subhi, Ahmad Munawar Ismail, Khairul Hamimah Mohammad Jodir Suriani Sudi	
BAB 11	WANITA DAN PERANANNYA MENURUT KACAMATA ISLAM	95
	Norita Kamaruddin, Zanariah Dimon, Maffuza Salleh, Hani Kamariah	
BAB 12	MEMAHAMI TEODISI DALAM PERSPEKTIF ISLAM	102
	Nurhanisah Binte Senin	
BAB 13	PERADABAN ISLAM DALAM MEMBINA SAHSIAH HOLISTIK BAGI PENGGUNAAN MEDSOS: KAJIAN RINTIS TERHADAP PELAJAR IPT DARI ASPEK SOSIAL DAN KOMUNIKASI	109
	Najmiah Omar, Isma Rosila Ismail, Zuraidah Juliana Mohd Yusoff, Rahimah Embong dan Ahmad Zuhairi Mohd Norllil	
BAB 14	PERBANDINGAN APLIKASI AMALAN INSURANS INDEMNITI PROFESIONAL PEGUAM SIVIL DAN SYARIE DI MALAYSIA	120
	Hammad Mohamad Dahalan, Norazla Abdul Wahab, Nur Zulfah Md Abd Salam & Nur Fatahiyyah Azmi	
BAB 15	IMPAK COVID-19 TERHADAP KARAKTER PASANGAN DAN KESEJAHTERAAN RUMAHTANGGA	128
	Anis Syuhada Mat Yusoff, Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda	
BAB 16	PENDAKWAAN DAN KEPERLUAN PERUNDANGAN JENAYAH MELIBATKAN SIHIR DI MALAYSIA	139
	Muna Hamzan, Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda	

PENDAHULUAN

Kemajuan dalam Era globalisasi memperlihatkan ledakan teknologi maklumat dan perkembangan ilmu yang begitu pantas dan memberi kesan secara langsung atau tidak langsung dalam kehidupan komuniti dunia. Perkembangan ini membawa bersama isu dan cabaran terhadap bidang pengajian Islam secara umum dan Dakwah dan Usuluddin secara khusus.

Buku *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Dakwah dan Usuluddin* merupakan himpunan kertas kerja ilmiah dalam Islamic Conference on Islamic Civilisation Studies (ICONICS 2022) Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang diadakan secara dalam talian pada tarikh 20 Oktober 2022. Tema utama seminar kali ini ialah *Pengajian Islam dan Peradaban Islam Fasa Endemik*. Tema ini dibahagikan kepada beberapa subtema yang berkaitan dengan Pengajian Islam antaranya tema pengajian linguistik Arab Dan ketamadunan.

Buku ini merupakan himpunan artikel ilmiah yang diketengahkan untuk merungkai pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh para ilmuwan dalam bidang Dakwah dan Usuluddin sebagai usaha memartabatkan ilmu dan pengetahuan umat dengan harapan ianya dapat melearstarkan pengajian ilmu-ilmu Islam dan peradabannya dalam menghadapi fasa endemik.

Buku ini memuatkan enam belas bab meliputi aqidah tahawiyah & jauharat al-tauhid dalam literatur dan kerangka faham Ashairah, cabaran dalam dakwah kepada non muslim, strategi pembelajaran berpusatkan pelajar menggunakan teknik pemikiran verbal, sumbangan abdullah al-qari Haji Salleh dalam bidang dakwah, prinsip-prinsip umum kepimpinan spiritual dalam kalangan tok batin masyarakat Orang Asli, elemen toleransi antara agama dalam kalangan penganut-penganut agama di Malaysia, salah faham konsep wali dan karamah dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia: analisis isu yang tular di internet, petua dan pantang larang penghambat rezeki dalam kitab *ta'lim wa al-muta'llim karya al-zarnuji*: kajian di Kuala Lipis, Pahang, falsafah kepimpinan menurut Islam: satu tinjauan, rekabentuk dan pembangunan model pemulihan holistik terhadap komuniti lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) di Malaysia, wanita dan peranannya menurut kacamata Islam, Memahami teodisi dalam perspektif Islam, Peradaban Islam dalam membina sahsiah holistik bagi penggunaan medsos: kajian rintis terhadap pelajar IPT dari aspek sosial dan komunikasi, perbandingan aplikasi amalan insurans indemniti profesional peguam sivil dan syarie di Malaysia dan pendakwaan dan keperluan perundangan jenayah melibatkan sihir di Malaysia

BAB 1

AQIDAH TAHAWIYAH & JAUHARAT AL-TAUHID DALAM LITERATUR DAN KERANGKA FAHAM ASHAIRAH

Hamidun Mohamad Husin¹

¹ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Pengenalan

Agama dan kepercayaan yang dibawa Nabi Muhammad SAW pada ketika ia menentang arus kekufuran dan syirik dahulu tidak mempunyai apa-apa nama selain Islam. Islam yang dibawa Nabi Muhammad SAW itu kini diteruskan kaum muslimin antara lain di bawah dua label utama Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah dan Syiah. Dalam kalangan Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah ia seterusnya dikotak-kotakkan kepada Ashairah, Maturidiyah, Ahl- Hadis/ Salafiyah dan lain sebagainya sesuai klasifikasi dan sejarah yang dilalui umat Islam itu sendiri. Kertas ringkas ini cuba mengungkap dinamika teks Jauharat al-Tauhid & Aqidah Tahawiyah dalam literatur dan kerangka faham Ashairah Maturidiyah di Malaysia pada masa kini.

Permasalahan

Umat Islam di Malaysia umumnya lebih mengenali teks akidah Umm al-Barahin tulisan Imam al-Sanusi (m.895 H) yang berjasa menyebarluaskan faham Tauhid Sifat 20 di seluruh pelusuk nusantara dan dunia berbanding mana-mana rujukan akidah Ashairah yang lain. Walaupun Umm al-Barahin dan Sifat 20 telah menyelamatkan umat Melayu Nusantara dengan mengenalkan mereka kepada Sang Pencipta, namun kealpaan terhadap teks-teks rujukan terperinci akidah yang lain terbukti memberikan dampak negatif yang tersendiri. Dan sementara mungkin masih kedapatan ahli masyarakat yang mengetahui keberadaan teks Jauharat al-Tauhid karangan Imam al-Laqqani, memasukkan satu teks lain Aqidah Tahawiyah (yang terkenal menjadi rujukan dalam kalangan al-Salafiyah) ke dalam perbincangan akidah Ashairah di ruang awam mungkin menimbulkan suasana tidak tidak selesa, kekeliruan malah mungkin perbalahan.

Namun untuk hanya merujuk kerangka faham Ashairah kepada kitab Umm al-Barahin dan Jauharat al-Tauhid (yang masing-masing ditulis pada kurun ke 9 dan 10 H) akan memberikan lompong masa yang besar dengan zaman keemasan 3 kurun pertama Islam. Sedangkan Aqidah Tahawiyah yang kelihatan sering dirujuk kalangan Salafiyah yang menjadi 'pesaing' Ashairah telah ditulis pada kurun ke-3 H. Malah ada kalanya kedengaran suara merendahkan karangan Imam Tahawi ini sebagai kitab 'Wahhabi'. Sedangkan kitab tulisan pendiri Ashairah Abu al-Hasan al-Asyari sendiri seperti *Maqalat Islamiyyin* dan *al-Ibanah* tidak dianggap mewakili kerangka menyeluruh faham akidah Ashairah, terutama untuk merangkum pandangan Ashairah mutakhir. Sekiranya Ashairah menolak Aqidah Tahawiyah, apakah mereka ada alternatif membina hubungan dan keabsahan kewujudan mereka hampir ke zaman salaf dan Nabi SAW.?

Justeru harus ada pemahaman semula terhadap literatur dan kerangka faham Ashairah agar pengesahan dapat dibuat bahawa Ashairah bukanlah mazhab baru atau yang tiba-tiba muncul dalam lipatan sejarah umat. Justeru, majoriti pendokong Ashairah nusantara selain harus meluaskan ufuk kefahaman mereka melangkaui Umm al-Barahin kepada rujukan Ashairah yang lain seperti Jauharah al-Tauhid dan seumpamanya, sebahagian mereka ini barangkali harus menilai kembali pandangan mereka terhadap Aqidah Tahawiyah dan tidak menyerahkan pemilikannya kepada kalangan Salafiyah.

Kitab Aqidah Tahawiyah

Al-Aqidah al-Tahawiyah (العقيدة الطحاوية) adalah karya Imam Tahawi (m. 321H) yang diakui sekian lama mewakili pandangan Ahl al-Sunnah wa-al-Jamaah. Imam Tahawi ialah Abu Ja'far Ahmad bin Muhammad bin Salamah bin Salmah bin `Abd al Malik bin Salmah bin Sulaim bin Sulaiman bin Jawab Azdi, terkenal sebagai Imam Tahawi, sempena tempat kelahirannya Taha, Mesir adalah antara autoriti Islam paling hebat dalam hadith dan fiqh. Beliau hidup 239-321H [932/933 M]. Dia hidup 239-321 A.H., era dimana anak murid langsung dan tidak langsung kepada Imam 4 : Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Shafi'i and Imam Ahmad bin Hanbal – masih mengajar dan berijtihad. Ia adalah masa kemuncak pengajian Hadith dan Fiqh. Imam Tahawi belajar dengan sarjana hebat yang hidup pada masanya.

Imam al-Tahawi mencatatkan apa yang dipegang ilmuan pada zamannya dengan *menaqalkan* dari autoriti Imam Abu Hanifah al-Nu'man bin Thabit dan dua muridnya Imam Abu Yusuf Yaakub bin Ibrahim & Imam Muhammad al-Hasan al-Shaibani. Tentang kitab ini Imam Al-Subki pernah menyatakan bahawa empat mazhab telah menetapkan bahawa akidah Imam al-Tahawi diterima secara menyeluruh oleh para ulama baik *salaf* (yang terdahulu sehingga tahun 299 H) maupun *kehalaf* (selepas 300 H)".

Kitab ini merupakan buku pedoman yang terdiri dari 105 poin inti keyakinan dalam bentuk pembentangan prosa pandangan Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah. Ia menyentuh tentang bidaah dan penyimpangan yang muncul zaman Khulafa al-Rashidin, & tidak membincangkan pelurusan (*al-taufiq*) antara *Aqal & Naqal* mengikut gaya para Mutakallimun & ahli falsafah.

Umum mengetahui Aqidah Tahawiyah menjadi rujukan dalam kalangan Ahl-Hadis (Salafiyah). Amat menarik kerana Aqidah Tahawiyah ini sebenarnya diterima secara umum oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah baik kalangan Ahl-Hadis (Salafiyah), Maturidiyah dan Ashairah. Justeru apabila membaca Aqidah Tahawiyah harus mengambil seseorang itu perlu mengambil kira naskhah *sharah*, yang dirujuknya.

Antara *Sharah Salafiyah* ditulis para ulamak beraliran Ahl al-Hadith adalah:

1. شرح العقيدة الطحاوية oleh Ibn Abi al-'Izz al-Hanafi ; adalah antara kitab *Sharah Aqidah Tahawiyah* yang paling popular.
2. تعليق العقيدة الطحاوية oleh Shaykh Abdul Aziz bin Baz, mantan mufti Arab Saudi.
3. العقيدة الطحاوية شرح و تعليق oleh Shaykh Nashiruddin al-Albani.

Manakala antara *Sharah Ashairah Maturidiyah* pula adalah:

1. شرح العقيدة الطحاوية oleh Qādī Ismā'īl ibn Ibrāhīm al-Shaybānī al-Maturidi (m. 629 H).
2. النور اللامع والبرهان الساطع في شرح عقائد الإسلام oleh Najm al-Din Mankubras al-Maturidi (m. 652 H).
3. شرح العقيدة الطحاوية oleh Syuja' al-Din al-Turkistani al-Maturidi (m. 733 H).
4. القلائد في شرح العقائد oleh Mahmud ibn Siraj al-Qanawi al-Dimashqi al-Hanafi al-Maturidi (m. 771 H).

5. شرح العقيدة الطحاوية oleh Abū Hafṣ Sirāj al-Dīn al-Ghaznawī al-Maturidī (m. 773 H).
6. شرح العقيدة الطحاوية oleh Akmal al-Din al-Babarti al-Maturidī (m. 786 H).
7. شرح العقيدة الطحاوية oleh Hasan Kafi al-Aqhasari al-Busnawī (m. 1024 H) dinamakan *Nur al-Yaqin fi Usul ad-Din*
8. شرح العقيدة الطحاوية oleh 'Abd al-Ghani al-Maydani al-Maturidī (m.1298 H).
9. شرح العقيدة الطحاوية *Sharah al-Aqidah al-Tahawiyah* oleh Qari Muhammad 'Tayyib al-Deobandi (m.1403 H).
10. شرح العقيدة الطحاوية oleh Abdullah al-Harari al-Ashaari (m.1429 H). Dinamakan juga sebagai إظهار العقيدة السنية بشرح العقيدة الطحاوية .
11. الشرح الكبير على العقيدة الطحاوية *al-Sharh al-Kabir 'ala al-Aqidah at-Tahawiyah* karangan Syeikh Sa'id Fudah yang boleh dianggap mewakili Ashairah kontemporari.

Di tanah air, Aqidah Tahawiyah telah diterjemahkan oleh Shaykh Abd Qadir b Abd Muttalib al-Indunisi al-Mandili dengan judul *Perisai Bagi Sekeliam Mukallaf*, dicetak oleh Matbaah Bin Halabi yang kemudian dicetak semula oleh Matbaah al-Haj Muhammad Idris al-Marbawi di Mesir pada bulan Mei 1961 (Zi al-Qa'dah 1380 H). Dan mutakhir ini ia telah dicetak semula dengan tulisan rumi oleh beberapa penerbitan tempatan antaranya Jahabersa dan al-Hidayah Publishers. Selain itu Tuan Hj Md Sahari Abdullah, seorang ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah mengusahakan satu terjemahan baru Aqidah Tahawiyah dan telah diterbitkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor pada 2015.





Kitab Jauharat al-Tauhid

Jauharat al-Tauhid (جوهرة التوحيد) adalah karya Imam Ibrahim b Ibrahim b Hasan al-Laqqani (m.1041 H / 1632 M) yang sekian lama diakui mewakili pandangan Ashairah Maturidiya/ Ahl al-Sunnah Wa al-Jamaah. al-Alim al-Allamah al- Syaikh Ibrahim al-Laqani Hafizahullah terkenal sebagai Imam al-Laqani mengambil sempena tempatnya Laqqanah, Buhairah. Beliau adalah seorang mufti mazhab Maliki, seorang Shaykh (profesor) di Universiti al-Azhar yang pakar bidang Hadith & Aqidah. Al-Laqani belajar dengan ulamak mazhab Hanafi, Maliki and Shafi'i, namun hanya berfatwa dlm mazhab Maliki sahaja.

Berbeza dengan bentuk persembahan prosa Umm al-Barahin, Jauharat al-Tauhid dipersembahkan dalam bentuk nazam syair (*Syir'*). Jauharat al-Tauhid mempunyai 144 rangkap kesemuanya. Disamping aspek keindahan bahasa yang menggamit pencinta bahasa dan budaya, syair memiliki sifat persembahan ringkas justeru menjadikannya mudah dihafaz. Sementelahan Jauharat al-Tauhid dapat dikira sebagai pandangan mutakhir mazhab Ashairah kerana ia muncul (pada kurun 10 H) kira-kira satu abad selepas kegemilangan Umm al-Barahin (pada kurun 9 H) melawan skolastik ahli falsafah. Pun begitu harus diakui penyebaran Jauharat aal-Tauhid diperingkat orang awam tidaklah seluas Umm al-Barahin, barangkali kerana faktor kesesuaian kandungan Umm al-Barahin yang lebih asas dan fokus selain faktor penggunaan nazam dalam Jauharat al-Tauhid di luar jangkauan kebanyakan anggota masyarakat awam nusantara.

Imam al-Laqani menyatakan dalam rangkap 7 & 8 Jauharat al-Tauhid,

٧- وَهَذِهِ أَرْجُوهُ لِقَبْضِهَا # جَوْهَرَةُ التَّوْحِيدِ قَدْ هَدَيْتُهَا

٨- وَاللَّهِ أَرْجُو فِي الْقَبُولِ نَافِعًا # بِهَا مُرِيدًا لِلشَّوَابِ طَامِعًا

Satu bait ialah dua pecahan satu baris. Syair di dalam bahasa Arab adalah berdasarkan timbangan wazan di dalam keilmuan saraf. Biasanya di dalam separuh baris antara tiga ke lima perkataan. Dari segi suku kata (bahasa Melayu) antara 8 hingga 12 suku kata. Tidak ada pembayang maksud sebagaimana pantun Melayu, Maka semua kata-kata di dalam syair atau nazam membawa maksud dan mesej.

Berbeza dengan Umm al-Barahin Imam al-Sanusi yang fokus kepada permasalahan Ilahiyat dan Nubuwwat, Jauharat al-Tauhid lebih menyeluruh cakupan perbahasannya untuk turut membincangkan masalah Ghaibiyat/ Sam'iyat dan ketetapan-ketetapan Syarak lain dalam bidang akidah.

Jauharat al-Tauhid jelas mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam ilmu kalam Islam berdasarkan ambil berat para ilmunan yang membuat penjelasan terhadapnya dalam bentuk 'sharah' (penjelasan) atau ringkasan yang berkaitan dengannya, antara lainnya adalah:

- 1- Tiga kitab Sharah telah ditulis Imam Ibrahim al-Laqani sendiri iaitu “هداية المرید” , “تلخیص التجريد لعمدة المرید” dan “عمدة المرید لجوهرة التوحيد” , “لجوهرة التوحيد”.
- 2- Kitab Sharah oleh anak Imam Ibrahim al-Laqani iaitu Abd al-Salam bin Ibrahim al-Laqani iaitu “شرح جوهرة التوحيد” dan “إرشاد المرید شرح جوهرة التوحيد”. Ithaf al-Murid ini pula ada 7 *hasbiyah* (komentar) yang lain.
- 3- Kitab “فتح القريب المجيد بشرح جوهرة التوحيد” nukilan Abd al-Barr b Abdullah b Muhammad al-Ajhuri (m. 1070H).
- 4- Kitab “تحفة المرید علی جوهرة التوحيد” yang terkenal iaitu oleh Shaykh al-Azhar, Shaykh Ibrahim al-Bajuri (m. 1274H).
- 5- Kitab “تقريب البعيد إلى جوهرة التوحيد” oleh Ali Muhamad al-Tamimi al-Safaqisti.
- 6- Kitab “المختصر المفيد في شرح جوهرة التوحيد” oleh Shaykh Dr Nuh Ali Salman al-Qudhah (mantan Mufti Jordan)
- 7- Kitab “عون المرید لشرح جوهرة التوحيد” oleh Adib al-Kaylani & Abd al-Karim Tatan.
- 8- Kitab “الموجز المفيد من تحفة المرید علی جوهرة التوحيد” oleh Dr. Umar Abdullah Kamil.
- 9- dan sebuah lagi karangan Shihabuddin Ahmad b Muhammad al-Sawi (m. 1241 H)

Di Nusantara, meskipun tidak dapat menyamai Umm al-Barahin dari aspek pengaruh dan penyebarannya, Matan Jauharat al-Tauhid sebenarnya telah mendapat perhatian dan diperjelaskan kandungannya di dalam bahasa Melayu (tulisan Jawi) dengan judul *Sharh Bagi Matan Jauharat al-Tauhid*, cetakan Matbaah Bin Halabi, Pattani Thailand oleh seorang penulis yang tidak dinamakan. Pada kulit luar dan dalam kitab ini sekadar diberi maklumat ringkas: “Inilah Kitab Sharah Bagi Matan Jauharat al-Tauhid bagi al-Imam al-Shaykh Ibrahim al-Laqani telah diterjemahkandia oleh seorang ulama’ Jalwi [Jawi] dengan Bahasa Melayu. *Jazallahu Muallifaibima Khairan*”.



Pada akhir penulisan sharah ini dinyatakan bahawa kitab ini telah selesai dikarang pada hari Rabu, pada bulan Ramadhan 1292H. bertempat di Sambas, Kampung Pariq [Parit] Dalam, Hampir Sultan Muhammad Safiyy al-Din. Sambas terletak pada bahagian Kalimantan Indonesia. Oleh yang demikian dapat ditelaha bahawa bahasa terjemahan dan huraian yang digunakan adalah bahasa Melayu lama gaya Sambas sekitar 148 tahun lalu dengan lenggok bahasa yang kuat dipengaruhi bahasa Arab.

Mutakhir ini di Malaysia Jauharat al-Tauhid dilihat telah kembali mendapat perhatian

semula dengan beberapa usaha penerbitan antaranya *Ringkasan Berfaedah Menghuraikan Permata Tauhid* (al-Mukhtasar al-Mufid Fi Sharh Jauharat al-Tauhid), (jilid 1 dan 2) tulisan Shaykh Dr Nuh Ali Salman al-Qudhah yang diusahakan terjemah oleh Ustaz Nik Muhammad Nasri Nik Malek. Usaha sama juga dibuat Dr Akli Ahmad yang menulis *Risalah Fikriyyah Menghuraikan Jauharat al-Tauhid* diterbitkan Telaga Biru Sdn. Bhd. Manakala sebuah *Terjemahan Tuhfat al-Murid* (karangan Imam al-Baijuri) turut telah disahkan oleh Nuruzzaman MZ.



Perbincangan

Kedua dua Jauharat al-Tauhid dan Aqidah Tahawiyah adalah rujukan yang diterima dalam kerangka mazhab Ashairah Maturidiyah. Jauharat al-Tauhid terbukti adalah penerusan kepada legasi Um al-Barahin Imam Sanusi. Manakala bagi Aqidah Tahawiyah, meskipun ia dirujuk kalangan Salafiyah, ia tidak seharusnya menahan para pendokong Ashairah dari turut menerimanya kerana ia ternyata telah dihuraikan dengan terperinci oleh ramai ulama Ashairah Maturidiyah, termasuk oleh ilmuan Ashaari kontemporari Shaykh Saeed Abdul Latif Fudah yang menulis *al-Sharh al-Kabimya*. Dengan menerima Aqidah Tahawiyah, pendokong Ashairah dapat menghampirkan dengan sumber salaf yang hampir dengan zaman Nabi SAW sekaligus menopang pandangan bahawa Ashairah adalah penerusan dari manhaj salaf yang absah.

Jauharat al-Tauhid dan Aqidah Tahawiyah diketahui ditulis antara jarak masa selama tujuh abad antara satu sama lain (kurun 10 dan kurun ke 3 Hijrah) - yang justeru cuba menjawab cabaran zaman yang berbeza. Sementara Aqidah Tahawiyah membicarakan soal Qadariyah, Jabariyah, Murjiyah, Mukhtazilah, dan Syiah, Jauharat al-Tauhid yang meneruskan legasi Umm al-Barahin dalam menghadapi cabaran skolastik ahli falsafah membicarakan kesimpulan pandangan Ashairah mengenai Jauhar, Aradh dan lain-lain yang tiada dalam perbincangan Aqidah Tahawiyah. Walauun tidak menepati sepenuhnya, persamaan lain bagi Jauharat al-Tauhid dan

Aqidah Tahawiyah berbanding Umm al-Barahin ialah aspek kandungannya yang memperincikan banyak perkara *sam'iyat* yang tiada dalam Umm-al-Barahin.

Sementara Aqidah Tahawiyah bersandar metod deduktif (*istinbat*), *Athari* yang mengambil autoriti Imam Abu Hanifah dan anak muridnya Imam Abu Yusuf Yaakub bin Ibrahim & Imam Muhammad al-Hasan al-Shaibani, Jauharat al-Tauhid pula menyimpulkan dapatan dari legasi Umm al-Barahin banyak menggunakan metod induktif (*istiqra'*) yang bersandar kepada logik mantiq disamping turut menggunakan juga metod deduktif (*istiqra'*). Perbezaan ini adalah kerana faktor persekitaran cabaran berbeza antara kedua-dua zaman. Metod Ashairah mutakhir lebih mendahulukan logik akal dari metod deduktif untuk mengalahkan pesaing mereka (ahli-ahli falsafah) yang hanya menerima penghujahan sedemikian. Cuma berbeza sedikit dengan Umm al-Barahin yang banyak menggunakan metod induktif, penggunaan metod induktif-deduktif dalam Jauharat Tauhid agak lebih seimbang kerana perbahasan isu Sam'iyat yang terdapat di dalamnya.

Dari aspek kandungan pula, antara manfaat penghayatan kandungan Jauharat al-Tauhid berkait isu semasa umat ialah polemik Sifat Khabariyah Allah Taala yang hangat antara Salafiyah dan Ashairah Maturidiyah ialah ia akan memberikan pendokong Ashairah sudut pandang yang lebih luas dalam menghadapi polemik Tashbih Tangan Allah, Allah *beristima'* di Arasy dan lain lain dengan kalangan Salafiyah & Wahhabiyah. Dengan kefahaman yang betul paling tidak pasti tidak ada yang akan menolak mentah-mentah atau menghukum kufur pendekatan *Tafwidh* kerana *Tafwidh* adalah salah satu pandangan dalam Ashairah yang diterima dalam isu Sifat Khabariyah Allah Taala. Pengarang Jauharat al-Tauhid menyatakan dalam rangkap 40 (وَكُلُّ نَصْرِ)

أُولَهُ أَوْ فَوْضُ وَزْمِ تَنْزِيهَا (أَوْهَمَ التَّشْبِيهَا) bahawa setiap nas yang menimbulkan keraguan berlaku penyamaan sifat Allah dan sifat makhluk (*waham tashbih*) hendaklah ditakwilkan (berseuaian kaedah Syara') atau ditafwidhkan. Dalam melakukan takwil atau *tafwidh*, mestilah membuat *tanzih* (menyucikan Allah). Maka seorang alim jawi tak bernama dalam *Sbarab Matan Jauharat al-Taubid* di halaman 25 menyebut "...tetapi mazhab ulama yang salaf itu terlebih aslam dan mazhab ulama yang khalaf terlebih aq'ad yakni terlebih teguh sebab banyak perbantahan daripada orang yang sesat daripada orang Jabariyah dan Qadariyah dan Mu'tazliyah dan Mujassimah dan orang Falasifah dan barang lainnya." Manakala Shaykh Daud Abdullah al-Fathani (al-Durr al-Thamin, 45) yang turut menaqqalkan petikan dari kedua-dua rujukan Ashairah Umm al-Barahin dan Jauharat al-Tauhid menyimpulkannya dengan kata-kata "...maka adalah dua ini tariq [jalan] daripada Ahli al-Sunnah jua ...".

Antara manfaat semasa lain kesan penghayatan Jauharat al-Tauhid adalah dalam isu kenegaraan seperti melantik dan mentaati Imam yang adil. Pada rangkap 130-133 dinyatakan :

- | | |
|----------------------------|------------------------------------|
| بالشرع فاعلم لا بحكم العقل | ١٣٠- وواجب نصب إمام عدل |
| ولا ترغ عن أمره المبين | ١٣١- فليس ركناً يُعتَقَدُ في الدين |
| فالله يكفينا إذاه وخذة | ١٣٢- إلا يكفر فأنيدن عهده |
| وليس يعزل إن أزيل وصفه | ١٣٣- بغير هذا لا يباح صرفه |

Iaitu wajib menurut Syara' melantik ketua (imam) yang adil, dan ia bukan (setakat) kerana dalil logik sahaja. Isu pelantikan ketua bukanlah (sebahagian) rukun agama, maka janganlah tertipu (seperti dalam mazhab Syiah). Sekiranya ketua melakukan kufur dia boleh dilucutkan jawatan, sekiranya tidak maka Allah sendiri akan mencukupkan untuk kita atas kejahatannya (iaitu wajib taat pemimpin). Selain kufur, pemimpin tidak boleh dilucutkan, dan tidak boleh dilucutkan jawatan sekalipun hilang sifat (adil) nya/ hilang kelayakan.

Perkara sama dapat dilihat dalam Aqidah Tahawiyah di mana Imam Tahawi dengan nada sama menyatakan :

”... وَلَا تَرَى الْخُرُوجَ عَلَىٰ أَيْمَتِنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا، وَإِنْ جَارُوا، وَلَا نَدْعُو عَلَيْهِمْ، وَلَا نَنْزِعُ يَدًا مِنْ طَاعَتِهِمْ، وَنَرَى طَاعَتَهُمْ مِنْ طَاعَةِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ فَرِيضَةً، مَا لَمْ يَأْمُرُوا بِمَعْصِيَةٍ، وَنَدْعُوا لَهُمْ بِالصَّلَاحِ وَالْمَعَاوَةِ...”

Lebih jauh di era fitnah JI, ISIS dan ISIL kini, Imam Tahawi juga telah menyatakan

”...وَلَا تَرَى السَّيْفَ عَلَىٰ أَحَدٍ مِنْ أُمَّةٍ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَّا مَنْ وَجِبَ عَلَيْهِ السَّيْفُ...”

Sekiranya keilmuan dari Aqidah Tahawiyah & Jauharat al-Tauhid ini dihayati masyarakat, kebarangkalian masalah JI, ISIS dan ISIL ditangani diperingkat awal adalah lebih tinggi.

Kesimpulan

Aqidah Tahawiyah & Jauharat al-Tauhid adalah teks rujukan dalam faham Ashairah. Di kala Aqidah Tahawiyah merupakan sumber rujukan utama Ashairah peringkat awal (*mutaqaddimin*) yang mesti dihargai, Jauharat al-Tauhid pula adalah antara rujukan Ashairah peringkat mutakhir (*mutaakhirin*). Justeru kedua-duanya perlu Kedua-duanya mesti dibaca selari dengan Umm al-Barahin bagi memberikan faham Ashairah yang tepat.

Rujukan

- Abd al-Ghaniy al-Ghanimiy al-Maidani al-Hanafiy al-Dimasyqi. 1992M/1412H. *Syarh al-Aqidah al-Tahawiyah*. Ed. 3. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Dr. Akli Ahmad. 2015. *Risalah Fikriyyah Menghuraikan Matan Jauharah*. Kuala Lumpur : Telaga Biru.
- Akmal al-Din Muhammad bin Muhammad al-Babarti. 1989M/1409H. *Syarh Aqidah Abl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. t.t.: Wizarah al-Auqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- al-Bayjuri, Ibrahim Muhammad Ahmad al-Syafi'i. 2002M/1422H. *Hasyia'ah al-Bayjuri 'ala Jauharah al-Tauhid*. Tahqiq Ali Jum'ah al-Shafi'i. Al-Qaherah: Dar al-Salam.
- al-Fathani Shaykh Daud Abdullah. T.t. *al-Durr al-Thamin*. Fatani : Matba'ah Bin Halabi.
- Matan Jauharat al-Tauhid*. t. t. Fathani : Matbaah Bin Halabi.
- Muhammad Abu Zahrah. t. t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyah Fi al-Siyasah wa al-Aqaid Wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah : Dar al-Fikir al-Arabi.
- Perisai Bagi Sekeluan Mukallaf*. t. t. Fathani : Matbaah Bin Halabi.
- al-Tahawi, Imam. 2015. *al-Aqidah al-Tahawiyah*. (Terj. Md. Sahari Abdullah). Shah Alam: Jabatan Mufti Negeri Selangor.

BAB 2

CABARAN DALAM DAKWAH KEPADA NON MUSLIM

Nur 'Adilah Faqihah Embong¹, Safinah Ismail²

^{1,2}Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Pengenalan

Dakwah merupakan medium untuk mempengaruhi orang lain dan ianya harus dijalankan dengan serius, melalui aturan-aturan yang benar sehingga diterima dengan komitmen yang sama terhadap kebenaran ajaran yang dibawa oleh Islam. (Zikmal Fuad, Siti Makbulah, 2018).

Keadaan masyarakat pada masa kini menjadikan usaha dakwah bukanlah semudah yang seperti disangka. Ia memerlukan kekuatan fizikal dan mental dalam usaha meningkatkan kualiti peribadi sebagai seorang pendakwah terutamanya dalam memartabatkan syiar Islam. Kemunculan pendakwah dalam dunia dakwah menjadikan agama Islam semakin dikenali dalam kalangan golongan sasaran. Namun begitu, tidak semua mesej yang disampaikan dapat difahami dan dihayati dengan baik oleh masyarakat awam. (Nur Damia & Zulkefli 2015). Hal ini memerlukan kepada proses komunikasi yang berkesan dalam memastikan mesej sesuai dengan keadaan para pendengar.

Menyampaikan dakwah bukanlah sesuatu perkara yang mudah untuk dilakukan oleh mana-mana individu pada masa kini. Pelbagai halangan yang perlu dihadapi oleh pendakwah dalam menyampaikan dakwahnya kepada masyarakat. Terdapat beberapa perkara yang dihadapi dalam menyampaikan dakwah Islam kepada masyarakat yang menjadi masalah sehinggakan dakwah tidak berkembang dengan mudah.

Pendakwah merupakan golongan yang berperanan penting dalam menyampaikan Islam kepada masyarakat. Namun begitu, apabila seseorang tidak mampu untuk menguasai bahasa dengan baik, maka berlakulah pelbagai isu dalam dakwah. Berdasarkan penelitian dari semasa ke semasa, terdapat ramai pendakwah yang masih lagi kurang dalam penguasaan bahasa dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat yang memberi kesukaran kepada mad'u untuk menerima dakwah daripada komunikasi pendakwah. Menurut Zikmal Fuad (2015), banyak pesanan dakwah yang tidak sampai kepada penerima dakwah kerana kegagalan penggunaan bahasa di dalam menyampaikannya. Selain itu, bahasa yang digunakan tidak tepat sehingga mesej yang disampaikan tidak dapat difahami dengan baik oleh penerima dakwah. Kesalahan-kesalahan dalam bahasa terkadang boleh menimpa para aktivis dakwah yang dapat menyebabkan kegagalan dakwah itu sendiri. Perkataan yang sama belum tentu sesuai untuk semua kalangan mad'u atau penerima dakwah. Sebab latar belakang mad'u juga menentukan ungkapan apa yang sesuai bagi mereka. (Zikmal Fuad, 2015).

Seringkali aktivis dakwah menyamakan semua mad'u. Para pendakwah kadang-kadang sibuk memikirkan bahan apa yang baik untuk mad'u, tapi kurang melihat dari sudut latar belakang pendidikan, usia, status, dan budaya mad'u. Sedemikian pentingnya 4 penggunaan bahasa dalam dakwah sehingga al-Quran telah mensyariatkan kepada manusia tentang penggunaan bahasa sebagai alat komunikasi seperti yang tertulis dalam surah al-Rahman ayat ke 4 iaitu 'Allamahu al-Bayan yang bermaksud bahawa Allah swt telah membenarkan manusia bercakap dengan baik. Seterusnya, pada masa kini, ramai pendakwah yang kurang pengetahuan dan tidak berkemahiran dalam penguasaan kemahiran dan teknik pendekatan dakwah kepada golongan sasaran. Sedangkan, tugas sebagai seorang pendakwah sangat memerlukan penguasaan kemahiran dan teknik pendekatan yang sesuai dengan golongan sasaran yang terlibat (Ab. Aziz, 2001).

Metodologi Kajian

Metodologi kajian adalah perancangan umum yang ingin dilaksanakan bagi menghasilkan data-data yang tepat atau hampir tepat untuk menerbitkan dapatan-dapatan yang berkualiti untuk manfaat bersama (Chua Yan Piaw, 2014). Rekabentuk kajian merujuk kepada suatu teknik atau kaedah tertentu untuk memperoleh maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah. Ia dapat memastikan bahawa maklumat yang diperolehi adalah sesuai dengan persoalan masalah yang ingin diselesaikan. Di samping itu, maklumat yang dikumpul akan diperolehi dengan kaedah yang paling berkesan (Mohd Majid Konting, 1998). Penulisan ini menggunakan metode kajian kepustakaan berdasarkan bahan-bahan penulisan yang berkaitan. Bahan-bahan ini telah dianalisis secara deskriptif melalui buku-buku dan jurnal yang berkaitan

Dapatan Kajian

Kurangnya penglibatan umat Islam dalam Dakwah

Kebanyakan pendakwah Muslim dilihat kurang menekankan usaha dakwah terhadap golongan non-Muslim ini. Pelbagai faktor dapat dikenal pasti sebagai penyumbang kepada keadaan ini antaranya pergaulan merentasi sempadan agama dan bangsa yang jarang diamalkan terutamanya melibatkan mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan agama semenjak kecil kerana dibiasakan dengan persekitaran sesama agama dan bangsa yang sama (Yusri, 2010). Ini menyumbang kepada pelebaran jurang sesama mereka serta menyebabkan wujudnya kejanggalan apabila perlu berurusan dan berinteraksi dengan golongan non-Muslim ini. Selain itu, isu agama dan perkauman yang dilihat begitu sensitif mutakhir ini telah mewujudkan sikap berhati-hati dalam kalangan mereka kerana setiap isu yang ingin diketengahkan perlu dicermati terlebih dahulu bagi mengelakkan sebarang tindakan yang mungkin boleh dikenakan kepada mereka (Azizan, 2014). Hal ini menyebabkan mereka berasa lebih selamat dan selesa untuk berbahas mengenai persoalan agama dan kaum menurut kerangka sendiri sahaja

Kurang penglibatan pendakwah Melayu

Golongan bukan Melayu yang beragama Islam sangat kurang ditonjolkan dalam usaha-usaha dakwah. Pendakwah daripada kalangan muallaf masih kelihatan janggal dalam kalangan masyarakat sebagai pendakwah Muslim walhal mereka juga turut memainkan peranan dalam menyeru dan membetulkan salah faham terhadap ajaran Islam. Golongan ini dilihat lebih memahami selok-belok kaum masing-masing serta mampu menarik minat mereka disebabkan persamaan kaum dan bahasa. Hal ini juga bagi mengurangkan persepsi bahawa agama Islam di Malaysia hanya dimonopoli oleh bangsa Melayu sahaja. Pendakwah bukan Melayu ini seharusnya diberikan ruang yang lebih utama dalam menyebarkan agama Islam dengan gaya bahasanya yang tersendiri bagi menarik minat golongan Islam untuk melihat Islam sebagai agama yang merentasi sempadan perkauman.

Pengaruh media massa

Tidak dapat dinafikan bahawa media massa sama ada bercetak mahupun elektronik turut mempengaruhi perjalanan dakwah di Malaysia. Media yang tidak jujur dalam penyampaian mereka seolah-olah menjadi alat propaganda yang membunuh daya intelektual serta menyuburkan sindrom kejahilan dalam kalangan rakyat (Jemkhairil, 2010). Kewujudan banyak sumber media terutamanya media elektronik yang dilihat gemar mempergunakan sesuatu isu sebagai modal utama bagi mempopularkan kedudukan dan rating mereka semata-mata dilihat semakin berleluasa sehingga membawa kepada perpecahan dalam kehidupan bermasyarakat. Ini

kerana isu-isu membabitkan agama dan kaum dilihat sering menjadi ‘viral’ dan mampu memberikan pengaruh yang besar lebih-lebih lagi kebanyakan maklumat ini biasanya diterima secara membuta tuli tanpa sebarang tapisan. Maka, menjadi tanggungjawab kepada para pendakwah Muslim untuk melengkapkan diri dengan kemahiran semasa serta melibatkan diri secara lebih aktif bagi menyeimbangi lambakan maklumat di laman sosial yang kebiasaannya banyak dijuarai penulis-penulis bertaraf amat (Abd Ghafar & Badlihisam, 2012). Keterlibatan para pendakwah Muslim secara berkesan dan berhikmah dilihat mampu mewujudkan perbincangan yang lebih harmoni serta membetulkan kembali segala kekeliruan dan salah faham yang mula mengakar dalam masyarakat. Namun begitu, dalam masa yang sama para pendakwah juga perlu memastikan setiap maklumat yang disampaikan perlu dicermati dan diteliti secara terperinci terlebih dahulu bagi mengelakkan sebarang penggunaan fakta yang kurang tepat supaya tiada sebarang argumentasi dan provokasi boleh dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab (Burhanuddin, 2018). Setiap isu yang dibahaskan perlu dirujuk dan disahkan terlebih dahulu oleh mereka yang ahli dalam bidang tersebut bagi menonjolkan sudut integriti Islam berkaitan penyampaian ilmu dan maklumat. Adalah tidak wajar apabila kita memperlihatkan rasa tidak senang atas informasi salah berkaitan Islam namun kita pula secara mudahnya berbicara hal dan isu yang kurang tepat berkaitan bangsa dan agama lain. Ketepatan maklumat ini sedikit sebanyak bakal menimbulkan rasa hormat dalam kalangan non-Muslim kerana elemen kejujuran dan amanah dapat dilihat secara nyata daripada tindakan tersebut.

Kurang penguasaan Ilmu Alat

Dakwah yang berkesan memerlukan instrumen dan medium yang berkesan. Dakwah pada masa kini tidak lagi terhad kepada faktor lisan semata-mata bahkan perlu mengambilkira faktor bahan dakwah, suasana, dana, golongan sasaran, kemahiran berbahasa dan sebagainya. Semua aspek ini perlu digerakkan secara seiringan bagi memastikan sasaran dakwah tersebut benar-benar dapat dikuasai. Imej kolot, jumud, anti kemajuan teknologi serta kelemahan penguasaan bahasa Inggeris dan Mandarin sebagai medium komunikasi yang bersifat global perlu ditangani dan diatasi semampu mungkin bagi mewujudkan pendakwah yang benar-benar berkaliber dalam mendepani cabaran dakwah semasa. Setiap ruang dan kemudahan yang ada perlu dikuasai sebaik mungkin agar para pendakwah dilihat relevan dengan perkembangan semasa (Noor Azaian, 2017). Era globalisasi ini telah memperlihatkan kekuatan medium-medium siber seperti Facebook, Whatsapp dan Telegram dalam menularkan sesuatu maklumat dan perkongsian. Begitu juga perkongsian video di Youtube yang meskipun hanya dihadiri oleh audien yang kecil, namun capaian oleh para pengguna internet menerusi perkongsian di platform tersebut mampu mencecah sehingga ribuan tontonan secara maya. Para pendakwah juga perlu menguasai kemahiran tertentu yang dirasakan mampu meningkatkan kualiti penyampaian dakwah seperti kemahiran kaunseling, penyampaian awam, komunikasi berkesan, Information and Communication Technology (ICT) dan lain-lain bagi memastikan audien benar-benar tertarik dengan intipati dakwah yang disampaikan. Selain itu, para pendakwah juga perlu lebih bijak dalam mempelbagaikan pendekatan dakwah terutamanya apabila berhadapan dengan sasaran yang berbeza. Golongan intelektual perlu didekati mengikut tahap dan kemampuan pemikiran mereka begitu juga dengan golongan awam yang lebih mementingkan persoalan moral berbanding perbincangan ilmu secara mendalam. Kemampuan pendakwah untuk menguasai kemahiran-kemahiran ini akan mengoptimalkan lagi peluang dan ruang mereka dalam menyampaikan dakwah serta melebarkan lagi capaian sasaran dakwah tersebut (Burhanuddin, 2018). Penggunaan perkataan atau pendekatan yang kurang sesuai dengan tahap dan kedudukan golongan sasaran dakwah ini bakal menjejaskan keberhasilan matlamat dakwah tersebut. Cukup menarik untuk diselusuri bagaimana kebijaksanaan Rasulullah s.a.w menggunakan pendekatan yang berbeza sewaktu berhadapan dengan individu dan golongan yang berbeza seperti puak Arab Badwi, ahli Kitab, orang munafik, golongan bangsawan dan pemimpin, kanak-kanak dan wanita

serta umat Islam yang berbeza latar belakang dan pemikiran (Redzuan, 2010). Kemahiran inilah yang akhirnya menyumbang kepada berkembangnya dakwah Islam secara berkesan dan meluas.

Penutup

Dapatan kajian ini menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh para pendakwah dalam menggunakan bahasa seperti pendakwah tidak fasih dalam berbahasa Cina dan bahasa Inggeris, kurangnya penglibatan umat Islam dalam dakwah, kekurangan penglibatan pendakwah Melayu dan pengaruh media massa, Semoga kajian ini dapat memberi informasi kepada para pendakwah dalam usaha meningkatkan dakwah kepada non muslim.

Rujukan

- Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Azizan Baharuddin. (2014). *Kajian Isu dan Cabaran Hubungan Antara Penganut Agama di Malaysia*. Serdang: Penerbit UPM.
- Abdul Ghafar Don dan Badlihisam Mohd Nasir. (2012). Cabaran Dakwah di Malaysia: Sebelum dan Selepas Merdeka. *Jurnal al-Hikmah* Vol. 4, 15-22.
- Burhanuddin Jalal et.al. (2018). Pendekatan Dakwah untuk Cabaran Masa Depan: Satu Sorotan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* Vol. 4, No. 1, 23-33.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah Penyelidikan. Edisi ketiga*. Selangor : Mc Graw Hill Education.
- Jemkhairil. (2010). Komunikasi antara Budaya sebagai Metode Dakwah untuk Masyarakat Multi Etnik. *Jurnal al-Hikmah* Vol. 2, 83-96.
- Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Azaian Abdul Talib et.al (2017). *Cabaran Dakwah Islam di Alam Siber*, *Journal of Social Science and Humanities*, 2-10.
- Nur Damia Husna Binti Nor Sad, Zulkefli Bin Haji Aini, (2015). *Kesantunan Berbahasa Dalam Komunikasi Dakwah*. *Persidangan Kebangsaan Komunikasi, Kemanusiaan, Sains Sosial dan Sains di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)*.
- Yusri Mohamad Ramli. (2010). *Dakwah kepada Non-Muslim: Pemeraksanaan Strategi Menghadapi Tantangan Kontemporari*, (Prosiding, Seminar Antarabangsa Agama dan Pembangunan Malaysia-Indonesia, Alauddin Makassar, Indonesia).
- Zikmal Fuad, Siti Makbulah. (2018). *Kod Etika Dakwah (Satu Sorotan Ringkas)*. *Jurnal Maw'izah*, 1-14.
- Zikmal Fuad (2015). *Pendekatan Bahasa Dalam Dakwah (Satu Kajian Dari Perspektif Al-Qur'an)*. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi* Jilid II, Isu II (September 2015) 14-25 E-ISSN 2289-7909.

BAB 3

STRATEGI PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR MENGUNAKAN TEKNIK PEMIKIRAN VERBAL

Siti Salwa Mohd Noor¹, Norasyikin Osman²

^{1,2} Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)

Pengenalan

Manusia dituntut untuk mempelajari ilmu pengetahuan dan menguasainya dengan sebaik mungkin agar memperoleh manfaat daripadanya serta menggunakannya untuk manfaat kepada orang lain. Kedudukan penuntut ilmu di sisi Islam telah disebut dengan jelas di dalam al-Quran al-Karim. Allah SWT telah meninggikan darjat orang-orang yang diberi ilmu beberapa darjat, sebagaimana disebut dalam al-Quran al-Karim dalam surah al-Mujadalah ayat 11:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

Maksudnya:

Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu beberapa darjat.

Dan sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Zumar ayat 23:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya:

Katakanlah: "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran.

Terbukti daripada dua ayat al-Quran yang mulia ini bahawa penuntut ilmu mempunyai martabat, kedudukan dan status yang tinggi dalam masyarakat. Mereka menerima manfaat daripada ilmu yang dipelajari, mengamalkannya dan memberi manfaat kepada orang lain. Oleh itu, adalah menjadi satu kepentingan untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyokong proses tuntutan ilmu dan menggalakkan pembelajaran yang aktif dan positif. Persekitaran pembelajaran ini haruslah berfokus kepada peranan pelajar yang aktif dalam proses pembelajaran. Ini kerana pembelajaran dan pengajaran masa kini bukan semata-mata bergantung kepada guru seperti yang berlaku dalam kaedah pengajaran tradisional. Bahkan pelajar memainkan peranan secara berkesan untuk menambah ilmu baru menggunakan teknik dan strategi yang pelbagai.

Kertas ini bertujuan mengenal pasti teknik pemikiran verbal sebagai salah satu strategi pembelajaran berpusatkan pelajar. Konsep pembelajaran yang berpusatkan pelajar muncul daripada idea teori konstruktivisme yang berusaha untuk melibatkan peranan dan fungsi pelajar dalam menuntut ilmu. Kertas ini memberi tumpuan terhadap definisi teknik pemikiran verbal dan langkah pelaksanaan teknik pemikiran verbal dalam pengajaran kemahiran bertutur dengan menggunakan pendekatan induktif untuk mengumpul maklumat melalui tinjauan kajian lepas dan tinjauan buku ilmiah yang berkaitan.

Teori Konstruktivisme

Teori dalam pendidikan membantu para pendidik dan pakar yang berminat dalam proses aplikasi bidang idea pendidikan dalam melaksanakan dan membangunkan kurikulum pendidikan yang diingini untuk pelajar. Data dan maklumat yang berkaitan dengan pendidikan telah

dibahagikan dan dinamakan bidang ilmu yang terdiri daripada frasa yang menerangkan, menjelaskan dan meramalkan fenomena atau kebenaran dalam dunia pendidikan, dan penjelasan dan penjelasan ini dinamakan teori (Ahmed Saadeh & Mohamed Ibrahim, 2014).

Pembelajaran berpusatkan pelajar berasal daripada idea teori konstruktivisme yang menganjurkan idea pengajaran untuk pemahaman. Teori ini mendukung prinsip penuntut ilmu adalah pelajar yang aktif dan positif, manakala guru adalah seorang jurulatih dan pemimpin proses pembelajaran. Teori ini melihat bahawa pengetahuan dibina secara aktif oleh pelajar sendiri melalui integrasi maklumat dan pengalaman baru daripada maklumat atau pengalaman terdahulu supaya pembelajaran menjadi bermakna bagi pelajar (Qatami, 2013). Teori ini mempercayai bahawa setiap pelajar mempunyai kaedah tersendiri dalam memahami maklumat dan mempunyai konsep yang unik dari segi makna dan cara membina. Minda manusia membina pengetahuannya sebagaimana pelajar membina pengetahuannya sendiri. Pengetahuan adalah aktiviti pelajar, dan ia adalah alat untuk menyelesaikan masalah yang pelajar ingin selesaikan.

Ahli konstruktivis telah mengenal pasti ciri-ciri pelajar dan peranannya dalam pembelajaran. Antara peranan ini termasuklah pelajar berbincang, berhujah, membina hipotesis dan menyiasat, membina makna, mengembangkan pengetahuan aktif, membina pemahaman, konsep dan ramalan yang boleh diuji. Oleh itu, apabila pelajar terlibat secara aktif dan positif dalam proses mengembangkan dan membina ilmu, pengetahuannya akan sentiasa berkembang. Qatami (2013) telah mengenal pasti ciri-ciri tugas pelajar mengikut teori ini antaranya ialah pelajar melakukan latihan untuk mencapai matlamat. Pelajar perlu belajar membuat keputusan, menimbulkan soalan dan mencari serta menjawab soalan. Pelajar juga perlu melaksanakan aktiviti perbincangan dalam kumpulan kerana melaluinya pelajar akan menerima penambahan maklumat, membina kebebasan dalam menyatakan pendapat dan perasaan, seterusnya mampu mengukur tahap kemajuannya dalam pembelajaran.

Berdasarkan perkara di atas, teori konstruktivisme memberi tumpuan kepada keperluan interaksi pelajar di dalam bilik kelas. Melalui definisi pembelajaran yang terhadil daripada teori ini maka muncul pula konsep pembelajaran berpusatkan pelajar. Bertitik tolak dari itu, pelbagai strategi pembelajaran dan pengajaran telah muncul dan guru mula menunjukkan kepelbagaian dan inovasi dalam kaedah pengajaran yang menggalakkan penggunaan minda dan idea. Ini bertujuan menambat hati pelajar untuk membina pengalaman baharu, dan menghubungkannya dengan maklumat pelajar sebelumnya. Topik seterusnya akan membincangkan konsep pembelajaran berpusatkan pelajar, dan peranan guru serta pelajar berdasarkan strategi ini.

Pembelajaran Berpusatkan Pelajar

Strategi pengajaran yang baik membolehkan guru dan pelajar mencapai kepuasan yang optimum dalam proses penyampaian dan pemerolehan ilmu serta pengalaman baru. Topik dan kemahiran berbeza yang dipelajari dalam sesuatu kursus atau subjek harus menerapkan strategi yang pelbagai untuk meraikan perbezaan dalam kalangan pelajar dari segi minat, kecenderungan dan kemahiran. Umumnya strategi pengajaran dibahagikan kepada dua iaitu strategi pengajaran berpusatkan guru dan strategi pengajaran berpusatkan pelajar. Kupasannya akan diberikan kepada strategi pembelajaran berpusatkan pelajar.

Teori tradisional melihat guru sebagai tumpuan pembelajaran dan pelajar sebagai pasif dari segi menerima maklumat. Guru membangkitkan idea dan berusaha untuk mengubah idea pelajar menjadi makna bagi pelajar yang perlu menghafal dan mengingati. Sebaliknya, teori konstruktivisme melihat pelajar sebagai fokus utama pembelajaran dan mempunyai peranan yang besar, positif dan aktif dalam pembelajaran. Guru memberi peluang kepada pelajar untuk membina pengetahuan dan budaya mereka sendiri, dan berinteraksi dengan data dan maklumat untuk membina maklumat mereka sendiri. Muhammad (2012) mendefinisikan pembelajaran

berpusatkan pelajar sebagai kaedah yang menumpukan sepenuhnya kepada aktiviti pelajar seperti penyelesaian masalah, kerja projek, main peranan, pembelajaran rakan sebaya, sumbang saran, peta konsep, dan strategi pengajaran lain yang boleh digunakan dalam bilik darjah.

Dalam definisi lain, pembelajaran berpusatkan pelajar ialah pendekatan pengajaran yang memfokuskan kepada pelajar dengan mengambil kira pengalaman, latar belakang, bakat, keinginan, kecenderungan dan keperluannya. Matlamat pendekatan ini adalah untuk belajar menggunakan kaedah pembelajaran yang berkesan, membangunkan motivasi dan keupayaan pembelajaran (Mccombs dan Whisler, 1997).

Strategi pengajaran dan pembelajaran adalah teknik, kaedah atau pendekatan yang digunakan oleh pengajar dan pelajar dalam mencapai objektif kursus yang telah ditetapkan. Strategi pengajaran adalah sebahagian daripada rancangan pengajaran yang disediakan pengajar mengandungi topik kursus, objektif, kaedah pelaksanaan pengajaran dan bahan atau material yang digunakan pengajar sepanjang proses pembelajaran berlangsung serta kaedah penilaian. Bertitik tolak dari itu, kertas ini mencadangkan teknik pemikiran verbal sebagai salah satu strategi pembelajaran berpusatkan pelajar untuk meningkatkan kemahiran bahasa pelajar terutamanya kemahiran bertutur.

Teknik Pemikiran Verbal

Teknik pemikiran verbal telah diguna pakai secara meluas dalam bidang kajian yang melibatkan pemikiran dan minda manusia untuk memperoleh jawapan atau penyelesaian kepada isu atau permasalahan yang timbul (Lubna & Arnida, 2021). Teknik pemikiran verbal mempunyai pelbagai definisi dan takrifan. Menurut Beyer (1987) teknik pemikiran verbal ialah cara seseorang meluahkan fikirannya semasa memikirkan sesuatu isu atau masalah. Definisi lain pula merujuk kepada teknik di mana pelajar menyatakan idea mereka secara lisan semasa proses membaca (Kene & Zimmerman, 1997). Dalam definisi lain, berfikir dengan lantang adalah teknik yang meningkatkan keupayaan pelajar untuk menilai dan hala tuju sendiri hasil daripada individu yang sama dalam kedua-dua aspek akademik dan sosial (Park, 2004). Menurut Zaleha (2004) teknik pemikiran verbal juga dikenali sebagai Protokol Pemikiran Verbal (PPV) adalah satu teknik yang digunakan untuk mendapat maklumat yang berlaku dalam proses kognitif.

Manakala Coiro (2011) mentakrifkannya sebagai cara pelajar meluahkan fikiran mereka secara lisan apabila mereka membaca, dan dengan itu menunjukkan strategi yang mereka gunakan untuk memahami teks. Strategi ini bertujuan untuk menjelmakan proses berfikir pelajar semasa dia terlibat dalam tugas yang memerlukan pemikiran. Pelajar berfikir menyatakan dengan lantang semua perasaan, sensasi, dan pemikiran yang berlaku semasa melaksanakan tugas. Ini dilakukan melalui pelajar, di mana salah seorang pelajar bercakap tentang isu itu dan menerangkan proses pemikirannya manakala rakan sekerjanya mendengarnya dan bertanya kepadanya soalan untuk membantunya menjelaskan idea (Hamud, 2013). Teknik ini sangat penting kerana ia membantu pelajar untuk bercakap dengan lantang tentang pemikiran, perasaan, dan proses metakognitif mereka daripada proses perancangan, pemantauan, penilaian dan semakan yang mereka gunakan dalam proses pembelajaran. signifikan, seperti yang dikehendaki oleh teori pembelajaran kognitif konstruktivis (Siti Salwa, 2017).

Terdapat banyak langkah teknik pemikiran verbal dan di antara langkah-langkah tersebut adalah seperti yang ditunjukkan oleh Qatami (2013), di mana beliau menyenaraikan beberapa strategi yang digunakan semasa proses pemikiran verbal, iaitu mengenal pasti masalah, menyelesaikan masalah, menggambarkan masalah, meramalkan apa yang akan berlaku, membuat perbandingan, dan membuat komen atau kesimpulan. Kajian semasa bergantung kepada enam langkah ini dalam percubaannya untuk mengaplikasikan teori konstruktivis secara praktikal dalam kajian membaca dalam bahasa Arab sebagai bahasa asing sebagai model.

Teknik pemikiran verbal memerlukan penglibatan aktif guru dan pelajar dalam mencapai penglibatan pelajar dalam strategi ini. Ia adalah dalam mensimulasikan langkah-langkah asas, termasuk guru mengintegrasikan strategi berfikir lantang di hadapan pelajar semasa membaca teks dengan tujuan untuk memodelkan cara mereka diaplikasikan kerana biasanya pelajar tidak pasti bagaimana untuk memulakan proses pemodelan. Matlamat kedua adalah untuk mencetuskan penglibatan pelajar dalam aktiviti strategik (Sahebkhair & Aidinlou, 2014), kemudian pelajar bercakap dengan lantang tentang langkah-langkah yang mereka lalui semasa membaca. Ketika salah seorang daripada mereka bercakap dan menerangkan proses pemikirannya, rakan sekelasnya akan mendengar dan bertanya soalan yang membantu menjelaskan pemikiran, dan berfikir tentang cara berfikir rakannya yang bertutur. Secara tidak langsung, teknik ini membantu dalam membangunkan kemahiran komunikasi, refleksi sendiri dan menyoal konsep (Qatami, 2013).

Langkah Pelaksanaan Teknik Pemikiran Verbal

Langkah pelaksanaan teknik pemikiran verbal pada dasarnya adalah sama iaitu guru memilih bahan untuk aktiviti ini. Kertas ini mengambil contoh pelaksanaan teknik pemikiran verbal di dalam bilik darjah terhadap teks yang dibaca oleh pelajar di dalam kelas. Ia boleh dilaksanakan mengikut langkah berikut:

1. Guru meminta pelajar membaca teks secara sendiri selama dua minit.
2. Guru menugaskan beberapa orang pelajar untuk membaca teks di hadapan kelas .
3. Guru meminta pelajar membaca satu atau dua baris dan kemudian berhenti sebentar untuk menyatakan pemikirannya secara verbal.
4. Guru memberi pelajar peluang untuk bertanya soalan.
5. Guru membiarkan pelajar berlatih secara lisan atau berfikir dengan suara lantang dengan rakan sekelas ketika mereka membaca teks pendek.
6. Pelajar boleh memulakan teknik berfikir secara verbal seperti dalam langkah berikut:
 - a. Mentakrifkan masalah (contoh: teks berkenaan dengan siapa yang bertanggungjawab terhadap masalah keruntuhan akhlak).
 - b. Mengenal pasti masalah (contoh: masalah akhlak telah merebak ke seluruh dunia Islam).
 - c. Meramalkan perkara yang akan diperkatakan oleh pengarang (contoh: pengarang akan bercakap tentang pihak yang terlibat dalam mendidik masyarakat).
 - d. Membuat perbandingan atau ulasan (contoh: semua pihak perlu memikul tanggungjawab khusus dalam mereformasi masyarakat).
 - e. Membuat kesimpulan tentang teks dengan gaya pelajar sendiri .
7. Guru bertanyakan soalan yang merangsang pemikiran pelajar seperti:
 - a. Apakah yang dilaporkan media massa tentang masalah kemerosotan akhlak remaja lelaki dan wanita.
 - b. Bagaimana keluarga mempengaruhi sahsiah anak muda? Terangkan apa yang anda katakana
8. Guru juga boleh membiarkan pelajar menggunakan teknik pemikiran verbal secara sendiri apabila membaca teks. Pelajar diminta merakam suaranya pada perakam audio dengan tujuan untuk mendengarnya semula dan kemudian menilai sendiri prestasinya. Pelajar harus memahami perbezaan antara apa yang berlaku semasa mereka membaca dan semasa mereka berfikir. Untuk merangsang pemikiran dan mengelak daripada berhenti berfikir secara lantang, pelajar boleh bertanya kepada diri mereka sendiri soalan ini, "Apa yang saya fikirkan?" Ini akan mengembangkan idea mereka melebihi teks yang dibaca.

Kelebihan Teknik Pemikiran Verbal

Teknik pemikiran verbal sesuai digunakan untuk membina kemahiran berfikir pelajar dan memberi kebebasan kepada mereka menyatakan idea dan pendapat. Selain itu, pelajar belajar untuk memahami realiti semasa, meningkatkan tahap pemahaman dan asimilasi, memperoleh dan mendalami serta memperhalusi pengetahuan dan kemudian menggunakannya dengan lebih bermakna. Ia juga merupakan strategi yang berkesan dalam meningkatkan pertumbuhan kognitif dan pengetahuan serta menghubungkan kait serta mengarah aspek kognitif. Teknik ini juga mampu meningkatkan pembelajaran dari aspek sosial dan mengurangkan fenomena lupa yang mungkin berlaku apabila pelajar cuba mengumpul maklumat pada akhir aktiviti (Hammoud, 2013). Lau (2006) turut menyatakan bahawa teknik pemikiran verbal merupakan alat yang berkesan untuk mengenal pasti pengetahuan sedia ada pelajar dan menunjukkan proses pemahaman semasa membaca teks terpilih di dalam kelas.

Teknik pemikiran verbal membolehkan guru melihat proses kemahiran berfikir pelajar dan memberi peluang kepada guru memberi maklum balas apabila melihat penaakulan yang istimewa atau tidak lengkap. Ia juga memberi peluang kepada guru untuk mendengar pemikiran pelajar mereka secara aktif. Proses ini membantu membina pengetahuan pelajar apabila mereka berkongsi dan mentakrifkan strukturnya sambil mentafsir pengetahuan baharu dan mewujudkan integrasi antaranya dengan pengetahuan sedia ada (Abdul Hamid, 1999).

Menurut Mathews (2001) pula teknik pemikiran verbal merangsang pemikiran pelajar kerana ia merangkumi sesi melontarkan soalan dan perbincangan. Teknik ini menarik tumpuan perhatian pelajar, mengembangkan rasa ingin tahu dan meningkatkan pemahaman pelajar tentang konsep serta membangunkan kemahiran sosial dan konsep sendiri. Ia juga membantu pelajar untuk belajar di antara satu sama lain. Dalam bidang pembelajaran dan pengajaran bahasa lazimnya teknik pemikiran verbal digunakan secara meluas untuk mendapatkan data berkaitan dengan isu pembelajaran dan kemahiran bahasa seperti membaca dan menulis, sama ada dalam pembelajaran bahasa pertama atau bahasa kedua (Noor Aina & Zaleha, 2005).

Secara ringkasnya, teknik pemikiran verbal sangat bermanfaat dalam pengajaran kerana ia merangsang pelajar untuk leboh berperanan dalam proses pemerolehan ilmu pengetahuan dan pengalaman. Ia memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk membuat penerangan, mengembangkan dan memperbaiki proses berfikir ketika berhadapan dengan guru atau sekumpulan kecil rakan kelas. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa teknik pemikiran verbal adalah salah satu daripada strategi dan kaedah pembelajaran yang berpusatkan pelajar.

Kesimpulan

Teknik pemikiran verbal adalah sejenis pendidikan konstruktivisme kerana ia berpusatkan aktiviti di sekeliling pelajar. Guru memainkan peranan sebagai fasilitator dan pelajar bertindak aktif di dalam bilik darjah. Salah satu prinsip pembelajaran konstruktivisme ialah mencari dan menghargai pendapat dan idea pelajar kerana ia mendedahkan konsep semasa dan kebolehan inferensi mereka (Zaytoun, 2007). Prestasi pelajar dalam menggunakan teknik pemikiran verbal semasa menyelesaikan masalah atau membaca dinilai melalui pemerhatian guru terhadap perkembangan aktiviti pelajar di dalam bilik darjah. Justeru, dalam menilai kemahiran bertutur pelajar sebagai contoh perlulah mengambil kira aspek kemahiran asas lisan yang ingin diukur iaitu aspek intelektual, aspek linguistik dan aspek fonemik.

Kertas ini mencadangkan penggunaan teknik pemikiran verbal dalam pengajaran membaca dan bertutur dalam bahasa Arab sebagai bahasa asing di Malaysia. Ini kerana teknik ini merupakan salah satu strategi pembelajaran berpusatkan pelajar kerana ia mengaktifkan peranan pelajar secara positif dan aktif. Ia menggalakkan pelajar untuk berkongsi buah fikiran dan emosi mereka secara bebas secara verbal. Pelajar juga akan belajar untuk berdepan dengan kegelisahan

apabila menyatakan pendapat di dalam kelas dan tidak lagi perlu gusar dengan ejekan rakan kerana ia adalah satu proses pembelajaran. Strategi pembelajaran berpusatkan pelajar ini sangat penting kerana ia bukan sahaja membolehkan pelajar bercakap dengan lantang tentang pemikiran dan proses metakognitifnya seperti merancang, memantau, menilai dan menyemak semasa dia menggunakannya dalam proses pembelajaran, tetapi juga mengembangkan keupayaannya untuk mengetahui proses berfikir yang digunakan. Sekaligus membantu pelajar mengeksploitasi kebolehnya semaksimum mungkin seperti yang dicadangkan oleh teori pembelajaran konstruktivis kognitif.

Namun demikian, guru harus sedar bahawa matlamat teknik pemikiran verbal bukanlah untuk menentukan betul dan salah, tetapi untuk memahami gaya berfikir, cara membuat inferens dan mendengar andaian dan perasaan pelajar. Perlu diingat bahawa guru mesti menggunakan lebih daripada satu strategi pengajaran dalam pengajaran dan menggunakan cara yang berbeza untuk menarik perhatian pelajar kepada pembelajaran dan mempengaruhi mereka secara positif. Apabila guru memilih strategi pengajaran yang berkesan, menggunakannya dengan tepat, dan merancang kedudukan pengajaran yang menarik, hasilnya akan menjadi satu kejayaan yang bermanfaat buat pelajar.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

- Abdul Hamid, Jabir. (1999). *Istiratijyyat al-tadris wa al-taalum*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arab
- Ahmed Saadeh, Jawdat dan Mohamed Ibrahim Abdullah. (2014). *Al-manhaj al-madrasiy al-muasir*. Amman: Dar al-Fikr.
- Beyer, B. K. (1987). *Practical Strategies for the Teaching of Thinking*. Boston: Allyn & Bacon. Retrieved from <ftp://download.intel.com/education>
- Coiro, J. (2011). Talking About Reading as Thinking: Modelling the Hidden Complexities of Online Reading Comprehension. *Theory into Practice*, 50(2), 107-115.
- Hamud, Ahlam Ali. (2013). Istiqsa faaliyyah kulli lk istiratijyyah al-tafkir bi saut ali murtafi' wa istiratijyyah azm samakah fi tanmiah al-istidlal al-ilm wa tahsilihm li al-maarifah al-ilmiah. *Majallah al-Ustaz*, 1(206), 451-480.
- Keene, E., & Zimmermann, S. (1997). *Mosaic of thought: teaching comprehension in a reader's workshop*. Portsmouth, NH: Heinemann.
- Lubna Abd Rahman1, Arnida A.Bakar. (2021). Kerelevanan aplikasi kaedah protokol pemikiran verbal (think-aloud protocols) dalam terjemahan: analisis corak kajian lepas. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3), 120 – 133.
- Matthews, B. (2001). *Improving Science and Emotional Development (The ISED Project) Emotional Literacy, Citizenship, Science and Equity*. London: Goldsmiths.
- McCombs, B. L., & Whisler, J. S. (1997). *The learner-centered classroom and school: strategies for increasing student motivation and achievement*. The Jossey-Bass Education Series.
- Muhammad, Taher Muhammad al-Hadi. (2012). *Usus al-manhaj al-muasiroh*. Amman: Dar al-Masirah.
- Noor Aina Dani & Zaleha Abd. Rahman. (2005). Protokol pemikiran verbal dalam pemahaman bacaan teks bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 5(1), 136-171.
- Park, Y.J. (2004). *A study on English vocabulary learning strategies*. (Unpublished master thesis), Konyang University, Daejun, Korea.
- Qatami, Yusuf (2013). *Istiratijyyat al-taalum wa al-taalim al-ma'rifiyyah*. Amman: Dar al-Masirah.
- Sahebkheir, Farnaz & Aidinlou, Nader Assadi. (2014). The Role of Think-Aloud Strategies Including Think Aloud Flashcard Games on Improving Iranian EFL Learners' Reading Comprehension. *Indian Journal of Fundamental and Applied Life Sciences*, 4(3): 216-224.

- Siti Salwa Mohd Noor. (2017). Athar istikhdam istiratijyyat al-talkhis wa al-tafkir bi sautin alin fi Tahsin maharah al-tahadduth wa al-qiroah al-jahriyyah lada al-natiq bi ghairiha. (Unpublished doctoral thesis), WISE University, Jordan.
- Zaleha Abd Rahman. (2004). Protokol pemikiran verbal dalam pembelajaran bahasa Melayu (Unpublished doctoral dissertation), Universiti Putra Malaysia

BAB 4

SUMBANGAN ABDULLAH AL-QARI HAJI SALLEH DALAM BIDANG DAKWAH

Syarul Azman bin Shaharuddin¹, Mus'ab Bin Hilaluddin²

^{1,2}Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Pengenalan

Terdapat ramai ulama' dan tokoh ilmuan nusantara yang memberi sumbangan besar di dalam perkembangan agama Islam dan perkembangan dakwah di nusantara. Mereka menjadi rujukan masyarakat dan sumber di dalam pelbagai bidang agama antaranya bidang fiqh, bidang dakwah, bidang muamalat, bidang usuluddin, bidang hadis dan sebagainya. Akan tetapi masih ramai ulama' dan tokoh ilmuan di nusantara yang masih belum dikenali dengan lebih dekat oleh masyarakat Islam keseluruhannya.

Jadi kajian terperinci tentang biografi serta ketokohan para ilmuan dan agamawan wajar diperbanyakkan untuk membuka mata masyarakat Islam di nusantara untuk mengenali mereka dengan lebih mendalam dan seterusnya mendalami dan mempelajari ilmu kepakaran yang mereka miliki, termasuklah dengan mempelajari karya-karya mereka yang dihasilkan untuk menyampaikan dakwah Islam ke serata dunia. Pengorbanan dan jasa mereka kepada agama Islam sangatlah besar sehingga keilmuwan mereka kadangkala mampu mengangkat kejahilan yang berlaku dalam sesuatu perkara.

Di dalam kajian ini, penulis ingin mengkaji tentang biografi dan sumbangan seorang tokoh ulamak iaitu Abdullah al-Qari Haji Salleh (AQHAS). Beliau merupakan seorang tokoh yang banyak memberi sumbangan kepada masyarakat. Beliau seorang kelahiran anak jati Kelantan. Nama beliau tidaklah masyhur jika dibandingkan dengan ulama-ulama tersohor seperti Tok Janggut, Tok Kenali dan sebagainya.

Namun, dalam kehidupan beliau banyak kisah yang penulis perlu bongkarkan kepada para pembaca. Beliau mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan Tok kenali serta beliau diberi amanah ke atasnya menjadi penulis Tok Kenali dan telah menerbitkan beberapa karya tentang kehidupan "Tok Kenali". Jika Hassan B. Thaabit Al-Anshaari r.a dikenali sebagai Penyair Nabi saw, maka Abdullah al-Qari Haji Salleh (AQHAS) dianggap sebagai penulis Tok Kenali dengan karyanya yang menarik (Afifah, 2012).

Beliau seorang yang masyhur dalam bidang penulisan sejak tahun 50-an lagi kerana telah terjun dalam bidang penulisan sejak usia 15 tahun. Usaha yang dilakukan oleh beliau sewajarnya menjadi contoh kepada generasi masa kini memandangkan kurang generasi ini berminat menjadi penulis dan membaca buku-buku ilmiah. Tokoh ini sememangnya wajar diangkat dan dijadikan inspirasi kepada para pengkaji dan penuntut-penuntut ilmu khususnya dalam bidang penulisan serta karyanya perlu diberi perhatian dan diperluaskan lagi karyanya dalam pasaran pencetakan buku bagi tersebarinya lagi dakwahnya dalam penulisan.

Biografi Ringkas Tokoh

Nama penuh beliau ialah Haji Abdullah Al-Qari Bin Haji Salleh Bin Abdul Latif @ Puteh Bin Wanik Kenangan Bin Basri (AQHAS). Pada tahun 1920, Ayah beliau iaitu Haji Salleh telah menamatkan perantauan mencari ilmu dan menetap di Kampung Pondok Kenali. Disitu ayahnya AQHAS bertemu jodoh dengan seorang yang bernama Hajjah Khadijah Binti Abdullah Bin Haji Abdul Qadir Bin Ismail Bin Abdullah merupakan seorang Guru Al-Quran. Maka, hasil perkongsian hidup mereka berdua telah dikurniakan enam orang anak yang terdiri daripada lima lelaki iaitu Haji Abdullah al-Qari, Ustaz Ahmad Ghazali, Cikgu Mustapha, Cikgu Abdul Aziz dan Abdul Halim serta seorang perempuan iaitu Hajjah Aisyah (meninggal di Mekah pada tahun 2011) (Afifah, 2012).

AQHAS dilahirkan di Kampung Kenali, Kubang Kerian, berdekatan 1 kilometer dari Bandar Baru Kubang Kerian dan 5 ½ kilometer dari Pusat Bandar Kota Bharu, Kelantan. Lahirnya beliau pada Hari Ahad 23 Syawal 1356 Hijriyyah bersamaan 26 Disember 1937 Masihi. Kini beliau sudah berusia 82 tahun (2019). Kelahirannya selepas 4 tahun pemergian ulama' terkenal di Negeri Kelantan iaitu "Tok Kenali" yang meninggal dunia pada 19 November 1933 bersamaan 2 Sya'ban 1352 Hijriyyah pada usianya 65 tahun. Nama Abdullah Al-Qari diberikan oleh anak saudara Tok Kenali iaitu seorang tok guru pondok terkenal "Tok Guru Haji Muhammad Jambang" (Mat Jebeng). AQHAS dibesarkan dalam kehidupan serba sederhana dan tinggal di tepi Pondok Kubur Tok Kenali dengan mendapat pengaruh pendidikan pondok (Ahmad Zulfiqar Shah, Mohd Nasir, & Muhammad Hasbi, 2018).

AQHAS mendapat pendidikan agama sejak kecil lagi disebabkan bapanya Haji Salleh Bin Abdul Latif @ Puteh adalah seorang Guru Al-Quran yang terkenal disegani di Pondok Kenali. Sejak kecil lagi beliau didedahkan dengan pengajian al-Quran dan akhlak oleh kedua ibubapa beliau. Corak persekitaran kehidupan beliau yang dilingkari dengan suasana ilmiah, ditambah pula dengan keperihatian keluarganya terhadap ilmu agama menjadikan beliau sebagai penggemar kepada pencinta ilmu. Semenjak kecil lagi minat beliau terhadap buku-buku agama menjadikan semangat mencintai ilmu, khususnya dalam bidang agama. Apatah lagi kedua orang tua beliau sememangnya terdiri daripada guru agama yang mengajar al-Quran (Afifah, 2012).

Kesimpulannya, kehidupan Abdullah Al-Qari dari kecil lagi dididik dengan suasana ilmiah iaitu mendapat didikan agama dan beliau didedahkan dengan pengajian al-Quran. Dari asas itu wujudnya cinta akan ilmu.

Latar Belakang Pendidikan

Zaman persekolahan yang dilalui oleh Abdullah Al-Qari adalah zaman yang mana masyarakat tempatan mula menunjukkan minat terhadap ilmu-ilmu Islam. Pengajian agama yang berpusat di negeri tanah tumpah darahnya, negeri Serambi Mekah pada waktu itu. Masyarakat Melayu di negeri Kelantan khususnya, dan negeri-negeri lain seperti Kedah, Terengganu, Johor serta Perlis lebih memberikan tumpuan terhadap pendidikan anak-anak dalam bidang agama (Mustaffa, 2011).

Sejak kecil lagi beliau didedahkan dengan pengajian al-Quran dan pembentukan akhlak oleh kedua ibubapanya. Beliau mempelajari al-Quran daripada ibunya, Hajjah Khadijah. Begitu juga mempelajari al-Quran daripada ayahnya, Haji Salleh yang merupakan guru al-Quran terkenal di Pondok Kenali. Ayahnya Seorang yang soleh dan sering solat berjemaah dibelakang gurunya dan mempelajari ilmu dengan gurunya iaitu Tok Kenali atau nama sebenar Muhammad Yusuf

bin Ahamad. Dengan itu, amalan solat berjemaah tidak pernah ditinggalkan dalam keluarganya untuk menerapkan nilai-nilai akhlak yang baik terhadap anak-anaknya. Maka tidak hairanlah pada usia yang muda beliau telah khatam Al-Quran dan bertalaqqi Qiraat Imam Qalun dan Warsy dengan bapanya sendiri.

Beliau mula mempelajari bahasa Arab, Hadis dan Tajwid al-Quran pada usianya sejak 10 tahun lagi. Dalam kehidupannya, beliau diasuh agar cintakan ilmu, bersifat rendah diri, amanah, bersopan santun, menghormati orang tua dan alim ulama' dan sebagainya. Walaupun mendapat didikan agama di rumahnya, namun ia masih belum cukup memandai.

Dengan itu, beliau melalui proses pendidikan peringkat rendah dengan dihantar oleh ayahnya ke Sekolah Melayu Kubang Kerian (sekarang dikenali sebagai Sekolah Rendah Kebangsaan Kubang Kerian 1), yang terletak kira-kira 150 meter dari rumahnya dan sekolahnya berdekatan dengan Istana Mahkota Kelantan. Pengajian peringkat rendah di sekolah ini bermula pada tahun 1946 (ketika berumur 9 tahun) dan tamat pada tahun 1951 (berumur 14 tahun) apabila tamat Darjah Enam dan memperolehi Pangkat Satu. Pelajaran dan pembelajaran yang diterima di sekolah tersebut hampir sama seperti pelajaran sekolah rendah sekarang. Cuma terdapat tambahan mata pelajaran iaitu jawi dan ilmu tanaman (Afifah, 2012).

Disamping itu, pendidikan luar yang dipelajari oleh Abdulah Al-Qari di antara tahun 1949-1951 ialah beliau belajar ilmu-ilmu Islam dan bahasa Arab di Pondok Kenali dan Madrasah Ahmadiyah. Pada tahun 1952, beliau belajar di Pondok Ahmadiyah Bunut Payung pada waktu malam. Selain ilmu-ilmu Islam, beliau juga telah belajar Bahasa Inggeris secara sambilan di Sekolah Melayu Kubang Kerian dan di Sekolah Umum Padang Garung, Kota Bharu di sebelah malam (Ahmad Zulfiqar Shah, Mohd Nasir, & Muhammad Hasbi, 2018).

Pada tahun 1952, setelah tamat darjah enam, beliau menyambung pelajaran ke peringkat darjah tujuh di Sekolah Melayu Kota (Jelasin), Kota Bharu. Semasa di sekolah tersebut, beliau menunjukkan minat terhadap bidang penulisan. Beliau menamatkan pelajaran darjah tujuh pada tahun yang sama (1952) dengan berjaya memperolehi Pangkat Satu. Abdullah Al-Qari mula berminat membaca buku-buku dalam serba bidang sejak di darjah lima sekolah rendah dengan membaca buku-buku di bilik bacaan di sekolah termasuk buku sains dan lain-lain. Bakat beliau terserlah dan dapat dikesan oleh gurunya, Cikgu Mahmud Bin Abbas yang memuji dan tertarik kepada hasil karangannya di peringkat sekolah.

Pada tahun 1952, sementara menunggu peluang penyambung pengajian ke peringkat menengah, beliau menggunakan kesempatan masa yang ada menambah ilmunya di Pondok Madrasah Al-Ahmadiyah, Bunut Payung. Di situ, beliau mempelajari Tafsir Al-Quran dan Al-Hadith pada malamnya daripada Ustaz Haji Abdullah Tahir bin Ahmad iaitu anak murid Tok Kenali dan Ustaz Hj. Ab. Rahman Al-Khudhri. Sewaktu berusia 14 tahun ketika beliau pada tahap pendidikan pasca sekolah, beliau mengambil peperiksaan darjah tujuh dan lantaran beliau berjaya mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan tersebut, lalu beliau ditawarkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Kelantan menjadi guru. Tawaran ini disambut baik oleh beliau dan memulakan tugas pada 4 Januari 1953 pada usianya 15 tahun. Dalam usia semuda itu, beliau diberi tugas mengajar di Sekolah Melayu Kubang Kerian, Kota Bharu dan telah menerima latihan perguruan untuk menjadi guru serta selama 4 tahun dilatih beliau telah berjaya mendapat Sijil Kursus Persekolahan Melayu atau dikenali dengan "*Trained Under Otherwise Scheme*" (T.U.O.S) pada tahun 1956 (Afifah, 2012).

Seterusnya, beliau turut mengambil peperiksaan untuk menjadi guru pakar bahasa dan sastera di Maktab Perguruan Bahasa, "Language Institute" (L.I) Kuala Lumpur pada tahun 1959

untuk menjadi guru sekolah rendah dan menengah. Pada peringkat menengah atas, Abdullah Al-Qari kemudiannya menyambung pelajaran peringkat menengah di Sekolah Arab Jami' Merbau, Kota Bharu (kini dikenali sebagai Maahad Muhammadi Lilbanat 'Perempuan'). Pada tahun 1963, beliau telah menduduki Sijil Persekolahan Malaysia (SPM). Pada tahun 1973, beliau mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan lulus dengan mendapat keputusan dengan cemerlang (Afifah, 2012).

Berdasarkan keputusan STPM (1973), Abdullah Al-Qari telah memilih untuk melanjutkan pelajaran pengajian tinggi di Universiti Malaya (UM) dalam jurusan Pengajian Islam di Fakulti Sastera pada tahun 1974. Beliau memasuki Universiti Malaya (UM) semasa usianya 37 tahun. Beliau telah menamatkan pengajiannya pada tahun 1977 dengan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Kepujian) dan mendapat anugerah Mahasiswa Terbaik 1977. Beliau pernah mendapat tawaran untuk melanjutkan pengajian ke tahap sarjana tetapi beliau menolak kerana beliau lebih cenderung untuk menjadi penulis dan tidak sabar memberi khidmat kepakarannya kepada masyarakat. Beliau mahu menumpukan masanya kepada merealisasikan penubuhan Pustaka Angkatan Sayap Islam (ASA) di P-121, Lorong Kubur Tok Kenali, Kubang Kerian 16150 Kota Bharu, Kelantan (M. Azmi, t.th).

Setelah menduduki beberapa peperiksaan akademik dan perguruan, beliau memperolehi sijil kelulusan seperti berikut:

1. Sijil Pengurusan Kursus Sijil Persekolahan Melayu (T.U.O.S) – Mei 1956
2. Sijil Maktab Perguruan Bahasa (*Language Institute*) Kuala Lumpur – 1959
3. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) – 1963
4. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STP-Sijil Penuh) – 1973
5. Sijil Universitas Nasional Jakarta. (Pra UNAS), 1973-1974.

Disamping itu, beliau mendapat tawaran ke Markaz Ad-Dirasaat Islamiyyah (Yayasan Pengajian Tinggi Islam), Nilam Puri dalam Kuliyyah Usuluddin pada tahun 1974.

6. Ijazah Sarjana Muda Sastera (Pengajian Islam): dengan kepujian, Universiti Malaya (UM), sebagai Mahasiswa Terbaik – 1977.

Sekalipun sibuk dengan tanggungjawab sebagai pelajar dan juga pendidik, ia bukanlah menjadi halangan dan kekangan baginya untuk terus berkarya. Beliau tetap aktif mencurahkan idea dan menghasilkan karya sebagai wadah perkongsian ilmu dengan para pembaca (Afifah, 2012).

Abdullah Al-Qari juga seorang cintakan ilmu serta semangat menuntut ilmu sehingga sanggup belajar dari pengajian rendah sehinggalah berjaya menghabiskan pengajian tinggi di peringkat Ijazah Sarjana Muda malah menjadi Mahasiswa Terbaik pada tahun 1977. Selain itu, beliau sangat aktif dalam berkarya sampai menghasilkan beberapa karya-karyanya tersendiri walaupun di usia muda beliau sibuk dengan tanggungjawab sebagai pelajar dan juga pendidik.

Kematian

Pada 12 Mac 2020, Tokoh Penulis Kelantan Abdullah Al-Qari Haji Salleh meninggal dunia selepas terbabit kemalangan ketika dalam perjalanan ke Masjid as-Sunnah di Kubang Kerian, Kelantan. Abdullah Al-Qari terbabit dalam kemalangan jalan raya jam 6.20 pagi selepas kereta yang dipandunya membuat pusingan U sebelum dirempuh sebuah kenderaan lain.

Kemalangan tersebut berlaku di hadapan Istana Negeri Kelantan, Kubang Kerian (Harian Metro: "Mati Mengejut" topik terakhir, 13 mac 2020).

Abdullah Al-Qari yang juga pengasas Sekolah Rendah Islam Al-Qari, Kubang Kerian meninggal dunia ketika kereta Toyota Corolla dipandunya terlibat nahas dengan sebuah kereta perodua Viva pada jam 6.20 pagi. Menurut Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner Abdul Rahim Daud, kemalangan dipercayai berlaku ketika Abdullah Al-Qari memandu kereta dari rumahnya di Lorong Kubur Tok Kenali menghala ke Masjid Taman Al-Qari untuk mengimamkan solat subuh (Sinar Harian: Ulama maut nahas ke masjid, 13 mac 2020).

Menurut anak sulung Allahyarham, Mohamad Abdullah (2020), setiap pagi bapanya akan ke masjid di Taman Al-Qari untuk mengimamkan solat Subuh dan akan bertolak dari rumah sebaik azan Subuh berkumandang. Beliau berkata, "saya selalu solat jemaah bersama arwah dan pagi tadi saya dan Jemaah lain menunggunya di masjid untuk solat". "Lebih 10 minit kami semua menunggu, dia tidak tiba dan tidak lama kemudian, ada dua orang individu datang memberitahu kami mengenai kemalangan yang menimpa ayahnya (Harian Metro: "Mati Mengejut" topik terakhir, 13 mac 2020).

Mohamad Abdullah (2020) berkata, Abdullah Al-Qari dibawa ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian dengan ambulan dan tidak lama kemudian dia dimaklumkan bapanya menghembuskan nafas terakhir sebelum sempat tiba di hospital. Abdullah Al-Qari menyampaikan kuliah Maghrib di Masjid Kubur Tok Kenali malam sebelum pemergiannya dengan tajuk "Mati Mengejut". Tiba-tiba pagi ini kami pula menerima berita kematiannya yang dianggap mengejut. Allahyarham meninggalkan seorang balu, Aishah Ibrahim (75 tahun) dan lapan anak. Jenazah Allahyarham dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Mukim Tok Kenali selepas solat Asar (Harian Metro: "Mati Mengejut" topik terakhir, 13 mac 2020).

Bumi Kelantan telah kehilangan sebutir mutiara berharga dengan kehilangan seorang tokoh nusantara yang telah berjihad menghabiskan sisa hidup beliau dengan menegakkan agama Islam dengan pelbagai penyelidikan ilmiah. Beliau juga telah meninggalkan hasil-hasil karyanya untuk kegunaan ummah.

Sumbangan Dalam Bidang Penulisan

Banyak faktor yang mendorong atau membawa Abdullah al-Qari ke mercu kejayaan sebagai seorang penulis di samping sebagai penerbit. Antara faktor menyebabkan Abdullah Al-Qari muncul sebagai penulis yang berjaya ialah tidak melihat kepada wang atau royalti. Dia berpendapat penulis yang selalu bertanyakan soal bayaran atau royalti terhadap hasil karyanya tidak akan bertahan lama. Ia akan terhenti hanya setakat sebuah atau dua buah buku sahaja.

Selain itu, terdapat beberapa faktor yang paling utama bagi Abdullah Al-Qari mengecapi kedudukan serta kejayaan sedemikian ialah ikhlas, gigih dan banyak membaca. Beliau menyatakan membuat sesuatu lebih-lebih lagi mengarang atau menulis mestilah benar-benar kerana Allah SWT, jauh daripada menagih sanjungan daripada manusia. Atas sebab itulah beliau sanggup berjalan jauh untuk mencari buku yang ingin beliau perolehi. Sebagai contoh buku di dalam Perpustakaan Al-Qari, kira-kira bernilai RM 200,000.00 (Dua Ratus Ribu). Buku-buku tersebut semuanya dibeli dari seluruh dunia, terutama dari Timur Tengah serta dalam negara sendiri. Beliau berpendapat, sebagai seorang pengarang walaupun masyarakat tidak menyukainya, mesti ditulis juga kerana untuk menjaga amanah yang diberikan oleh Allah SWT.

Dikaitkan dengan pegangannya itu, maka ada persamaan dengan sebahagian falsafah yang perlu dipegang oleh setiap pengarang iaitu “Belajar sambil mengarang, mengarang sambil belajar, mengarang kerana belajar, hidup untuk mengarang bukan mengarang untuk hidup” (M. Azmi, t,th).

Seterusnya, beliau juga tidak jemu-jemu membaca baik di mana berada sekalipun. Bukan sahaja buku-buku agama, buku sains juga turut dikajinya kerana minat akan membaca, beliau suka menyalin, menyemak dan membuat ringkasan. Bahkan, kejayaan beliau sebagai seorang penterjemah banyak di luar rumah. Sebelum beliau melakukan kerja-kerja terjemahan, beliau membuat fotokopi terlebih dahulu buku yang hendak diterjemahkan itu.

Disamping itu, kerana penyebaran buku-bukunya begitu meluas, Abdullah al-Qari sering dikunjungi oleh para pembaca dan pengkaji baik dari Kelantan mahupun dari luar Kelantan seperti Johor, Melaka dan lain-lain. Ada antaranya sekadar ingin berkenal-kenalan, membeli buku, bahkan hanya sekadar ingin melawati Perpustakaan Al-Qari sahaja. Begitu juga sebagai seorang penulis dan penerbit, beliau sering menerima panggilan telefon berkaitan urusan berkenaan (M. Azmi, t,th).

Selain itu, Abdullah al-Qari juga pernah dikunjungi oleh beberapa peminat atau pengkaji antarabangsa dari luar negara. Mereka datang membuat kajian serta penyelidikan tentang dakwah di Kelantan dan ada diantara mereka hanya datang dari jauh terbang ke Malaysia semata-mata ingin bertemu dengan Abdullah Al-Qari. Antara pengkaji antarabangsa yang bertemu beliau iaitu Professor Martin Van Bruinessen dari University Utrecht, Holland, Belanda dan Dr. Zolta'n Pa'll dari National University of Singapore (NUH). Mereka membuat kunjungan di rumah Abdullah Al-Qari pada 2 september 2019 (Abdullah Al-Qari, 2020).

Buku-buku tulisan Abdullah Al-Qari menjadi pilihan pembaca kerana setiap hujah atau huraianya disertai dengan dalil al-Quran atau Hadis atau kedua-duanya sekali. Dengan ini para pembaca lebih yakin menggunakan karya beliau baik sebagai bahan bacaan atau rujukan.

Sebagai seorang penulis yang prihatin terhadap pergolakan hidup dan perkembangan isu semasa dalam masyarakat, Abdullah Al-Qari telah menghadiahkan dua buah buku karangannya berjudul “Masalah Merokok dan Keharamannya” kepada Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalanya, Dato’ Seri Anwar Ibrahim.

Buku Abdullah Al-Qari yang banyak dicetak oleh terbitan Pustaka Aman Press di Kota Bharu, Kelantan ialah berjudul “Kursus Qari dan Qariah”. Setakat ini cetakannya berjumlah 30 (tiga puluh kali). Buku ini mula diterbitkan pada tahun 1972 dalam bahasa jawi. Manakala dalam tulisan rumi pula diterbitkan pada tahun 1983. Buku setebal 236 halaman itu dijual dengan harga RM8.00 (M. Azmi, t,th).

Pengalaman beliau yang begitu meluas menyebabkan Pejabat Menteri Besar Kelantan telah melantik beliau sebagai Panel Penulis Menteri Besar yang ditandatangani oleh Haji Husam bin Haji Musa, Setiausaha Akhbar Menteri Besar Kelantan bertarikh 10 Julai 1991. Seterusnya, seorang pengedar buku terbesar di Wisma Yakin, Kuala Lumpur iaitu Encik Irfan Abdul Ghani mengatakan bahawa orang ramai akan membeli apa sahaja judul buku karya Abdulla Al-Qari. Disamping itu, buku beliau berjudul Tauhid Merdeka pernah diberi kata-kata sanjungan oleh bekas Mufti Pulau Pinang, Abdullah Pahem iaitu datuk kepada Menteri Luar Malaysia Datuk Abdullah Ahamad Badawi pada masa itu.

Abdullah Al-Qari terlibat dengan dunia penulisan ini menulis selama 60 tahun, keseluruhan jumlah karya yang telah dihasilkan oleh beliau sehingga kini adalah melebihi 500 buah karya. Penulisan beliau telah dikembangkan kepada 23 bidang, antaranya Aqidah, Ibadah,

Al-Quran, Perubatan Islam (Tradisional), Bahasa dan Sastera Melayu, Tasawwuf (Ilmu kerohanian), Sejarah Islam dan Tempatan, Kisah dan Cerita, Fiqh As-Sunnah, Kajian Hadis, Teks Agama, Politik, Motivasi, Ekonomi, Dakwah, Wanita, Pertanian, Pendidikan dan Pengajaran, Kamus, Ilmu Tajwid Al-Quran dan Pengajaran, Kursus Penulisan dan bidang yang terakhir ialah bidang Lawatan. Pengumpulan segala karya penulisan beliau diambil sendiri oleh penulis memandangkan penulis adalah merupakan cucu kepada Abdullah al-Qari Haji Salleh.

Berikut merupakan sebahagian kecil penulisan beliau mengikut pembahagian bidang menerusi hasil karyanya:

a. Penulisan Aqidah

Bil	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Rahsia 99 Nama Allah (Asma'ul Husna)	Pustaka Aman Press, Kota Bharu	1976
2	Imam Al-Ghazali, Dasar-dasar Kepercayaan Islam	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1979
3	Mengenal Syurga Dalam Serba Keanehan dan Keabadian	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1980
4	Salah Faham Tentang Nur Muhammadi	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1980
5	Pengajaran dari Langit	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1980

b. Penulisan Ibadah

Bil.	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Rahsia Perkenan Do'a Ismullah Al-Adzan	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1979
2	Rahsia Khusyu' Sembahyang	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1980
3	Contoh Sembahyang Nabi S.A.W	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1980
4	Kursus Sembahyang Hajat, Istikharah dan Perkenan Doa	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1980
5	Kursus Bimbingan Ramadhan	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1981

c. Penulisan Perubatan Islam (Tradisional)

Bil	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Perisai Hikmat Orang Islam (untuk menepis 1001 ancaman hidup dari sebelum lahir sampai ke Alam Akhirat)	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1979
2	Ilmu Penerang Hati & Tenaga Peningat	Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur	1979
3	Rahsia Perkenan Doa Ismullah Al-'Adzam	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1979
4	Mengapa Islam Melarang Merokok?	Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK)	1989
5	Ajaran, Perubatan dan Pesanan Jibril A.S	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1991

d. Penulisan Sejarah Islam Dan Tempatan

Bil	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Pengajian Sejarah Islam Sijil Tinggi Persekolahan	Pustaka Aman Press, Kota Bharu	1968
2	Tokoh-Tokoh Sejarah Islam	Mohd Nawi Book Store, Kota Bharu	1979
3	Jawapan STP Sejarah Islam Zaman Rasulullah S.A.W	Mohd Nawi Book Store, Kota Bharu	1979
4	Kumpulan Esei Sejarah Islam S.T.P.M	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1981
5	Sumbangan Tuk Kenali kepada Dunia Ilmu	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1981

e. Penulisan al-Quran

TAFSIR AL-QURAN			
Bil	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan

1	Tahukah Kamu Tentera Gajah?	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1960
2	Tafsir Surah Al-Ikhlas	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1952
3	Mencari Hidayah Al-Quran Perintis Intisari	Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur	1996

USUL TAFSIR/ ULUM AL-QURAN

Bil	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Ilmu Memahami Al-Quran	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1984

MEMBACA AL-QURAN

Bil	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Keagungan Kitab Al-Quran dan Peminatnya	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1979
2	Keutamaan Penghafal dan Peminat Al-Quran	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1985
3	Bagaimana dan Mengapa Kita Perlu Menghafal Al-Quran?	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1986
4	Rekod Kegigihan Mengkhatami Al-Quran di Kalangan Salaf	Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur	1996

KAJIAN AL-QURAN

Bil	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Ciri-Ciri Mu'min, Kaafir dan Munafiq Menurut Al-Quran	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1984
2	Manusia Kekasih Allah dan Manusia	Pustaka ASA Kenali,	1984

	Musuh Allah	Kubang Kerian	
3	Revolusi Menjaga Masa Menurut Al-Quran	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1985
4	Jaminan Sosial Berdasarkan Undang-Undang Al-Quran	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1985
5	32 Terokaan Rahsia Ruhani Dalam Al-Quran	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1985

f. Penulisan Bahasa Dan Sastera Melayu

Bil.	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Rangkaian Simpulan Bahasa Kanak-Kanak I	Pustaka Aman Press, Kota Bharu	1961
2	Rangkaian Simpulan Bahasa Kanak-Kanak II	Pustaka Aman Press, Kota Bharu	1961
3	Rangkaian Simpulan Bahasa Kanak-Kanak III	Pustaka Aman Press, Kota Bharu	1961
4	Rangkaian Simpulan Bahasa Kanak-Kanak IV	Pustaka Aman Press, Kota Bharu	1961
5	Perintis Bahasa Tingkatan III	Pustaka Aman Press, Kota Bharu	1965

g. Penulisan Kisah Dan Cerita

Bil	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	12 Cerita Wali-Wali dan Orang-Orang Salih	Pustaka Aman Press, Kota Bharu	1966
2	20 Cerita Abu Nawas	Pustaka Aman Press, Kota Bharu	1975
3	40 Cerita Nasihat Luqman Al-Hakim	Pustaka Aman Press, Kota Bharu	1986
4	Pengelanaan Dewa Muda Mencari Puteri Rakna Mas	Pustaka Aman Press,	1986

		Kota Bharu	
5	Kisah dan Pengajaran Isra' Mikraj Nabi Muhammad S.A.W	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1988
6	Kisah-Kisah Ganjil di Tanah Suci	Dinie Publishers	1994

h. Penulisan Tasawwuf (Ilmu Kerohanian)

Bil .	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Menuju Tuhan	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1966
2	Intisari Karya-Karya Tasawwuf	Pustaka Aman Press, Kota Bharu	1980
3	Memartabatkan Hati dan Hakikat Menuju Allah	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1981
4	Kedudukan Niat dan Ikhlas dalam Islam	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1981
5	Rahsia Ibadat Hati Menuju Allah	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1982

i. Penulisan Kajian Hadis

Bil .	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	313 Sabda Hikmat Warisan Nabi Muhammad S.A.W	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1983
2	Revolusi Menjaga Masa Menurut Nabi S.A.W	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1985
3	Memahami Nilai Hadith dan Sunnah Nabi S.A.W	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1986
4	40 Hadith Sekitar Keutamaan Ayat Al-Kursiy	Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur	1997
5	Intisari Bahr Al-Maadzi Hadith-Hadith Serta Hukum Sembahyang (Mengandungi 454 Masalah Agama)	Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur	2000

j. Penulisan Ilmu Tajwid Al-Quran Dan Pengajaran

Bil .	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Kesulitan Baca Al-Quran	Pustaka ASA Kenali,	1954

		Kubang Kerian	
2	Kursus Qari dan Qariah	Pustaka Aman Press, Kota Bharu	1972
3	Bacaan Ayat-ayat Suci Tilawah Nabi Dikala Malam	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1985
4	Lanjutan Kursus Qari dan Qariah	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1988
5	Memahami Kaedah-kaedah Mashaf Rasm Usmani	Pustaka Aman Press, Kota Bharu	1991

k. Penulisan Teks Agama

Bil.	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Buku Karangan Pelajaran Agama (Untuk Darjah 4 di Sekolah-sekolah Rendah)	Pustaka Aman Press, Kota Bharu	1962
2	Buku Karangan Pelajaran Agama (Untuk Darjah 5 di Sekolah-sekolah Rendah)	Pustaka Aman Press, Kota Bharu	1962
3	Buku Karangan Pelajaran Agama (Untuk Darjah 6 di Sekolah-sekolah Rendah)	Pustaka Aman Press, Kota Bharu	1962
4	Pelajaran Agama Islam (Untuk Darjah 1)	Pustaka Aman Press, Kota Bharu	1967
5	Pelajaran Agama Islam (Untuk Darjah 2)	Pustaka Aman Press, Kota Bharu	1967

l. Penulisan Fiqh As-Sunnah

Bil.	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Urusan Zakat	Mustafa Press	1954
2	Minuman dan Makanan Muslimin	Mustafa Press	1954
3	Adab Menziarah Maqam dan Masjid Nabi S.A.W	Dinie Publishers	1994
4	Rahsia Cincin Nabi dan Hukum Bercincin	Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur	1997

5	Pengurusan Jenazah Islam	Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur	2001
---	--------------------------	--	------

m. Penulisan Dasar-Dasar Islam

Bil.	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Islam Agama Persekutuan dan Demokrasi *karya sulung Abdullah al-Qari	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1953
2	Jalan Menghidupkan Islam	Dinie Publishers	1953
3	Soal Negara Mukmin	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1955
4	Semangat Mempertahankan Agama Allah dan Bagaimana Menghadapi Israel?	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1982
5	Kepentingan Keselamatan dan Keamanan dalam Islam	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1983

n. Penulisan Motivasi

Bil.	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Masalah Merokok di Kalangan Pelajar-Pelajar dan Belia Islam dan Keharamannya	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1987
2	400 Nasihat Teras Keislaman	Dinie Publishers	1993
3	Motivasi Akhlak Mukmin Sejati	Darul Nu'man, Kuala Lumpur	1995
4	40 Hadith Motivasi Ilmu dan Peminatnya	Akademi Al-Hikmah	1996
5	Bimbingan Akhlak Pelajar & Siswa-Siswi	Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur	1997

o. Penulisan Wanita

Bil.	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Memilih Jodoh dan Berumahtangga (Nikah-Poligami-Cerai) Menurut Nabi S.A.W	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1988
2	Hak dan Kebebasan Wanita Islam	Pustaka ASA Kenali,	1988

		Kubang Kerian	
3	Kebangkitan Wanita Islam	Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur	1988
4	Amaran Nabi Kepada Kaum Wanita	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1990
5	Hukum Berhijab dan Tarbiyyahnya Menurut Al-Quran	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1990

p. Penulisan Dakwah

Bil.	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Penggerak Da'wah Kelebihan Mengajak Manusia Ke Jalan Allah dan Bagaimana Menjayakannya	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1983
2	Pegangan dan Sikap Angkatan Taabi'in	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1989
3	14 Amalan Manusia Tak Dapat Bau Syurga	Dinie Publishers	1994
4	44 Dasar Pegangan Salaf	Darul Nu'man, Kuala Lumpur	1995
5	Mari Mengganggu dan Menyanyangi Junjungan Nabi S.A.W	Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur	2011

q. Penulisan Ekonomi

Bil.	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Pembuka 10 Kunci Mudah Kaya	Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur	2005
2	Usahawan Jujur Akan Bersama Para Nabi, Siddiqin dan Shuhada'	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Putrajaya	2006
3	47 Sumber Mudah Rezeki Mudah Kaya dan Punca Berkat Menurut Islam	Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur	2010
4	Membanteras Kegiatan Rompakan Curi, Mendadah: Rahsia Penyelamat Milik Harta. Bagaimana Mendapat Kembali Barang Yang Dicuri dan Hilang	Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur	2010

r. Penulisan Pertanian

Bil.	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Sumbangan Islam Kepada Sektor Pertanian Negara Menurut Al-Quran & As-Sunnah	Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur	2006
2	Islam Penggerak Revolusi Pertanian	Dawama Sdn. Bhd.	2009

s. Penulisan Pendidikan Dan Pengajaran

Bil.	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Dasar-Dasar Pendidikan Menurut Islam	Pustaka Aman Press, Kota Bharu	1972
2	Falsafah Pendidikan dalam Al-Quran	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1984

t. Penulisan Kamus

Bil.	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Kamus Pertuturan Loghat Kelantan	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1981
2	Kamus Pantas Mencari Surah-Surah Al-Quran Urutan Turunnya	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1990

u. Penulisan Kursus Penulisan

Bil.	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Belajar Menerusi Buku Berguru Pada Syaitan?	Dinie Publishers	1993
2	Bagaimana Menulis & Menterjemah Buku-Buku Keislaman Bermutu	Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur	2006

v. Penulisan Khat

Bil.	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Koleksi Bismillah dan Intisarinya	Pustaka ASA Kenali, Kubang Kerian	1990

w. Penulisan Lawatan

Bil.	Nama Buku	Penerbit	Tahun Penerbitan
1	Mengunjungi ke Kota Suci Baitul Maqdis	Pustaka Aman Press, Kota Bharu	1969

Ternyata Abdullah Al-Qari sememangnya memiliki jiwa yang kental dalam meneruskan misinya memperjuangkan agama Islam, Kebijaksanaannya tergambar melalui sifat-sifat yang diperlihatkan pada diri beliau yang tidak mementingkan kebendaan dan keduniaan. Sehingga buku-buku dan hasil karangan beliau begitu dekat dengan para pembacanya. Di Negeri Kelantan sendiri ketokohan beliau sebagai seorang pengarang memang disanjung tinggi dan tidak bergalang ganti.

Penutup

Hasil dapatan yang telah diperolehi jelas menunjukkan ketokohan Abdullah Al-Qari Haji Salleh (AQHAS) sebagai penulis agong yang dilahirkan di Malaysia. Segala sumbangan beliau dalam bidang dakwah khususnya penulisan perlu dihargai. Dengan hasil penulisan yang menjangkau lebih dari 350 buah buku mempamerkan satu pencapaian yang mengagumkan, unik dan luar biasa.

Setakat pengalaman dan pengamatan pengkaji mengenai tokoh ini, belum ada anak muda Melayu di Malaysia mahu pun di peringkat antarabangsa yang telah menulis buku melebihi jumlah buku yang telah dikarang oleh beliau. Tempoh penulisan yang menjangkau lebih dari 60 tahun, dimanfaatkan dengan sebaiknya untuk ummah. Penulisan beliau juga melangkaui pelbagai bidang terutama dalam pengajian Islam ini menunjukkan ketinggian ilmu AQHAS sehingga beliau layak digelar ulama' mahupun memikul gelaran tuan guru.

Jika Hasaan Bin Thaabit Al-Anshaari R.A dikenali sebagai penyair Nabi Muhammad S.A.W, maka Abdullah Al-Qari pula tersohor sebagai penulis "Tok Kenali" dengan berbagai karya menarik. Beliau merupakan cendekiawan, ilmunan, pendakwah dan ulama' yang serba boleh. Kelebihan ini adalah satu anugerah istimewa buat beliau dan semoga hasil usaha gigih beliau dalam mencurahkan ilmu menjadi tauladan kepada masyarakat Islam di Malaysia (Abdullah Al-Qari, Seminar Pencinta Buku Malaysia, 2010).

Rujukan

- Abdullah Al-Qari, H. S. (2010). *Seminar Pencinta Buku Malaysia*. Wangsa Maju, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM).
- Abdullah Al-Qari, H. S. (2020, Januari 4), Jam 5.30 petang. (H. Mus'ab, Interviewer)
- Afifah, A. N. (2012). Haji Abdullah Al-Qari: Sumbangan Beliau dalam Bidang Penulisan. Kuala Kubu Bharu: Latihan Ilmiah. Syukbah Hadith, Darul Quran: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ahmad Zulfiqar Shah, A. H., Mohd Nasir, A. L., & Muhammad Hasbi, A. R. (2018). Ketokohan Tn. Hj. 'Abdullah Al-Qari Bin Hj. Salleh (AQHAS) Sebagai Tokoh Mufassir Tematik Di Malaysia. *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. Vol 5, no. 3, 13-24.
- M. Azmi, I. (t.th). *Tokoh Pendakwah Menerusi Tulisan Dan Lisan*. Machang, Kelantan: Delima Ilmu Enterprise.

- Mustaffa, A. (2011). *Khazanah Tafsir di Nusantara*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- (13 mac 2020). *Harian Metro: "Mati Mengejut" topik terakbir*. Harian Metro.
- (13 mac 2020). *Sinar Harian: Ulama maut nabas ke masjid*. Sinar Harian | Negeri Kelantan.

BAB 5

PRINSIP-PRINSIP UMUM KEPIMPINAN SPIRITUAL DALAM KALANGAN TOK BATIN MASYARAKAT ORANG ASLI

Halim Mokhtar¹, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah², Zulkefli Hj. Aini³, Mustafa Kamal Amat Misra⁴, Abdul Haiy Mahmud⁵

^{1,2,4,5} Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

³ Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Pengenalan

Kepimpinan spiritual merupakan gaya kepimpinan yang memberi fokus kepada penerapan kerohanian, nilai moral dan etika dalam sesebuah organisasi (Khairun Nisaa et. al., tt). Dalam kepimpinan ini, tuhan sebagai pemimpin sejati yang memberi inspirasi, mempengaruhi, berkhidmat dan menggerakkan hati nurani hamba-hamba-Nya dengan cara yang bijak melalui pendekatan yang beretika dan boleh dicontohi. Pemimpin yang mempunyai nilai spiritual yang tinggi mampu mewujudkan tingkah laku yang positif dan berakhlak mulia dalam organisasi yang dipimpin. Aspek kerohanian dalam pengurusan sesebuah organisasi merupakan komponen yang sangat penting dalam dimensi kepimpinan bagi mendepani cabaran perubahan persekitaran dan persaingan (Zafir Khan et al., 2020).

Menurut Tobroni (2005) menyatakan kerohanian juga terbukti menjadi satu kekuatan yang sangat besar untuk melahirkan individu atau pemimpin yang berintegriti dan berakhlak mulia yang mampu membina masyarakat Islam untuk mencapai kemuncak tamadun dan bergelar ummah yang baik.

Dalam kebanyakan komuniti Orang Asli, secara tradisinya belum ada struktur kepimpinan yang formal dalam bentuk apa sekalipun. Kebanyakan komuniti Orang Asli adalah bersifat *egalitarian* (kesamarataan) di mana secara umumnya tidak ada ahli komuniti yang melebihi atau mampu mengarah orang lain. Menurut Ma'rof et al., (2008) menyatakan pemimpin orang asli kekurangan pendedahan dan pendidikan dalam bidang-bidang pentadbiran dan kepimpinan moden.

Dalam masyarakat Orang Asli terdapat beberapa halangan yang membatasi peranan dan keberkesanan pemimpin dalam membawa komuniti ke dalam arus pembangunan. Halangan tersebut seperti masalah-masalah pengetahuan, sosial, budaya dan psikologi (Odin Abdullah, 1995). Hal ini juga disokong Halim (2014) yang menyatakan pemikiran mereka juga tidak terbuka dengan perkembangan semasa dan tidak mendapat pendedahan tentang agama Islam.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti elemen-elemen dalam prinsip-prinsip umum kepimpinan spiritual dalam kalangan tok batin orang asli.

Metodologi Kajian

Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dengan melihat beberapa artikel atau jurnal yang berkaitan. Pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Dokumen adalah sumber yang paling mudah kepada pengkaji kerana maklumat yang diperlukan telah sedia ada dan sukar untuk menipu (Kamarul Azmi, 2012).

Skop dan Perbincangan

Definisi Kepimpinan

Menurut J.A Simpson and E.S.C. Wainer (1989) menyatakan kepimpinan membawa maksud gelaran yang diberikan kepada orang yang berada di tempat pemimpin seperti pemimpin parti politik atau organisasi yang berupaya memimpin atau mengarah sesebuah kumpulan atau organisasi. Di dalam bahasa Arab, pemimpin boleh dipanggil *khalifah*, *imam*, *qa'id*, *ra'i*, *rais* dan *sayyid* sedangkan menurut istilah berdasarkan pandangan Islam pula, pemimpin bermaksud orang-orang yang yang dipertanggungjawabkan dengan urusan umat Islam secara umum seperti khalifah, ketua tentera, kadi, menteri dan lain-lain orang yang bertanggungjawab dengan pengurusan negara Islam (Mohd. Syed al-Wakil, 1988).

Kepimpinan Spiritual

Kepimpinan spiritual merupakan kepimpinan yang membawa dimensi keduniaan kepada dimensi keilahan. Menurut Tobroni (2005) menyatakan kepimpinan spiritual merupakan satu bentuk kepimpinan yang berdasarkan etika keagamaan, kecerdasan kerohanian, iman dan hati nurani.

Menurut Henry dan Richard Blackaby (2011) menyatakan bahawa pemimpin rohani melaksanakan tugas mereka dengan integriti dan mereka berbuat demikian untuk penghormatan Tuhan mereka. Untuk melaksanakan tugas tersebut seorang pemimpin haruslah melakukan yang terbaik dalam setiap tindakannya. Seorang pemimpin seharusnya berusaha untuk melakukan yang terbaik untuk mendapatkan keredhaan Tuhan. Seorang pemimpin yang bijak sentiasa mengingati bahawa di mana sahaja mereka berada, mereka berada dalam hadirat Tuhan (Nurfatira, 2017).

Kepimpinan Spiritual juga membawa maksud kepada kepimpinan kerohanian. Menurut al-Ghazali, pengertian kerohanian merujuk kepada empat elemen iaitu, *al-rub*, *al-qalb*, *al-aql* dan *an-nafs*. Keempat-empat elemen kerohanian ini saling berkait antara satu sama lain dengan aspek dalaman diri manusia melalui pengalaman dan penghayatan agama (Suriani, 2016).

Dimensi Kepimpinan Spiritual

Dalam model *Spiritual Leadership Theory* yang diperkenalkan oleh Louis W. Fry (2003,2005) terdapat tiga dimensi utama dan enam variabel yang membentuk kerangka dasar teori ini iaitu: (1) dimensi *leader values, attitude and behaviors* (nilai, sikap dan perilaku pemimpin), yang meliputi: *vision* (visi), *hope/faith* (keyakinan) dan *altruistic love*; (2) dimensi *spiritual survival*, yang meliputi: *calling* dan *membership*; dan (3) dimensi *organizational outcomes*, iaitu komitmen organisasi (Suzana, 2019).

Teori Kepimpinan Spiritual



Teori kepimpinan *Spiritual Leadership Theory* (SLT) -Sumber: Fry (2005)

Visi (*Vision*):

Visi adalah satu bentuk perasaan dan berjanji dan merupakan salah satu tugas utama seorang pemimpin, adalah untuk mencipta makna dan tujuan. Dalam kepimpinan Islam berwawasan untuk merealisasikan tauhid kepada Allah kerana proses kemajuan manusia disifatkan sebagai perjalanan manusia menuju *falah* (kemuliaan) dan *ihsan* (kecemerlangan) dalam kehidupan dunia dan akhirat. Oleh itu, pemimpin mestilah mempunyai misi dan visi.

Visi memainkan peranan dalam memberi tenaga, memberi makna kepada kerja, dan mengumpul komitmen. Empat indikator visi yang terdiri daripada (1) memahami visi, (2) pernyataan visi, (3) inspirasi daripada visi, dan (4) visi yang jelas, menghasilkan rasa panggilan, yang merupakan sebahagian daripada kesejahteraan rohani, memberikan rasa yang berbeza, dan kehidupan yang dirasakan selama ini mempunyai makna. Visi mencerminkan tujuan (sebab kewujudan) dan misi organisasi.

Harapan/Keyakinan (*Hope/Faith*)

Harapan, menurut Fry, adalah satu hasrat dengan harapan untuk ditunaikan manakala Iman, adalah untuk menambah keyakinan dan kepastian bahawa sesuatu hajat itu akan ditunaikan. Individu yang mempunyai Harapan/Iman mempunyai visi tentang ke mana dan bagaimana untuk sampai ke destinasi mereka. Mereka mampu menghadapi tentangan dan mampu mengharungi kesusahan dan penderitaan demi mencapai takdir mereka. Harapan/Iman juga merupakan sumber keyakinan bahawa visi sama ada peribadi atau organisasi akan tercapai. Harapan/Iman ditunjukkan melalui usaha, tindakan atau kerja. Dalam aksi, Harapan/Iman ibarat perlumbaan yang mempunyai dua komponen penting - kemenangan (penglihatan) dan keterujaan sebagai persediaan menghadapi perlumbaan itu sendiri (Fry & Nisiewicz, 2013).

Harapan atau jangkauan yang positif adalah berdasarkan kepastian dan kepercayaan mutlak bahawa apa yang diinginkan dan diharapkan akan berlaku. Dimensi ini dalam konteks Islam merujuk kepada Iman yang menjadi asas kepada segala motivasi manusia, merangkumi akidah dan perbuatan serta berlandaskan hati. Kualiti iman dilihat sebagai ketabahan dan ketabahan dalam melaksanakan perintah dan menjauhi larangan Allah. Sehubungan itu, pemimpin dituntut berakhlak mulia kerana sangat mengagumkan dalam pembentukan kehidupan yang murni. Antara kewajipan akhlak yang dianjurkan oleh Islam ialah menunaikan janji, bekerja dengan ikhlas, mengingati Allah dalam setiap pekerjaan yang dilakukan, sedia membantu setiap orang dalam kerja kebajikan dan takwa, bersedia memberi nasihat dan dinasihati.

Nilai altruistik (*altruistic love*)

Fry (2003) mendefinisikan cinta altruistik dalam kepimpinan rohani sebagai rasa keutuhan, keharmonian dan kesejahteraan melalui penyayang dan menghormati diri sendiri dan orang lain. Kepimpinan rohani memerlukan pembangunan budaya sosial/organisasi berdasarkan kasih sayang altruistik.

Ia mempunyai faedah emosi dan psikologi yang hebat yang membawa kepada pemberian tanpa syarat dan perkhidmatan kepada orang lain. Bidang perubatan dan psikologi positif telah mula mengkaji dan mengesahkan cinta yang mempunyai kuasa untuk mengatasi kesan negatif emosi yang merosakkan seperti benci, ragu, takut dan marah. (Fry & Nisiewicz, 2013).

Budaya terdiri daripada himpunan nilai utama, andaian, pemahaman, dan cara berfikir yang dianggap sebagai hak dan dikongsi oleh ahli organisasi (Schein, 2011). Cinta altruistik, yang digunakan sebagai sinonim dengan sedekah, dimanifestasikan melalui penjagaan tanpa syarat, tidak mementingkan diri sendiri, setia, dan baik hati, keprihatinan dan rasa hormat terhadap diri sendiri dan orang lain. (penghargaan untuk diri sendiri dan orang lain) (Fry 2003, 2008). Nilai-

nilai cinta altruistik termasuk pemaaf, penerimaan, kesyukuran, kebaikan, integriti, empati/belas kasihan, kejujuran, dan kesabaran, keberanian, kepercayaan/kesetiaan dan kerendahan hati. Perasaan keutuhan, keharmonian dan kesejahteraan melalui penjagaan, keprihatinan dan rasa hormat terhadap diri sendiri dan orang lain. Sikap dalam dimensi ini ialah integriti, amanah, merendahkan diri, berani, sabar, baik hati, empati, pemaaf dan bersyukur. Dalam kepemimpinan dan pengurusan Islam, Nabi Muhammad SAW adalah contoh teladan dengan menjadikan ciri-cirinya seperti *Fatonah* (Hikmah), *Amanah* (Integriti), *Siddiq* (Membenarkan) dan *Tabligh* (Menyampaikan). Kesemua nilai altruistik ini dapat dilihat melalui kepemimpinan raja para rasul yang sentiasa meletakkan kebajikan umatnya sebagai tanggungjawab dan amanat.

Panggilan (*Calling*)

Istilah *Calling* telah lama digunakan sebagai ciri profesional. Ramai orang bukan sahaja ingin menyedari potensi mereka melalui kerja mereka, tetapi juga merasakan makna sosial atau nilai melalui kerja (Pfeffer, 2003). Salah satu peranan seorang pemimpin ialah mengembangkan rasa panggilan (*sense of calling*) dalam diri dan pekerja (Fry, 2003). Mereka percaya profesion pilihan mereka adalah berharga, malah penting kepada masyarakat, dan mereka berbangga menjadi pakar dalam organisasi (Fry & Nisiewicz, 2013).

Menurut matlamat hidup umat Islam ialah beribadah kepada Allah dalam melaksanakan perintah dan larangan-Nya. Manusia boleh merealisasikan matlamat mereka dengan menghormati amanah yang diberikan kepada mereka (amanah). Pemimpin yang jujur dengan tugas dan organisasi akan sentiasa mencuba sedaya upaya untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan sentiasa cuba menyemarakkan tenaga dan fikiran demi kesejahteraan umum.

Keahlian (*Membership*)

Keahlian ialah perasaan bahawa seseorang itu telah melaburkan sebahagian daripada dirinya untuk menjadi ahli, dan oleh itu mempunyai hak pemilikan (Buss & Portnoy, 1967). Keahlian juga mempunyai sempadan, bermaksud ada yang tergolong dan bukan. Sempadan ini sebagai menyediakan ahli dengan keselamatan emosi, yang mereka perlukan untuk membangun. Peranan sempadan amat relevan kepada masyarakat alam sekitar. Sempadan mentakrifkan siapa yang berada di dalam dan siapa di luar. Walau bagaimanapun, sempadan boleh menjadi sangat halus sehingga hanya dikenali oleh warganegara sendiri. Sempadan yang ditetapkan oleh kriteria keahlian menyediakan struktur dan keselamatan yang melindungi keakraban kumpulan.

Menurut Tobroni (2005) menyatakan kesejahteraan rohani atau kebahagiaan rohani yang lahir daripada perasaan dipanggil "*calling*" dan perasaan persaudaraan "*membership*" dapat dihidupkan semula dengan budaya organisasi yang merujuk kepada kepuasan pekerja melalui pencapaian organisasi yang berkesan. Beliau menghuraikan konsep "budaya organisasi" iaitu budaya yang merujuk kepada sistem makna yang dikongsi bersama oleh ahli-ahli yang membezakan organisasi dengan organisasi lain. Sistem perkongsian makna ini, apabila diteliti dengan lebih teliti, adalah satu set ciri utama yang dihargai oleh organisasi.

Dalam kepemimpinan Islam kepakaran ini merujuk kepada masyarakat Islam yang dikenali sebagai ummah. Identiti masyarakat (*ummah*) Islam berteraskan etika Islam seperti konsep wasatiah yang melihat kepada keseimbangan yang konsisten, tingkah laku yang boleh dicontohi, kesatuan tujuan dan persaudaraan.

Kesimpulan

Kepimpinan tok batin melibatkan keupayaan seseorang pentadbir atau pengurus di setiap peringkat pengurusan untuk mendorong, mempengaruhi, membawa dan menggunakan setiap

sumber organisasi (manusia, benda dan perkara) supaya saling berperanan atau masing-masing berfungsi ke arah pencapaian objektif yang telah ditentukan. Kepimpinan tok batin juga melibatkan usaha merangsang orang bawahan untuk berperanan supaya matlamat dapat dicapai, menentukan visi dan hala tuju organisasi dipatuhi dan menjadi penghubung atau juru bicara organisasi. Bermula daripada pemilihan calon sehinggalah kepada perantaraan jawatan sebagai pemimpin atau ketua. Ini menjelaskan bahawa pemilihan tok batin yang terbaik akan menjamin komitmen kepimpinannya terhadap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Perkara ini dapat mengurangkan risiko penyelewengan, penipuan dan seumpama dengannya, malah kewibawaan seseorang yang diangkat menjadi pemimpin tidak perlu dipersoalkan lagi.

Rujukan

- Balqss, K. N. U., & Awang, M. Hubungan Keinsanan Dalam Pengurusan Dan Kepimpinan Spiritual Dengan Integriti Profesional Dalam Sektor Perkhidmatan Pendidikan Malaysia.
- Buss, A. H., & Portnoy, N. W. (1967). Pain tolerance and group identification. *Journal of Personality and Social Psychology*, 6(1), 106.
- Fry, L. W. (2003). Toward a theory of spiritual leadership. *The leadership quarterly*, 14(6), 693-727.
- Fry, L. W. (2005). Introduction to the leadership quarterly special issue: Toward a paradigm of spiritual leadership.
- Fry, L. W., & Nisiewicz, M. S. (2013). *Maximizing the triple bottom line through spiritual leadership*. Stanford University Press.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri*, 1(2012), 28-29.
- Makbul, Z. K. M., Ibrahim, M. I. S., & Jamaludin, Z. (2020). Hubungan Antara Gaya Kepimpinan dengan Komitmen Organisasi dan Hasrat Untuk Kekal: Penilaian Analisis Sobel. *Akademika*, 90(3), 129-146.
- Mohamad, N., & Mohamed Elias, E. (2017). Kesan peranan gaya kepimpinan keagamaan dan kerohanian terhadap prestasi perniagaan makanan halal.
- Mokhtar, H., & bin Aini, Z. (2014). *Dakwah Islamiah Kepada Orang Asli Di Pulau Carey Banting Selangor: Isu, Cabaran dan Permasalahan*.
- Pfeffer, J., & Salancik, G. R. (2003). *The external control of organizations: A resource dependence perspective*. Stanford University Press.
- Schein, E. H. (2011). The concept of organizational culture: Why bother. *Classics of organizational theory*, 7, 349-360.
- Sudi, S., Sham, F. M., & Yama, P. (2016). Konsep Kecerdasan Spiritual Islam dan Barat. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3.
- Tobroni, 2005. *Perilaku Kepemimpinan Spiritual Dalam Pengembangan Organisasi pendidikan dan Pembelajaran, Kasus Lima Pemimpin Pendidikan di Kota Ngalam, Disertasi Doktor Program Pascasarjana, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta*,

BAB 6

ELEMEN TOLERANSI ANTARA AGAMA DALAM KALANGAN PENGANUT-PENGANUT AGAMA DI MALAYSIA

Siti Nurbalqis Baharuddin¹, Mohamad Abu Abbas Mohd Faizal², Mohd Zulfikaar Azizi Aliakbar³,
Muhammad Farid Hafiz Md Subandi⁴, Muhammad Aiman Shaharudin⁵

^{1,2,3,4,5} Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Pendahuluan

Negara Malaysia merupakan antara sebuah negara yang membangun dan mempunyai kepelbagaian tarikan yang tersendiri. Malaysia juga terkenal dengan rakyat yang sopan santun, berbudi bahasa, mempunyai keindahan flora fauna, serta memiliki banyak kawasan yang indah dan menarik untuk dikunjungi. Selain daripada keunikan dan keistimewaan yang telah dinyatakan, Malaysia juga dikenali seluruh dunia kerana mempunyai rakyat yang berbilang kaum. Hal ini merupakan salah satu keistimewaan terbesar Malaysia kerana walaupun rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik, mempunyai kepercayaan agama dan kebudayaan yang berbeza namun Malaysia dikurniakan keamanan dan kemakmuran sehingga ke hari ini. Justeru, suatu kaji selidik telah dijalankan bagi mengetahui elemen toleransi dalam kalangan penganut-penganut agama di Malaysia melalui borang soal selidik terhadap beberapa penganut agama yang berlainan.

Definisi Toleransi

Istilah toleransi berasal daripada Bahasa Latin '*tolerare*' yang bermaksud sabar terhadap sesuatu (Abu Bakar, 2015). Definisi tersebut memberi makna bahawa, seseorang itu mampu hidup mematuhi peraturan, menghormati kepercayaan dan amalan agama lain, serta sanggup bersabar dengan keadaan masyarakat yang pelbagai dalam sesebuah negara. Selain itu, definisi toleransi dari sudut sosial bermaksud, tiada sebarang diskriminasi antara kelompok masyarakat walaupun mempunyai perbezaan dalam berbagai aspek.

Toleransi Beragama Di Malaysia

Masyarakat Malaysia telah melewati beberapa fasa perubahan kesan daripada percampuran ketamadunan dan keagamaan yang berlaku selepas kemenangan mencapai kemerdekaan. Malahan rakyat Malaysia saling berkongsi hak kebebasan bersama kaum dan penganut agama lain, serta pelbagai pendekatan yang disusun oleh kerajaan bagi memelihara keharmonian bersama termasuklah melalui penggubalan undang-undang. Tambahan pula, kerajaan sentiasa mengambil serius mengenai perkara yang melibatkan sensitiviti keagamaan daripada penganut agama-agama lain.

Toleransi beragama yang diamalkan di Malaysia tertakluk kepada Artikel 11(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia, iaitu "*Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya.*" Berdasarkan peruntukan itu jelas bahawa umat Islam dan penganut-penganut agama lain bebas untuk menganuti ajaran agama masing-masing dengan syarat tidak menimbulkan kekacauan dan penghinaan terhadap penganut agama yang berlainan.

Hak kebebasan beragama tidak dijadikan bahan perbalahan kerana masyarakat majmuk di Malaysia tidak mengalami sebarang bentuk penindasan sama ada dari sudut perkauman mahupun kepercayaan. Kedudukan agama Islam dan agama-agama lain telah diperjelaskan melalui

Perlembagaan Persekutuan pada Artikel 3(1) yang memperuntukkan bahawa “*Islam sebagai agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan*”. Sementara sultan-sultan atau raja-raja adalah ketua bagi agama Islam di setiap negeri yang beraja [Artikel 3(2)] dan Yang diPertuan Agong bertanggungjawab sebagai ketua agama Islam bagi Negeri-Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak dalam Artikel 3(3) serta bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan dalam Artikel 3(5). (Khadijah & Mohd Herzali, 2008)

Pengalaman Toleransi Beragama Di Malaysia

Setiap etnik yang wujud di Malaysia mempunyai pegangan agama tersendiri yang berperanan memandu kehidupan ke arah yang lebih baik. Agama yang dianuti dipelihara tanpa memandang rendah pada agama-agama lain sehingga boleh membawa kepada pertelingkahan. Malaysia telah mencatatkan beberapa peristiwa yang menunjukkan pengalamannya dalam mendepani toleransi antara sosio agama sebagaimana yang telah ditulis oleh Ahmad Tarmizi Talib dan Sarjit S. Gill. Buktinya adalah kewujudan amalan rumah terbuka bagi perayaan-perayaan yang diamalkan oleh kaum-kaum utama di Malaysia dan kewujudan dua puluh kuil di Kelantan meskipun Buddha merupakan kelompok minoriti. (Khadijah Mudaa, Khairul Anwar Mastor, Fazilah Idris, 2017)

Hubungan antara kaum secara tidak langsung berkait rapat dengan hubungan antara agama masing-masing. Pengalaman toleransi beragama yang baik dengan penganut agama lain merupakan elemen penting dalam mewujudkan masyarakat dan suasana yang harmoni dalam masyarakat yang pelbagai agama seperti di Malaysia. Pengalaman merupakan peristiwa yang berada dalam ingatan setiap orang yang akan memandu kepada tingkah laku mereka kepada situasi yang akan dilalui pada masa akan datang.

Pengalaman bagi setiap individu adalah berbeza dan merupakan suatu yang berharga dan tidak dapat diulangi lagi. Dalam konteks toleransi beragama ini, pengalaman bertoleransi dengan penganut agama lain yang telah dilalui akan memberi kesan kepada diri belia untuk membentuk tingkahlaku dengan penganut agama lain. Justeru kajian mengharapkan dan mencadangkan agar setiap belia perlu dipupuk untuk saling menghormati penganut agama lain supaya setiap bangsa dapat menjalani hidup seharian dengan mengamalkan agama masing-masing dalam suasana yang harmoni dan aman.

Metodologi Kajian

Kajian yang dilakukan menggunakan metode kuantitatif melalui instrumen *Google Form* yang terdiri daripada lima soalan kepada penganut-penganut yang berbeza agama. Responden terdiri daripada 11 orang dengan anutan agama yang berbeza. Tempoh kajian dilakukan selama dua hari dan *Google Form* tersebut dikongsi kepada beberapa kenalan terdekat yang berbeza agama. Keputusan responden telah dikeluarkan dalam bentuk graf dan carta. Proses memperolehi data melalui *Google Form* adalah hasil daripada sebaran *Google Form* melalui aplikasi *Whatsapp* bagi memudahkan soalan-soalan diedarkan dan responden dapat menjawabnya dengan hanya menekan jawapan yang telah disediakan dalam *Google Form* tersebut.


Hasil Kajian

Hasil kajian adalah melalui analisis hasil daripada keputusan 11 responden yang menjawab kelima-lima soalan yang diberikan melalui *Google Form*. Hasil kajian ini adalah bersifat umum dan soalan-soalan yang diberikan memfokuskan kepada pengalaman individu yang berbeza agama tersebut tanpa dinyatakan butiran peribadi responden.

Carta di bawah menunjukkan keputusan hasil daripada lima soalan yang diberikan kepada responden :



Carta berikut menunjukkan 81.8% responden merasakan kebebasan untuk mengamalkan sebarang ajaran agama di Malaysia, berbanding 18.2% merasakan perasaan yang kurang bebas. Peratusan besar menunjukkan respon positif terhadap pengamalan sebarang ajaran agama di Malaysia.




Skala 1 – 5 (Tidak mesra – Mesra)

Manakala untuk hubungan dengan jiran bertangga, kajian mendapati 54.5% responden memilih skala 5 berbanding skala 4 (36.4%) dan skala 3 (9.1%). Namun skala 1 dan 2 tiada sebarang pilihan dalam kalangan responden.

3- Adakah anda menerima undangan untuk menghadiri majlis perayaan keagamaan (Aidilfitri, Deepavali, Tahun Baru Cina. dsb) yang dianjurkan oleh kenalan yang berlainan agama ?


11 responses




Soalan ketiga berkenaan respon penerimaan undangan untuk menghadiri majlis-majlis perayaan keagamaan dapat dilihat sebanyak 90.9% responden menyatakan mendapat undangan dan sebanyak 9.1% menyatakan tiada.

4- Pernahkah mana-mana individu yang berlainan agama dengan anda mengatakan sesuatu yang tidak baik tentang agama anda? (Cth: menghina agama anda, memperlekehkan perayaan suci, dsb)

11 responses



Soalan keempat menunjukkan pengalaman responden daripada individu yang berlainan agama mengatakan perkara yang tidak baik kepada responden. Hasil keputusan menunjukkan sebanyak 81.8% menyatakan tiada dan hanya sebanyak 18.2% menyatakan sebaliknya.



Skala 1 - 5 (Tidak Selesa – Selesa)

Soalan akhir bagi kajian ini adalah berkaitan keselesaan responden terhadap amalan makan semeja dengan kenalan yang berbeza agama menunjukkan hasil sebanyak 72.7% adalah selesa (skala 5), manakala sebanyak 27.3% memilih skala 4 dan 1 hingga 3 tiada sebarang maklum balas dari responden.

Hasil daripada 11 responden ini menunjukkan bahawa sifat toleransi diantara penganut agama di Malaysia sangat positif dan memberangsangkan. Hal ini menunjukkan bahawa kesan positif yang berlaku ini adalah hasil daripada undang-undang Perlembagaan Persekutuan Artikel 11(1) yang menyatakan, “*tiap-tiap orang adalah berhak untuk menganuti dan mengamalkan agamanya*” tertakluk kepada Fasal (4) (Khadijah & Mohd Herzali 2008). Kesan daripada peruntukan ini setiap agama bebas menganut ajaran masing-masing selagi mana penganut-penganut agama yang lain tidak melakukan sebarang penghinaan dan kecaman. Bahkan di dalam Perlembagaan Persekutuan tersebut menyatakan bahawa Agama Islam merupakan agama persekutuan atau rasmi di Malaysia.

Kewujudan suasana dan perkembangan sihat ini melahirkan sifat toleransi beragama di Malaysia dan ia perlu dikekalkan dan dipertingkatkan supaya generasi muda dan seterusnya dapat mengekalkan sifat saling menghormati ke arah kesejahteraan masyarakat majmuk di Malaysia.

Kesimpulan

Majoriti masyarakat Malaysia mengamalkan sikap toleransi yang sangat baik dalam kalangan penganut-penganut agama di Malaysia. Daripada hasil kajian yang dilakukan menggambarkan dengan jelas bahawa rakyat Malaysia sudah selesa hidup dalam masyarakat majmuk yang mempunyai agama dan kepercayaan yang berbeza. Misalnya, ramai dalam kalangan penganut-penganut agama selain Islam yang menerima jemputan untuk menghadiri majlis rumah terbuka ataupun sambutan perayaan agama lain. Semoga suasana keamanan dan keharmonian dan dikecapi pada hari ini akan terus berkekalan dan dipertahankan.

Antara penambahbaikan yang dapat diterapkan adalah dengan mengadakan dialog di antara agama. Walaupun terdapat beberapa perbezaan pandangan dan cabaran dalam berdialog, namun ia dapat membina persefahaman dan sikap keterbukaan. Perkara seperti ini sudah semestinya dapat memberikan impak positif kepada dua belah pihak yang berbeza agama. Amalan berdialog yang berlaku samada secara formal ataupun tidak formal dapat menekankan persefahaman dan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Berdialog bukan sahaja hanya terbuka kepada pihak NGO, bahkan Kerajaan dan juga para ilmuwan juga boleh berganding bahu membudayakan

amalan dialog secara efektif dalam kalangan masyarakat (Ahmad Faizuddin dan Jaffary Awang, 2018).

Rujukan

- Ahmad Faizuddin & Jaffary Awang, (2018), *Sejarah Dialog Antara Agama Di Malaysia*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Abu Bakar, (2015), *Konsep Toleransi Dan Kebebasan Beragama*, UIN Sultan Syarif Kasim Riau.
- Khadijah & Mohd Herzali, (2008), *Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia : Rujukan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia*, Jurnal Usuluddin Bil 27.
- Khadijah Mudaa, Khairul Anwar Mastor , Fazilah Idris, (2017), *Pengalaman Toleransi Beragama Belia Pelbagai Etnik*, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lembaga Penyelidikan UndangUndang (1999), *Perlembagaan Persekutuan (Mengandungi semua pindaan hingga 1 Januari 1999)*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Siti Khatijah Yasin & Fadzli Adam (2017) , *Sensitiviti Agama Dalam Hubungan Masyarakat Pelbagai Kaum Di Malaysia*, Institut Penyelidikan Produk & Ketamaduan Melayu Islam (INSPIRE).
- Tan, N., & Lee, J. (Eds.). (2008). *Religion Under Siege? Lina Joy, the Islamic State and Freedom of Faith*. Religion Under Siege? Lina Joy, the Islamic State and Freedom of Faith. Kuala Lumpur: Kinibooks. Retrieved from www.Malaysiakini.com.

BAB 7

SALAH FAHAM KONSEP WALI DAN KARAMAH DALAM KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA: ANALISIS ISU YANG TULAR DI INTERNET

Mohd Aizul Yaakob¹, Mohammad Roshimi Abdullah², Muhammad Ihsan Idris³

^{1,2,3} Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)

Pengenalan

Perkataan wali merupakan sesuatu yang sentiasa berlegar dalam perbualan masyarakat Islam di Malaysia. Sekurang-kurangnya terdapat dua maksud perkataan wali yang selalu diertikan oleh mereka, iaitu wali nikah dan wali keramat. Wali nikah adalah wali yang dipakai ketika berlaku proses perkahwinan, dan ia merupakan salah satu daripada lima rukun nikah. Manakala wali keramat pula diertikan seseorang yang memperoleh kedudukan tertentu dalam agama Islam dan biasanya ia terdiri daripada golongan-golongan yang dikategorikan sebagai ulama, tuan guru, ustaz dan sebagainya. Sehubungan daripada itu, artikel ini akan membahaskan berkenaan istilah kedua yang diertikan oleh masyarakat Islam di Malaysia iaitu berkenaan konsep wali keramat. Artikel ini cuba mengenalpasti salah faham yang berlegar dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia melalui medium internet sama ada *facebook*, *instagram*, *youtube*, *tik tok*, *website-website* dan sebagainya. Seterusnya menganalisis bentuk salah faham tersebut dengan bersandarkan kepada nas-nas yang sahih daripada al-Quran dan hadis, serta pandangan-pandangan yang muktabar daripada sarjana-sarjana *Abli Sunnah wa al-Jama'ah*.

Metodologi

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya dan melibatkan pengumpulan data melalui kajian kepustakaan dan observasi. Bagi mendapatkan data yang holistik dan komprehensif, penyelidik akan merujuk sumber-sumber primer berupa nas-nas al-Quran dan hadis berkaitan dengan konsep wali dan karamah. Pada masa yang sama, beberapa karya penting berkaitan konsep wali dan karamah di sisi *Abli Sunnah wa al-Jama'ah* turut akan dijadikan rujukan oleh penyelidik dalam kajian ini. Di samping daripada itu, penyelidik akan meninjau dan meneliti bentuk-bentuk salah faham yang tersebar dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia melalui dua medium utama iaitu *youtube* dan *facebook*. Data yang telah dikumpul akan dianalisis berdasarkan kaedah induktif dan deduktif.

Wali Allah SWT Menurut Perspektif Islam

Menurut bahasa, wali bermaksud dekat, hampir dan hujan selepas hujan (al-Fayruz, 1999). Di samping itu, kalimah ini bermaksud orang yang mengasihi, benar dan sangat suka memberi pertolongan. Manakala Antonim kepada kalimah wali adalah permusuhan (Ibn Abi al-'Izz, 2005).

Dari sudut istilah, al-Tahawi (m. 321 H) menjelaskan bahawa wali adalah mereka yang beriman kepada Allah SWT. Ibn Abi al-'Izz (m. 792 H) pula menjelaskan bahawa wali adalah mereka yang mengasihi Allah SWT dengan melakukan semua perkara yang dikasihiNya, dan menghampirkan diri kepadaNya dengan melakukan perkara yang diredhaiNya (Ibn Abi al-'Izz, 2005). Ibn Hajar pula menjelaskan bahawa wali ialah orang yang memiliki pengetahuan tentang Allah SWT, berterusan melakukan ketaatan dan ikhlas melakukan ibadah (Ibn Hajar, 1959). Manakala menurut al-Syawkani (t.t.) pula menjelaskan bahawa wali adalah orang-orang yang ikhlas dalam kalangan mereka yang beriman seolah-olah mereka mendekati diri kepada Allah

dengan melakukan amalan ketaatan dan menjauhi daripada melakukan kemaksiatan. Merujuk kepada beberapan definisi di atas, jelas menunjukkan bahawa definisi wali tidak terlepas daripada firman Allah SWT dalam surah Yunus: 62-63:

أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفَ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦٢﴾ الَّذِينَ آمَنُوا وَكَانُوا يَتَّقُونَ

Maksudnya:

Ketabuilah, sesungguhnya wali-wali Allah itu kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita. Wali-wali Allah ini adalah orang yang beriman serta mereka pula sentiasa bertaqwa.

Menurut Ibn Kathir (m. 774 H) (2005), ayat yang dipaparkan di atas telah menjelaskan bahawa wali adalah dari kalangan mereka yang beriman dan bertaqwa (Ibn Kathir, 2005). Seiring dengan pendirian ini, al-Qaradawi (2005) menyatakan bahawa daripada ayat ini, Allah SWT telah menerangkan sifat para wali-Nya adalah beriman dan bertaqwa. Tambah al-Qaradawi (2005) lagi, mereka adalah menyatukan antara iktikad yang sah (Iman) dan mempraktikkan amalan dalam realiti kehidupan (taqwa).

Perkataan wali disebut sekurang-kurangnya sebanyak 90 kali dalam al-Quran iaitu pecahannya adalah sebanyak 54 kali merujuk kepada wali Allah SWT dan 36 kali merujuk kepada wali Syaitan (Hazman & Muhammad Ihsan, 2017). Wali Allah SWT adalah merujuk kepada mereka yang dekat dan beriman kepada Allah. Manakala wali Syaitan pula adalah mereka yang mengikuti Syaitan dengan mantaatinya (O.K. Rahmat, 1983). Para sarjana telah menjelaskan bahawa terdaat beberapa syarat yang perlu dipenuhi bagi memperoleh kedudukan wali Allah SWT. Syarat-syarat itu antaranya adalah seseorang itu mestilah beriman dan bertakwa. Wali Allah adalah mereka yang beriman dengan keenam-enam rukun Iman, di samping mengikuti al-Quran dan hadis dalam kehidupan mereka (Hazman & Muhammad Ihsan, 2017). Jelas Ibn Taymiyyah (m. 728 H) (1985), baligh juga adalah antara syarat kewalian seseorang itu.

Sehubungan daripada itu, menurut Hazman & Muhammad Ihsan (2017), wali Allah tidak memiliki sedikitpun kaitan dengan penampilan dan perwatakan zahirnya. Tidak juga memiliki kaitan dengan pandai menjampi atau makbul doanya. (Hazman & Ihsan, 2017). Menurut Muhammad Ihsan et.al. (2015), secara dasarnya semua orang yang beriman adalah wali Allah SWT. Bagaimanapun tingkat kewalian itu berbeza-beza mengikut kadar keimanan dan ketaqwaan seseorang (Muhammad Ihsan et.al, 2015). Semakin seseorang itu taat kepada Allah SWT, semakin tinggi kedudukannya dan tahap kewaliaannya di sisi Allah SWT. Sehubungan daripada itu, al-Buraikan (2003) menjelaskan bahawa para wali yang paling tinggi kedudukannya adalah dalam kalangan nabi dan rasul, malah rasul-rasul bergelar *ulul 'azmi* berada pada tingkatan yang lebih istimewa berbanding rasul-rasul yang lain. Manakala kedudukan Rasulullah SAW pula adalah pada martabat tertinggi berbanding yang lain (al-Buraikan, 2003). Menurut al-Mandili (t.t.), tiada mana-mana manusia yang mampu menandingi kedudukan pada Nabi. Hal ini sekaligus menafikan dakwaan sebahagian golongan *sufi al-falsafi* yang menyatakan bahawa wali lebih utama daripada Nabi lantaran wali menerima langsung dari Allah sedangkan Nabi melalui perantaraan Malaikat (Muhammad Ihsan et.al, 2015). Dalam kalangan sahabat-sahabat Baginda pula, tingkat wali yang tertinggi mengikut turutan adalah Abu Bakr RA, 'Umar RA, 'Uthman dan 'Ali RA (al-Buraikan, 2003).

Menurut Bin Baz (2007), para wali Allah SWT adalah mereka dalam kalangan ahli taqwa serta taat kepada Allah dan RasulNya. Adapun mereka yang menyimpang daripada syariat, melakukan maksiat dan amalan-amalan bid'ah maka mereka bukanlah dalam kalangan wali Allah SWT (Bin Baz, 2007). Sehubungan daripada itu, al-'Uthaimin (2012) menjelaskan di mana sebahagian manusia mendakwa dirinya adalah wali Allah, sedangkan dia seorang yang fasik dan pelaku maksiat, maka dakwaan itu adalah satu kebohongan. Menurut Basri (2021), wali Allah terdedah kepada salah dan silap. Dalam erti kata yang lain, wali Allah bukanlah seorang yang maksum sebagaimana dakwaan sebahagian manusia. Sehubungan daripada itu, wali Allah akan

mengiringi kesilapan yang dilakukannya dengan segera bertaubat kepada Allah SWT (Basri, 2021).

Dalam Islam, wali memiliki kedudukan yang perlu dimuliakan. Hal ini sebagaimana ditegaskan dalam sebuah hadis Qudsi yang bermaksud: “*Sesiapa yang memusubi wali-Ku, maka Aku isytihar perang ke atasnya...*” (HR. Bukhari). Bagaimanapun, kemuliaan yang diberikan kepada mereka mestilah dalam rangka yang dibenarkan oleh syarak. Al-Qaradawi (2005) menukikan pandangan al-Alusi mengatakan bahawa apabila melihat orang yang beriman dan bertaqwa, maka anggaplah mereka sebagai wali dan hormatilah mereka. Namun, jangan berlebihan sehingga melebihi para Rasul kerana ia merupakan sifat orang-orang yang musyrik (al-Qaradawi, 2005). Seiring pendirian ini, Basri (2021) turut menjelaskan bahawa wali Allah perlu dihormati oleh masyarakat kerana perjuangannya dalam menegakkan agama Allah SWT. Namun begitu, penghormatan terhadap mereka perlulah dilakukan dalam kerangka yang betul dan tidak secara melampau (Basri, 2021).

Keramat Atau Karamah Menurut Perspektif Islam

Secara etimologi, keramat atau karamah adalah berasal daripada bahasa Arab iaitu *al-karamah* yang bermaksud kehormatan, keluhuran, dan pengaruh baik. Manakala secara terminologi pulan *karamah* bermaksud sesuatu yang menarik adat (tidak disertakan dakwaan *nubuwwah*) dan dizahirkan kepada mereka yang benar iktikadnya, salih dan melazimi sunnah sama ada dalam keadaan mereka menyedarinya atau tidak menyedarinya (al-‘Umari, 2019). Salah satu daripada ajaran Ahli Sunnah wa al-Jama‘ah, adalah membenarkan adanya *karamah* (Al-Asyqar, 2008). Sehubungan daripada itu, al-Nawawi turut menjelaskan; “*Ketabuilah, pendirian ahli kebenaran adalah menetapkan adanya karamah bagi para wali. Ia berlaku pada setiap zaman dan boleh dibuktikan dengan dalil aqli dan naqli*” (al-Qaradawi, 2005). Demikian jelas Muhamad Ihsan et.al. (2015), kebenaran adanya *karamah* adalah bersandarkan kepada al-Quran, al-Sunnah dan Athar yang sahih dari para Sahabat, Tabi‘in dan Tabi‘ Tabi‘in. Contohnya adalah seperti kisah *Ashab al-Kahf* yang tertidur di dalam gua selama tiga ratus tahun sembilan bulan, kisah Maryam yang diberikan pada musim sejuk buah yang berbuah pada musim panas dan sebaliknya dan sebagainya.

Dasarnya, tidak semua perkara luar biasa yang berlaku adalah *karamah*. Al-Qaradawi (2005) menyebut bahawa kejadian luar biasa yang berlaku kepada seseorang boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian. Iaitu, *mukjizat*, diberikan kepada para Nabi dan Rasul, *ihanah* diberikan kepada mereka yang mengaku sebagai Rasul, *istidraj* diberikan kepada mereka yang fasik (supaya teruss terleka dan binasa dengan kekekaannya) dan *i‘anah* diberikan sebagai pertolongan daripada Allah. Selain daripada empat bahagian ini, sihir juga termasuk dalam perkara luar biasa yang berlaku kepada mereka yang bersahabat meminta bantuan daripada Syaitan. Dalam konteks ini, kelebihan yang dimilikinya adalah daripada Syaitan. Dalam menjelaskan hal ini, al-Burhami (2022) menyatakan bahawa terdapat segelintir manusia menyangka bahawa golongan yang memiliki sesuatu yang diluar kebiasaan adalah wali Allah SWT, justeru itu adalah satu kesilapan. Tambah beliau lagi, mungkin juga sesuatu yang luar biasa yang berlaku pada seseorang bukanlah karamah, akan tetapi ia adalah datang daripada Syaitan (al-Burhami, 2022). Sekiranya seseorang itu mampu melakukan sesuatu yang luar biasa, sedangkan dia seorang yang menyimpang daripada Syariat, melakukan kesyirikan, bid‘ah dan kesesatan, maka ketahuilah ia adalah daripada Syaitan (al-Burhami, 2022).

Di samping itu juga, perlu dijelaskan bahawa *karamah* tidak semestinya datang dalam bentuk magis atau luar biasa. Jelas Muhammad Ihsan et.al. (2015), nas-nas syarak menunjukkan bahawa terdapat pelbagai bentuk Allah SWT memberikan *karamah* kepada hambaNya. Salah satu bentuk sebagaimana dijelaskan oleh Ibn Abi al-‘Izz (2005), iaitu *karamah* adalah sentiasa melakukan ketaatan dan Allah SWT. Bahkan tambah beliau lagi, *karamah* (kemuliaan) yang paling besar diberikan oleh Allah SWT kepada hambaNya adalah apabila amalannya menepati

apa yang dicintai dan diredhai oleh Allah SWT (Ibn Abi al-'Izz, 2005). Senada dengan pandangan ini, al-Sayyid Sabiq (2009) turut menyatakan bahawa istiqamah di atas jalan al-Quran dan al-Sunnah juga termasuk *karamah* yang telah disepakati oleh generasi *Salaf al-Salih*.

Hubungan Wali dan Karamah Menurut Perspektif Islam

Sebagaimana telah dijelaskan sebelum daripada ini, wali adalah mereka yang beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT. Semakin tinggi ketaatannya kepada Allah SWT, semakin tinggi pula kedudukan dan tahap kewaliaanya di sisi Allah SWT. Manakala *karamah* pula adalah satu bentuk kemuliaan yang diberikan oleh Allah SWT kepada mereka yang beriman melalui pelbagai bentuk, sama ada pemiliknyanya menyedari atau tidak. Secara umumnya, terdapat hubungan yang erat antara wali dan *karamah*. Iaitu *karamah* adalah satu bentuk kemuliaan yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada para walinya menerusi pelbagai bentuk.

Bagaimanapun, perlu dijelaskan bahawa tidak semua wali memiliki *karamah*. Jelas al-'Uthaimin (2012), tidak semua wali dianugerahkan oleh Allah SWT dengan *karamah*. Terdapat sebahagian wali diberikan oleh Allah SWT dengan *karamah* berupa sesuatu yang boleh dilihat (dikesan dengan pancaidera), dan sebahagian yang lain diberikan *karamah* berupa pertambahan Iman dan ketaqwaan kepada Allah SWT (al-'Uthaimin, 2012). Malah, *karamah* pada kategori ke dua adalah lebih agung berbanding kategori pertama (al-'Uthaimin, 2012).

Jelas Muhammad Ihsan et.al (2015), *karamah* bukanlah kayu ukur bagi menilai tingkat kemuliaan seseorang itu. Mungkin sahaja berlaku orang yang tidak dianugerahkan *karamah* berbentuk kelebihan luar biasa, namun hakikatnya ia lebih mulia di sisi Allah SWT berbanding yang lain (Muhammad Ihsan et.al, 2015).

Analisis Salah Faham Konsep Wali dan Karamah yang Tular Dalam Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia

Dalam tinjauan penulis terhadap medium internet, sama ada *website*, *youtube*, *facebook* dan sebagainya, penulis telah menemui beberapa salah faham yang berlegar dalam masyarakat berkenaan konsep wali dan *karamah*. Dalam artikel ini, penulis akan bahagikan salah faham tersebut kepada terma-terma seperti berikut:

1. Salah dalam Menetapkan Ciri-ciri Wali

Penulis menemui beberapa sebaran berkenaan ciri-ciri wali. Antaranya satu hantaran di laman facebook dengan panjang lebar menjelaskan bahawa wali memiliki sifat-sifat seperti penampilannya seperti orang gila, hanya berjalan kaki, menahan lapar ketika beribadah, dibenci orang tanpa sebab dan dijauhi, dihina, pakaiannya kotor, kehidupannya tidak terurus dan sulit, doanya mustajab, dimarahi oleh orang yang berdosa dan ingin memukulnya, tidak suka bergaul, pengikutnya sedikit, selalu dituduh gila, sabar di saat susah, melakukan Ibadah di mana-mana sahaja, tegas dalam bab agama, selalu direndahkan oleh ahli agama, mendapat perlindungan dari Allah dari orang-orang yang jahat, kehidupannya serba kekurangan dan hatinya sentiasa berzikir sekalipun sedang berbicara (*Facebook*, 2022a).

Selain daripada itu, terdapat juga hantaran di *laman facebook* dengan menyifatkan wali sebagai seorang yang pelik. Perwatakan wali kadang-kadang suka kentut di khalayak ramai, merokok dan suka mendengar radio (*Facebook*, 2022b). Alasan berpewatakan demikian kerana ingin menapis rahmat Allah SWT daripada turun ke bumi (*Facebook*, 2022b). Selain daripada itu, tular sebuah video di laman youtube, seorang pendakwah dari Indonesia turut menjelaskan bahawa wali si Polan telah merokok sebanyak dua ratus batang dalam masa sehari dan ditambah pula dengan menghisap shisyah (*Youtube*, 2022a). Sekalipun, asalnya video ini adalah daripada Indonesia, namun ia turut tersebar di Malaysia. Pendakwah dalam video ini turut menambah

bahawa tindakan wali terbabit merokok lantaran ingin meneutralkan keadaan masyarakat yang datang kepadanya (Youtube, 2022a). Bagi pendakwah ini, masyarakat yang datang dengan dosa akan menampakkkan wajah mereka (di hadapan wali tersebut) seperti babi dan kera. Justeru, tindakan wali berkenaan menghisap rokok adalah sebagai mengimbangi keadaan manusia yang datang kepadanya itu.

Analisis:

Para sarjana Islam telah menjelaskan bahawa wali adalah mereka yang beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT dalam surah Yunus: 62-63. Hal ini sangat jelas sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: “Ketabnilah, sesungguhnya wali-wali Allah itu kebanyakan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita. Wali-wali Allah ini adalah orang yang beriman serta mereka pula sentiasa bertaqwa”. Justeru, ciri-ciri wali secara asasnya adalah Iman dan taqwa. Adapun beberapa ciri-ciri yang disebut di atas seperti kelihatan gila, penampilan yang kotor, suka menyendiri, tidak disukai dan sebagainya bukanlah ciri-ciri para wali dan bercanggah dengan nas-nas yang sahih. Antaranya adalah tidak disukai masyarakat bercanggah dengan hadis yang sahih. Nabi SAW bersabda:

إن الله تعالى إذا أحب عبدا دعا جبريل، فقال: إني أحب فلانا فأحبه، فيحبه جبريل، ثم ينادي في السماء، فيقول: إن الله يحب فلانا فأحبوه، فيحبه أهل السماء، ثم يوضع له القبول في الأرض

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah SWT apabila mencintai seorang hamba, maka Dia akan memanggil Jibril AS dan berkata: Sesungguhnya Aku mencintai si Polan maka cintailah dia. Hamab tersebut dicintai oleh Jibril AS. Kemudian Jibril menyeru di langit: “Sesungguhnya Allah SWT mencita si Polan, maka hendaklah kalian mencintainya. Justeru si Polan itu dicintai oleh mereka. Kemudian si Polan tersebut akan diterima di bumi .(HR. Bukhari).

Demikian juga, sifat seperti kentut di hadapan khalayak, merokok dan mendengar muzik bukanlah sifat bagi para wali. Malah, alasan yang diberikan iaitu untuk menapis rahmat Allah SWT dan meneutralkan kewaliaan seseorang ketika menemui orang yang berdosa adalah sangat tidak masuk akal. Penulis katakan begitu kerana beberapa alasan:

1) Seorang Muslim diajar oleh Islam untuk sentiasa memohon sebanyak-banyaknya rahmat daripada Allah SWT, bukan untuk menapis rahmat. Contohnya seperti doa di dalam al-Quran dalam surah al-Mukminun ayat 109:

رَبَّنَا آمَنَّا فَاغْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا وَأَنْتَ خَيْرُ الرَّاحِمِينَ

Maksudnya:

Tuhan kami, kami telah beriman, justeru ampunilah dan rahmatilah kami. Engkau sebaik-baik pemberi rahmat.

2) Konsep melakukan sesuatu yang tidak bermaruah atau berdosa untuk menutup keaiban orang lain adalah sesuatu yang tidak pernah diajar di dalam Islam. Malah, Islam memerintahkan kepada umatnya agar sentiasa menunjukkan akhlak yang mulia sebagai mengikuti petunjuk daripada Baginda SAW. Sebagaimana sepotong hadis seperti berikut:

إِنَّ مِنْ خَيْرِكُمْ أَحْسَنَكُمْ أَخْلَاقًا

Maksudnya:

“*Sesungguhnya, sebaik-baik dalam kalangan kamu adalah yang terbaik akhlaknya*” (HR. Bukhari)

3) Beberapa amalan yang dinyatakan sebagai perbuatan wali di atas, sebahagiannya adalah haram dan tidak bermaruah. Contohnya seperti pengharaman rokok telah dikeluarkan oleh banyak badan keagamaan yang berautoriti antaranya seperti Haiah Kibar Ulama (Lajnah Daimah li Buhuth al-Ilmiyyah, Arab Saudi melalui al-Buhuth al-Islamiyyah 5/289), Jawatankuasa Ftw Negeri Selangor (7 Disember 1995), Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (Muzakarah ke-37 pada 23 Mac 1995), Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah dan Kementerian Kehakiman dan Hal Ehwal Islam Emiriah Arab Bersatu (UAE) (al-Bakri, 2015). Selain daripada merokok, kentut di khalayak ramai juga merupakan sesuatu yang tidak bermaruah. Malah, tindakan seperti ini pernah berlaku kepada kaum Nabi Lut dan ditegur oleh Allah SWT dalam surah al-Ankabut ayat 29:

أَنتُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ وَتَقْطَعُونَ السَّبِيلَ وَتَأْتُونَ فِي نَادِيكُمُ الْمُنْكَرَ ۖ فَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِ إِلَّا أَنْ قَالُوا ائْتِنَا بِعَذَابِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ مِنَ الصَّادِقِينَ

Maksudnya:

Patutkah kamu mendatangi orang lelaki (untuk memuaskan nafsu syahwat kamu)? Dan kamu memotong jalan lalu-lalang (untuk tujuan jabat kamu)? Dan kamu pula melakukan perbuatan yang mungkar di tempat-tempat perhimpunan kamu?” Maka kaumnya tidak menjawab selain daripada berkata (secara mengejek-ejek): “Datangkanlah kepada kami azab dari Allah (yang engkau janjikan itu) jika betul engkau dari orang-orang yang benar”.

Dalam mentafsirkan ayat “...dan kamu pula melakukan perbuatan yang mungkar di tempat-tempat perhimpunan kamu...” para sarjana seperti al-Tabari (m. 310 H) menukikan sebahagian pandangan bahawa perbuatan munkar yang dilakukan oleh kaum Nabi Lut adalah kentut di majlis-majlis mereka (al-Tabari, 2000). Al-Syawkani (m. 1250 H) dalam *Fath al-Qadir* turut menukikan beberapa pandangan sarjana berkenaan perkara munkar yang dilakukan oleh kaum Nabi Lut AS dan salah satu darinya adalah mereka kentut dalam majlis-majlis mereka (al-Syawkani, t.t.).

2. Membahagikan Wali Kepada Beberapa Kategori

Sebuah video daripada penceramah Malaysia telah menjelaskan bahawa wali terbahagi kepada dua, iaitu wali *majdhub* dan wali biasa (Youtube, 2022b). Menurut penceramah berkenaan, wali *majdhub* adalah wali yang dilantik secara tiba-tiba, dalam keadaan dirinya sendiri tidak mengetahuinya. Manakala wali biasa adalah wali yang dilantik berdasarkan kepada amal Ibadah yang dilalui dalam kehidupan hariannya (Youtube, 2022b). Video-video dari negara jiran Indonesia begitu banyak menyebarkan kategori wali seperti ini. Bahkan, ada video-video mereka yang turut ditonton dan tersebar dalam masyarakat Islam di Malaysia memaparkan bahawa kebanyakan mereka yang digelar sebagai wali *majdhub* adalah dari kalangan mereka yang kurang siuman, lurus bendul dan seumpama dengannya. Malah, mereka ditonjolkan dengan berperwatakan seperti tidak berbaju, auratnya tersingkap, merokok, bermain alatan muzik dan sebagainya.

Selain daripada itu juga, video seorang penceramah dalam laman youtube turut menyatakan bahawa ketua para wali digelar sebagai wali *Qutub* (Youtube, 2022c). Jelas pendakwah berkenaan, wali *Qutub* wujud pada setiap zaman dan lantikan sebagai ketua para wali memandangkan dirinya adalah paling hebat serta perwatakan dan akhlaknya paling mirip dengan Baginda SAW. Tambah pendakwah berkenaan lagi, lantikan ini adalah berdasarkan pertemuan dan majlis antara wali-wali. Seiring dengan pendirian ini, terdapat video lain pula menceritakan berkenaan seorang lelaki yang

bernama Bisyr al-Hafi (*Youtube*, 2022d). Menurut video berkenaan, Bisyr adalah seorang wali dan tiada seorang pun yang mampu menandingi kewalian beliau pada zaman tersebut.

Analisis:

Para wali ditentukan berdasarkan kepada tingkat keimanan dan ketaqwaan mereka kepada Allah SWT. Semakin tinggi keimanan dan ketaqwaan mereka, semakin tinggi kedudukan mereka di sisi Allah SWT. Prinsip ini sangat jelas dalam wacana pemikiran akidah Ahli Sunnah wa al-Jama'ah. Adapun pembahagian yang disebarkan dalam beberapa video sebagaimana dijelaskan di atas, tidak pula dijumpai oleh penulis dalam mana-mana perbincangan arus perdana ahli Sunnah wa al-Jama'ah melainkan perbincangan yang melibatkan dunia kesufian sahaja. Bahkan, istilah *majdhub*, *qutub* dan sebagainya ini sangat masyhur dalam kalangan pengikut-pengikut sufi.

Menurut al-Tahanawi (1996), *al-jadhab* menurut pandangan ahli Sufi bermaksud Allah SWT menarik seorang hamba itu kepada-Nya. Lebih jelas, al-Kasyani (1992) (m. 730 H) mengatakan bahawa istilah *majdhub* bermaksud Allah SWT telah memilih seseorang hamba itu untuk dekat denganNya. Tambah al-Kasyani (1992) lagi, *al-majdhub* ini adalah pemberian dari Allah kepada seseorang dengan *maqam* (kedudukan) yang tinggi tanpa perlu bersusah payah (dengan amalan dan *mujahadah*). Menurut Rasyid Reda (2022), kebanyakan mereka yang digelar sebagai *al-majdhub* ini adalah terdiri daripada para sarjana yang bijak lagi pintar. Bagaimanapun, sebahagian mereka terdapat yang ekstrem dan berperwatakan berbeza dengan majoriti masyarakat awam sehingga dianggap sebagai seorang yang was-was, cacat dan gila (Rasyid Reda, 2022). Berdasarkan kepada video-video yang ditemui oleh penulis, mereka yang dikatakan sebagai wali *majdhub* adalah kebanyakannya terdiri daripada mereka yang kurang siuman, lurus bendul dan seumpamanya. Menurut penulis, keyakinan seperti ini tidak masuk akal memandangkan kedudukan wali begitu istimewa di sisi Allah SWT. Demikian juga tidak wajar seorang wali itu memiliki perwatakan pelik seperti tidak berbaju, aurat tersingkap, merokok dan sebagainya.

Selain daripada itu, istilah wali *Qutub* sebagai ketua para wali turut ditemui sebagaimana telah dijelaskan di atas. Istilah wali *Qutub* juga tidak ditemui dalam wacana perbincangan arus perdana ahli Sunnah wa al-Jama'ah. Bagaimanapun, ia masyhur dalam dunia kesufian. Memetik perkataan Lisan al-Din bin al-Khatib, orang khusus di sisi Allah di bumi adalah: *al-abdal*, *al-aqtab*, *al-awtad*, *al-'urafa'*, *al-nujaba'* dan *al-nuqaba'*. Manakala ketua mereka adalah *al-ghawth* ('Ala', 2022). Sebahagian daripada mereka berpandangan bahawa *al-qutub* dan *al-ghawth* adalah sama (al-Jurjani, t.t.). Pembahagian seperti ini tidak terkandung al-Quran dan Sunnah. Justeru, ia telah ditentang oleh ramai dalam kalangan para sarjana. Antaranya Ibn al-Qayyim (t.t.) (m. 751 H) pernah menjelaskan bahawa hadis berkaitan *al-abdal*, *al-aqtab*, *al-aghmath*, *al-nuqaba'*, *al-nujaba'*, dan *al-awtad* kesemuanya adalah batil. Hanya satu hadis sahaja yang hampir dengan isu ini, iaitu: "*Janganlah kalian mencela ahli Syam, kerana dalam kalangan mereka al-budala', setiap kali meninggal seorang daripada mereka, Allah akan gantikan tempatnya dengan lelaki yang lain.*" Bagaimanapun, hadis ini tidak sah kerana sanadnya terputus (*munqati'*) (Ibn al-Qayyim, t.t.).

3. Normalisasi Cerita Kesaktian Melampau Tanpa Sandaran yang Berautoriti

Cerita atau kisah sakti melampau yang dikaitkan dengan sifat seorang wali sering ditemui baik dalam bentuk tulisan atau secara verbal. Antara yang ditemui adalah seorang pendakwah pernah menceritakan dalam ceramahnya bahawa murid kepada seseorang wali boleh terbang (Facebook, 2022c). Tambah pendakwah itu lagi, sekiranya murid boleh terbang, maka gurunya mungkin memiliki kesaktian yang lebih hebat. Berdasarkan kepada video terbabit, kisah ini dikatakan adalah bersumberkan daripada kitab yang berjudul *Jawhar al-Qulub* karangan Syaykh 'Ali bin 'Abd al-Rahman al-Kelantani.

Selain daripada itu juga, tular sebuah video dari seorang pendakwah menceritakan seorang wali yang berada di Mekah, boleh balik ke Patani dan kembali ke Mekah dalam masa yang sangat singkat dengan membawa pulut durian yang masih panas (Youtube, 2022e). Tular juga berkenaan kubur seseorang yang dianggap sebagai wali berbau wangi (Youtube, 2022f). Demikian juga turut diceritakan berkenaan seorang wali yang mengalami luka di kaki dan berulat, apabila ingin turun mandi di sungai, wali tersebut akan mengutip ulat di lukanya terlebih dahulu untuk diletakkan di daratan. Apabila selesai, wali tersebut akan mengambil semula ulat-ulat tersebut dan meletakkan kembali di lukanya (Youtube, 2022g). Selain daripada itu juga, turut ada pendakwah yang menceritakan berkenaan kehebatan seorang wali yang seakan-akan mengetahui kesalahan-kesalahan yang dilakukannya sebelum daripada ini, lintasan hati dan sebagainya (Youtube, 2022h).

Analisis:

Turut ditemui dalam laman *facebook* dan *youtube*, beberapa pendakwah menyampaikan kisah-kisah kesaktian melampau berkenaan seseorang wali kepada pendengar. Kewujudan karamah kepada para wali adalah sesuatu yang dibenarkan oleh agama Islam, namun mewartakan secara melampau dengan kisah-kisah sakti tanpa panduan Syarak menurut penulis adalah sesuatu yang tidak wajar. Ini berdasarkan beberapa justifikasi:

1) Kesahihan kisah-kisah yang disampaikan ini dipertikaikan berikutan tidak memiliki sandaran yang boleh dipercayai. Sekiranya benar sekalipun, kisah-kisah seperti ini terdedah dengan tokoh tambah, memandangkan ia kebiasaannya disampaikan secara oral dari satu generasi kepada generasi yang lain. Prinsip Islam sangat jelas dalam hal sebegini. Umat Islam tidak dibenarkan untuk menyampaikan apa sahaja yang mereka dengari kepada orang lain. Baik hal itu dalam urusan dunia, atau urusan akhirat. Mereka yang melakukan demikian dianggap telah melakukan pembohongan. Ini ditegaskan oleh Nabi Muhammad SAW dalam hadis berikut:

كَفَى بِالْمَرْءِ كَذِبًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ

Maksudnya:

Cukuplah seorang itu dianggap berdusta apabila menceritakan apa sahaja yang didengarinya. (HR. Muslim)

2) Normalisasi kisah-kisah sebegini boleh memalingkan pendengar daripada tujuan Ibadah yang sebenar. Pendengar lebih tertarik untuk mengamalkan sesuatu amalan untuk memperoleh karamah, dan bukan keredhaan dari Allah SWT. Ibn Abi al-'Izz (2005) pernah menukilkan perkataan al-Juzajani (m. 259 H) seperti berikut: “*Jadilah seorang pencari istiqamah (dalam Ibadah), bukan seorang pencari karamah*”. Karamah bukanlah tujuan utama Ibadah. Ia hanyalah pemberian yang diberikan oleh Allah SWT kepada sebahagian walinya kerana tujuan-tujuan yang pelbagai. Tidak semua wali memiliki karamah. Demikian juga karamah tidak boleh dijadikan kayu ukur ketinggian darjat seseorang wali itu di sisi Allah SWT.

Selain daripada itu juga, normalisasi kisah-kisah ajaib ini boleh menyebabkan kemurnian Islam tercemar lantaran kesaktiannya yang melampau dan sukar diterima oleh akal yang sihat. Pada masa yang sama, ia turut memandulkan akal umat Islam kerana kisah-kisah sebegini membawa pendengarnya untuk banyak berimajinasi dan jauh daripada kehidupan realistik yang telah ditetapkan aturannya oleh Allah SWT.

4. Pengagungan Terhadap Tinggalan Seseorang yang Dianggap Sebagai Wali

Tular juga di dalam *video* dan *website* berkaitan peninggalan seseorang yang dianggap sebagai wali dan diagungkan oleh masyarakat setempat. Antara tempat-tempat yang diagungkan adalah kubur, tempat suluk/Ibadah, telaga dan sebagainya. Dalam sebuah *video* di laman youtube menceritakan berkenaan makam dan tempat suluk Tok Selohor, salah seorang Ulama Kelantan

yang dijadikan sebagai tempat untuk mendapatkan keberkatan dan sebagainya. Bahkan, turut diceritakan bahawa terdapat pengunjung yang datang ke situ dengan tujuan untuk mendapatkan nombor ekor (Youtube, 2022i). Selain daripada itu juga, tinggalan seperti telaga Tok Syeikh di atas gunung Jerai turut dijadikan sebahagian pengunjung sebagai tempat untuk mengambil berkat. Justeru, air dari telaga berkenaan diambil untuk dibuat mandi, minum dan sebagainya (Facebook, 2022d).

Analisis:

Syariat Islam mengajar umatnya agar menghormati para wali kerana kedudukannya yang tinggi di sisi Allah SWT. Bagaimanapun, penghormatan yang diberikan perlulah mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan oleh Syarak. Sifat melampau-lampau terhadap wali dan peninggalannya adalah sesuatu yang bukan daripada ajaran Islam. Oleh kerana itu, ramai dalam kalangan sarjana memberikan peringatan keras kepada mereka yang melampau-lampau terhadap peninggalan wali.

Peninggalan para wali biasanya dijadikan sebagai tempat untuk *tabarruk* (mengambil berkat) oleh masyarakat Islam yang jahil. Sebagaimana dijelaskan di atas terdapat sebahagian masyarakat yang pergi ke tempat suluk Tok Selohor, telaga Tok Syeikh dan sebagainya dengan tujuan untuk mengambil berkat. Prinsip Islam dalam hal ini adalah sangat jelas, iaitu keberkatan adalah daripada Allah SWT dan Dia sahaja yang boleh memberikannya kepada sesiapa yang dikhendakinya. Justeru, dakwaan bahawa sesuatu tempat itu adalah berkat mestilah bersandarkan kepada nas agama.

Penutup

Istilah wali dan karamah adalah sesuatu yang agak biasa disebut dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Sepanjang penelitian penulis, terdapat sekurang-kurangnya empat bentuk salah faham masyarakat Islam khususnya di Malaysia berkenaan konsep wali dan karamah dalam Islam. Schubungan daripada itu, artikel ini diharapkan sedikit sebanyak dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat berkenaan salah faham ini, sekaligus memberikan kefahaman yang sebenar berkenaan konsep wali dan karamah di dalam Islam.

Rujukan

- 'Ala', Ibrahim 'Abd al-Rahim. *Al-Qutb wa al-Ghawth wa al-Abdal wa al-Awtad Bayn al-Sufiyyah wa Dilalat al-Nusus al-Syar'iyyah*. salafcenter.org/4451 diakses pada 26 Ogos 2022.
- Al-'Umari, Abd al-Hadi bin 'Awd. *Ara' Ibn 'Ajibah al-'Aqdiyyah: 'Aradan wa Naqdan*. (Tesis Doktor Falsafah, Jabatan al-'Aqidah wa al-Madhahib al-Mu'asarah, Fakulti Usuluddin, Universiti al-Imam Muhammad bin Su'ud al-Islamiyyah, Riyadh, 2019).
- Al-'Uthaimin, Muhammad bin Salih. *Fatawa Nur 'Ala al-Darb-al-'Aqidah-*. (Arab Saudi: Mu'assasah al-Syaykh Muhammad bin Salih al-'Uthaymin al-Khayriyyah, 2012).
- Al-Asyqar, Umar Sulayman. *Al-'Aqidah fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah: Al-Rusul wa al-Risalah*. (Jordan: Dar al-Nafa'is, 2008).
- Al-Bakri, Zulkifli Mohammad. Bayan Linnas Siri ke-18: Merokok: Hukum dan Penyelesaiannya. <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/2634-bayan-linnas-siri-ke-18-merokok-hukum-dan-penyelesaiannya> diakses pada 25 Ogos 2022.
- Al-Buraikan, Ibrahim Muhammad bin Abdullah. *Al-Madkhal li Dirasah al-'Aqidah al-Islamiyyah 'ala Madhhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. (Kaherah: Dar Ibn Affan, 2003).
- Al-Burhami. Yasir. Kitab al-Furqan Bayna Awliya' al-Rahman wa Awliya' al-Syaytan. <https://al-maktaba.org/book/32165/96#p5> diakses pada 20 Ogos 2022.
- Al-Fayruz Abadi, Muhammad bin Ya'qub. *Al-Qamus al-Mubit*. (Bayrut: Dar al-Fikr, 1999).

- Al-Jurjani, ‘Ali bin Muhammad al-Sayyid al-Syarif. *Mu‘jam al-Ta‘rifat*. Ed. Muhammad Siddiq al-Minsyawi. (Kaherah: Dar al-Fadilah, t.t.)
- Al-Kasyani, ‘Abd al-Razzaq. *Mu‘jam Istilahat al-Sufiyyah*. ed. ‘Abd al-‘Al Syahin. Kaherah: Dar al-Manar, 1992).
- Al-Mandili, ‘Abd al-Qadir bin ‘Abd al-Muttalib. *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf Atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf*. (Fatani: Percetakan bin Halabi, t.t.).
- Al-Qaradawi, Yusuf. *Fusul fi al-‘Aqidah Bayn al-Salaf wa al-Kbalaf*. (Kaherah: Maktabah Wahbah, 2005)
- Al-Sayyid Sabilq. *Al-‘Aqa’id al-Islamiyyah*. (Kaherah: Dar al-Fath, 2009).
- Al-Syawkani, Muhammad ‘Ali. *Fath al-Qadir*. (Bayrut: Dar al-Ma‘rifah, t.t.)
- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir. *Jami‘ al-Bayan fi Ta’wil al-Quran*. Ed. Ahmad Muhammad Syakir. (T.T: Mu’assasah al-Risalah, 2000).
- Al-Tahanawi. Muhammad ‘Ali. *Mawsu‘ah Kasysyaf Istilahat al-Funun wa al-Ulum*. ed. Rafiq al-‘Ajami et.al. (Bayrut: Maktabah Lubnan, 1996)
- Al-Syawkani. Muhammad bin ‘Ali. *Fath al-Qadir*. (T.T: T.P., t.t).
- Basri Ibrahim. *Bantahan Ulama Kurun Ke 6 Hijrah Terhadap Manhaj & Amalan Melampau Ahli Sufi*. (Perak: Manhaj Clear Publication, 2021).
- Bin Baz, ‘Abd al-‘Aziz bin ‘Abd Allah. *Fatawa Nur ‘Ala al-Darb – Kitab al-‘Aqidah*. (Riyadh: Idarah Majallah al-Buhuth al-Islamiyyah, 2007).
- Facebook. Ciri-ciri Wali. <https://www.facebook.com/profile.php?id=100076257314491> diakses pada 25 Ogos 2022a.
- Facebook. Telaga Tok Syeikh. <https://www.facebook.com/search/top/?q=telaga%20tok%20syeikh> diakses pada 25 Ogos 2022d.
- Facebook. Wali Allah Sifatnya Macam-macam. <https://www.facebook.com/search/top?q=wali%20kentut> diakses pada 25 Ogos 2022b.
- Facebook. Wali Terbang. <https://www.facebook.com/100079331921162/videos/593590135468137> diakses pada 25 Ogos 2022c.
- Hazman Hassan & Muhammad Ihsan. *Wali Allah, Antara Fakta dan Mitos: Satu Kajian Menurut Syeikh Abd. Al-Qadir al-Mandili*. *Journal of Advance Research in Social and Behavioral Sciences*. 8/1 (2017). p. 46-55.
- Ibn Abu al-‘Izz, Muhammad bin ‘Ala’ al-Din. *Syarh Aqidah al-Tahawiyyah*. ed. Muhammad Nasir al-Din al-Albani. (Bayrut: al-Maktab al-Islami, 2005).
- Ibn al-Qayyim, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Abi Bakr bin Ayyub bin Qayyim al-Jawziyyah. *Al-Manar al-Munif fi al-Sahih wa al-Da‘if*. Ed. Yahya bin ‘Abd Allah al-Thumali. (T.T: Dar ‘Ilm al-Fawa’id, t.t.).
- Ibn Hajar, Ahmad bin Ali bin Hajar. *Fath al-Bari*. (Bayrut: Dar al-Ma‘rifah, 1959).
- Ibn Kathir, Isma‘il bin ‘Umar. *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. ed. Sayyid Muhammad Sayyid et.al. (Kaherah: Dar al-Hadith, 2005).
- Ibn Taymiyyah, Ahmad bin Abdul Halim. *Al-Furqan Bayn Awliya’ al-Rahman wa Awliya’ al-Syaytan*. ed. Syu‘ayb al-Arna’ut. (T.T: Dar al-Bayan, 1985).
- Muhammad Ihsan et.al. *Minta Tabik Datuk Bumi Putera di sini: Karamah, Keramat dan Pemurniannya Oleh ‘Abd al-Qadir al-Mandili*. *Proceedings of International Conference of Human Sciences 2015*. (Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 7-9 April 2015).
- O.K. Rahmat. *Pencemaran Akidah di Nusantara*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983).
- Rasyid Reda. Hal al-Majdhub Waliy aw Majnun. <http://www.fatawa.com/view/804> diakses pada 26 Ogos 2022.
- Youtube. Alasan Kenapa Wali Merokok. <https://www.youtube.com/watch?v=5y2-RFNpKfo> diakses pada 25 Ogos 2022a.

- Youtube. Amalan Menjadi Wali Allah. <https://www.youtube.com/watch?v=GdY1TkRUpHg> diakses pada 25 Ogos 2022d.
- Youtube. Apa Beza Wali Majzub dan Wali Biasa. <https://www.youtube.com/watch?v=xwB1ZnKeXsM> diakses pada 25 Ogos 2022b.
- Youtube. Kenali Wali Allah Tok Kenali. <https://www.youtube.com/watch?v=uE-HvVbmTkU> diakses pada 25 Ogos 2022g.
- Youtube. Kisah Ustaz Jumpa Wali Allah. https://www.youtube.com/watch?v=cF1yKn_fQow diakses pada 25 Ogos 2022h.
- Youtube. Kubur Wali Allah Berbau Wangi Sehingga Jadi Fitnah. <https://www.youtube.com/watch?v=q5FQ6GcYSFw> diakses pada 25 Ogos 2022f.
- Youtube. Pengalaman Jaga Kubur Suluk Tok Selohor. https://www.youtube.com/watch?v=FHEmO4_fiGc diakses pada 25 Ogos 2022i.
- Youtube. Siapakah Wali Qutub. https://www.youtube.com/watch?v=CPWzFua1_kQ diakses pada 25 Ogos 2022c.
- Youtube. Tok Kenali Bawa Pulut Durian 30 Minit dari Pattani ke Mekah. <https://www.youtube.com/watch?v=N-xS8xU0wvA> diakses pada 25 Ogos 2022e.

BAB 8

PETUA DAN PANTANG LARANG PENGHAMBAT REZEKI DALAM KITAB TA'LIM WA AL-MUTA'LLIM KARYA AL-ZARNUJI: KAJIAN DI KUALA LIPIS, PAHANG

Mohd Zahir Abdul Rahman¹, Mohamad Hafizuddin Mohamed Najid¹, Ahmad Murshidi Mustapha², Mohd Miqdad al-Aswad², Shah Rizul Izyan Zulkipli¹

¹Universiti Sains Islam Malaysia

²Universiti Teknologi Mara, Kelantan

Pendahuluan

Petua merupakan koleksi-koleksi nasihat atau panduan yang berguna tentang kaedah dalam melaksanakan sesuatu dengan cara yang berkesan. Secara umumnya, petua ini dipelopori oleh orang yang berpengalaman atau dalam kalangan warga emas. Masyarakat Melayu amat kaya dengan kepercayaan dan amalan turun temurun yang diwarisi sejak sejak dahulukala serta menjadi sebahagian daripada peraturan sosial dan dikongsi bersama dalam kehidupan bermasyarakat. Kepercayaan dan amalan ini turut diadaptasikan melalui petua-petua tradisional dan pantang larang yang diyakini secara turun temurun kesannya dalam kehidupan seharian. Menurut Hamidah Abdul Wahab (2013), nasihat dan panduan yang dikaitkan dengan istilah petua adalah berasaskan kepada kepercayaan, adat dan budaya setempat. Manakala pantang larang merujuk kepada sesuatu yang dilarang melakukannya menurut adat atau kepercayaan. Justeru, kajian ini cuba merungkai kefahaman masyarakat warga tua di Kuala Lipis, Pahang terhadap senarai petua-petua yang mengundang kefakiran yang ada di dalam kitab *Ta'lim wa al-Muta'allim* karya al-Zarnuji. Karya al-Zarnuji merupakan karya khusus bagi pendidik dan penuntut ilmu merangkumi adab-adab, kaedah dan petua-petua yang perlu diamalkan dan tidak perlu diamalkan. Kesemuanya ini dibukukan untuk panduan generasi akan datang.

Biografi Pengarang Kitab *Ta'lim Wa Al-Muta'allim*

Al-Zarnuji atau nama lengkapnya Burhan al-Din Ibrahim al-Zarnuji al-Hanafi. Namun terdapat beberapa nama lain yang dikaitkan dengan beliau seperti Burhan al-Islam dan Burhan al-Din. Menurut Syeikh Ibrahim bin Ismail, dalam mensyarahkan kitab *Ta'lim al-Muta'allim* juga tidak menyebutkan sama sekali nama lengkap dari az-Zarnuji. Tetapi ada pula yang menyebutkannya bahawa nama lengkap al-Zarnuji adalah Nu'man bin Ibrahim ibn Khalil az-Zarnuji Taj ad-Din sebagaimana yang ditulis oleh al-Zarkeli dalam kitabnya *al-A'lam* (Tokoh-tokoh). Namun, hingga kini belum diketahui secara pasti waktu dan tempat lahirnya al-Zarnuji.

Nama "al-Zarnuji" sendiri dinisbatkan pada suatu tempat bernama Zarnuj, sebuah tempat yang berada di wilayah Turki. Sementara kata "al-Hanafi" diyakini dinisbatkan kepada nama mazhab yang dianutnya, yakni mazhab Hanafi. Beberapa peneliti berpendapat bahwa dilihat dari nisbahnya nama al-Zarnuji diambil berdasar pada daerah dari mana ia berasal yaitu daerah "Zarand". Zarand adalah salah satu daerah di wilayah Persia yang pernah menjadi ibu kota Sidjistan yang terletak disebelah selatan Herat. Perjalanan kehidupan al-Zarnuji tidak dapat diketahui secara pasti. Meski diyakini ia hidup pada masa kerajaan Abbasiyah di Baghdad, yang pastinya masih menjadi perdebatan hingga sekarang. Al-Quraisyi menyebut al-Zarnuji hidup pada abad ke-13 M. Sementara para orientalis seperti G.E. Von Grunebaun, Theodora M. Abel, Plessner dan J.P. Berkey meyakini bahawa al-Zarnuji hidup di penghujung abad 12 dan awal abad 13 M. asal Burhanddin az-Zarnuji Mochtar Affandi dalam tesisnya "The Method of Muslim Learning as Illustrated in Al Zarnuji's Ta'lim al Muta'allim (1990)" mengatakan bahawa asal dari Burhanuddin

az-Zarnuji dilihat dari nisbah namanya az-Zarnuji, bererti az-Zarnuji berasal dari wilayah Zarandj yang merupakan sebuah kota di Sidjistan pada abad pertengahan yang sekarang dikenal dengan Afganistan.

Adapun mazhab Hanafi tersebut banyak dianut oleh orang-orang Turki dan keturunannya, seperti Turkistan, Pakistan, dan Afghanistan. Ciri utama mazhab ini adalah bersandarkan *ro'yi* (fikir) dan analogi (secara kias). Oleh sebab itu dimungkinkan Az-Zarnuji sebagai orang yang banyak bersandarkan akal di samping Al-Quran dan Al-Hadith dalam memaparkan argumentasinya. Maka dari itu para peneliti mengkatagorikan bahawa az-Zarnuji sebagai seorang ahli falsafah.

Al-Zarnuji menuntut ilmu di Bukhara dan Samarkand. Dua tempat ini terkenal sebagai pusat keilmuan dan pengajaran. Semasa belajar, al-Zarnuji banyak menimba ilmu dari; Syeikh Burhan al-Din, pengarang buku *al-Hidayah*; Khawahir Zadah, seorang mufti di Bukhara; Hamad bin Ibrahim, seorang yang dikenal sebagai fakih, mutakallim, sekaligus adib; Fakhr al-Islam al-Hasan bin Mansur al-Auzajandi al-Farghani; al-Adib al-Mukhtar Rukn al-Din al-Farghani yang dikenal sebagai tokoh fiqh dan sastra; juga pada Syeikh Zahir al-Din bin 'Ali Marghinani, yang dikenal sebagai seorang mufti.

Karya termasyhur al-Zarnuji adalah *Ta'lim al-Muta'allim Tariq al-Ta'allum*, sebuah kitab yang dijadikan rujukan hingga kini. Menurut Haji Khalifah, kitab ini merupakan satu-satunya kitab yang dihasilkan oleh al-Zarnuji. Meski menurut peneliti yang lain, *Ta'lim al-Muta'allim*, hanyalah salah satu dari sekian banyak kitab yang ditulis oleh al-Zarnuji. Seorang orientalis, M. Plessner, misalnya, mengatakan bahawa kitab *Ta'lim al-Muta'allim* adalah salah satu karya al-Zarnuji yang masih ada. Plessner mendakwa bahawa al-Zarnuji memiliki karya lain, tetapi banyak hilang, kerana serangan tentera Mongol yang dipimpin oleh Hulagu Khan terhadap kota Baghdad pada tahun 1258 M.

Pendapat Plessner ini dikuatkan oleh Muhammad 'Abd Qadir Ahmad. Menurutnya, minima ada dua alasan bahawa al-Zarnuji menulis banyak karya iaitu: pertama, kapasiti al-Zarnuji sebagai pengajar yang mendalami bidang kajiannya. Beliau menyusun metode pembelajaran yang dikhususkan agar para pelajar untuk berjaya dalam pembelajaran. Tidak masuk akal bagi al-Zarnuji, yang pandai dan bekerja lama di bidangnya itu, hanya menulis satu buku. Kedua, ulama-ulama yang hidup semasa al-Zarnuji telah menghasilkan banyak karya kerana itu, mustahil sekiranya al-Zarnuji hanya menulis satu buku.

Tentang ada tidaknya karya lain yang dihasilkan al-Zarnuji sebenarnya dilukiskan al-Zarnuji sendiri dalam kitab *Ta'lim al-Muta'allim*, yang dalam salah satu bahagiannya ia mengatakan: "...kala itu guru kami syeikh Imam 'Ali bin Abi Bakar semoga Allah menyucikan jiwanya yang mulia itu menyuruhku untuk menulis kitab Abu Hanifah sewaktu aku akan pulang ke daerahku, dan aku pun menulisnya..." Hal ini memberikan gambaran bahawa al-Zarnuji sebenarnya mempunyai karya lain selain kitabnya yang berjudul *Ta'lim al-Muta'allim*. Terlepas dari perdebatan itu, al-Zarnuji merupakan tokoh yang telah memberikan sumbangan berharga bagi perkembangan pendidikan Islam. Karyanya, patut dikaji dan dipelajari.

Pengenalan Kitab *Ta'lim Wa Al-Muta'allim*

Nama lengkap bagi kitab ini adalah *Ta'lim al-Muta'alim Thariq al-Ta'allum* dan di dalamnya terdapat tiga belas fasal. Menurut Awaludin Pimay, kemungkinan besar karya al-Zarnuji yang lain turut musnah melainkan kitab *Ta'lim al-Muta'allim* yang masih terselamat. Secara umumnya, al-Zarnuji menyatakan dalam bab pendahuluan dengan pujian dan rasa syukur kepada Allah SWT yang telah melimpahkan melebihi nikmatnya atas ilmu dan amal atas semesta alam, dan mengucapkan salawat kepada Nabi Muhammad ﷺ, tokoh arab dan keluarga, sahabat-sahabat beliau yang merupakan sumber ilmu pengetahuan dan hikam. Seterusnya al-Zarnuji menggambarkan kegelisahan terhadap penuntut ilmu yang tekun tetapi tidak mampu mengambil manfaat terhadap ilmu yang dipelajari. Pertama: Mengamalkan dan menyebarkan ilmu yang

dipelajari. Kedua: Al-Zarnuji mengharapkan doa daripada gurunya yang alim dan arif itu untuk para pencinta ilmu semoga diberi kebahagiaan di hari kemudian, setelah belajar dari kitab *Ta'lim al-Muta'allim* hasil karyanya. Berikut didalam Table 1 merupakan 13 fasal yang terkandung dalam kitab *Ta'lim wa al-Muta'allim* iaitu:

Table 1. 13 Fasal Yang Terkandung Dalam Kitab *Ta'lim Wa Al-Muta'llim*

BIL	FASAL	TERJEMAHAN
1.	في ماهية العلم، والفقہ، وفضله	Menerangkan hakikat ilmu, hukum mencari ilmu, dan keutamaannya.
2.	في النية في حال التعلم	niat dalam mencari ilmu.
3.	في اختيار العلم، والأساتذ، والشريك، والثبات	Cara memilih ilmu, guru, teman, dan ketekunan
4.	في تعظيم العلم وأهله	Cara menghormati ilmu dan guru
5.	في الجد والمواظبة والهمة	Kesungguhan dalam mencari ilmu, beristiqamah dan cita-cita yang luhur.
6.	في بداية السبق وقدره وترتيبه	Ukuran dan urutannya
7.	في التوكل	Tawakal
8.	في وقت التحصيل	Waktu belajar ilmu
9.	في الشفقة والنصيحة	Saling mengasihi dan saling menasehati
10.	في الإستفادة واقتباس الأدب	Mencari tambahan ilmu pengetahuan
11.	في الورع	Bersikap wara' ketika menuntut ilmu
12.	فيما يورث الحفظ، وفيما يورث النسيان	Hal-hal yang dapat menguatkan hapalan dan yang melemahkannya
13.	فيما يجلب الرزق، وفيما يمنع، وما يزيد في العمر، وما ينقص	Hal-hal yang mempermudah datangnya rezeki, hal-hal yang dapat memperpanjang, dan mengurangi umur.

Skop Kajian

Kajian ini melibatkan proses wawancara serta soal selidik secara rawak kepada 5 warga emas di Kuala Lipis Pahang yang dikira sudah berpengalaman dan matang dengan persekitaran sekeliling, budaya dan masyarakatnya. Respondan diambil dalam kalangan warga emas yang berusia 60 sehingga 75 tahun yang selalu menadah kitab di Masjid Kampung Kechor Tui Kuala Lipis Pahang. Mereka merupakan responden dalam mengenal pasti maksud sebenar petua atau pantang larang penghambat rezeki dalam kitab karya al-Zarnuji dalam konteks masyarakat Melayu dahulu kala. Penjelasan warga emas ini terhadap petua-petua ini berdasarkan pengalaman serta ingatan terhadap nasihat yang diberikan oleh ibu dan moyang mereka ketika masih kecil. Kajian ini tertumpu kepada fasal ke 13 dalam kitab *Ta'lim wa al-Muta'allim* dalam sub topik فيما

يَجْلِبُ الرِّزْقَ، وَفِي مَا يَمْنَعُ، وَمَا يَزِيدُ فِي الْعَمْرِ، وَمَا يَنْقُصُ Menghalangkannya dan Perkara yang Boleh Menambahkan Umur dan Mengurangkannya”. Dalam fasal ini al-Zarnuji mengingatkan bahwa seseorang harus mengetahui apa saja yang menambah rezeki dan apa saja yang menambah panjang usia dan kesehatan, supaya sesuatu perkara dalam kehidupan dapat diselesaikan dengan baik. Beliau juga menyebut bahawa perbuatan dosa dan dusta dapat menjadi penghalang datangnya rezeki kepada seseorang. Sebanyak 34 petua mengundang kefakiran yang dimasukkan al-Zarnuji dalam fasal ke 13 kitab *Ta’lim wa al-Muta’llim* telah disaring dan dianalisis dalam mengetengahkan perkaitan rapat dengan unsur-unsur dalam masyarakat Melayu di Kuala Lipis Pahang, namun dengan batas dan penyesuaian berlandaskan agama Islam yang diamalkan dalam kehidupan seharian responden.

Konsep Rezeki Menurut Perspektif Islam

Perkataan rezeki ataupun dalam bahasa Arab disebut الرِّزْقُ *al-Rizq* atau dalam Bahasa Melayu disebut rezeki merujuk kepada pemberian ataupun kurniaan samada bersifat duniawi ataupun agama. Segala yang boleh dimanfaatkan, samada yang boleh dimakan ataupun tidak boleh dimakan maka itu rezeki. (lihat: Abu al-Baqā al-Kafawī, *al-Kulliyat*, 472. Beirut: Muassasah al-Risalah). Menurut ‘Ali Jum’ah (2006) takrifan rezeki menurut Ahl Sunnah Wa Al-Jamaah ialah sesuatu yang dikurniakan Allah SWT kepada seseorang dan dimanfaatkannya. Sebaliknya menurut Muktaẓilah, apa sahaja yang dimiliki sama ada dimanfaatkan atau pun tidak tetap dikira sebagai rezeki. Ini bermakna segala yang dimiliki dari perkara yang bermanfaat ataupun memberikan kebaikan buat kita sama ada di sudut keperluan dunia semata ataupun untuk agama maka itu adalah kurniaan ataupun rezeki. Rezeki bukan sahaja tertumpu kepada aspek minuman, makanan, harta, kenderaan dan segala rupa bentuk kebendaan semata, bahkan rezeki juga merangkumi aspek ilmu pengetahuan, kasih sayang, kebahagiaan, anak, isteri, kesihatan, keselamatan, kegembiraan dan seumpamanya. Bekerja dan berusaha adalah sebahagian dari pelaksanaan ibadah yang ditekankan dalam Islam. Dalam al-Quran ada disebutkan ayat-ayat yang mendorong manusia untuk mengusahakan kehidupan yang lebih baik agar dapat menyempurnakan pelaksanaan ibadah. Ini dapat difahami dengan merujuk kepada surah al-Jumu’ah ayat 10:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).

Berdasarkan ayat di atas, difahami bahawa manusia diperintahkan untuk berusaha (ikhtiar) dalam mencari rezeki untuk mengusahakan kehidupan yang lebih baik. Mencari rezeki bererti berhubungan secara langsung dengan Allah SWT. Hal ini terkait kerana Allah SWT adalah pemberi rezeki kepada umat manusia. Dengan meyakini bahwa Allah SWT sebagai satu-satunya pemberi rezeki akan membebaskan manusia dari tindakan syirik dan meningkatkan keyakinan dalam konsep ketuhanan kerana menggantungkan dirinya hanya kepada Allah SWT. Allah SWT memberikan rezeki kepada manusia dengan tujuan utamanya agar manusia memanfaatkan rezeki tersebut untuk meneruskan kehidupan sekaligus agar dapat menjalankan tugas utama manusia di dunia sebagai khalifah dengan beribadah kepada Allah SWT (Endri Yenti, Hasramita, Hanif Aidhil Alwana, 2020)

Senarai Petua Penghambat Rezeki

Sebanyak 34 petua mengundang kefakiran (Table 2) yang dimasukkan al-Zarnuji dalam bab “Perkara yang Menambahkan Rezeki dan Menghalangkannya dan Perkara yang Boleh Menambahkan Umur dan Mengurangkannya”

Jadual 2. Petua Mengundang Kefakiran

BIL	PETUA	TERJEMAHAN
1.	والنوم عريانا	Tidur bertelanjang.
2.	والبول عريانا	Mandi bertelanjang.
3.	والأكل جنباً, والأكل متكناً على جنب	Makan dalam keadaan berhadap besar atau makan secara bertelekan.
4.	والتهاون بسقوط المائدة	Memandang mudah sisa-sisa makanan yang jatuh berserakan.
5.	وحرق قشر البصل والثوم	Membakar kulit bawang merah dan bawang putih.
6.	وكنس البيت في الليل بالمنديل	Menyapu rumah pada malam hari.
7.	وترك القمامة في البيت	Meninggalkan sampah yang disapu di dalam rumah.
8.	والمشي قدام المشايخ	Berjalan di hadapan orang-orang tua.
9.	ونداء الوالدين باسمهما	Memanggil nama ibu bapa dengan cara berteriak.
10.	والخلال بكل خشبة	Menyungkil gigi dengan sebarang kayu.
11.	وغسل اليدين بالطين والتراب	Membasuh tangan dengan tanah liat dan debu.
12.	والجلوس على العتبة	Duduk di atas beranda pintu.
13.	والانكاء على أحد زوجي الباب	Bersandar pada daun pintu.
14.	والتوضؤ في المبرز	Berwuduk di tempat orang istirehat/ jamban.
15.	وخيطة الثوب على بدنه	Menjahit pakaian yang sedang di pakai.
16.	وتجفيف الوجه بالثوب	Mengeringkan muka dengan pakaiannya sendiri.
17.	وترك العنكبوت في البيت	Membiarkan sarang lebah berada dirumah.
18.	والتهاون في الصلاة	Meringankan solat.
19.	وإسراع الخروج من المسجد بعد صلاة الفجر	Bergegas keluar masjid setelah solat Subuh.
20.	والإبتكار بالذهاب إلى السوق والابطاء في الرجوع منه	Pergi ke pasar pagi-pagi dan lambat balik.
21.	وشراء كسرات الخبز من الفقراء	Membeli makanan dari peminta-minta.
22.	السؤال, ودعاء الشر على الوالد	Mendoakan buruk kepada anak.
23.	وترك تخمير الأواني	Membiarkan makanan tidak tertutup.
24.	وإطفاء السراج بالنفس	Mematikan lampu dengan kaedah meniup.
25.	الكتابة بالقلم المعقود	Menulis dengan pen yang pecah dan diikat (kerana patah dan rosak).
26.	الإمتشاط بالمشط المنكسر	Bersikat rambut dengan sikat yang patah.
27.	ترك الدعاء للوالدين	Meninggalkan doa kebaikan kepada ibu bapa.

28.	التعمم قاعدا	Melilit serban sambil duduk.
29.	التسرول قائما	Memakai seluar sambil berdiri.
30.	البخل والتقتير	Bakhil dan berkira dalam berbelanja.
31.	الإسراف	Boros.
32.	الكسل	Malas.
33.	التواني	Lemah.
34.	التهاون في الأمور	Memperudahkan-mudahkan dalam urusan.

Analisis Kefahaman Warga Emas Terhadap Senarai Petua

Warga emas ditakrifkan sebagai mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Takrifan ini berpandukan kepada takrifan yang dibuat di "World Assembly on Ageing 1982" di Vienna. Pengalaman mereka terhadap maklumat dan ilmu berkaitan petua dan pantang larang hanya wujud melalui percakapan dan nasihat. Sehubungan dengan itu, kajian mengambil suatu inisiatif bagi menggumpulkan segala rahsia petua al-Zarnuji dalam kitab *Ta'lim wa al-Muta'llim* yang dapat difahami oleh golongan ini agar dapat digarapkan dalam bentuk bersesuaian dengan budaya dan adat masyarakat Melayu. Berikut adalah beberapa aspek petua dan pantang larang yang wujud dalam masyarakat Melayu di Kuala Lipis Pahang, bersesuaian dengan 34 petua mengundang kefakiran yang dimasukkan al-Zarnuji dalam bab "Perkara yang Menambahkan Rezeki dan Menghalangkannya dan Perkara yang Boleh Menambahkan Umur dan Mengurangkannya"

Jadual 3. Petua Dan Hikmah Yang Wujud Dalam Masyarakat Melayu

BIL	PETUA MENGURANG REZEKI	HIKMAH MENURUT WARGA EMAS DI KUALA LIPIS
1.	Tidur bertelanjang.	5 responden setuju dengan petua ini. Mereka berpandangan bahawa petua ini sekiranya dilakukan mengakibatkan syaitan bersama seseorang ketika tidur.
2.	Mandi bertelanjang.	5 responden setuju dengan petua ini. 1. Mereka berpandangan bahawa sungai dan parit menjadi rutin bagi orang Melayu untuk mandi. 2. Justeru, mandi dalam keadaan telanjang ini menunjukkan orang Melayu pada zaman dahulu miskin dan tidak banyak baju yang boleh dipakai.
3.	Makan dalam keadaan berhadap besar atau makan secara bertelekan.	5 responden sepakat tidak pernah mendengar petua seumpama ini mampu mengurangkan rezeki.
4.	Memandang mudah sisa-sisa makanan yang jatuh berserakan.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. 1. Mereka berpandangan bahawa petua ini adalah "pemali" iaitu larangan atau pantang selamanya. 2. Menganggap bermudah-mudah dengan sisa makanan adalah perbuatan khianat dengan rezeki. 3. Untuk elak dari membazir.
5.	Membakar kulit bawang merah dan bawang putih.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. 1. Perbuatan ini dianggap untuk menghalau syaitan.

BIL	PETUA MENGURANG REZEKI	HIKMAH MENURUT WARGA EMAS DI KUALA LIPIS
		<ol style="list-style-type: none"> 2. Mampu mengundang kemiskinan. 3. Melibatkan syaitan dan iblis. 4. Mengganggu wanita sesudah bersalin untuk berpantang.
6.	Menyapu rumah pada malam hari.	<p>5 responden sepakat pernah mendengar petua ini.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perbuatan ini seumpama menyapu rezeki. 2. Rumah Melayu zaman dahulu banyak membela ayam. Justeru, segala sisa makanan di rumah di malam hari tidak dapat dimakan oleh ayam belaan tersebut. 3. Pada malam hari syaitan berkeliaran.
7.	Meninggalkan sampah yang disapu di dalam rumah	<p>5 responden sepakat pernah mendengar petua ini.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kuman dan bakteria akan merebak.
8.	Berjalan di hadapan orang-orang tua	<p>5 responden sepakat pernah mendengar petua ini.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menunjukkan kurang adab.
9.	Memanggil nama ibu bapa dengan cara berteriak	<p>5 responden sepakat pernah mendengar petua ini.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak bau syurga. 2. Relevan dengan Hadith keutamaan sebutan Ibu tiga kali dan sebutan ayah hanya sekali.
10.	Menyungkil gigi dengan sebarang kayu.	<p>5 responden sepakat tidak pernah mendengar petua ini.</p>
11.	Membasuh tangan dengan tanah liat dan debu	<p>Seorang responden sahaja pernah mendengar petua ini.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kebimbangan kena samak.
12.	Duduk di atas beranda pintu	<p>5 responden sepakat pernah mendengar petua ini.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menghalang orang lain untuk masuk. 2. Tidak digalakkan bagi wanita mengandung kerana dikhuatiri sukar untuk bersalin.
13.	Bersandar pada daun pintu.	<p>2 responden pernah mendengar petua ini.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Ini kerana keadaan pagi ini diumpamakan sebagai pintu bagi rezeki untuk masuk.
14.	Berwuduk di tempat orang istirehat/ tandas.	<p>5 responden sepakat pernah mendengar petua ini.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Jangan baca bismillah. 2. Kurang adab. 3. Tempat syaitan.
15.	Menjahit pakaian yang sedang dipakai.	<p>5 responden sepakat pernah mendengar petua ini.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Larangan secara khusus untuk wanita mengandung dari berbuat petua ini kerana dikhuatiri akan lekat uri ketika bersalin kelak.
16.	Mengeringkan muka dengan pakaiannya sendiri.	<p>5 responden sepakat pernah mendengar petua ini namun tidak memberi sebarang komen.</p>
17.	Membiarkan sarang lebah	<p>5 responden sepakat pernah mendengar petua ini.</p>

BIL	PETUA MENGURANG REZEKI	HIKMAH MENURUT WARGA EMAS DI KUALA LIPIS
	berada dirumah.	1. Serabut mata memandang.
18.	Meringankan solat.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini namun tidak memberi sebarang komen.
19.	Bergegas keluar masjid setelah solat Subuh.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. 1. Boleh mengurangkan pahala.
20.	Pergi ke pasar pagi-pagi dan lambat balik.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. 1. Ini kerana mampu menghabiskan jumlah wang yang ada. 2. Menandakan seseorang itu tidak sempat masak.
21.	Membeli makanan dari peminta-minta.	5 responden sepakat tidak pernah mendengar petua ini.
22.	Mendoakan buruk kepada anak.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. 1. Sukar mendapat anak soleh atau solehah sekiranya perbuatan ini diamalkan.
23.	Membiarkan makanan tidak tertutup.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. 1. Menyebabkan kesakitan.
24.	Mematikan lampu dengan meniup.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. 1. Seolah-olah menyalakan api neraka. 2. Hendaklah dipicit atau diribas menggunakan tangan ke arah api itu untuk memadamkannya.
25.	Menulis dengan pen yang pecah dan diikat (kerana patah dan rosak).	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. Namun tidak tahu memberi komen terhadap petua ini.
26.	Bersikat rambut dengan sikat yang patah.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. 1. Ini dikhuatiri mampu menyebabkan kulit kepala rosak atau sakit kulit.
27.	Meninggalkan doa kebaikan kepada ibu bapa.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. Namun tidak memberi sebarang komen kerana perbuatan ini makruf.
28.	Melilit serban sambil duduk.	5 responden sepakat tidak pernah mendengar petua ini.
29.	Memakai seluar sambil berdiri.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. 1. Mampu memberi kesakitan kepada si pemakai kelak.
30.	Bakhil dan berkira dalam berbelanja.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. Namun tidak memberi sebarang komen.
31.	Boros	
32.	Malas.	
33.	Lemah	
34.	Memperudahkan-mudah dalam urusan	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. 1. Dikhuatiri akan ditimpa kesusahan kelak.

Data kajian yang telah dikumpul, disaring dan dianalisis dengan penekanan dalam mengetengahkan unsur-unsur yang menunjukkan hikmah petua dan pantang larang mengundang kefakiran, khususnya dari aspek kehidupan seharian, hidup berkeluarga dan keselamatan diri, dengan agama Islam penelitian akan berkisar tentang signifikan amalan petua serta pantang larang tradisional ini pada zaman sekarang. Analisa terhadap data yang dikumpulkan didapati bahawa secara keseluruhannya terdapat amalan petua dan pantang larang yang diamalkan oleh responden sejak turun temurun dan berkait juga dengan petua mengurang rezeki dari kitab al-Zarnuji. Ianya boleh dilihat kepada petua yang diamalkan secara berterusan dari sebelumnya bertujuan memandu cara hidup yang lebih selamat, yakni dengan membuat sesuatu berlandaskan kepercayaan dan agama Islam agar hal-hal yang tidak diingini dapat dielakkan. Begitu juga halnya dengan pantang larang yang mana terdapat kaitan dan pertindanan antara kedua-duanya dengan asas bahawa petua dan pantang larang yang diamalkan dalam masyarakat terdahulu dan diaplikasikan pada masa kini dapat memelihara kehidupan dalam acuan selamat dan jauh daripada perkara-perkara buruk didalam kehidupan seharian. Tidak mustahil jika dikatakan petua dan pantang larang lama ini dilihat bermanfaat sebagai panduan dan nasihat kepada masyarakat dalam menelusuri alur kehidupan, justeru ada antaranya yang masih diamalkan sehingga kini.

Rujukan

- ‘Ali Jum’ah. 2006. Hasyiah Al-Imam Al-Bajuri ‘Ala Jauharah Al-Tauhid Al-Musamma Tuhfat Al-Murid ‘Ala Jauharah Al-Tauhid. Kaherah: Dar Al-Salam. Cet. 3.
- Al-Zarnuji. 2013. Panduan belajar Menurut Kaedah Islam. Terj. Abdul Ganiy Jabal Maraqy. Kelantan: Jabal Maraqy Enterprise.
- Abudin Nata. 2001. Pemikiran Para Tokoh Pendidikan Islam, Jakarta: Seri Kajian Filsafat Pendidikan Islam, PT. Raja Grafindo Persada, 104.
- Awaludin Pimay. 1999. Konsep Pendidik Dalam Islam (Studi Komparasi Pandangan AlGhozali Dan Al-Zarnuji), Tesis PPS IAIN Walisongo Semarang, Semarang: Perpustakaan Pasca Sarjana IAIN Walisongo, hlm. 29-30.
- Endri Yenti, Hasramita, Hanif Aidhil Alwana. 2020. Memaknai Perolehan Rezki Dalam Hukum Ekonomi Syariah, *ALHURRIYAH: Jurnal Hukum Islam. Vol. 05. No. 02. Juli-Desember 2020*
- Hamidah Abdul Wahab. 2013. Petua dan Pantang Larang Tradisional dalam Alam Melayu Sarawak, (*International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman) 1(1), 2013*), hlm. 90.
- Ibnu Faris, Mu’jam Maqayis al- Lughah, Juz 4, Cet. Ke-1 (Beirut, Dar al-Jail, 1420 H/1999 M), hlm. 444.
- Noreshah bt Baharom. 2016. Kamus Dewan edisi ke 4, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016), hlm. 1202.
- Whaley, A.L., Davis, K.E., 2007. Cultural competence and evidence-based practice in mental health service. *Am. Psychol.* 62 (6) 563–574.

BAB 9

FALSAFAH KEPIMPINAN MENURUT ISLAM: SATU TINJAUAN

¹Abdul Haiy Mahmud, ²Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, ³Halim Mokhtar, ⁴Mustafa Kamal Amat Misra, ⁵Zulkefli Hj. Aini

^{1,2,3,4} Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

⁵ Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Pendahuluan

Suatu masyarakat dan bangsa akan disebut sebagai masyarakat dan bangsa yang maju manakala memiliki peradaban yang tinggi dan akhlak yang mulia, walaupun dari segi ilmu pengetahuan dan teknologi masih sangat sederhana. Masyarakat sudah berada dalam zaman teknologi canggih tetapi akhlak dan peradaban juga masih tidak cukup jitu. Untuk mewujudkan masyarakat dan bangsa yang berakhlak mulia dengan peradaban yang tinggi maka memerlukan seorang pemimpin dengan akhlak yang mulia.

Kepimpinan merupakan salah satu faktor yang dianggap penentu dalam kejayaan sesebuah komuniti. Kepimpinan biasanya akan melibatkan dua pihak iaitu orang yang memimpin atau disebut sebagai pemimpin dan orang yang dipimpin. Kepimpinan biasanya berlaku apabila seseorang itu mendorong, memujuk dan mempengaruhi orang lain untuk berusaha ke arah pencapaian sesuatu objektif tertentu (Baharom et. al, 2009).

Kepimpinan masa kini sentiasa berhadapan dengan tuntutan masyarakat yang berubah dengan pantas. Kepimpinan selalunya, malah selalu menjadi perbincangan yang tidak wujud tidak berkesudahan, kerana kewujudannya memainkan peranan strategik dalam sesebuah organisasi. Macam-macam isu kepimpinan dalam pelbagai bidang, baik dalam organisasi ekonomi, sosial, politik dan pendidikan mendapat banyak perhatian (Lola, 2021).

Konsep kepimpinan Islam telah bermula apabila bermulanya zaman Nabi Muhammad S.A.W. Nabi Muhammad SAW adalah contoh pemimpin yang paling sempurna dan tersohor dalam kepimpinan Islam tidak terbatas kepada umat Islam sahaja bahkan mendapat pengiktirafan segenap lapisan masyarakat di seluruh dunia. Ketokohnya bukan sahaja dirasai oleh umat Islam bahkan kepada yang bukan Islam (Aida Hanim et. al, 2020).

Kepimpinan Islam melalui ajaran Al-Quran menekankan konsep role model (*uswatun hasanah*) dengan menjadikan nabi Muhammad (s.a.w) contoh ikutan yang baik dan meletakkan keredhaan Allah sebagai matlamat utama dalam setiap perkara yang dilakukan (Suzana, 2019).

Menurut Shukeri (1997) menyatakan kepimpinan mengikut pandangan Islam hendaklah beriltizam dengan manhaj Nabi Muhammad S.A.W dalam mengurus soal-soal negara dan rakyat. Pada masa yang sama ia tidak boleh menyeleweng daripada perundangan (syariat) yang diturunkan oleh Allah S.W.T.

Keperibadian yang baik yang perlu dipupuk dan dipengaruhi oleh moral, adab, moral dan etika yang menunjukkan prinsip etika dalam kehidupan kita. Oleh itu, pemimpin yang memindahkan organisasi dalam prinsip etika menyerlahkan tahap keyakinan mereka terhadap pentadbiran mereka (Noor Hayati et. Al, 2020).

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti elemen-elemen utama dalam falsafah kepimpinan.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan satu kaedah atau teknik bagi mencari, mengumpul dan menganalisis data bagi menyokong bukti dan kajian yang dilakukan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, metodologi bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin. Metodologi juga boleh dikategorikan sebagai ilmu tentang metod atau disiplin yang digunakan dengan merujuk kaedah yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan yang efektif bagi menjawab permasalahan dan objektif kajian.

Kajian ini secara umumnya merupakan kajian kualitatif. Kajian ini dibuat dalam bentuk kajian kepustakaan kerana penyelidikan kualitatif cenderung kepada metode pengumpulan data melalui pemerhatian atau penganalisan kandungan dokumen yang berkaitan dengan kepimpinan Islam.

Skop dan Perbincangan

Maksud Kepimpinan Islam

Menurut al-Mawardi (1996) menyatakan kepimpinan Islam juga merupakan amanah ketuhanan (*divine trust*) yang merangkumi urusan dunia dan akhirat. Justeru, Islam meletakkan kepimpinan sebagai pengganti kepada fungsi kenabian bertujuan menjaga agama dan mengatur kehidupan manusia di dunia (Ahmad Marzuki, 2015).

Kepimpinan menurut perspektif Islam merupakan suatu proses yang dapat menggerakkan sekumpulan manusia untuk memenuhi kehendak Islam bagi jangka masa pendek dan panjang yang mampu menghasilkan suatu wawasan untuk menuju matlamat Islam (Ahmad Redzuwan, 2004).

Menurut Omar (2010) menyatakan kepimpinan Islam adalah berteraskan konsep khalifah Allah SWT dan menegakkan *amar ma'ruf nahi mungkar* yang merangkumi semua perkara yang dituntut dan diharuskan oleh syarak iaitu meliputi soal-soal akidah, syariah, akhlak yang membawa manusia kepada kesejahteraan kehidupan dan mencegah perkara yang buruk, keji dan mungkar.

Oleh itu kepimpinan dalam Islam adalah kepimpinan institusi yang dikendalikan oleh pemimpin -pemimpin seperti khalifah, imam dan sebagainya berdasarkan kehendak Islam untuk melindungi kepentingan Islam dan memastikan seluruh masyarakat di bawah semua bidang kehidupan dalam semua bidang kehidupan.

Dalil Konsep Kepimpinan Islam

Kepimpinan merupakan satu amanah yang cukup berat dengan tanggungjawab dan kewajipan. Ini selaras dengan kewajipan sebagai khalifah di atas muka bumi ini yang Allah SWT kurniakan kepada manusia dengan misi membangun dan memakmurkan bumi yang terbentang luas ini. Menurut Imam Ibn al-Taimiyyah (1995) dan Imam al-Mawardi bahawa hukum menjadi dan melantik pemimpin adalah wajib (Hassan, 2018). Beberapa dalil yang berkaitan dengan kepimpinan Islam seperti:

Al-Quran

Dalam surah al-a'raf ayat 142 Allah berfirman:

﴿وَوَعَدْنَا مُوسَىٰ ثَلَاثِينَ آيَةً وَأَتَمَمْنَاهَا بِعَشْرِ فَنَمَّ مِيقَاتُ رَبِّهِ أَرْبَعِينَ آيَةً وَقَالَ مُوسَىٰ لِأَخِيهِ هُزُونَ أَخْلَفَنِي فِي قَوْمِي وَأَصْلَحَ وَلَا تَتَّبِعْ سَبِيلَ الْمُفْسِدِينَ ١٤٢﴾

Maksudnya: Dan kami telah janjikan masa kepada Nabi Musa (untuk memberikan Taurat) selama tiga puluh malam, serta Kami genapkan jumlahnya dengan sepuluh malam lagi, lalu sempurnalah waktu yang telah ditentukan oleh Tuhannya empat puluh malam dan berkatalah Nabi Musa kepada saudaranya Nabi Harun (semasa keluar menerima Taurat): Gantikanlah aku dalam (urusan memimpin) kaumku dan perbaikilah (keadaan mereka sepeninggalanku) dan janganlah engkau menurut jalan orang-orang yang melakukan kerosakan.

Hadis Nabi SAW

Di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar juga ada menyebut mengenai kepimpinan Islam:

عن ابن عمر رضي الله عنهما عن النبي - صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - انه قال - أَلَا كُنتُمْ رَاعٍ وَكُنتُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ فَالْأَمِيرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُمْ وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ بَعْلِهَا وَوَلَدِهِ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْهُمْ وَالْعَبْدُ رَاعٍ عَلَى مَالِ سَيِّدِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُ أَلَا فَكُنتُمْ رَاعٍ وَكُنتُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksudnya: Dari Ibnu Umar RA, sesungguhnya Rasulullah bersabda: "Setiap orang adalah pemimpin dan akan dimintai pertanggungjawaban atas kepemimpinannya. Ketua negara adalah pemimpin atas rakyatnya dan akan dimintai pertanggungjawaban atas orang yang dipimpinya. Suami adalah pemimpin ke atas ahli keluarganya dan akan ditanya tentang keluarga yang dipimpinya. Seorang isteri adalah pemimpin rumah tangga dan anak-anaknya dan akan ditanya tentang tanggungjawabnya. Seorang pembantu rumah bertanggungjawab menjaga harta majikannya dan akan ditanya. untuk tanggungjawabnya. Dan kamu adalah pemimpin dan akan diminta untuk tanggungjawabnya." (HR Muslim).

Hadis di atas telah menjelaskan bahawa setiap manusia merupakan pemimpin dan setiap pemimpin akan dipertanggungjawabkan kelak di akhirat kelak oleh Allah swt. Pemimpin adalah seorang yang memegang amanah bertanggungjawab ke atas tanggungjawab yang dipikulnya, dan apa yang terletak dibawah naungannya. Maka apa yang terletak dibawah perlindungannya adalah dituntut untuk berlaku dengan adil dan membangunkannya dengan menjaga kepentingan dan kemaslahatan dalam agama dan dalam kehidupannya serta yang berkaitan dengannya.

Elemen-Elemen kepimpinan Islam

Antara beberapa elemen yang perlu ada dalam elemen kepimpinan Islam adalah seperti berikut:

a. Penghayatan Akidah

Akidah dikira sebagai asas dalam Islam. Tanpanya tidak tertegak Islam dan kehidupan individu. Akidah yang rosak mengakibatkan runtuh pegangan Islam seseorang. Menurut Khairul (2007) menyatakan akidah mengandungi substance batiniah atau kejiwaan serta zahir, yang direalisasikan dalam bentuk kelakuan. Berpegang kepada akidah tauhid yang mantap akan mempengaruhi pembentukan dan perkembangan seseorang individu muslim kerana ianya akan menjadi asas dalam perjalanan kehidupan mereka. Menurut Baharom et al., (2008) menyatakan tauhid adalah merupakan suatu pegangan, pengilmuan

dan sesuatu yang bersabit dengan penghayatan tentang pengesaan dan Keesaaan Allah Taala. Akidah tauhid menjadikan kepimpinan yang diterajui berada dalam lingkungan kepatuhan dan ketaatan kepada Allah s.w.t seperti mana Allah berfirman dalam surah al-nahl ayat 36:

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ فَمِنْهُمْ مَّنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَّنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكذِّبِينَ ٣٦

Maksudnya:

Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut. Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayat petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasulnya.

Konsep tauhid bertujuan menjalinkan hubungan di antara manusia dengan Penciptanya dan hubungan sesama manusia. Tauhid bukan sekadar satu kalimat, tetapi satu pengajaran falsafah bagaimana membuat perhubungan sesama manusia dengan berpaksikan perhubungan dengan Allah SWT. Menurut Ahmad Marzuki (2014) menyatakan bahawa akidah yang benar merupakan roh (*spirit*) bagi setiap individu menentukan perilaku dan tindakan mereka dalam kehidupan sama ada baik ataupun buruk. Pengetahuan akidah sangat penting dalam kepimpinan Islam kerana akidah memiliki keistimewaan tersendiri kerana Rasulullah SAW telah memilih pendidikan akidah sebagai modul asas dan utama dalam tempoh 13 tahun pertama di akwah baginda di Mekah. Akidah juga dapat disifatkan sebagai benteng yang paling teguh bagi menjaga dan mengawasi segala bentuk penyelewengan, penyesatan dan syak wasangka yang mungkin menyerang pemikiran seseorang Islam (Maryam et. al, 2022).

Secara kesimpulannya akidah juga memainkan peranan penting yang sangat besar dalam membentuk insan yang sempurna dan menjadikan sesebuah negara aman damai dan mempunyai masyarakat yang harmoni. Oleh itu, apabila seseorang pemimpin itu mempunyai akidah yang mantap, maka mereka akan dapat menjaga keimanan di sekeliling mereka supaya selamat daripada perkara-perkara yang boleh merosakkan akidah. Mereka juga akan mampu untuk menolak dan mengenal pasti segala fahaman yang menyesatkan daripada pegangan al-Quran dan as-Sunnah.

b. Penghayatan Ibadah

Ibadah secara umumnya bermaksud taat, pengabdian dan doa. Menurut Syeikh Muhammad Abduh (1984) menyatakan manusia diciptakan untuk ibadah dan segala perbuatan manusia bermula dari niat dan keazaman dalam melakukan sesuatu, perkataan dan gerakan anggota badan semata-mata kerana Allah SWT. Menurut Yusuf Al-Qaradawi (1995) menyatakan ibadah yang telah ditentukan oleh Allah SWT itu mestilah dilengkapi dengan dua faktor yang penting iaitu patuh pada ketentuan Allah SWT dan keikhlasan serta rasa cinta pada Allah SWT.

Menurut konteks muslim, al-Qadharawi telah memberikan bayangan konsep penghayatan beragama sebagai menghayati agama dalam setiap aspek kehidupan dengan menyeluruh berdasarkan kepada pengertian dalam menghayati konsep akidah sebagai panduan hidup, ibadah sebagai amalan dalam hidup, Syariah merupakan peraturan dan pertimbangan dalam kehidupan serta akhlak mulia yang menjadi

etika dalam hidup termasuk menjauhi perkara yang membawa kepada syirik dan perbuatan yang ditegah oleh Allah (Wan Irfani Najwa et. al, 2022).

Dalam kepimpinan, peranan iman yang kukuh kepada Allah SWT sangat penting di dalam melaksanakan sesuatu ibadah. Konsep kepimpinan bertuhankan Allah SWT dan beragamakan Islam menjadikan masyarakat itu merasai kepentingan hidupnya. Dalam konteks agama Islam itu sendiri, penghayatan amalan beribadah dalam kepimpinan ini adalah sinonim dengan menjadikan negara Islam sebagai sebuah negara Addin atau lebih mudah difahami mejadi sebuah cara hidup automatic menuntut setiap makhluknya menghayati seterusnya mengamalkan secara menyeluruh sebagai seorang Muslim.

c. Penghayatan Akhlak

Akhlak ataupun budi pekerti memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Akhlak berasal dari bahasa Arab iaitu "*khuluqun*" yang bermaksud budi pekerti, perangai, tingkah laku dan budi pekerti. Manakala menurut istilah pula ialah ilmu yang menerangkan tentang baik dan buruk (betul dan salah), mengatur pergaulan manusia, dan menentukan matlamat akhir perniagaan dan kerja.

Akhlak mempunyai pengaruh yang besar ke atas diri individu Muslim serta umatnya. Manusia membentuk dalam mengerakkan langkah berkaitrapat dengan perbuatan juga amalannya mengikut kepada bentuk dan acuan sistem akhlak (Haron,1988). Istilah akhlak berasal daripada bahasa Arab yang diambil daripada perkataan 'khuluq' yang boleh didefinisikan sebagai perangai atau tingkah laku, tabiat, kepercayaan, pegangan atau agama. Berdasarkan pengertian ini, akhlak merupakan perangai, tabiat, maruah atau agama yangmempamerkan gambaran atau rupa batin seseorang (Asmawati Suhid, Abdul Rahman Md. Aroff, 2004).

Menurut Imam al-Maududi (1903-1979) akhlak itu telah dimiliki oleh seseorang sejak dia dilahirkan. Akhlak itu terbahagi kepada dua iaitu akhlak yang mulia atau akhlak yang terpuji (mahmudah) dan akhlak yang buruk atau akhlak yang tercela (mazmumah). Sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: "Yang paling aku kasihi daripada kalangan kamu dan yang paling dekat kedudukannya denganku pada hari kiamat ialah yang paling mulia akhlaknya" (HR al-Tirmizi).

Menurut Miskawaih (1966) pula merumuskan bahawa akhlak ialah suatu keadaan bagi diri atau jiwa (al-nafs) yang mendorong diri atau jiwa untuk melakukan sesuatu perbuatan atau tindakan dengan senang tanpa didahului oleh daya pemikiran, kerana sudah menjadi sifat atau kebiasaan. Menurut Imam Ghazali dalam kitab *Ihya' ul Ulumuddin* mengatakan akhlak adalah sifat yang tertanam dalam jiwa yang menyebabkan perbuatan dengan mudah tanpa memerlukan pemikiran dan pertimbangan.

Kesimpulan

Kepimpinan bukan sahaja dikaitkan dengan tanggungjawab kepimpinan dalam bentuk kumpulan, tetapi bagi diri anda seperti mengawal deria untuk selalu mematuhi Tuhan, untuk mengelakkan larangannya, baik dalam kata -kata, tindakan atau dari sudut pandangan kepercayaan dan keyakinan, mengakibatkan salah. Matlamatnya adalah untuk meningkatkan kualiti diri untuk menghasilkan kepimpinan dengan contoh atau menjadi '*Qudwah Hasanah*' yang seterusnya akan menghasilkan pemimpin yang memimpin dan pemimpin kepada orang lain dan masyarakat dari kumpulan kecil ke yang lebih besar.

Dalam kepimpinan juga mestilah mempunyai penghayatan akidah, ibadah dan akhlak yang tinggi disamping memiliki kesabaran yang kental dalam menghadapi tuntutan dan kerenah rakyatnya yang pelbagai ragam dan kalau boleh, pemimpin hendaklah

berusaha menunaikan kewajibannya untuk membantu meningkatkan kesejahteraan rakyatnya kerana itu adalah tanggungjawab mereka.

Kepimpinan dalam Islam adalah bersifat holistik yang menekankan keseimbangan antara kepentingan roh dan jasad, antara pembangunan pembangunan rohani dan pembangunan material demi menjamin kesejahteraan hidup manusia di dunia dan akhirat. Bagi mencapai matlamat kepimpinan bersepadu, pemimpin mestilah dipilih daripada kalangan orang yang paling berwibawa dan berkeelayakan kerana menyerahkan kuasa kepada orang yang tidak layak dan sesuai adalah mengkhianati Allah dan Rasul-Nya.

Oleh itu, kepimpinan Islam mestilah dijadikan sebagai tempat untuk menggalakkan kesedaran untuk membantu masyarakat, saudara -saudara yang berpegang teguh kepada Al -Qur'an dan hadith sebagai garis panduan untuk umat Islam, supaya menjadikan sesebuah negara yang Islami. Walaupun etnik, bangsa, atau keturunan yang berbeza, membantu aktiviti dan melakukan kebaikan dalam bentuk amal supaya alam nyata Islam direalisasikan.

Rujukan

Al-Quran

- A. Hamid, A., & Mohd Sharif, M. (2020). Gaya Kepimpinan Islam: Gaya Kepimpinan Baharu Dalam Kalangan Pengetua. *International Journal Of Education And Pedagogy*, 2(2), 45-55. Retrieved from <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijeap/article/view/9484>
- Dimas Ahmad Prayogi, P. R. A. (2020). *Pola Komunikasi Dakwah Dalam Membentuk Aqidah Remaja Di Kelurahan Sidodadi Kedaton Bandar Lampung* (Doctoral dissertation, UIN Raden Intan Lampung).
- Haji Abd Wahab, M. ., & Wan Razali, W. M. F. A. . (2021). Konsep Agama, Islam, Ilmu Dan Akhlak Oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas Dalam Islam: Faham Agama Dan Asas Akhlak. *Ulum Islamiyyah*, 33(2), 145-154. <https://doi.org/10.33102/uij.vol33no2.388>
- Hamid, A. H. A., & Sharif, M. Z. M. (2020). Gaya Kepimpinan Islam: Gaya Kepimpinan Baharu Dalam Kalangan Pengetua. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(2), 45-55.
- Hasan Al-Banna Mohamed. (2018). Islam dan Pembentukan Kepimpinan Berkualiti: Islam and the Formation of Quality Leadership. *Zulfaqr Journal of Defence Management, Social Science & Humanities*, 1(1). Retrieved from <https://zulfaqarjdmssh.upnm.edu.my/index.php/zjdmssh/article/view/16>
- Mohamad, A. M., Ajmain, P. D., bin Safar, J., Embong, W. H. W., & Azahar, Z. N. Penerapan Aqidah Tauhid Dalam Kalangan Kepemimpinan Pendidikan.
- Mohamad, B., & Mohamad Johdi, S. (2009). Kepimpinan pendidikan dalam pembangunan modal insan. In *Prosiding Seminar Modal Insan 2009*.
- Mohamad, S. and Abdullah, A.N. and Mohamed Adnan, M.A. (2012) *Rahsia kepimpinan Islam dan kejayaan negara menurut buraian Al-Quran*. In: The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012, 22-23 Feb 2012, University of Malaya.
- Sabri, M. A., & Osman, K. Muslim Dan Dakwah.
- Yusof, N. H., & Cheah, K. S. (2020). Amalan, Cabaran Dan Strategi Kepimpinan Etika Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Terpilih Di Selangor. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(2), 12-35.
- Wan Ismail, W. I. N., & Mohamad Saleh, N. (2022). Penghayatan Amalan Beragama Dalam Kalangan Mualaf Di Segamat, Johor. *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*, (No.1), 50-58. Retrieved from <http://almimbar.kuis.edu.my/index.php/almimbar/article/view/52>

BAB 10

REKABENTUK DAN PEMBANGUNAN MODEL PEMULIHAN HOLISTIK TERHADAP KOMUNITI LESBIAN, GAY, BISEKSUAL DAN TRANSGENDER (LGBT) DI MALAYSIA

Noor Hafizah bt Mohd Haridi,¹ Nasrudin Subhi,² Ahmad Munawar Ismail,³
Khairul Hamimah Mohammad Jodi⁴, Suriani binti Sudi⁵

^{1,5}Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

²Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia

³Pusat Kajian Usuluddin & Falsafah, UKM

⁴Kluster Pendidikan & Sains Sosial, Open University Malaysia

Pendahuluan

Lesbian, Gay, Biseksual, dan Transgender atau akronimnya sebagai LGBT ini dianggap sebagai satu cara hidup yang bertentangan dengan fitrah. Allah SWT menciptakan fitrah manusia, lelaki merupakan pasangan kepada perempuan, begitu juga dengan haiwan dan tumbuhan, jantan pasangannya adalah betina. Mereka yang melanggar fitrah ini dianggap tidak menerima ciptaan Allah dan menyeleweng daripada kejadian asal. Isu kecelaruan seksual dan jantina, yang merujuk kepada komuniti LGBT bukan merupakan isu baharu kerana telah berlaku ketika zaman Nabi Lut sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Asy-Syu'araa' (26):160-168 yang kemudiannya dibinasakan oleh Allah SWT di atas kekufuran mereka seperti yang telah diceritakan dalam Surah Hud (11):(82-83).

Golongan LGBT di Malaysia pada peringkat awal lebih tertumpu kepada mereka yang tergolong sebagai pondan dan mak nyah sekitar tahun 1980-an (Mahfudzah Mohamad, 2015) kemudian istilah LGBT mula digunakan pada tahun 90-an (Noor Hafizah Haridi et al., 2016). Malaysia menggelarkan lelaki gay sebagai pondan, Thailand pula menggelar remaja gay dan lesbian sebagai Tom-dee, manakala lelaki homoseksual sebagai 'Tuy' (Megan Sinnott, 2000). Isu LGBT pernah menjadi utama di dada akhbar pada tahun 2011 (Mohamad Yusof Helmy Ramli, Rani Ann Balaraman, Mohamad Saifudin Mohamad Saleh, 2017) dan masih menjadi perbincangan sehingga kini. Contohnya perhimpunan hari wanita sedunia pada 8 Mac 2019 disertai sekumpulan komuniti penyokong lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) yang menyuarakan hak kebebasan asasi mereka (Astro Awani, 2019). Secara umumnya, kegiatan mereka mempunyai kaitan dengan keinginan manusia untuk merubah fitrah asal kepada sesuatu yang bertentangan termasuk membenarkan kecenderungan seksual terhadap jantina yang sama (gay dan lesbian), kecenderungan seksual terhadap kedua lelaki dan wanita (biseksual) atau berkeinginan mengubah jantina melalui pembedahan.

Bahagian Penyelarasan Undang-undang, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia menjelaskan statistik jenayah di seluruh Malaysia sepanjang tahun 2011 hingga 2014 menunjukkan kesalahan lelaki menyerupai wanita merupakan kesalahan yang sering dilakukan berbanding *musabaqah* dan liwat. Kesan daripada kegiatan ini mampu membawa kepada penyakit HIV/AIDS (Debbi Goh, 2008) dan masalah sosial yang lain.

LGBT merupakan satu penyakit, perlu dilarang secara perundangan bahkan dirawat (Jeanete Ophilia Papilaya, 2016) kerana aktiviti mereka sama seperti zina dan pelacuran. Ini dijelaskan oleh hadis yang bermaksud: "Tidaklah seorang wanita itu bersedap-sedapan dengan seorang wanita melainkan mereka adalah berzina, dan tidaklah seorang lelaki bersedap-sedapan dengan seorang lelaki melainkan mereka juga (sedang) berzina" (al-Tabarani, no 4157). Kumpulan LGBT ini jika tidak ditangani secara serius akan memberikan impak dan cabaran

terhadap kesucian Islam dalam aspek *maqasid al-syariah* iaitu memelihara agama, akal, jiwa, keturunan dan harta.

Berdasarkan perbincangan di atas, artikel ini ditulis bertujuan untuk menganalisis rekabentuk pembangunkan model pemulihan holistik terhadap komuniti LGBT. Artikel ini penting bagi menyumbang kepada usaha-usaha pemulihan LGBT oleh pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan. Kumpulan LGBT merupakan komuniti yang perlu dibantu dalam proses pemulihan. Justeru, model pemulihan holistik terhadap kumpulan LGBT perlu dibangunkan untuk membantu individu yang terlibat dalam gejala songsang ini kembali hidup mengikut cara hidup Islam dan kembali kepada fitrah.

Konsep Pemulihan Holistik

Pemulihan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial bagi memulihkan individu yang menghadapi masalah tingkah laku negatif. (Barton, Richard) Pemulihan berasal daripada perkataan pulih yang bermaksud kembali kepada asal. Manakala pemulihan bermaksud usaha untuk memulihkan seseorang kepada asal. (Noresah, Baharom, 2015). Islah digunakan untuk merujuk kepada pemulihan ini. Selain itu juga pemulihan boleh dinamakan sebagai *ta'dib*. Dari segi bahasa *ta'dib* merupakan kata nama terbitan yang diambil daripada perkataan aduba (أدب) dan adabu (أدب) yang membawa kepada dua makna. Makna pertama adalah melatih diri dalam perkara kebaikan dan makna yang kedua adalah membalas kejahatan. Menurut Ibn al-Manzur di dalam kamus Lisan al-Arab telah mentakrifkan adabu merupakan melatih diri di kalangan sesama manusia. Ia dinamakan sedemikian adalah kerana melatih manusia ke arah perkara yang terpuji dan mencegah daripada perkara yang keji (Muhammad bin Mukran, t.th). Pemulihan berasal dari perkataan arab (islah) mendamaikan atau memperbetulkan (Abd al-Baqi t.th).

Menurut Dusuki (2012) pemulihan adalah perbuatan memulihkan, pengembalian kepada keadaan yang semula, pemulangan atau pengembalian. Pemulihan juga boleh dikategorikan sebagai proses perkembangan dan pembaikan sesuatu benda atau perkara yang berlaku secara berterusan, ini merangkumi kepada semua aspek yang baik samada dalaman ataupun luaran. Selain itu, pemulihan bermaksud mendamaikan, menghilangkan sengketa, memperbaiki dan sebagainya. Pemulihan juga diterjemahkan sebagai gerakan pembaharuan atau tajdid. (Ismail, Mohamad Afandi Md, 2020).

Pemulihan mencakupi aspek-aspek kehidupan peribadi, keluarga, masyarakat dan negara. Setiap umat Islam dipertanggungjawabkan melaksanakan tugas pemulihan menurut bidang dan kemampuan masing-masing. Semua kerja pemulihan adalah baik dan berkebaikan melainkan pada perkara yang menghalalkan perkara yang dilarang oleh syarak dan mengharamkan perkara yang diharamkan oleh-Nya.

Kamus dewan edisi keempat mendefinisikan holistik adalah bersifat saling berkait antara satu sama lain sebagai suatu sistem bersepadu yg menyeluruh, bukan sekadar menyentuh aspek-aspek tertentu sahaja: model ini bertujuan memberikan pandangan secara menyeluruh dan ~ bagi memahami konteks operasi sesuatu organisasi. Holistik adalah salah satu ciri falsafah yang dimaksudkan kelengkapan dan kesempurnaan. Istilah ini sangat penting dalam pemulihan dan pendidikan kerana berkaitan dengan aspek intelektual, emosi, rohani, dan fizikal. (Sudrajat, Adi, and Atika Zuhrotus, 2020)

Menurut Amie Primarni (2014), Holistik dalam perspektif Islam adalah mendasari dan merujuk kepada Allah SWT sebagai yang utama. Manusia dalam perspektif Islam dikurniakan empat unsur utama iaitu spiritual, intelektual, emosi dan fizikal-sensori. Paradigma holistik ini membawa dua aspek iaitu habluminnallah dan habluminannas yang mana saling mempengaruhi antara satu sama lain. Terdapat tiga sumber yang berperanan dalam pembentukan perwatakan

seorang individu Pertama dan utama adalah Allah SWT yang memberikan potensi positif dan negatif dalam diri manusia melalui potensi fitrahnya. Kedua, adalah ibu bapa sebagai pola asuh. Dan ketiga, adalah pengaruh masyarakat yang beramal soleh.

Hare dalam Ranjani Balaji Iyer (2015) menjelaskan, bahawa pemulihan holistik adalah konsep pemulihan yang memperluas dan memperdalam proses tersebut. Hal ini tidak hanya membantu dalam mempromosikan sikap positif terhadap proses pemulihan, tetapi juga mengembangkan keterampilan sosial yang diperlukan untuk menghadapi dunia moden. Selain itu, pemulihan holistik juga harus mempertimbangkan tentang perubahan dan tantangan sosial budaya.


Apabila menelaah matlamat pemulihan dalam kehidupan, yang menjadi objek adalah manusia itu sendiri iaitu perilaku dan tingkah laku manusia. Matlamat pemulihan selaras dengan matlamat hidup manusia dalam membina tamadun bangsanya. Berdasarkan analisis falsafah menunjukkan bahawa al-Ghazali menggariskan pemulihan holistik hendaklah mencari keutamaan jiwa dan kebahagiaan dunia dan akhirat. (Khairani, 2012). Keutamaan jiwa adalah matlamat kehidupan dalam aspek rohani dan jasmani sedangkan kebahagiaan dunia dan akhirat adalah matlamat kehidupan secara holistik.

Selain itu, pemulihan holistik ini boleh dicapai dalam pembentukan akhlak iaitu pembersihan jiwa dari kekotoran jiwa (al-Ghazali, 1967; 12). Prinsipnya bahawa matlamat pemulihan secara holistik adalah membersihkan jiwa dari segala yang dapat mengotori jiwa samada mengerjakan perbuatan yang baik dan menjauhi perbuatan yang buruk.

Ibn Miskawayh merupakan seorang pengarang yang telah mempersembahkan kitab terawal dalam falsafah akhlak dalam bentuk yang sistematik. Analisis interpretasi menunjukkan bahawa Miskawayh telah menggariskan metod-metod yang konsisten dalam merealisasikan matlamat pendidikan terhadap pemulihan. Bukan sahaja merumuskan teori dan praktikal tetapi telah meletakkan kedua-dua unsur tersebut sebagai suatu cabang disiplin ilmu. Pendedahan pemikiran dalam pendidikan terhadap pemulihan oleh Ibn Miskawayh bermula dengan perbincangan manusia dan jiwanya. Pendedahan pemikiran dalam pendidikan oleh Ibn Miskawayh bermula dengan perbincangan manusia dan jiwanya. Kerana menurut Miskawayh jalan untuk mencapai kesempurnaan ialah dengan mengenal jiwa. Miskawayh menyebutkan bahawa jiwa mempunyai tiga kuasa iaitu kuasa berfikir (*al-qumwab al-natiqah*) yang berpusat pada organ tubuh yang disebut otak. Kuasa nafsu syahwat (*al-qumwab al-syahwiyyah*) disebut sebagai kuasa binatang dan organ tubuh yang digunakannya disebut hati. Kuasa amarah (*al-qumwab al-ghadhbiiyyah*) yang disebut kuasa binatang buas dan organ tubuh yang digunakannya disebut jantung. Pemulihan holistik dan bersepadu menyedari kesepaduan akal, jasad dan roh (intelekt, Jasmani dan rohani). Justeru keseimbangan dan keharmonian intelek, rohani, emosi dan jasmani perlu dipupuk dan diberi perhatian sepanjang proses pemulihan tersebut.

Metodologi

Fokus atau tujuan utama fasa ini adalah untuk membina dan mereka bentuk model pemulihan holistik terhadap lesbian, gay, biseksual dan transgender yang boleh diimplementasikan dalam ruang lingkup masyarakat sosial terutamanya di Malaysia. Bagi menghasilkan dan mereka bentuk model pemulihan holistik terhadap LGBT yang komprehensif, terdapat beberapa metod yang digunakan oleh pengkaji. Rajah 1.0 memaparkan reka bentuk dan pembangunan model pemulihan holistik berdasarkan metod.



Rajah 1.0 : Reka bentuk dan pembangunan model berdasarkan metod

Bagi memahami rajah 1.0 yang dipaparkan, pengkaji juga telah menghuraikan setiap metod yang digunakan bagi mendapatkan data kajian dan menjawab soalan kajian dalam fasa reka bentuk dan pembangunan. Di dalam fasa ini, pengkaji telah memisahkan kepada dua sub fasa iaitu sub fasa pertama adalah merujuk kepada reka bentuk dan sub fasa kedua adalah merujuk kepada pembangunan bagi model pemulihan holistik terhadap LGBT.

Sub fasa reka bentuk adalah merujuk kepada penghasilan dan pembinaan komponen-komponen utama dan elemen bagi setiap komponen yang terdapat dalam model pemulihan holistik terhadap LGBT di Malaysia. bagi mereka bentuk komponen utama dan elemen ini, pengkaji telah mengaplikasikan pendekatan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) di mana ia adalah melalui kesepakatan sekumpulan pakar bagi mengesahkan, menilai serta menolak dan menambah setiap komponen dan elemen di dalam model yang dibangunkan. Pemilihan pakar amat penting dan ia hendaklah menepati konteks kajian.

Sub fasa pembangunan model pula adalah melibatkan proses pembangunan model pemulihan holistik terhadap LGBT. Di dalam sub fasa ini, setiap elemen yang telah direka bentuk melalui kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) akan dibangunkan menggunakan pendekatan *Interpretive Structural Modelling* (ISM). Pembangunan model ini adalah untuk melihat keutamaan setiap item di dalam komponen utama. Penggunaan ISM juga melibatkan sekumpulan pakar telah dipertemukan secara bersemuka untuk menjalankan undian (voting) bagi membangunkan model pemulihan holistik terhadap LGBT. Jadual 2.0 pula menunjukkan penerangan ringkas tentang sub fasa reka bentuk dan sub fasa pembangunan yang terdapat dalam fasa 2 ini.

Jadual 2.0: Sub fasa, metod dan penerangan dalam fasa reka bentuk dan pembangunan

Bil	Sub fasa	Metod	Penerangan
1	Reka bentuk	Kajian Literatur dan kaedah <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)	Proses menghasilkan komponen-komponen utama dan elemen setiap komponen bagi model pemulihan holistik terhadap LGBT.

2	Pembangunan	Kaedah <i>Interpretive Structural Modelling</i> (ISM)	Proses membangunkan elemen-elemen dalam bentuk keutmaan dan kedudukan bagi setiap komponen utama dalam model pemulihan holistik terhadap LGBT.
---	-------------	---	--

Jika diimbaz kembali jadual 2.0 menunjukkan bahawa terdapat dua soalan kajian bagi menjawab fasa reka bentuk model pemulihan holistik terhadap LGBT. Dapatan langkah 1 dan langkah 2 adalah memaparkan dapatan kajian yang digunakan untuk menjawab soalan kajian 2.0 iaitu:

2.1 *Apakah komponen utama model pemulihan holistik terhadap LGBT di Malaysia berdasarkan kesepakatan pakar?*

Dapatan langkah 1: Pembangunan Komponen Utama Model Pemulihan Holistik Terhadap LGBT Berasaskan Model Sedia Ada

Bagi reka bentuk model pemulihan holistik terhadap LGBT terdapat 4 komponen utama yang telah disesuaikan berdasarkan kepada analisis temubual. Jadual 4.4 menunjukkan komponen-komponen utama yang digunakan dalam pembentukan model pemulihan holistik terhadap LGBT yang memfokuskan elemen pemulihan yang bersepadu dan menyeluruh.

Deskripsi Panel Pakar Bagi Komponen Utama Model Pemulihan Holistik Terhadap LGBT

Di dalam proses reka bentuk model ini, terdapat 21 orang pakar telah dikenalpasti bagi melihat, membincangkan, menilai dan mengesahkan komponen utama yang diperlukan oleh model pemulihan holistik terhadap LGBT. Kesemua panel pakar ini telah dipertemukan di dalam suatu perbengkelan yang telah dijalankan bagi melihat keperluan keempat-empat komponen utama model. Kesemua komponen utama ini amat penting untuk diperbincangkan sama ada ia diterima atau ditolak seterusnya disahkan berdasarkan kesepakatan daripada sekumpulan pakar yang berpengalaman secara langsung dalam konteks kajian. Panel pakar yang dikenalpasti dan terlibat dalam memberi cadangan dan pengesahan terhadap komponen-komponen utama di dalam model adalah seperti berikut;

1. Enam orang pakar yang terdiri daripada pekerja kerajaan mengikut bidang kepakaran masing-masing antaranya ialah pakar hak asasi manusia, dakwah sosial, sosiologi dakwah, tafsir dan bimbingan LGBT.
2. Empat orang pakar yang terdiri daripada aktivis badan bukan kerajaan.
3. Enam orang pakar yang mewakili pengamal LGBT yang berhijrah.
4. Enam orang pakar yang mewakili komuniti masyarakat

Dapatan Komponen Utama Model Pemulihan Holistik Terhadap LGBT Berdasarkan Kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM)

Jadual 3.0 memaparkan dapatan kajian bagi komponen utama model pemulihan holistik terhadap LGBT berdasarkan kesepakatan pakar menggunakan analisis kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM). Dapatan kajian ini menunjukkan nilai *threshold* (d) dan peratusan kumpulan pakar.

Jadual 3.0 : Komponen utama model pemulihan holistik terhadap LGBT berdasarkan analisa *Fuzzy Delphi* (FDM) dan cadangan panel pakar

Bil	Komponen Utama	Syarat Triangular Fuzzy Numbers		Syarat Defuzzification Process				Kesepakatan Pakar
		Nilai Threshold, d	Peratusan Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor Fuzzy (A)	
1.	Peranan Kerjaan	0.044	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950	TERIMA
2.	Peranan Badan Bukan Kerajaan	0.060	100.0	0.850	0.957	1.000	0.942	TERIMA
3.	Peranan Komuniti LGBT	0.075	100.0	0.819	0.962	1.000	0.927	TERIMA
4.	Peranan Komuniti Masyarakat	0.076	100.0	0.800	0.950	1.000	0.917	TERIMA
Cadangan Komponen daripada Panel Pakar								
1.	Tiada							

Setelah pembentukan komponen utama model pemulihan holistik sudah dikenalpasti dan diterima oleh kesepakatan pakar. Proses pembangunan elemen bagi setiap komponen utama model dijalankan. Dapatan Langkah 3 dan 4 adalah bertujuan untuk menjawab persoalan kajian 2.2 iaitu:

2.2 Apakah elemen-elemen dalam komponen utama model pemulihan holistik terhadap LGBT di Malaysia berdasarkan kesepakatan pakar?

Pembangunan Elemen Bagi Setiap Komponen Utama Model Pemulihan Holistik Terhadap LGBT Berdasarkan Data Daripada Analisis Keperluan Dan Kajian Literatur

Dapatan dalam langkah ini adalah menunjukkan elemen-elemen yang terkandung di setiap komponen utama bagi model pemulihan holistik terhadap LGBT. Pengkaji juga memaparkan dapatan elemen-elemen bagi setiap komponen melalui kajian literatur dan disokong oleh dapatan analisis keperluan.

Pengesahan Komponen Utama Model Dan Elemen Setiap Komponen Berdasarkan Kesepakatan Pakar Menggunakan Kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM)

Jika diimbas kembali daripada proses pembangunan elemen yang telah dijalankan sebelum ini, pengkaji telah menyenaraikan elemen-elemen bagi setiap komponen model pemulihan holistik terhadap LGBT berdasarkan kajian literature. Untuk memastikan setiap elemen ini sesuai dan diperlukan di dalam konteks pemulihan yang bersepadu dan menyeluruh, sesi perbengkelan telah dijalankan bagi tujuan menemukan sekumpulan pakar secara bersemuka. Tujuan perbengkelan ini adalah untuk menggalakkan kumpulan pakar melalui proses perbincangan yang efektif bagi setiap elemen yang terkandung di dalam komponen utama yang telah dipersetujui sebelum ini. Selanjutnya proses penilaian dan pengesahan elemen bagi setiap komponen bagi model pemulihan holistik terhadap LGBT ini telah dianalisis menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) bagi melihat kesepakatan sekumpulan pakar yang terlibat secara langsung dengan konteks kajian.

Diketahui bahawa pengesahan bagi setiap elemen di dalam komponen model pemulihan holistik terhadap LGBT ini turut menggunakan pendekatan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) dan kriteria pakar yang terlibat adalah sekumpulan pakar yang sama dalam dapatan langkah 2 yang telah dipaparkan sebelum ini. Justifikasi pemilihan pakar yang sama dengan panel pakar bagi dapatan langkah 2 adalah bertujuan memastikan kajian ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi kerana pakar yang digunapakai tidak berubah dan memahami konteks kajian yang dijalankan.

Deskripsi Panel Pakar Bagi Elemen Setiap LGBT

Seperti yang dinyatakan bahawa kumpulan pakar yang terlibat di dalam penilaian dan pengesahan elemen bagi setiap komponen model pemulihan holistik terhadap LGBT ini adalah terdiri daripada pakar yang sama di dalam dapatan langkah 2. Pemilihan terhadap pakar yang sama ini adalah untuk menjamin dapatan yang konsisten terhadap komponen utama dan elemen-elemen yang akan disahkan oleh pakar menggunakan kaedah *Fuzzy* Delphi (FDM).

Dapatan Elemen Peranan Kerajaan Berdasarkan Kaedah *Fuzzy* Delphi (FDM) Dan Cadangan Panel Pakar

Bil	Peranan Kerajaan	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i>				Kesepakatan Pakar	Ranking
		Nilai <i>Threshold, d</i>	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor <i>Fuzzy (A)</i>		
1	Kerajaan perlu menggubal undang-undang berkaitan LGBT	0.127	100.0%	0.767	0.914	0.981	0.887	TERIMA	6
2	Kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang berkaitan LGBT	0.114	100.0%	0.738	0.900	0.981	0.873	TERIMA	11
3	Kerajaan perlu konsisten dalam penguatkuasaan berkaitan LGBT	0.101	100.0%	0.786	0.933	0.990	0.903	TERIMA	3
4	Kerajaan perlu menubuhkan pusat pemulihan khusus terhadap LGBT	0.115	85.71%	0.795	0.933	0.986	0.905	TERIMA	2
5	Kerajaan perlu mempunyai modul pemulihan khusus terhadap LGBT	0.111	100.00%	0.767	0.919	0.986	0.890	TERIMA	5
6	Kerajaan perlu menyediakan tenaga terlatih dalam	0.143	100.00%	0.767	0.910	0.976	0.884	TERIMA	7

	pelaksanaan pemulihan terhadap LGBT								
7	Kerajaan perlu melaksanakan program pemulihan terhadap LGBT secara konsisten	0.119	100.00%	0.748	0.905	0.981	0.878	TERIMA	8
8	Kerajaan perlu menyediakan dana bagi rawatan pemulihan terhadap LGBT	0.143	100.00%	0.767	0.910	0.976	0.884	TERIMA	7
9	Kerajaan perlu menyediakan perkhidmatan kaunseling terhadap LGBT	0.098	90.48%	0.814	0.948	0.990	0.917	TERIMA	1
10	Kerajaan perlu menyediakan bantuan sara hidup dalam tempoh masa yang ditetapkan	0.136	100.00%	0.748	0.900	0.976	0.875	TERIMA	10
11	Kerajaan perlu mewujudkan aplikasi interaktif dalam memberi maklumat LGBT	0.114	100.00%	0.738	0.900	0.981	0.873	TERIMA	11
12	Kerajaan perlu mewujudkan silibus khusus berkaitan seksualiti manusia	0.136	100.00%	0.748	0.900	0.976	0.875	TERIMA	9
13	Kerajaan perlu memperbanyakkan info kesedaran berkaitan isu LGBT	0.136	100.00%	0.748	0.900	0.976	0.875	TERIMA	9
14	Kerajaan perlu memperkasa peranan guru dan kaunselor terhadap isu LGBT	0.114	100.00%	0.776	0.924	0.986	0.895	TERIMA	4

Dapatan Elemen Peranan Badan Bukan Kerajaan Berdasarkan Kaedah *Fuzzy* Delphi (FDM) Dan Cadangan Panel Pakar

Bil	Peranan Badan Bukan Kerajaan	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i>				Kesepakatan Pakar	Ranking
		Nilai <i>Threshold</i> , d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor <i>Fuzzy (A)</i>		
1	NGO perlu memberikan sokongan terhadap usaha pemulihan di peringkat kerajaan	0.086	95.2%	0.814	0.952	0.995	0.921	TERIMA	4
2	NGO perlu mengenalpasti kawasan tumpuan LGBT]	0.125	100.0%	0.690	0.867	0.971	0.843	TERIMA	16
3	NGO perlu membina “rappo” dengan komuniti LGBT	0.130	100.0%	0.786	0.924	0.981	0.897	TERIMA	7
4	NGO perlu peka terhadap isu-isu terkini berkaitan LGBT	0.055	100.00%	0.852	0.976	1.000	0.943	TERIMA	1
5	NGO perlu menubuhkan pusat pemulihan khusus terhadap LGBT	0.132	100.00%	0.738	0.895	0.976	0.870	TERIMA	12
6	NGO perlu mempunyai modul pemulihan khusus terhadap LGBT	0.145	100.00%	0.786	0.919	0.976	0.894	TERIMA	9
7	NGO perlu menyediakan tenaga terlatih dalam pelaksanaan pemulihan terhadap LGBT	0.101	90.48%	0.795	0.938	0.990	0.908	TERIMA	5
8	NGO perlu melaksanakan program pemulihan terhadap LGBT secara konsisten	0.072	100.00%	0.824	0.962	1.000	0.929	TERIMA	3
9	NGO menyediakan sokongan perkhidmatan kaunseling terhadap LGBT	0.130	100.00%	0.700	0.871	0.971	0.848	TERIMA	15

10	NGO menyediakan sokongan bantuan sara hidup dalam tempoh masa yang ditetapkan	0.160	100.00%	0.776	0.910	0.971	0.886	TERIMA	10
11	NGO mempunyai jaringan hubungan sesama mereka dalam memberi khidmat kepada LGBT	0.068	100.00%	0.833	0.967	1.000	0.933	TERIMA	2
12	NGO menyediakan bantuan sokongan rawatan terhadap LGBT	0.123	100.00%	0.757	0.910	0.981	0.883	TERIMA	11
13	NGO menyediakan kelas bimbingan/ program secara berterusan	0.122	100.00%	0.719	0.886	0.976	0.860	TERIMA	14
14	NGO perlu melaksanakan silibus khusus berkaitan seksualiti manusia	0.157	100.00%	0.690	0.857	0.962	0.837	TERIMA	17
15	NGO perlu menyebarkan info kesedaran berkaitan isu LGBT	0.114	100.00%	0.776	0.924	0.986	0.895	TERIMA	8
16	NGO perlu membantu guru, kaunselor dan masyarakat terhadap isu LGBT	0.144	100.00%	0.729	0.886	0.971	0.862	TERIMA	13
17	NGO menyediakan khidmat Mentoring	0.099	100.00%	0.776	0.929	0.990	0.898	TERIMA	6

Dapatan Elemen Peranan Komuniti Masyarakat Berdasarkan Kaedah *Fuzzy* Delphi (FDM) Dan Cadangan Panel Pakar

Bil	Peranan Komuniti Masyarakat	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i>				Kesepakatan Pakar	Ranking
		Nilai <i>Threshold</i> , d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor <i>Fuzzy (A)</i>		

1	Keluarga perlu memberi penekanan terhadap pendidikan agama dalam rumah	0.068	100.0%	0.833	0.967	1.000	0.933	TERIMA	1
2	Ahli keluarga tidak menyisih mereka	0.166	100.0%	0.738	0.886	0.967	0.863	TERIMA	14
3	Keluarga perlu mempunyai pengetahuan tentang LGBT	0.111	85.7%	0.814	0.943	0.986	0.914	TERIMA	5
4	Ahli keluarga perlu mengelakkan stigma dan judgemental terhadap mereka	0.083	95.24%	0.824	0.957	0.995	0.925	TERIMA	3
5	Persekitaran yang baik di dalam institut kekeluargaan perlu bagi mendorong dan menyokong mereka berhijrah dan istiqamah	0.072	100.00%	0.824	0.962	1.000	0.929	TERIMA	2
6	Ahli keluarga perlu sentiasa berkomunikasi dengan ahli keluarga yang terlibat LGBT	0.108	100.00%	0.729	0.895	0.981	0.868	TERIMA	13
7	Rakan sebaya perlu menyokong dan membimbing komuniti LGBT kepada penghijrahan	0.153	100.00%	0.748	0.895	0.971	0.871	TERIMA	11
8	Rakan sebaya perlu mempunyai pengetahuan tentang LGBT	0.098	90.48%	0.814	0.948	0.990	0.917	TERIMA	4
9	Rakan sebaya perlu mengelakkan stigma dan judgemental terhadap mereka	0.129	100.00%	0.776	0.919	0.981	0.892	TERIMA	8
10	Rakan sebaya perlu sentiasa berkomunikasi dengan komuniti LGBT	0.114	100.00%	0.776	0.924	0.986	0.895	TERIMA	7
11	Pihak masjid perlu mengadakan program pemulihan	0.144	100.00%	0.776	0.914	0.976	0.889	TERIMA	9
12	Pihak masjid perlu mengadakan kelas bimbingan dan kelas	0.132	100.00%	0.738	0.895	0.976	0.870	TERIMA	12

	agama								
13	Pihak masjid perlu mengelakkan stigma dan judgemental terhadap mereka	0.132	100.00%	0.738	0.895	0.976	0.870	TERIMA	12
14	Pihak masjid perlu menyokong dan membimbing komuniti LGBT kepada penghijrahan	0.102	100.00%	0.748	0.910	0.986	0.881	TERIMA	10
15	Persatuan penduduk perlu memberi sokongan program pemulihan kerajaan, NGO dan masjid	0.101	90.48%	0.805	0.943	0.990	0.913	TERIMA	6

Dapatan Elemen Peranan Komuniti Masyarakat Berdasarkan Kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) Dan Cadangan Panel Pakar

Bil	PERANAN KOMUNITI LGBT	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i>				Kesepakatan Pakar	Ranking
		Nilai <i>Threshold</i> , d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor <i>Fuzzy (A)</i>		
1	Komuniti LGBT perlu berada dalam persekitaran yang mendorong dan menyokong mereka berhijrah dan terus istiqamah	0.111	85.7%	0.814	0.943	0.986	0.914	TERIMA	3
2	Komuniti LGBT perlu mencari dan bergaul dengan rakan yang boleh menyokong mereka berhijrah	0.098	90.5%	0.814	0.948	0.990	0.917	TERIMA	2
3	Komuniti LGBT perlu menghadiri program bimbingan yang disediakan oleh kerajaan dan NGO	0.111	100.0%	0.767	0.919	0.986	0.890	TERIMA	5
4	Komuniti LGBT perlu mengisi	0.068	100.00%	0.833	0.967	1.000	0.933	TERIMA	1

	ruang kehidupan dengan aktiviti yang positif								
5	Komuniti LGBT perlu mempunyai mentor sebagai pembimbing kepada perubahan ke arah yang lebih baik	0.115	100.00%	0.786	0.929	0.986	0.900	TERIMA	4

Penutup

Bagi umat Islam, isu lesbian, gay, biseksual, transgender (LGBT) adalah isu akidah yang sangat serius. Status jantina dan orientasi seksual mengelirukan golongan mengamalkan LGBT itu akan menyebabkan berlakunya kerosakan yang sangat besar terhadap hukum-hakam dalam perkahwinan, faraid dan keturunan manusia. Bagaimanapun, Islam menzahirkan pendekatan cukup indah dan terbaik iaitu masalah LGBT yang melanda seluruh dunia ketika ini perlu dibendung dengan bijaksana. Bukannya bersifat menghukum, tetapi ingin mendekati mereka dengan memberi keadilan serta mengajak semula kepada kehidupan diredai Allah SWT. Dakwah terhadap komuniti LGBT ini jelasnya mestilah dilaksanakan secara serius di samping mempunyai pelan Tindakan yang sistematik dan dilaksanakan secara holistik. Kaukus Kesejahteraan Rakyat Dewan Negara mencadangkan keperluan mewujudkan pusat tahanan dan pemulihan khas LGBT bagi merawat dan membimbing golongan itu ke arah kebaikan, kerohanian dan kesejahteraan rakyat. Kaukus Kesejahteraan Rakyat Dewan Negara turut mengesyorkan pendidikan mengenai LGBT dimulakan sejak di peringkat sekolah. Ini supaya pelajar terdedah kepada gejala gaya hidup sedemikian yang menjurus kepada perbuatan seks bebas, kerosakan institusi kekeluargaan serta masyarakat dan penyumbang kepada penularan jangkitan HIV. Sehingga kini terdapat sebanyak 12 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Komuniti Hijrah dalam kalangan bekas peserta yang pernah mengikuti program Mukhyyam dan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri. Justeru, program-program pemulihan terhadap komuniti ini mestilah diperkasakan berdasarkan model pemulihan holistik.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian hasil penyelidikan yang dijalankan di bawah dana FRGS/1/2019/SS06/KUIS/03/2, FRGS 2019-1

Rujukan

- `Abd Allah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari al-Qurtubi, 1967. *al-Jami` li-abkam al-Qur'an*, Kaherah : Dar al-Kitab al-`Arabi.
- American Psychiatric Association, 2021. Akses pada 30 Ogos 2021. : <https://www.psychiatry.org/psychiatrists/cultural-competency/education/best-practice-highlights/working-with-lgbtq-patients>.
- Asraf Wajdi Dusuki. "LGBT antara punca lebih 90,000 pasangan bercerai,". Malay Mail Online. 4 Mac 2016
- Astro Awani (11 Mac 2019). Akses pada 25 Ogos 2021, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/gunakan-himpunan-hari-wanita-untuk-pertahan-lgbtsalah-guna-ruang-demokrasi-mujahid-200689>.
- Azmi, Kamal Abd. Rahman, Profil Masyarakat Melayu Malaysia di Media Sosial Yang Mempromosikan Agenda LGBT dalam Isu-Isu Semasa Media dan Dakwah (Kuala Lumpur: Universiti Malaya: 2005)
- Barton, Richard. "Psychosocial rehabilitation services in community support systems: A review of outcomes and policy recommendations." *Psychiatric Services* 50, no. 4 (1999)
- Barton, Richard. *Psychosocial rehabilitation services in community support systems: A review of outcomes and policy recommendations*. *Psychiatric Services* 50, no. 4 (1999): 525-534.
- Firdaus Azil. Jun 18, 2019. LGBT: Tak perlu paksa Malaysia terima ideologi songsang - Tun Mahathir' <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lgbt-tak-perlu-paksa-malaysia-terima-ideologi-songsang-tun-mahathir-210321>)

- Haridi, Noor Hafizah Bt Mohd. "Kumpulan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) Ancaman Terhadap Keamanan dan Keharmonian Beragama di Malaysia." *Islam Realitas: Journal of Islamic and Social Studies* 2, no. 2 (2016)
- Imam al-Ghazali: Aplikasinya dalam Program Tarbiyah Sekolah-sekolah Menengah Aliran Agama Berasrama di Negeri Kedah, Malaysia." *ATIKAN* 2, no. 1
- Ismail, Mohamad Afandi Md, Muhamad Hasif Yahaya, Ikmal Hafiz Jamal, and Muhammad Najib Abdul Wakil. "Isu LGBT Di Malaysia: Satu Tinjauan Terhadap Aspek Kajian: LGBT Issues In Malaysia: A Review Of Research Aspects." *INSLA E-Proceedings* 3, no. 1 (2020)
- Javaid Rehman, Eleni Polymenopoulos. (2013). "Is Green A Part Of The Rainbow? Sharia, Homosexuality, And LGBT Right In The Muslim World", *Fordham International Law Journal*. Vol, 37 Issue 1. 1-52
- Jeanete Ophilia Papilaya, 2016. Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender (LGBT), dan Keadilan Sosial. *Journal Humaniora Yayasan Bina Dharma*, Volume III, No. 1, 2016, 025-034
- Jodi, Khairul Hamimah Muhammad, and Noor Hafizah Mohd Haridi. "Cabaran dan Pendekatan Dakwah Golongan LGBT: Satu Kajian di Pertubuhan Usrah Fitrah." In *International Seminar on Human Development (Is-Hud'18)*, vol. 22. 2018.
- Jonathan Ned Katz, 1992, *Gay American History: Lesbians and Gay Men in the U.S.A.*, United States: Plume.
- Kamil, bin Hj Abd.Majid, Cabaran Umat Dewasa Ini: Suatu Penyelesaian Menurut Islam. (Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya, 1988)
- Mahfudzah Mohamad, "Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender: Perspektif Undang-undang Jenayah Syariah", *Jurnal Undang-Undang Malaysia* no 19 (2015), 29-36
- Mohamad Afandi Md Ismail, Mohd Sabree Nasri, 2019. Gejala LGBT Di Malaysia: Isu Dan Cadangan Penyelesaian, *Journal of Law & Governance*. Volume 2.No. 1. 51-65
- Mohamad Yusof Helmy Ramli, Rani Ann Balaraman, Mohamad Saifudin Mohamad Saleh, 2017, *Forum Komunikasi*, Vol. 2, No. 2, 59-74
- Nazri Muslim , Ahmad Hidayat Buang. 2012. Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan Dari Perspektif Hubungan Etnik Di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan Bil.20*, 115-129.
- Noor Hafizah Haridi, et.al, "Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT)", *Jurnal Pengajian Islam*, Bil 9, Isu II, (2016), 103-118
- Noresah, Baharom, and A. Ibrahim. "Kamus Dewan Edisi Keempat." *Dewan Bahasa dan Pustaka* (2005).
- Oswald, Hans, and K-U. Süß. "The influence of parents and peers on misconduct at school: Simultaneous and synergistic effects." (1994).
- Philip C. Kendall & Constance L. Hammen. 1997. *Abnormal Psychology: Understanding Human Problems*, United States: Houghton Mifflin.
- Radez, John Peter. *Ibn Miskawayh, the Soul, and the Pursuit of Happiness: The Truly Happy Sage*. Lexington Books, 2019.
- Renn, Kristen A., "LGBT and Queer Research In Higher Education: The State and Status of The Field", *Educational Researcher*, 39.2, 2010.
- Roshila Murni Rosli. 29 Mei 2019. Liwat pelajar tahfiz, warden dipenjara 133 tahun. <https://www.sinarharian.com.my/article/30520/KHAS/Isu/Liwat-pelajar-tahfiz-warden-dipenjara-133-tahun>
- Ryan, Caitlin, et al., "Family Acceptance in Adolescence and The Health of LGBT Young Adults", *Journal of Child and Adolescent Psychiatric Nursing*, 23.4, 2010.
- Sudrajat, Adi, and Atika Zuhrotus Sufiyana. "Filsafat Pendidikan Islam Dalam Konsep Pembelajaran Holistik Pendidikan Agama Islam." *Andragogi: Jurnal Ilmiah Pendidikan Agama Islam* 2, no. 2 (2020)

- Swanson, Richard A., and Sandra K. Falkman. "Training delivery problems and solutions: Identification of novice trainer problems and expert trainer solutions." *Human Resource Development Quarterly* 8, no. 4 (1997)
- Veritasia, Mytha Eliva, "Pengungkapan Informasi Privat tentang Identitas Seksual Seorang Gay kepada Orang Lain", *Commonline Departemen Komunikasi*, 4.2, 2015.
- Zainul Rijal Abu Bakar, 2021 Kedudukan LGBT di Malaysia. Akses di <https://www.sinarharian.com.my/article/127256/Kolumnis/Kedudukan-LGBT-di-Malaysia>, 30 Ogos 2021
- Zakaria, Stapa, *Masyarakat Islam dan Isu Semasa*, (Kuala Lumpur: YADIM, 1994)

BAB 11

WANITA DAN PERANANNYA MENURUT KACAMATA ISLAM

Norita Kamaruddin¹, Zanariah Dimon², Maffuza Salleh³, Hani Kamariah⁴
^{1,2,3,4}Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pendahuluan

Wanita memainkan peranan yang besar dalam keluarga dan masyarakat. Sebelum kedatangan Islam, kedudukan kaum wanita dipandang rendah dan dianggap tiada hak untuk bersuara, malah dipandang hina serta tidak diberikan penghormatan sebagai manusia. Namun begitu, kedatangan Islam telah membawa sinar kepada golongan wanita dengan mengangkat kedudukan dan martabat mereka di sisi Allah SWT menjadi manusia yang mempunyai hak dan tanggungjawab. Dalam hal ini, wanita juga mempunyai amanah yang besar dan perlu digalas seperti kaum lelaki.

Status Wanita Dalam Islam

Hawa diciptakan oleh Allah S.W.T. untuk menjadi peneman hidup bagi Adam. Perkara ini menjadi simbol bahawa wanita diamanahkan untuk menjadi penyeri hidup kepada lelaki seperti Adam dan Hawa. “*Al-Untsa* ialah kata tunggal yang memberi erti lawan kepada lelaki. Pada asalnya, perkataan *al-Untsa* adalah pecahan daripada kata kerja *anath* yang bererti lembut dan tidak keras. Jadi, apabila perkataan *al-Untsa* digunakan untuk memberi erti orang perempuan atau wanita, ia adalah lawan bagi lelaki. Ia mungkin berdasarkan kepada kelembutan dan kehalusan kejadian kaum wanita itu sendiri ini berbeza dengan kaum lelaki yang dikatakan keras dan kasar sifatnya. (Ibnu Manzur, 1990).

Dalam Islam kaum wanita dan kanak-kanak diberi keistimewaan dari pelbagai sudut antaranya adalah dari segi undang-undang Syariah. Jika dilihat pada zaman Jahiliah, iaitu zaman sebelum kedatangan Islam kaum pada masa itu menganggap wanita adalah beban kepada mereka. Oleh itu mereka dengan sewenang-wenangnya meletakkan status wanita sebagai sesuatu yang remeh. Misalnya, membunuh kanak-kanak perempuan yang baru lahir dan juga menjadikan kaum wanita sebagai hamba selain kaum wanita dan kanak-kanak perempuan tidak boleh mewarisi harta. Setelah kedatangan sinar Islam di tanah Arab, status wanita berubah menjadi lebih baik dan terjaga seperti wanita tidak lagi ditindas dengan menjadikan wanita sebagai hamba. Islam juga turut membuka minda kaum sebelum kedatangan Islam bahawa tiada istilah bebanan untuk wanita mahupun kanak-kanak perempuan yang baru dilahirkan. Semakin Islam berkembang, status wanita lebih terjamin dengan adanya undang-undang untuk wanita dalam Islam (Jawad H. A, 1988).

Sebelum kedatangan Islam, wanita dipandang cukup hina. Mereka tidak diberi kedudukan yang istimewa dalam keluarga dan masyarakat sepertimana lelaki. Kedatangan Islam telah merubah status dan kedudukan wanita. Islam telah mengangkat tinggi martabat wanita dengan memberi beberapa peranan penting sesuai dengan fizikal dan kekuatan yang ada pada mereka. Wanita muslimah di zaman Rasulullah SAW telah memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada suami, keluarga dan umat Islam. Saidatuna Khadijah Ummu al Mu'minin adalah merupakan sumber kekuatan bagi Rasulullah SAW dalam usaha dakwah Baginda di Mekah di kala baginda didatangi bermacam cabaran dan dugaan dari kaum Quraisy sehingga pada ketikanya baginda dipulau dan hampir dibunuh.

Di awal penurunan wahyu, sewaktu Rasulullah SAW dalam kegelisahan dan ketakutan, Khadijah berperanan sebagai orang yang telah mententeramkan Baginda. Wanita di zaman Rasulullah SAW juga menyertai beberapa peperangan besar sebagai jururawat kepada askar-askar

Islam yang cedera, selain memberi dorongan dan semangat. Di rumah, mereka bertindak sebagai pembantu kepada suami dalam urusan rumah tangga. (Abu Mohd Jibril, 1986).

Kedatangan Islam telah membaiki darjat dan perlakuan manusia terhadap wanita. Al-Quran menjelaskan, kedudukan wanita dalam Islam sama dengan lelaki. Wanita diciptakan sebagai pasangan buat lelaki. Ini dinyatakan menerusi firman Allah SWT yang bermaksud:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَىٰ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah SWT Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).”

Surah al-Hujurat 49 : 13

Kedatangan Islam membawa satu perubahan besar dan sangat signifikan terhadap status wanita. Wanita mempunyai peranan yang besar dalam sejarah Islam. Sejarah kegemilangan umat Islam telah memperlihatkan betapa golongan wanita mempunyai kedudukan yang begitu mulia lagi penting dalam masyarakat. Wanita dan lelaki adalah sama di mana masing-masing mempunyai tanggungjawab yang perlu disempurnakan di depan Allah SWT baik ianya berkaitan ibadah khusus seperti solat, puasa, zakat, dan haji atau berupa ibadat umum seperti bercakap benar, berbaik sangka dan sebagainya. Hak ini jelas berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya : “Tidaklah Aku jadikan jin dan manusia (baik lelaki dan wanita), kecuali mereka hanya beribadah kepadaKu’

Surah al-Zariyat 51 : 56

Peranan Wanita Dalam Institusi Kekeluargaan

Wanita merupakan tonggak utama dalam sesebuah keluarga dan masyarakat. Wanita memainkan peranan yang besar antaranya sebagai seorang isteri, ibu, anak kepada kedua ibu bapanya, ahli masyarakat dan yang paling penting adalah seorang hamba kepada Tuhannya. Terdapat kajian yang di jalankan ke atas 150 orang wanita bekerja oleh Noraini Mohd Noor (2006) mendapati terdapat juga wanita yang perlu menjaga ibu bapa mereka bahkan keseluruhan kitaran keluarga sehingga dalam kes-kes tertentu perlu menjaga adik-beradik serta saudara mara lain. Wanita perlu mengimbangi pelbagai peranan pada suatu masa yang sama. Tambahan pula seiring dengan keperluan menurut peredaran zaman dan pemodenan, wanita kontemporari juga tidak ketinggalan menyumbang kemampuan tenaga dan kemahiran mereka dalam sektor pekerjaan (& Mohamad, 2000; I.Ishak, 2003).

Namun, wanita dan tanggungjawab terhadap keluarga sukar dipisahkan. Menguruskan rumah tangga masih merupakan tanggungjawab utama wanita tidak kira mereka bekerja atau tidak (Abdullah & Ismail, 2012). Ini kerana kajian yang dilakukan oleh Abdullah dan Ismail (2012) mendapati bahawa seramai 198 orang (33%) daripada 254 responden mengakui bahawa sebab utama yang menghalang mereka bekerja dan menjadi tidak aktif mencari pekerjaan adalah kerana keperluan menjaga anak dan menguruskan rumah tangga. Kajian Ini juga mendapati bahawa semakin ramai anak dalam lingkungan umur 20 tahun, maka semakin tinggi jugalah jumlah masa pengeluaran isi rumah dan semakin kurang masa kerja wanita di pasaran buruh.

Kadar tersebut menunjukkan golongan wanita adalah tunjang penting dalam memastikan keharmonian keluarga. Ini kerana peranan tradisional wanita ialah menjaga keperluan suami, pengurusan isi rumah, penjagaan dan mendidik anak-anak tidak dapat dipisahkan dalam budaya masyarakat. Tugas utama wanita yang telah berkahwin tidak dapat lari daripada mengurus hal ehwal rumah tangga memandangkan tanggungjawab suami sebagai ketua keluarga yang utama

ialah mencari nafkah dan memenuhi keperluan hidup seisi rumah (Zin, 2007; Hak, 2007; Hamzah et al.; Noor & Mahudin, 2015).

Lebih-lebih lagi institusi keluarga merupakan asas pembentukan masyarakat. Ini bermakna keluarga merupakan institusi pertama membentuk nilai-nilai Islam dan nilai-nilai murni dalam jati diri anak-anak (I.Ishak, 2003). Kedudukan wanita dalam institusi keluarga berperanan sebagai ibu dalam menjaga, mengasuh dan mendidik semenjak anak-anak dalam kandungan (Hashim & Mohamad, 2000). Islam sangat memandang berat berkaitan didikan dan asuhan anak-anak agar dicorak kehidupan mereka dengan sewajarnya di mana Rasulullah SAW pernah bersabda:

حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي ذَيْبٍ، عَنِ الزُّهْرِيِّ، عَنْ أَبِي سَلَمَةَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ، أَوْ يُمَجِّسَانِهِ

Maksudnya:

Dari Ibn Abi Zibin dari Al-Zuhri dari Abi Salamah bin Abd Rahman dari Abi Hurairah r.a dari Nabi SAW bersabda: "Setiap anak dilahirkan atas fitrah (kesucian agama yang sesuai dengan naluri), maka kedua orang tuanya yang menjadikan dia beragama Yahudi, Nasrani atau Majusi."

(Sahih Bukhari; Bab: Ma Qil Fi Aulad Al-Musyrikin;1383)

Di samping tanggungjawab, hak dan peranan wanita berkerjaya dan berumah tangga Rasulullah SAW bersabda berkaitan tentang kewajipan mereka yang hakiki:

حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ أَبِي الْعَاتِكَةِ، عَنْ عَلِيِّ بْنِ يَزِيدَ، عَنِ الْقَاسِمِ، عَنْ أَبِي أُمَامَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ: مَا اسْتَفَادَ الْمُؤْمِنُ بَعْدَ تَقْوَى اللَّهِ خَيْرًا لَهُ مِنْ زَوْجَةٍ صَالِحَةٍ، إِنْ أَمَرَهَا أَطَاعَتْهُ، وَإِنْ نَظَرَ إِلَيْهَا سَرَّتَهُ، وَإِنْ أَقْسَمَ عَلَيْهَا أَبْرَتْهُ، وَإِنْ غَابَ عَنْهَا نَصَحَتْهُ فِي نَفْسِهَا وَمَالِهِ

Maksudnya:

Dari Uthman binAbi 'Atikah dari Ali bin Yazid dari Qasim dari Abu Umamah daripada Nabi SAW bersabda:“Tidak ada satu pun yang lebih baik faedahnya bagi seorang mukmin selepas bertakwa terhadap Allah SWT daripada seorang isteri yang solehah yang keadaannya jika suaminya menyuruhnya (tentang suatu yang baik) lantas mentaatinya. Jika suaminya melihatnya (dengan penglihatan kasih sayang atau nafsu) dia segera menggembirakannya (melunaskannya). Jika suaminya bersumpah (terhadap sesuatu kesalahan yang dengan keazaman tidak mengulanginya) dia cepat memaafkannya. Jika suaminya tiada di sisinya, lurus hatinya menjaga dirinya dan menjaga harta suaminya.”

(Sunan Ibn Majah; Bab: Afdalu al-Nisa'; 1857)

Wanita Sebagai Isteri

Islam menuntut pelaksanaan tanggungjawabnya seorang suami isteri mengikut kadar kemampuannya. Penghayatan dan kefahaman berkaitan hak dan tanggungjawab merupakan

faktor penting bagi memastikan keutuhan dan keharmonian rumah tangga (Hamzah et al. 2015). Demikian itu, Islam menetapkan tanggungjawab rumah tangga sesuai dengan kemampuan dan fitrah kejadian lelaki dan perempuan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

﴿وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُنَمِّمَ الرِّضَاعَةَ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلِّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُضَارَّ وِلْدَةٌ بِوِلْدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَالِدِهِ وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَنْ تَرَاضٍ مَتَّهَمًا وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْتَرْضِعُوا أَوْلَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ مَا آتَيْتُم بِالْمَعْرُوفِ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Maksudnya:

Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, yaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan. Dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara ma'ruf. Seseorang tidak dibebani melainkan menurut kadar kesanggupannya. Janganlah seorang ibu menderita kesengsaraan karena anaknya dan seorang ayah karena anaknya, dan warispun berkewajiban demikian. Apabila keduanya ingin menyapih (sebelum dua tahun) dengan kerelaan keduanya dan permusyawaratan, maka tidak ada dosa atas keduanya. Dan jika kamu ingin anakmu disusukan oleh orang lain, maka tidak ada dosa bagimu apabila kamu memberikan pembayaran menurut yang patut. Bertakwalah kamu kepada Allah dan ketahuilah bahawa Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan.

Surah al-Baqarah 2:233

Perkahwinan merupakan ikatan persetujuan yang menyebabkan adanya hak dan kewajiban dua hala di antara kedua-dua belah pihak agar terdapat keseimbangan dan keadilan (al-Qardawi, 1999). Antara tanggungjawab yang mesti ditunaikan oleh isteri ialah mentaati suami atas perkara yang tidak menjurus kepada maksiat, memelihara kemuliaan, kehormatan dan harta suami, tidak menggunakan harta suami tanpa izin, menggembirakan suami, menunjukkan wajah yang manis, berhias untuk suami, tidak melakukan perkara yang dibenci oleh suami, memelihara dan menguruskan rumah tangga dan tidak membenarkan orang lain masuk ke rumah tanpa izin suami.

Wanita Sebagai Ibu

Anak-anak merupakan amanah yang perlu dijaga, diasuh dan dibesarkan dengan sebaiknya. Lantaran itu, nafkah dan didikan kepada anak-anak menjadi kewajiban ke atas ibu bapa. Pendidikan anak-anak menurut Khaulah (1999) ialah termasuk dari aspek jasmani, rohani, agama, akhlak, masyarakat dan akal. Menurut al-Zuhaili (1989), isteri atau ibu berperanan menerapkan ilmu agama bagi melaksanakan kewajiban sebagai umat Islam. Al-Qardawi (1999), menegaskan bahawa tugas yang lebih utama bagi wanita adalah mendidik generasi. Seorang ibu lebih penyayang, lebih rapat, peka dan lebih memahami selok-belok penjagaan anak daripada sesiapa pun. Tidak hairanlah hak penjagaan anak (*badanah*) diutamakan kepada ibu (Seksyen 81, Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984). Justeru itu, Allah SWT telah melengkapkan wanita dengan persiapan fizikal dan juga spiritual bagi menggalas tugas tersebut (Hamzah et al., 2015). Rasulullah SAW menetapkan tanggungjawab wanita untuk menjaga anak-anak seperti mana sabda Rasulullah SAW daripada Abdullah bin Umar.

حَدَّثَنِي مَالِكٌ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ دِينَارٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: ... وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى أَهْلِ بَيْتِ زَوْجِهَا، وَوَلَدِهِ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْهُمْ، ...

Maksudnya :

Dari Malik, dari Abdullah bin Dinar dari Abdullah bin Umar r.a bahawasanya Rasulullah SAW bersabda : “...dan wanita adalah pemimpin terhadap rumah tangga suaminya dan anak-anaknya, dan akan dipertanggungjawabkan terhadap mereka....”

(Sahih Bukhari; Bab: Qaulullahi Taala: Ati’ullah wa Ati’u Rasul;7138)

Walaupun tugas mendidik anak-anak diletakkan sepenuhnya sebagai kewajipan ke atas ibu, namun Rasulullah SAW menetapkan tanggungjawab bapa menyempurnakan tugas dan peranan seorang ibu. Hal ini kerana mendidik anak-anak bukanlah merupakan hal yang mudah dilaksanakan seorang diri tambahan pula cabaran masa kini dari aspek pemodenan dan perkembangan dunia remaja yang makin sukar dikawal (Hamzah et al., 2015). Rasulullah SAW bersabda daripada Yahya bin Abi Kathir:

وَإِنَّ لَوْلَدِكَ عَلَيْكَ حَقًّا

Maksudnya :

“Sesungguhnya anakmu mempunyai hak terhadap dirimu.”

(Sahih Muslim; Bab: Nahi an Saum Dahri liman Tadraru Bihi;1159)

Peranan Wanita Dalam Kerjaya

Tugas bekerja mencari nafkah bagi sesebuah keluarga pada awalnya dipikul oleh suami atau bapa. Ini sudah menjadi uruf dan tradisi kebanyakan kaum serta bangsa. Namun, setelah arus kemajuan serta kehidupan mula berubah, wanita dan lelaki seolah-olah seiring bahkan berlumba-lumba dalam alam pekerjaan contohnya dalam bidang pendidikan, perniagaan, pertanian, penternakan, politik, ketenteraan dan sebagainya. Pada peringkat awal, wanita bekerja membantu suaminya dalam menyelesaikan isu keteraturan rumah tangga.

Dengan sebab itu, perempuan digelar *rabbatul bait*. Kemudian wanita mula menceburi dalam bidang perguruan serta kerjaya lain yang bersesuaian. Sebahagian mereka melaksanakan perniagaan dengan mengambil kira apa yang dilakukan oleh Ummul Mukminin yang pertama, Khadijah r.a sebagai salah seorang tokoh korporat yang berjaya. Begitu juga, melihat peranan oleh al-Syifa’ r.a yang menjadi penyelia kepada pasar. Ada juga dalam kalangan sahabat yang membantu merawat tentera yang terluka dan cedera dalam peperangan serta menjadi bidan kepada wanita yang bersalin seperti Ummu ‘Atiyah.

Islam tidak pernah mengesampingkan peranan wanita dalam semua lapangan dunia ini. Selagi mana menjaga batasan dan peraturan syariah, wanita boleh menyumbang kemahiran dan kepakaran yang dimiliki. Malahan wanita juga mempunyai asas penting dalam pembentukan keluarga, rumah tangga dan didikan anak-anak. Ini asas yang mengiktiraf keberadaan dan kehebatan wanita dalam kemahiran dan kelebihan emosi yang mereka miliki. Sebab itu setiap manusia ada tanggungjawab mereka. Asasnya sebagaimana yang diperjelaskan oleh Baginda S.A.W seperti hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas seperti berikut:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا وَالْحَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksudnya : “Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan terhadap apa yang kamu pimpin. Pemimpin bertanggungjawab ke atas rakyatnya. Lelaki (suami) bertanggungjawab ke atas ahlinya (keluarga). Wanita (isteri) bertanggungjawab ke atas rumah suaminya (menjaga harta benda dan situasi rumah). Khadam bertanggungjawab ke atas harta tuannya dan apa yang dipertanggungjawabkan ke atasnya.”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Peranan wanita di luar rumah juga tidak disekat. Islam menitikberatkan keselamatan nyawa, maruah dan imej wanita disebabkan itu, jika menjaga syarat dan tiada mudarat, wanita bekerja di luar rumah tidak dihalang. Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W bersabda :

لا تمنعوا إماء الله مساجد الله ولكن ليخرجن وهن تفلات

Maksudnya : “Janganlah kalian menghalangi kaum wanita itu pergi ke masjid-masjid Allah, akan tetapi hendaklah mereka itu pergi tanpa memakai harum-haruman.”

(Riwayat Abu Daud)

Walaupun perbincangan *afdhal* wanita itu urusan ibadah dan dunianya di dalam rumah adalah ketika:

- (1) Urusan di luar boleh menimbulkan fitnah.
 - (2) Tiada urusan luar ketika itu maka baik duduk di dalam rumah.
 - (3) Jika wujud peranan di luar maka tidak dihalang selagi mana menjaga batasan.
- Justeru asas peranan wanita di luar dalam menjaga batasan ialah:

- (1) Menutupi aurat.
- (2) Menjaga *syaksiah* dan adab Muslimah.
- (3) Tidak berdua-duaan sehingga berlaku khalwat dan fitnah.
- (4) Tidak melakukan kerja yang haram.
- (5) Mendapatkan izin dari ayah bagi yang bujang, dan suami bagi yang telah berkahwin.

Islam memberi ruang dan kelonggaran kepada wanita dalam menceburi bidang pekerjaan di luar rumah di samping tidak mengabaikan tanggungjawab hakikinya mengurus dan mentadbir hal ehwal rumah tangga menurut batas yang telah ditentukan mengikut syarak. Peredaran dan perubahan masa ditambah dengan desakan ekonomi keluarga, dasar dan sokongan kerajaan ke atas keperluan tenaga mahir dan kebolehan wanita meletakkan kedudukan wanita dalam pasaran kerja kian meningkat walaupun masih pada kadar yang rendah berbanding penyertaan tenaga kerja dari kaum lelaki (I.Ishak, 2003).

Terdapat beberapa faktor lain yang mempengaruhi penyertaan wanita dalam prospek kerjaya antaranya yang pertama, perubahan saiz dan struktur keluarga, dan pengurangan tempoh melaksanakan tugas seorang ibu; kedua, ketakpastian melalui kehidupan berkahwin, mungkin akan menjadi seorang balu atau janda pada satu hari nanti; dan ketiga, jangkaan hayat hidup yang lebih panjang. Perubahan dari sudut sosial dan ekonomi juga mempengaruhi keluarga yang menyebabkan akan kehilangan sebahagian daripada fungsi ekonomi apabila banyak barangan dihasilkan di luar kawasan domestik (Bakar, 2016)

Kesimpulan

Wanita mempunyai peranan besar dalam pembangunan keluarga, masyarakat dan negara. Wanita mempunyai peranan yang besar dalam sejarah Islam. Sejarah kegemilangan umat Islam

telah memperlihatkan betapa golongan wanita mempunyai kedudukan yang begitu mulia lagi penting dalam masyarakat. Pepatah melayu ada mengatakan “tangan yang menghayun buaian juga mampu menggoncangkan dunia” menunjukkan bahawa wanita merupakan salah satu tunjang kekuatan dalam pembangunan negara terutama dalam mewujudkan keluarga yang mawaddah dan diredhai Allah SWT.

Rujukan

- Ibnu Manzur. Kamus Lisan al-Arab, terbitan Beirut: Dar al-Fikh, edisi 1, 1990, Jld. 15
Al-Quran Al-Karim
- Abdullah, N., & Ismail, R. 2012. Kebarangkalian Bekerja Wanita Berkahwin di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 46(1), 107–117.
- Abu Mohd Jibril Abdur Rahman. 1986. *Wanita solihah: Ciri-ciri dan fungsinya*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1997. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Jil. 9. Damsyiq: Dar al-Fikr
- Bakar, N. R. A. 2016. Wanita bekerja dan pengurusan keluarga. *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space*.
- Hashim, N. M., & Mohamad, S. Z. S. 2000. Cabaran Wanita Berkerjaya dalam Pembentukan Keluarga Hadhari. *Jurnal CITU*, 19–29.
- Ibnu Majah Abu Abdullah Muhammad. Sunan Ibnu Majah. Bab Afdalul Nisa. 701 : 596
- Ibn. Qayyim Abū Abd Allah al-Dimashqi. 1953. *al-Turūq al-Humiyah fi al-Siyāsah al-Syariyyah*. T.P : Kaherah.
- Ishak, I. 2003. Peranan Wanita dalam Institusi Keluarga, Muhammad bin Ismail Abu Abdullah Al-Bukhari. Sahih Bukhari. Bab: Man Qil Aulad al-Musyrikin. V.2:100.
- Noraini Mohd Noor. 2006. Malaysian Women's State of Psychological Well-Being: Empirical Validation of a Conceptual Model. *The Journal of Social Psychology*. 146(95-115).
- Noor, N. M., & Mahudin, N. D. M. 2015. Metadata of the chapter that will be visualized online. In *Handbook on Well-Being of Working Women* (pp. 14–21).
- Sayyid Sabiq, Fiqih Sunnah VIII, Terj. Moh. Talib, (Bandung: al-Ma'arif, 1990)
- Yusuf Qaradhawi. 2009. *Fiqih Wanita*. Bandung: Jabal.
- Hamzah, N., Mustari, M. I., & Basiron, B. 2015. Model Keseimbangan Kerjaya dan Rumah Tangga dalam Kalangan Wanita Cemerlang Sektor Awam. *Sains Humanika*, (4:1), 37–46.

BAB 12

MEMAHAMI TEODISI DALAM PERSPEKTIF ISLAM

Nurhanisah Binte Senin

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pendahuluan

Permasalahan tentang konsep keburukan yang dinisbahkan kepada Tuhan sering menjadi perdebatan dalam wacana falsafah agama samada dalam falsafah Islam mahupun di Barat. Perbahasan ini menjadi isu utama khususnya dalam agama-agama monoteistik kerana ianya melibatkan persoalan berkenaan kekuasaan dan kasih sayang Tuhan. Konsep keadilan Tuhan cuba untuk dijustifikasikan dalam memahami keburukan serta penderitaan yang berlaku pada makhluk. Persoalan-persoalan sebegini merupakan penentangan terhadap kewujudan agama oleh golongan yang menolak kewujudan agama. Keburukan yang wujud di dunia seolah memalitkan persepsi negatif terhadap identiti agama yang berteraskan kepada keberadaan Tuhan yang bersifat Maha Baik dan Sempurna (Syafieh, 2019). Bagaimana seseorang yang beragama mampu untuk mempertahankan keberadaan Tuhan dengan wujudnya kejahatan dan bencana? Secara logiknya, sekiranya Tuhan wujud, bagaimana mungkin Tuhan membiarkan keadaan yang tidak baik ini untuk berlaku kepada manusia? Persoalan sebegini menuntut kepada jawapan yang serius sehingga berlaku perdebatan dan wacana dalam kalangan sarjana Muslim mahupun Barat.

Dalam keserjanaan Barat, wacana sebegini disebut sebagai *theodicy* yang merujuk kepada keadilan Tuhan dalam memahami peristiwa-peristiwa buruk yang terjadi pada manusia (Peterson, 2011). Persoalan yang cuba dijawab dalam perbahasan *theodicy* secara umumnya adalah mengapa Tuhan yang baik membenarkan sesuatu keburukan berlaku? Seperti yang dipersoalkan oleh John Hick dalam bukunya *An Interpretation of Religion*

Daripada aspek etimologi, perkataan teodisi berasal daripada Bahasa Yunani yang terdiri daripada dua perkataan iaitu *'theo'* yang bermaksud tuhan dan *'dike'* yang bermaksud keadilan. Menurut Bagus (2002) ianya dianggap sebagai ilmu dalam usaha mempertahankan kebaikan dan keadilan Tuhan sejajar dengan realiti kehidupan manusia yang dipenuhi dengan kejahatan dan penderitaan.

Isitlah teodisi (*theodicy*) ini dipelopori oleh Leibniz sekitar tahun 1710, salah seorang ahli falsafah Jerman yang cuba untuk merungkai persoalan keadilan Tuhan dalam bukunya yang ditulis dalam Bahasa Perancis dan kemudian diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris oleh E.M Huggard yang berjudul *Theodicy: Essays on the Goodness of God, the Freedom of Man and the Origin of Evil* (Teodisi: Esei berkaitan Kebaikan Tuhan, Kebebasan Manusia dan Asal Usul Kejahatan). Perbahasan teodisi cuba untuk mencari titik penyelesaian hubungan di antara kejahatan di dunia dan kebaikan Tuhan (Leahy, 1993) kerana secara logiknya terdapat pertentangan di antara Tuhan yang bersifat sempurna yang juga merupakan kepada pencipta kepada kejahatan (McCloskey, 1974).

Bagi kelompok teisme tradisional, memandang Tuhan sebagai sempurna meskipun wujud kejahatan di dunia adalah sesuatu yang tidak bertentangan. Leibniz (2009) dalam karyanya berpendapat kesempurnaan Tuhan tidak bercanggah dengan kezaliman dan keburukan yang berlaku di dunia ini kerana Tuhan telah memilih daripada pelbagai kemungkinan yang boleh berlaku dan sebaik-baik kemungkinan tersebut adalah pilihan Tuhan. Pendekatan yang dibawa

oleh Leibniz ini sedikit sebanyak menyamai apa yang dibawa oleh Imam al-Ghazali yang akan dibahaskan pada bahagian seterusnya.

Sama halnya dengan Platinga (1974) yang merupakan sarjana Kristian yang menegaskan sifat-sifat Tuhan yang Maha Mengetahui, Berkuasa dan Pengasih dalam menjawab persoalan kejahatan menerusi perbahasan kebebasan manusia dalam memilih dan menentukan sesuatu. Platinga (1974) memberi justifikasi bahawa kewujudan kezaliman dan kesempurnaan Tuhan adalah sesuatu yang tidak bertentangan.

Adapun dalam tradisi pemikiran Islam, wacana ini berputar dalam usaha pengharmonian di antara sifat Allah yang suci dan kebebasan yang diberikan kepada manusia atau yang dikenali sebagai *af'āl Allah* dan *af'āl 'ibād*. Perbahasan ini turut merangkumi tentang perihal penderitaan yang dialami oleh manusia. Persoalan tentang perbuatan Allah juga berkait rapat dengan beberapa sifat Allah seperti *'ilm*, *irādah* dan *qudrat* Allah yang sempurna dan sunyi daripada segala kekurangan (Mohd Nizam Sahad, 2019).

Dalam membahaskan konsep *af'āl Allah*, sebahagian golongan meletakkan secara mutlak sifat kekuasaan Allah sebagai Tuhan yang memiliki segala makhlukNya dan menciptakan perbuatanNya dan juga perbuatan hambaNya (Wolfson, 1976). Maka akan timbul pula persoalan tentang penisbahan keburukan kepada Tuhan sebagai pencipta segala sesuatu. Perbahasan ini berkait pula dengan isu kebebasan manusia yang menekankan konsep tanggungjawab manusia serta konsep balasan baik dan buruk terhadap perbuatan manusia.

Adapun pada satu sisi yang lain, golongan Mu'tazilah dan Syiah yang menekankan konsep keadilan Tuhan sebagai prinsip pemikiran mereka, berpendapat Tuhan tidak akan menciptakan keburukan dan keburukan adalah hasil daripada pilihan manusia semata-mata (Muhammad Imarah, 2020). Persoalan yang timbul adalah sekiranya Tuhan tidak menciptakan keburukan, siapa pula yang bertanggungjawab menciptakan penderitaan yang dialami oleh manusia disebabkan oleh penyakit dan bencana alam? Mu'tazilah menganggap semua perbuatan Tuhan bersifat baik dan mustahil Tuhan dikaitkan dengan keburukan. Mu'tazilah menganjurkan konsep *al-ṣalāh wa al-aṣlah* yang menegaskan wajib bagi Tuhan memberikan yang terbaik untuk manusia. Adapun kezaliman serta penderitaan yang berlaku pada manusia serta haiwan walaupun pada pandangan manusia dianggap seperti sesuatu yang zalim dan buruk pada hakikatnya adalah kebaikan yang diciptakan Tuhan mempunyai tujuannya tersendiri yang berkait dengan penciptaan alam dan sebagainya.

Menurut Asha'irah pula, menetapkan sesuatu ke atas perbuatan Tuhan dilihat sebagai bertentangan dengan kekuasaan serta sifat kehendak Tuhan (M. Abdel Haleem, 1996). Oleh itu, Tuhan dianggap adil dalam apa sahaja yang berlaku menurut kehendakNya. Timbangan keadilan Tuhan tidak sepatutnya diukur oleh manusia kerana keterbatasan akal dan pengetahuana manusia. Dalam mengharmonikan kekuasaan Tuhan dengan kebebasan manusia, Asha'irah memperkenalkan konsep *kasb* di mana Tuhan menciptakan semua perbuatan dalam masa yang sama manusia bebas untuk bertindak dan bertanggungjawab di atas segala tindakan yang diambil.

Justeru, penulisan ini bertujuan untuk memperincikan dengan lebih terperinci berkaitan konsep keburukan

Keburukan dan Penderitaan di dalam al-Quran

Al-Quran merupakan panduan utama umat Islam dalam mencari jawapan kepada persoalan yang timbul dalam kehidupan manusia. Dalam memahami keburukan dan penderitaan yang terjadi, manusia begitu cepat meletakkan sumber penderitaan tersebut kepada Tuhan sedangkan perbincangan di dalam al-Quran adalah sebaliknya di mana penderitaan dan keburukan tidak dikaitkan secara langsung dengan keadilan Tuhan.

Keburukan disebutkan di dalam al-Quran dengan perkataan *syarr*. Perkataan *syarr* disebutkan sebanyak 31 kali dalam lima bentuk iaitu *al-syarr*, *syarra*, *syarruhu*, *al-asyrar* dan *bisyarar*. Ayat-ayat *syarr* yang diturunkan dalam surah Madaniyyah banyak menyebut berkaitan tentang sifat-sifat buruk manusia apabila diuji Allah dengan kesenangan mereka yang berpaling dan ketika diuji dengan kesusahan mereka semakin mendekati diri kepada Allah dan balasan bagi orang-orang yang melakukan suatu kejahatan atau keburukan.

Adapun ayat-ayat berkaitan *syarr* dalam surah Makkiyyah lebih banyak menjelaskan tentang peringatan Allah kepada manusia tentang sesuatu yang tidak mereka sukai boleh jadi ianya baik untuk mereka atau sebaliknya. Terdapat juga perintah untuk memohon perlindungan daripada Allah daripada segala kejahatan dan keburukan. Selain itu, terdapat juga ayat-ayat yang menjelaskan keburukan ini berkait dengan golongan manusia yang tuli dan bisu yang enggan mendengar dan memahami kebenaran. Ianya merujuk kepada perilaku orang kafir yang ingkar terhadap perintah Allah.

Umumnya, kata *syarr* di dalam al-Quran merujuk kepada empat perkara berikut. Pertama, ianya merujuk kepada sumber-sumber keburukan yang berasal daripada makhluk, bisikan syaitan, malam dan dengki. Kedua, *syarr* merujuk kepada perbuatan buruk yang suka dilakukan oleh manusia seperti berputus asa, berpaling daripada Allah, berkeluh kesah, tergesa-gesa, kikir dan juga amalan sihir. Ketiga, penyebutan perkataan *syarr* di dalam al-Quran memandu manusia cara-cara untuk menghindarinya melalui menimbulkan rasa takut akan azab Allah. Perkataan *syarr* disebutkan dengan menekankan mengenai balasan buruk bagi sesiapa yang suka melakukannya dan akan mendapatkan kedudukan yang buruk juga.

Al-Quran jelas menunjukkan keburukan yang dilakukan oleh manusia adalah hasil daripada perilaku manusia sendiri yang tidak bertepatan dengan syariat Islam. Manusia sendiri yang memilih untuk meletakkan dirinya untuk melakukan kejahatan. Kejahatan dianggap sebagai sesuatu yang tidak bertepatan dengan syariat dan semestinya ianya tidak layak untuk dinisbahkan kepada Tuhan. Al-Quran jelas menunjukkan bagaimana setiap penciptaan tidak boleh dianggap sebagai sesuatu yang sia-sia.

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاءَ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا بَطْلًا ذَلِكُمْ ظَنُّ الَّذِينَ كَفَرُوا فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ كَفَرُوا
مِنَ النَّارِ ﴿٣٧﴾

Dan Kami tidak menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada antara keduanya tanpa hikmah. Yang demikian itu adalah anggapan orang-orang kafir, maka celakalah orang-orang kafir itu karena mereka akan masuk neraka.

(Surah Sad 38: 27)

Adapun berkaitan dengan penderitaan yang dialami oleh manusia, ianya tidak dikaitkan dengan konsep teodisi secara langsung. Penderitaan yang dialami oleh manusia boleh dilihat daripada dua perspektif berikut. Pertama, tiada pertembungan di antara sifat-sifat kesempurnaan Tuhan dan kewujudan penderitaan di dunia kerana kekuasaan Tuhan mengatasi segala sesuatu. Seperti firman Allah,

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمَلِكَ مَن تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمَلِكَ مِمَّن تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَن تَشَاءُ وَتُذِلُّ
مَن تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٨﴾

Katakanlah: "Wahai Tuhan Yang mempunyai kerajaan, Engkau berikan kerajaan kepada orang yang Engkau kehendaki dan Engkau cabut kerajaan dari orang

yang Engkau kehendaki. Engkau muliakan orang yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan orang yang Engkau kehendaki. Di tangan Engkaulah segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu.

(Surah Ali 'Imran 3: 26)

Kedua, sekiranya penderitaan dianggap sebagai ujian, ianya merupakan peluang kepada manusia untuk mengembangkan potensinya sebagai manusia dalam menelusuri perjalanan spiritual.

وَلَتَبْلُوكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخُوفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِّرِ
الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾

Dan sungguh akan Kami berikan cobaan kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar.

(Surah al-Baqarah 2: 155)

Keburukan dan Penderitaan Menurut Imam al-Ghazali

Dalam memahami perbuatan Allah, al-Ghazali di dalam kitab al-Iqtisad pernah membahaskan tentang konsep menyakiti haiwan serta manusia yang tidak berdosa dalam menjawab kepada hujah *al-ṣalāh wa al-aṣlah* golongan Mu'tazilah. Bagi menjawab persoalan bahawa mustahil bagi Allah untuk menyakiti haiwan serta wajib bagi Allah memberikan pahala kepada mereka yang taat seperti yang dipegangi oleh golongan Mu'tazilah adalah tidak dapat diterima. Menurut golongan Mu'tazilah yang berpegang kepada konsep *al-salah wa al-aslah* mustahil bagi Allah untuk menyakiti haiwan dan tidak memberi ganjaran kepada orang yang taat kerana ianya dianggap sebagai perbuatan yang buruk.

Adapun dalam masalah penderitaan terhadap makhluk, al-Ghazali menegaskan bahawa Allah tidak wajib untuk menjaga satu aspek yang lebih baik bagi manusia akan tetapi Allah berhak melakukan apa yang dikehendakiNya. Hal ini berbeza dengan pandangan Mu'tazilah yang membataskan perbuatan Allah dan mewajibkan kepada Allah untuk menjaga suatu aspek yang lebih baik untuk manusia.

Perbahasan berkenaan penderitaan manusia dinukilkan oleh al-Ghazali dalam kitab *Ihya' Ulum al-Din*. Seperti yang telah dimaklumi, dalam perjalanan intelektual dan spiritual al-Ghazali melalui fasa yang menyebabkan al-Ghazali mengambil keputusan yang besar dengan melepaskan segala kepentingan dunia ketika beliau berada di puncaknya. Seperti yang disebutkan oleh al-Ghazali dalam kitab *al-Munqidh min al-Dalāl*, al-Ghazali merekodkan perjalanan intelektual dan spiritual (Watt, 1963) yang dilalui dalam memperolehi makrifatullah. Beliau meninggalkan segala posisi keduniaannya dan menderita sakit sehingga tidak dapat makan dan minum mahupun bercakap dengan baik. Baginya, pengalaman sakit beliau ini adalah bukti suatu kebaikan dalam merealisasikan potensi intelektual dan spiritual beliau (Al-Ghazali, 2006).

Hasil daripada refleksi beliau terhadap penderitaan yang beliau lalui, telah membuahkan kepada penulisan kitab *Ihya' Ulum al-Din* di mana terkandung di dalamnya ilmu-ilmu kejiwaan dalam memperhalusi syariat agama itu sendiri (Watt, 2006). Dalam perbahasan teodisi, al-Ghazali yang telah mengalami penderitaan sakit secara fizikal setelah beliau meninggalkan segala kedudukan dan harta yang dimilikinya sebelum ini, menyebutkan dalam karyannya *Ihya' Ulum al-Din* kitab *al-Tauhid wa al-Tawakkal* menyebutkan:

“Setiap apa yang dibahagikan oleh Allah di antara hamba-hambaNya daripada rezeki, ajal, gembira dan susah, lemah dan kuat, iman dan kufur, taat dan maksiat; semua itu adil semata-mata dan tidak ada kezaliman padanya, hak semata-mata dan tidak ada kezaliman padanya. Bahkan itu adalah di atas tartib yang wajib yang benar di atas yang sepatutnya sebagaimana yang sepatutnya dan dengan kadar yang sepatutnya. Tidaklah mungkin sekali-kali yang lebih baik daripadanya. Tidaklah yang lebih lengkap dan yang lebih sempurna. Dan jika ada dan disimpanNya serta qudrah dan tidak dikurniakanNya dengan perbuatanNya, nescaya itu adalah kikir yang berlawanan dengan kemurahan. Kezaliman yang berlawanan dengan keadilan. Dan jika tidak Dia berqudrah, nescaya ia adalah kelemahan yang berlawanan dengan fitrah ketuhanan. Bahkan setiap kekafiran dan kemelaratan di dunia, maka itu kekurangan dari dunia dan kelebihan di akhirat.” (*al-Ghazali 2008b: 386-387*)

Penulisan al-Ghazali di atas ini adalah sebahagian daripada catatan beliau berkenaan dengan konsep tauhid dan tawakkal di mana kepercayaan kepada Allah dan dalam usaha seorang Muslim mengesakan Allah pada hakikatnya terangkum dalam konsep tawakkal kepada Allah. Dalam menjawab persoalan teodisi dengan kenyataan al-Ghazali di atas, jelas al-Ghazali tidaklah mungkin sekali-kali ada sesuatu lebih baik daripadanya dan tidak ada sesuatu yang lebih lengkap dan lebih sempurna daripada apa yang terjadi menunjukkan bahawa setiap kejadian yang berlaku di atas dunia ini, tiada yang lebih sempurna dan tepat kecuali apa yang telah terjadi hasil daripada qudrah dan iradah Allah.

Dalam meletakkan keyakinan bahawa tidak mungkin ada sesuatu yang lebih baik daripada apa yang terjadi terutama apabila melihat begitu banyak kekurangan serta keburukan yang terjadi, seseorang harus mampu untuk mempercayai penciptaan alam telah direncanakan oleh Allah dengan kehendak dan kebijaksanaan Allah. Tahap keyakinan ini dikaitkan dengan konsep tawakkal dalam perbahasan tasawuf di mana ianya merupakan darjat yang tinggi dalam pembangunan spiritual seorang Muslim (Rouzati, 2018).

Perbahasan tawakkal yang disekalikan dengan tauhid menunjukkan asas kepada mentauhidkan Allah pada hakikatnya adalah memulangkan segala yang berlaku di dunia ini kepada Allah sebagai pemilik dan raja bagi segala makhluk. Dalam memahami konsep teodisi, al-Ghazali jelas sekali meletakkan kepentingan hubungan yang kukuh di antara manusia dan Tuhan dengan meyakini kesempurnaan dan keadilan Allah.

Adapun untuk mendalami dengan lebih kukuh keyakinan bahawa Allah tidak layak untuk dikaitkan dengan keburukan dan penderitaan makhluk yang berlaku di dunia, al-Ghazali dalam kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* menjelaskan hal tersebut dalam kitab tawakkal dan tauhid yang dianggap sebagai asas dalam memahami konsep teodisi. Al-Ghazali menekankan kepentingan mempunyai sifat tawakkul serta keimanan terhadap ketauhidan kepada Allah yang tinggi dalam memahami kesempurnaan Allah di sebalik ketidaksempurnaan dan kebobrokan yang berlaku di dunia adalah merupakan sesuatu yang sebaik-baiknya berlaku. Ketidaksempurnaan dunia tidak melambangkan ketidaksempurnaan Tuhan bahkan sebaliknya menunjukkan kelemahan makhluk yang perlu akur kepada kesempurnaan Tuhan. Tuntasnya, segala yang berlaku terkait dengan kehendak dan kebijaksanaan Allah menunjukkan kesempurnaan yang ada pada Allah dan sekali-kali manusia tidak seharusnya mempersoalkan tentangNya.

Al-Ghazali berpandangan mustahil bagi manusia untuk meletakkan kewajipan kepada Allah dan sekiranya ianya dianggap sebagai kezaliman maka al-Quran dengan jelas telah menjawab dalam ayatNya:


مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا ۚ وَمَا
رَبُّكَ بِظَلَّامٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿٤٦﴾

Maksudnya:

“Sesiapa yang mengerjakan amal soleh maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri; dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambaNya.”
(Surah Fussilat 41: 46)

Justeru dalam mendepani apa sahaja kesusahan dan penderitaan, seorang Muslim haruslah meyakini secara mutlak bahawa setiap yang terjadi contohnya pandemic Covid 19 yang berlaku pada hari ini ada kebaikan yang tersirat di sebaliknya dan sentiasa cuba untuk berbaik sangka dengan Allah dengan memacakkan rasa tauhid dan tawakkal kepada Allah dalam meyakini kesempurnaan Allah dalam ketidaksempurnaan makhluk. Bukanlah menjadi kewajipan manusia untuk mempersoalkan perbuatan Allah seperti firman Allah:

Maksudnya:

“Ia tidak boleh ditanya  لَا يُسْأَلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْأَلُونَ ۚ tentang apa yang Ia lakukan, sedang mereka yang akan ditanya kelak.”
(Surah al-Anbiya’ 21: 23)

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, dalam memahami konsep buruk yang berlaku di dunia, al-Ghazali menekankan dalam penulisannya tentang definisi buruk itu sendiri yang perlu dicerakini dengan tuntas agar kefahaman manusia tidak terpesong daripada kebenaran. Dengan mengutamakan tujuan manusia dalam memahami setiap perbuatan, ia menyebabkan manusia mudah menyandarkan apa yang tidak baik itu terhadap Tuhan sedangkan Tuhan tidak boleh disabitkan dengan perbuatan buruk. Begitu juga dengan penderitaan yang dihadapi oleh manusia dan makhluk lain yang tidak berdosa. Al-Ghazali menekankan kekuasaan Allah dan kehendakNya adalah bersifat mutlak dan setiap sesuatu yang terjadi adalah sebaik-baik kejadian dan tidak ada yang lebih baik daripadanya. Al-Ghazali menyanggah konsep *al-salah wa al-aslah* oleh Muktazilah dengan menyebutkan bahawa tidak ada sesuatu yang wajib ke atas Allah. Justeru manusia tidak seharusnya meletakkan apa yang sepatutnya dan sebaiknya dilaksanakan oleh Allah dalam ukuran takdirNya dan harus sentiasa berbaik sangka dengan Allah. Sama halnya dalam mendepani wabak Covid 19, sebagai seorang Muslim, penderitaan yang dialami bukanlah dianggap sebagai suatu yang buruk semata-mata dan ianya tidaklah diciptakan dalam keadaan yang sia-sia kerana segala sesuatu yang berlaku adalah dalam ilmu dan hikmah Allah.

Rujukan

- Al-Ghazālī, Abu Hamid bin Muhammad. 2008. *Al-Iqtisād fī al-I'tiqād*. Jeddah: Dār al-Minhaj.
- _____. 2006. *Al-Munqidh min al-Dalal, Deliverance from Error*. Translated by R. J. Mccarthy. Louisville: Fons Vitae
- _____. 2008b. *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*. Vol. 4. Cairo: Al-Maktabah al-Tawfiqiyyah. 2008
- _____. 2007. *The Faith and Practice of al-Ghazali*. Oxford: Oneworld.
- Al-Laqqani, Sheikh Ibrahim. 2015. *Terjemahan Tuhfatul Murid Syarah Jauharah Tauhid*. Nuruzzaman MZ (penyunting). Darul Busyra.
- Hick, John. 2004. *An Interpretation of Religion*. New Haven and London: Yale University Press.
- Leahy, Louis. 1993. *Filsafat Ketuhanan Kontemporer*. Yogyakarta: Kanisius.
- Leibniz, Gottfried Wilhelm. 2009. *Theodicy*. New York: Cosimo
- Lorens Bagus. 2002. *Kamus Filsafat*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama
- M. Abdel Haleem. 1996. "Early Kalām" In *History of Islamic Philosophy*. Syed Hossein Nasr & Oliver Leaman (Eds). London: New York.
- McCloskey, H. J. 1974. *God and Evil*. Netherlands: Martinus Nijhoff
- Mohd Nizam Sahad. 2019. *Pemikiran Mengenai Ilahiyat: Sejarah Perkembangan dan Aliran Akidah*. Kuala Lumpur: DBP
- Muhammad Imarah. 2020. *Muktazilah dan Persoalan Kebebasan Insan*. Ahmad Nabil Amir (penterjemah). Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front
- Peterson, Michael L. 2011. *The Problem of Evil, Selected Readings*. Notre Dame: University of Notre Dame.
- Plantinga, Alvin. 1974. *God, Freedom, and Evil*. Cambridge: WM. B. Berdmans.
- Rouzati, Nasrin. 2018. *Evil and Human Suffering in Islamic Thought—Towards a Mystical Theodicy*. *Religions*. 9 (47). doi:10.3390/rel9020047
- Syafieh. 2019. *Kejahatan dan Campur Tangan Tuhan*. *Lentera: Indonesian Journal of Multidisciplinary Islamic Studies*. 1 (1). 69-84
- Watt, Montgomery. 1963. *Muslim Intellectual: A study of al-Ghazālī*. Edinburgh: Edinburgh University, 1963
- Wolfson, Harry Austryn. 1976. *The Philosophy of Kalam*. Cambridge: Harvard University Press.

BAB 13

PERADABAN ISLAM DALAM MEMBINA SAHSIAH HOLISTIK BAGI PENGGUNAAN MEDSOS: KAJIAN RINTIS TERHADAP PELAJAR IPT DARI ASPEK SOSIAL DAN KOMUNIKASI

Najmiah binti Omar¹, Isma Rosila binti Ismail², Zuraidah Juliana binti Mohd Yusoff¹, Rahimah binti Embong¹ dan Ahmad Zuhairi binti Mohd Norlil¹

¹ Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

² Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan tentang peradaban Islam yang berasaskan al-Quran, ciri-ciri sahsiah holistik, perkaitannya dalam penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar IPT analisis daripada kajian rintis yang dijalankan ke atas pelajar IPT dalam penggunaan media sosial dari aspek sosial dan komunikasi.

Peradaban Islam Berasaskan Al-Quran Dan Hadis Rasulullah S.A.W

Menurut Hamid Fahmy Zarkasyi, (2015) dalam bahasa Arab terdapat berbagai istilah yang merujuk kepada makna peradaban, seperti hadharah, thaqâfah, ‘umrân dan sebagainya, namun istilah yang secara substansial sesuai dengan watak Islam adalah tamaddun.

Secara umumnya, peradaban adalah hasil dari rangkaian produk budaya manusia. Semakin banyak produk budaya satu bangsa, semakin tinggi pula tingkat peradaban bangsa tersebut. Untuk membangun sesebuah peradaban, agama juga menjadi salah satu peranan yang penting kerana peranan agama membentuk pandangan semesta seseorang dan sesebuah masyarakat serta perilaku dan tindakan mereka dalam kehidupan. Beliau juga menjelaskan agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW telah berjaya membentuk sebuah peradaban yang tinggi yang dikenali dengan peradaban Islam. Dengan ajaran yang datang daripada Allah SWT, Islam mampu melahirkan pengikut yang berperadaban tinggi dan berakhlak mulia. (Siti Nur Aisyah, 2019).

Setelah kejayaan hijrah Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat ke kota Yathrib dan digantikan dengan nama kota Madinah. Baginda Rasulullah S.A.W mendirikan sebuah negara Islam yang makmur dilengkapi dengan perlembagaan dan disusun atur dengan baik iaitu Perlembagaan Madinah. (Annasaii Jamar et.al, 2018).

Selain itu, peradaban Islam berbeza dengan peradaban dunia yang lain kerana ia meletakkan *al-din* (agama) sebagai asas yang membentuk peradaban, bukan manusia yang membentuknya. Al-Quran menjadi sumber utama atau sumber asas dalam membangun peradaban Islam, kerana ia mengandungi segala nilai, dasar, prinsip serta hukum untuk membimbing manusia bagi mencapai perhubungan dan kesempurnaan hidup. (Siti Nur Aisyah, 2019).

Antara ‘era keemasan’ Peradaban Islam adalah ketika pemerintahan al-Khulafa’ al-Rasyidin. Sungguhpun kuasa Islam mulai bertapak di persada dunia, namun peradaban Islam pesat membangun dan menguasai dua pertiga dunia yang menyaksikan kejatuhan empayar Rom dan Parsi. Hal ini kerana kebijaksanaan dan kepimpinan al-Khulafa’ al-Rasyidin yang berjaya meletakkan pemikiran dan peradaban Islam di bidang politik, pengurusan negara, kepimpinan,

kebijakan sosial, undang-undang dan pendidikan unggul di seluruh dunia.(An-Nasaai Jamar et.al, 2018).

Perkembangan dan penyebaran agama Islam pesat membangun di daerah-daerah jajahan wilayah Islam dan dijalankan dengan penerapan pendidikan agama Islam yang bersesuaian dengan ketetapan yang telah ditetapkan pada zaman al-Khulafa' al-Rasyidin. Malah, melalui pendidikan ini, lahirlah guru-guru yang bersungguh-sungguh mendidik untuk melahirkan umat Islam yang cemerlang. Ini kerana kesan pendidikan itu mampu mewarnai kehidupan masyarakat dalam pelbagai aspek seperti politik, sosial, seni, budaya dan memberi sumbangan yang besar terhadap kehidupan umat Islam demi memajukan perkembangan ilmu dan intelektual.(An-Nasaai Jamar et.al, 2018).

Sebelum kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu, pendidikan di Tanah Melayu bersifat tidak formal iaitu hanya terhad kepada pengajian Al-Quran dan keagamaan. Pendidikan bersepadu mula diwujudkan yang membawa maksud pendidikan yang menyepadukan antara ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah. Justeru itu, mencari dan membina paradigma ilmu yang bersepadu merupakan satu tuntutan ke arah pembangunan tamadun dan peradaban bangsa yang berasaskan akhlak yang mulia. Konsep pendidikan bersepadu dalam strategi pengajaran dan pembelajaran adalah berteraskan empat elemen iaitu kreativiti, refleksi, bekerjasama dan bertanggung jawab (Maimun, 2019).

Pendidikan bersepadu juga menggunakan pelbagai teknik seperti ICT (Teknologi Komunikasi Maklumat) dan beberapa teknik yang lain. Sejarah membuktikan bahawa umat Islam adalah golongan awal yang menggunakan teknologi dengan memulakan industri kertas pada tahun 793 M di Baghdad (Maimun, 2012).

Hal ini menjadi bukti bahawa teknologi digunakan dalam penyebaran maklumat. Penghayatan konsep kesepaduan ilmu ini perlu dipandang dari sudut falsafah Pendidikan Islam yang menyatakan bahawa pendidikan bersepadu mampu melahirkan manusia yang mempunyai peradaban. Rasulullah telah meninggalkan peradaban yang mulia untuk diikuti. Bagi melahirkan insan yang tinggi peradabannya satu perancangan yang teliti perlu dibuat dalam sistem pendidikan. Hal ini kerana institusi pendidikan merupa kan institusi yang paling hampir dalam tugas mendidik ketamadunan manusia (Maimun, 2019).

Revolusi Industri (RI) merupakan satu bentuk kemajuan dalam peradaban dan ketamadunan manusia (Mohamad, 2018). Peralihan dari zaman pertanian kepada zaman perindustrian menjadikan kehidupan manusia semakin kompleks dan penuh elemen daya saing dalam bentuk moden.

Di samping itu, kita perlu menyediakan asas ilmiah kukuh berasaskan al-Quran kepada semua pembina peradaban. Pada masa sama, usaha perlu dirancang dengan kemas dan betul bagi melahirkan semula ahli fikir dan ilmu yang jujur serta ikhlas dalam memperkembangkan kebenaran al-Quran.(Roslan Abd Jelani, 2022).

Kesimpulannya, peradaban Islam menikut peredaran zaman adalah berasaskan kepada nilai murni yang terdapat dalam al-Quran dan dipraktikkan oleh Rasulullah S.A.W sebagai *role model* kepada umat Islam sejagat dan diteruskan pengamalan oleh para Khulafa' al-Rasyidin yang dibuktikan melalui sejarah Islam yang menjadi tamadun yang gilang gemilang.

Sahsiah Holistik

Secara literal, sahsiah berasal daripada perkataan Arab yakni perkataan mufrad *al-syakhsh* atau jamaknya disebut *asykhas* (Ma'luf, & Tawtal, 1982) yang membawa gambaran kebatinan, keperibadian, perasaan, keinginan pemikiran, personaliti, tabiat, sikap dan tingkah laku seseorang individu yang menjadi tabii sejak kecil (Mustafa, 2005; Kamus Dewan, 2013).

Al-Ghazali (2009) berpendapat, atribut utama as-Syakhshiyah adalah suatu biah rohaniah (persekitaran rohani) yang disandarkan kepada amaliah (perbuatan) dan sudah menjadi fitrah manusia untuk melakukan sesuatu perkara secara naluriah. Amaliah itu lahir secara spontan

dalam diri manusia tanpa memerlukan pertimbangan pemikiran dan *mafabim* (persepsi) (Mahmud, 2020). Jika buah rohaniah yang melahirkan amaliah itu baik, maka lahirilah sahsiah yang terpuji, sekiranya muncul yang negatif, maka buah rohaniah itu diertikan sebagai sahsiah yang tercela atau menyimpang.

Pendidikan abad ke-21 kini menuntut guru memberi fokus kepada pembangunan pelajar secara holistik, pembangunan sahsiah dan jati diri secara kukuh sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sahsiah murid adalah sesuatu yang mahal dan tidak ternilai jika dapat dibentuk menggunakan acuan yang baik kerana ia bakal menentukan masa depan generasi akan datang. Jatuh dan bangun negara pada masa akan datang bergantung kepada murid kini yang perlu dipandang serius oleh guru dan perkara ini dapat dicapai jika sahsiah murid dapat dibentuk dengan sempurna. (hmetro, 2016).

Menurut Abdullah (2006) pembangunan sahsiah memberi kesan terhadap kualiti hidup setiap individu sama ada dari aspek penampilan diri, sikap, tingkah laku, pemikiran, perasaan, sosial, dan rohani. (Shahidan Shafie, 2017). Sebagai persediaan untuk menghadapi arus dan cabaran dalam kehidupan, seorang pelajar harus membentuk peribadinya menjadi lebih berkualiti dan membina sahsiah mereka supaya menjadi insan yang cemerlang dari sudut ilmu pengetahuan dan pemikiran kepada masyarakat dan negara.

Sahsiah yang berkualiti akan terbentuk apabila individu mampu berfikir dengan baik. Budaya berfikir yang sihat dan pemikiran kritis amat penting bagi seorang individu kerana mereka yang mempunyai dua elemen tersebut mampu menggunakan pemikiran mereka dalam menghadapi pelbagai cabaran, tekanan dan perubahan (Poh, 1999).

Orang Barat mengatakan tumpuan dan keperluan pembangunan sahsiah umumnya menjurus kepada memenuhi keperluan fizikal manusia bagi memastikan sesuatu matlamat tercapai dan melihat keperluan manusia lebih kepada memenuhi aspek luaran manusia semata-mata seperti, memenuhi pembangunan jasmani dan psikologikal manusia, meningkatkan kedudukan atau pengaruh selain membangunkan status sosial serta ekonomi yang mereka rasakan adalah teras dalam memastikan pembangunan dan perkembangan sistem sosial manusia terjamin. (Mohd Zulazizi, 2021).

Menurut kajian yang dijalankan oleh Ayesha Dias di bawah kelolaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mendapati, perkembangan manusia hanya diukur berdasarkan empat piawaian utama (Ripin, et al., 2006) iaitu perkembangan sosial, perkembangan ekonomi, pembangunan setempat dan pembangunan institusi. (Mohd Zulazizi, 2021).

Namun begitu, al-Quran dan al-Sunnah menetapkan pembangunan diri manusia bukan menekankan potensi fizikal semata-mata bahkan, hakikatnya turut memenuhi aspek moral, spiritual dan perkembangan mental (Mohamed & Abu Bakar, 2010).

Kesimpulannya, sahsiah holistik menurut kaca mata Islam lebih universal yang menitikberatkan nilai luaran, dalaman, fizikal, mental dan kerohanian berbanding dengan sahsiah holistik yang dijelaskan oleh Barat yang memenuhi aspek fizikal semata-mata.

Penggunaan Media Sosial

Isu remaja dan penggunaan media sosial kini menjadi suatu aspek penting yang perlu dikaji kerana ia merupakan medium komunikasi yang digunakan oleh golongan muda masa kini untuk mengakses maklumat dengan mudah dan pantas. Walau bagaimanapun, penggunaan media sosial yang berlebihan dan tidak terkawal boleh menyebabkan berlakunya masalah sosial dan implikasi negatif terhadap remaja. (Shahrul Nazmi Sanussi et.al, 2019).

Pengaruh media massa khususnya media sosial dalam mempengaruhi tingkah laku sosial masyarakat tidak dapat dinafikan kesannya. Sohana (2016) menyatakan kemajuan teknologi sesebuah negara dapat dilihat melalui pesatnya pembangunan industri komunikasi dan maklumatnya. Namun, setiap individu memiliki tahap pengaruh media massa yang berbeza. Keadaan ini berlaku kerana perbezaan budaya telah mempengaruhi sikap serta hubungan sosial

mereka setiap hari. Perubahan sosial secara positif dan sebaliknya juga banyak dipengaruhi oleh gelombang globalisasi yang berlaku di sekitar mereka, sekaligus membentuk pemikiran yang bersifat inklusif terhadap sebarang pembaharuan yang wujud di sekeliling mereka. (Shahrul Nazmi Sanussi et.al, 2019).

Setakat penghujung 2016, Laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mendedahkan sejumlah 21.1 juta rakyat Malaysia menggunakan internet. Antara pilihan utama mereka menggunakan saluran internet dalam kehidupan seharian adalah untuk tujuan permainan video, berhubung dengan rakan-rakan serta pencarian maklumat. (Shahrul Nazmi Sanussi et.al, 2019).

Keperluan pembelajaran dan pengajaran dari rumah (PdPR) telah menuntut para remaja mendampingi peranti ICT seperti telefon bimbit dan komputer riba hampir setiap masa. Kebanyakan remaja kini telah memiliki telefon bimbit sendiri dan tidak lagi berkongsi dengan ibu bapa. Fenomena ini telah membolehkan para remaja memiliki “kebebasan sosial” yang tersendiri.

Selain mengikuti sesi pembelajaran, para remaja juga bebas menggunakan peranti ICT bagi pelbagai tujuan lain seperti menonton video, bermain e-sport dan juga melayari media sosial. Antara platform media sosial yang popular dalam kalangan remaja kini adalah Instagram, Snapchat, TikTok, Facebook, YouTube, WhatsApp, dan Twitter. Media sosial memainkan peranan besar dalam kehidupan remaja masa kini. Soal selidik yang dibuat oleh *American Academy of Child and Adolescent Psychiatry* pada tahun 2018 menunjukkan bahawa 90 peratus remaja berusia 13-17 tahun telah menggunakan media sosial. 75 peratus remaja mempunyai sekurang-kurangnya satu profil media sosial yang aktif, dan 51 peratus remaja mengunjungi laman media sosial sekurang-kurangnya sekali dalam sehari. (<https://news.uthm.edu.my/ms/2021/08/remaja-perlu-manfaatkan-media-sosial/>).

Secara ringkasnya, media sosial memberikan impak dalam kehidupan seorang pelajar universiti. Kesan penggunaan media sosial boleh menjadi positif atau negatif bergantung kepada penggunaannya. Antara kesan positif media sosial dalam kalangan pelajar ialah platform penyampaian maklumat dan informasi, medium iklan dan komersial untuk bisnes, menambah jaringan, mengeratkan silaturahim, platform untuk mengurangkan tekanan belajar, memudahkan interaksi dan media dakwah kepada pelbagai lapisan masyarakat. (Nur Shahirah et.al, 2019).

Manakala kesan negatif pula ialah pelajaran terganggu, kurang interaksi dengan dunia sebenar, pembaziran, pornografi, ruang fitnah terbuka luas, medium pergaduhan, penyebaran berita tidak sah, terpengaruh dengan hedonism dan membuka peluang jenayah. Sekiranya media sosial disalahgunakan, maka di situlah berlakunya banyak perkara yang negatif. Untuk mengatasi masalah penyalahgunaan media sosial, punca utama perlu dikenalpasti terlebih dahulu. Antara punca berlaku penyalahgunaan media sosial ialah pengurusan masa yang lemah, kurang perhatian, tidak menjaga pancaindera, pengaruh rakan sebaya, terpengaruh dengan trend terkini dan tekanan belajar. Setelah itu, langkah yang efektif perlu diamalkan dalam penggunaan media sosial seperti menghadkan akses kepada media sosial, melibatkan diri dalam perkara berfaedah, nasihat dan kaunseling, tabayyun dalam setiap perkara dan pengurusan masa yang baik perlu untuk mengelakkan masalah penyalahgunaan media sosial berulang. (Nur Shahirah et.al, 2019).

Kesimpulannya, penggunaan media sosial pada era Revolusi Industri 4.0 adalah satu lumrah alam. Namun begitu, pelajar perlu bijak membuat pertimbangan dan membuat penilaian antara yang mendatangkan kebaikan dan keburukan kepada diri mereka.

Kajian Rintis Terhadap Pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT)

Satu kajian rintis telah dijalankan di Universiti Sultan Zainal Abidin ke atas pelajar Fakulti Pengajian Kontemporari Islam untuk menguji ketepatan dan keberkesanan item soal-selidik terhadap 42 orang mahasiswa yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Tujuan kajian adalah untuk menganalisis tahap penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar IPT. Item soal-selidik dibina berdasarkan demografi mengikut jantina, umur, tempat tinggal dan latar-belakang


keluarga. Item soal-selidik diedarkan kepada responden melalui *Google Form*. Namun begitu, artikel ini hanya memfokuskan kepada sembilan item soal-selidik sahaja yang membincangkan aspek sosial dan komunikasi.

Berikut akan dijelaskan tentang jantina, umur, jenis aplikasi media sosial yang digunakan, tempoh penggunaan media sosial dalam sehari, item soal-selidik dan analisis data melalui *google form* dalam bentuk carta pai dan graf bar.

1. Jantina Responden

A- JANTINA

42 responses




Rajah 1: Peratusan Jantina Responden Lelaki dan Perempuan

Berdasarkan kajian yang dijalankan, terdapat 47.6% terdiri daripada pelajar perempuan dan 52.4% terdiri daripada pelajar lelaki. Oleh itu, jumlah bilangan pelajar lelaki dan perempuan tidak ada banyak perbezaan.

2. Umur Responden

B- UMUR

42 responses




Rajah 2: Umur Responden

Berdasarkan kajian yang dijalankan, 21.4% pelajar terdiri daripada 20 tahun ke bawah, 71.4% berumur antara 21-24 tahun yang merupakan peratusan yang tertinggi, dan 7.1% terdiri daripada pelajar yang berumur antara 25-28 tahun yang merupakan peratusan yang terendah.

3. Aplikasi Media Sosial Yang Digunakan

A- APLIKASI MEDIA SOSIAL YANG ANDA GUNAKAN


42 responses



Rajah 3: Penggunaan Aplikasi Media Sosial

Hasil daripada dapatan data di atas menunjukkan 100% pelajar menggunakan aplikasi Whatsapp iaitu penggunaan yang tertinggi. Sebagaimana kita ketahui, Whatsapp digunakan sebagai alat untuk berhubung secara maya dengan mudah. Manakala yang kedua tertinggi adalah aplikasi Telegram dan Instagram iaitu mencapai 90.5%. Penggunaan aplikasi ketiga tertinggi adalah Youtube iaitu sebanyak 85.7% dan keempat tertinggi adalah Facebook iaitu 81% diikuti dengan Tik Tok, Twitter, Ome TV dan Snaphot. Ini menunjukkan bahawa remaja lebih berminat kepada penggunaan Whatsapp, Telegram, Instagram, Youtube dan Facebook berbanding dengan aplikasi yang lain. Aplikasi media sosial amat popular digunakan dalam kalangan pelajar IPT.

Berdasarkan analisis data tersebut, dapat dibuat hierarki penggunaan aplikasi media sosial dalam kalangan pelajar IPT sepertimana penyusunan berikut:




Rajah 4: Hierarki Penggunaan Aplikasi Media Sosial Dalam Kalangan Pelajar IPT

4. Penggunaan Aplikasi Media Sosial Dalam Sehari

A. Berapa lamakah tempoh anda menggunakan MEDIA SOSIAL dalam sehari?

42 responses



Rajah 5: Tempoh Penggunaan Media Sosial Dalam Sehari

Rajah 5 di atas menunjukkan tempoh penggunaan media sosial dalam sehari. Kajian menunjukkan 54.8% pelajar menggunakan 3 hingga 6 jam sehari yang merupakan tempoh tertinggi yang digunakan oleh pelajar. Manakala, 23.8% pelajar menggunakan 2 hingga 3 jam sehari dan 21.4% pelajar menggunakan media sosial lebih 6 jam sehari. Kategori ini adalah kategori yang paling lama dalam penggunaan media sosial. Walaupun ia merupakan peratusan terendah, kategori ini termasuk dalam golongan yang ketagihan media sosial dan internet.

5. Item Soal Selidik

Selain itu, terdapat 9 item soal selidik dibina untuk mengkaji maklum balas pelajar terhadap penggunaan media sosial dari aspek sosial dan komunikasi. Item yang dibina adalah seperti berikut:


Bil.	Item Soal-selidik
1.	Saya tidak melibatkan diri dalam aktiviti gotong-royong kerana leka melayari media sosial.
2.	Saya banyak menghabiskan masa dengan media sosial berbanding bersama keluarga.
3.	Saya sedar media sosial telah menjadi keutamaan dalam kehidupan saya.
4.	Saya sedar media sosial merosotkan hubungan antara saya dan keluarga.
5.	Saya sedar media sosial merosotkan hubungan antara saya dan rakan-rakan.
6.	Saya lebih suka menghabiskan masa dengan media sosial daripada aktiviti ziarah-menziarahi.
7.	Kehidupan tanpa media sosial menjadikan hidup saya tidak bermakna.

8.	Komunikasi bersemuka dengan rakan-rakan saya semakin berkurangan kerana banyak berkomunikasi melalui media sosial.
9.	Penggunaan media sosial yang kerap merapatkan hubungan saya dengan ahli keluarga.

Rajah 6: Item Soal Selidik Dari Aspek Sosial dan Komunikasi


Item yang dibina untuk menguji tahap penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar IPT. Pernyataan dinilai dari kedua-dua bentuk aspek positif dan negatif. Item soal-selidik dibina juga untuk menguji tahap sosial dan komunikasi pelajar bersama rakan, ahli keluarga dan masyarakat sekeliling.

6. Analisis Dapatan Melalui Google Form



Rajah 7: Analisis Dapatan Melalui Google Form


Rajah 7 di atas menunjukkan analisis dapatan untuk item soal-selidik satu hingga 4. Berdasarkan Rajah 7, jawapan tertinggi adalah lebih 20 orang responden tidak bersetuju bahawa 'saya tidak melibatkan diri dalam aktiviti gotong royong kerana leka melayari media sosial'. Begitu juga, paling banyak tidak bersetuju bahawa 'saya menghabiskan masa dengan media sosial berbanding bersama keluarga'. Untuk item nombor tiga menunjukkan paling banyak tidak setuju bahawa 'saya sedar media sosial telah menjadi keutamaan dalam kehidupan saya'. Jawapan kedua paling tinggi adalah mereka setuju bahawa 'saya sedar media sosial telah menjadi keutamaan dalam kehidupan saya'. Ini menunjukkan bahawa, kehidupan seharian mereka banyak menggunakan aplikasi media sosial. Item nombor empat menunjukkan paling banyak memberi jawab tidak setuju bahawa 'saya sedar media sosial merosotkan hubungan antara saya dan keluarga'. Namun begitu, terdapat juga pelajar yang menjawab setuju dan sangat setuju.



Rajah 8: Analisis Untuk Item 5 Hingga 7

Tahap tertinggi untuk item ‘saya sedar media sosial merosotkan hubungan antara saya dan rakan-rakan’ adalah tidak setuju, manakala tahap kedua tertinggi adalah sangat tidak setuju. Ini menunjukkan pelajar masih mempunyai kesedaran yang tinggi tentang penggunaan media sosial dan masih aktif dalam hubungan sosial dan komunikasi sesama rakan. Namun begitu terdapat juga pelajar yang sangat setuju dan bersetuju dengan pernyataan sedemikian. Bagi item ‘saya lebih suka menghabiskan masa dengan media sosial daripada aktiviti ziarah-menziarahi’ juga menunjukkan tahap yang paling tinggi adalah tidak bersetuju dengan pernyataan sedemikian.

Pelajar masih mempunyai kesedaran yang tinggi dalam penggunaan media sosial. Namun begitu, ada juga segelintir pelajar yang terkesan dengan penggunaan media sosial sehingga mereka tidak dapat melaksanakan aktiviti ziarah-menziarahi. Seterusnya, tahap tidak setuju mencapai tahap tertinggi bagi item ‘kehidupan tanpa media sosial menjadikan hidup saya tidak bermakna’. Ini jelas menunjukkan pelajar masih boleh membuat pertimbangan dan pandai mengagihkan antara penggunaan media sosial dengan kehidupan secara bersosial.



Rajah 9: Analisis dapatan untuk item 8 dan 9

Berdasarkan analisis data di atas menunjukkan tahap tertinggi ialah tidak setuju bagi item ‘ komunikasi bersemuka dengan rakan-rakan saya semakin berkurangan kerana banyak berkomunikasi melalui media sosial. Namun begitu, tahap kedua tertinggi adalah pelajar bersetuju bahawa komunikasi bersemuka dengan rakan-rakan semakin berkurangan kerana banyak berkomunikasi melalui media sosial. Ini menunjukkan pelajar lebih banyak berhubung dengan rakan-rakan menggunakan medium media sosial daripada pertemun secara bersemuka. Manakala keputusan ‘tidak pasti’ menjadi tahap tertinggi bagi pernyataan ‘penggunaan media sosial yang kerap merapatkan hubungan saya dengan ahli keluarga’. Tahap kedua tertinggi ialah pelajar bersetuju dengan penggunaan media sosial yang kerap merapatkan hubungan dengan ahli keluarga. Ini menunjukkan kemungkinan pelajar berinteraksi dan berkomunikasi dengan ahli keluarga pada era Revolusi Industri 4.0 menggunakan medium media sosial.

Penutup

Peradaban Islam perlu diterapkan dalam pelbagai aspek kehidupan manusia termasuk juga dari sudut penggunaan media sosial yang menitik beratkan nilai-nilai murni yang dianjurkan oleh Islam berasaskan al-Quran dan al-Sunnah. Kesedaran yang tinggi amat penting bagi setiap manusia, khususnya bagi pelajar IPT agar tidak hanyut ketika berdepan dengan penggunaan media sosial dan mereka sewajarnya boleh menghasilkan produk yang baik untuk memberi manfaat kepada manusia.

Individu yang memiliki sahsiah holistik mampu mendepani hari yang dilalui dengan penuh bijaksana dan berfikiran matang. Lambakan aplikasi media sosial memberi kebaikan kepada manusia pada hari ini. Namun begitu, pelajar seharusnya menggunakan dengan sebaik-baiknya agar tidak menjadi leka dan lalai sehingga memudaratkan diri dan kehidupan.

Hasil daripada kajian rintis yang dijalankan menunjukkan pelajar masih mempunyai kesedaran yang tinggi dalam berhadapan dengan penggunaan media sosial. Namun begitu, tidak dinafikan masih terdapat juga segelintir dalam kalangan mereka terjebak dalam unsur yang negatif seperti terleka dan terlalai.

Penghargaan

Kajian ini mendapat sokongan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah Skim Geran FRGS- FRGS/1/2021/SS0/UNISZA/02/5- Pembangunan Model Qurani Bagi Pemantapan Sahsiah Holistik Dalam Pendidikan Media Sosial.

Rujukan

- Abdullah Sani Yahaya. (2006). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd,
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (2009). *Ringkasan Ihya' Ulumuddin*. Z. H. Al-Hamid., Penterjemah. Selangor : Darul Nu'man Sdn. Bhd.
- Annasaii Jamar et.al. (2018). *Peradaban Islam Era Al-Khulafa Al-Rasyidin Dalam Pendidikan*. Proceeding Of The 11th International Workshop And Conference Of Asean Studies In Linguistics, Islamic And Arabic Education, Social Sciences And Educational Technology 2018. Bandar Baru Bangi: Awal Hijrah Enterprise.
- Fahmy Hamid Zarkasyi.(2015). *Tamaddun Sebagai Konsep Peradaban Islam*. *Thaqafah Jurnal Peradaban Islam*.
- Harian Metro.(2016). *Terus Perkasa Sahsiah murid*.
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2016/05/137515/terus-perkasa-sahsiah-murid>
- Hasbollah, Nur Syahirah; Md Rashid, Marjan; Ihwani, Siti Suhaila (2019). “*Media Sosial dan*

- Pelajar Universiti Menurut Islam*” in Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM’19) pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, p. 227-240.
http://eprints.utm.my/id/eprint/85124/1/15%20NurSyahirahHasbollah2019_%20MediaSosialDanPelajarUniversiti.267-240.pdf
- Ma‘lūf, L., & Tawtal, F. (1982). *Al-Munjid fī al-lughab wa-al-a‘lām*. Beirut, Lebanon: Dār al-Mashriq.
- Maimun Aqsha Lubis bin Abdi Lubis.(2019). *Dinamika Pendidikan Islam Pengaruh Peradaban Islam dan Ketamadunan Barat dalam Budaya dan Pendidikan di Malaysia*. Medan: Anggota Ikatan Penerbit Indonesia (IKAPI).
- Mohamed, R., & Abu Bakar, S. A. (2010). *Pembangunan Masyarakat Ke Arab Kesejahteraan Berteraskan Pembangunan Insan*. Kertas kerja Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejangat 24-25 Feb 2010, Brunei Darussalam : Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dimuat Turun pada Oktober 29, 2013 . http://eprints.um.edu.my/3123/1/S4_RoslanMohamad.pdf
- Poh, S. H. (1999). *Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Kreatif*. (Ed. Kedua). Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Roslan Abd Jelani. (2022). *Al-Quran Asas Peradaban, Sumber Ilmu Memajukan Manusia*. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2022/04/948973/al-quran-asas-peradaban-sumber-ilmu-memajukan-manusia>
- Shahidan Shafie, Ying Leh Ling. (2017). *Pembentukan Sahsiyah Berkualiti melalui Penghayatan Kurikulum Pengajian Islam: Satu Kajian Korelasi di Politeknik*. https://www.researchgate.net/publication/325140627_Pembentukan_Sahsiyah_Berkualiti_melalui_Penghayatan_Kurikulum_Pengajian_Islam_Satu_Kajian_Korelasi_di_Politeknik
- Shahrul Nazmi Sannusi et.al. (2019). *Penggunaan Media Sosial dalam Kalangan Remaja B40 di sekitar Lembah Klang*. Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication Jilid 35(4) 2019: 101-118
- Siti Nur Aisyah Muhammad Azemi Azman, Sarinah Yahya (2019). *Membangun Peradaban Islam Menurut Al-Quran*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH).Volume 4, Issue 7, (page 178 - 186).
- UTHM News. (2022). *Remaja perlu memanfaatkan media sosial*. (<https://news.uthm.edu.my/ms/2021/08/remaja-perlu-manfaatkan-media-sosial/>).

BAB 14

PERBANDINGAN APLIKASI AMALAN INSURANS INDEMNITI PROFESIONAL PEGUAM SIVIL DAN SYARIE DI MALAYSIA

Hammad Mohamad Dahalan¹ Norazla Abdul Wahab² Nur Zulfah Md Abd Salam³ & Nur Fatahiyyah Azmi⁴

^{1,2,3,4}Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Pendahuluan

Insurans Indemniti Profesional yang juga dikenali sebagai insurans ganti rugi profesional merupakan suatu polisi yang melindungi pekerja profesional seperti akauntan, doktor, peguam dan lain-lain. Insurans ini memberikan perlindungan bagi sebarang tuntutan terhadap insurans akibat pelanggaran tanggungjawab profesional (*breach of professional duty*) disebabkan kecuaiian atau kesilapan (*error or omission*) yang dilakukan oleh pemegang polisi insurans. Hendon et al. (2005) mendapati bahawa pemegang polisi insurans merupakan orang yang mengambil atau membeli insurans kebiasaannya terdiri daripada firma atau syarikat yang merangkumi rakan kongsi, kaki tangan profesional terlatih serta pekerja kerani. Insurans Indemniti Profesional ini juga dikenali sebagai insurans liabiliti profesional.

Namun begitu, kecuaiian profesional adalah berbeza mengikut bidang profesion masing-masing. Kecuaiian profesional atau pelanggaran kewajipan ini boleh menyebabkan seseorang peguam itu didakwa sama ada melalui dakwaan *tort* atau kontrak. Kecuaiian juga boleh mendatangkan kerugian kepada anak guam atau pelanggan di mana mereka akan bertindak sebagai plaintif dalam menuntut ganti rugi. Kecuaiian profesional peguam juga melibatkan pelbagai jenis bentuk kesalahan seperti kegagalan memberikan nasihat, memberikan nasihat yang salah, berlaku kerosakan atau mudarat dan sebagainya.

Walaupun bagaimanapun, pensabitan bahawa seseorang peguam itu telah melakukan pelanggaran kewajipan atau kecuaiian profesional perlu dinilai terlebih dahulu sebelum dikatakan telah melakukan kecuaiian atau pelanggaran kewajipan. Meskipun demikian, sebarang tuntutan kecuaiian atau pelanggaran boleh dituntut melalui Insurans Indemniti Profesional yang akan menanggung ganti rugi sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya.

Tambahan pula, prinsip indemniti telah meletakkan beberapa pengecualian dalam menuntut ganti rugi terhadap insurans indemniti. Pengecualian ini adalah selaras dengan konsep dan pengaplikasian insurans tersebut.

Oleh yang demikian, pengaplikasian Insurans Indemniti Profesional dalam bidang perundangan atau guaman adalah bertujuan untuk meletakkan keadaan seseorang sebelum berlakunya ganti rugi, kerana setiap profesion tidak terlepas daripada melakukan kecuaiian dan pelanggaran kewajipan terhadap pihak pelanggan atau anak guam.

Sorotan Literatur

Tidak banyak kajian yang ditulis secara terperinci mengenai pengaplikasian Insurans Indemniti Profesional dalam amalan guaman sivil dan syarie. Kajian Zulkifli Hasan (2017) menjelaskan tentang keperluan suatu badan yang berkuasa iaitu Badan Peguam Syarie yang akan mengawal selia serta kesemua Peguam Syarie di seluruh Malaysia. Di samping itu turut dibincangkan tentang kepentingan Akta Profesion Guaman Syarie dalam mengawal selia dan mentadbir Peguam Syarie. Manakala dalam kajian Musa Awang (2017) menjelaskan tentang keperluan wujudnya keseragaman dalam mengawal selia serta mentadbir amalan guaman syarie.

Selain itu, juga turut dibincangkan tentang kelompongan dan *lacuna* yang wujud dalam Kaedah-kaedah Peguam Syarie di setiap negeri.

Menurut Hendon (2005) menjelaskan tentang konsep, jenis serta kelebihan memiliki insurans dalam bidang kerjaya mahupun kehidupan. Seterusnya Musa Awang (2020) memperincikan tentang sejarah guaman syarie di Malaysia di samping mengupas tentang keperluan kepada Akta Profesion Guaman Syarie 2019 yang mana ia berfungsi mengawal selia dan mentadbir Peguam Syarie tanpa perlu melibatkan Majlis Agama Islam. Namun, kajian ini berbeza kerana penulis membincangkan tentang pengaplikasian Insurans Indemniti Profesional dalam amalan guaman sivil dan syarie.

Sejarah kewujudan Insurans Indemniti Profesional bagi Peguam

Kewujudan Insurans Indemniti Profesional di Malaysia khususnya kepada para peguam adalah bermula pada tahun 1992 yang mana kewajipan memiliki Insurans Indemniti Profesional adalah kepada kesemua Peguam Sivil dibawah selia Majlis Peguam. Namun, Insurans Indemniti Profesional tidak diwajibkan kepada Peguam Syarie di Malaysia (Malaysian Bar Mandatory PII Scheme).

Pada tahun 1991, satu cadangan bagi meminda Akta Profesion Undang-undang 1976 telah dilakukan dengan tujuan untuk meminda seksyen 3, 15, 67, 68, 70, 70A, 71, 88A, 93 sehingga 103, 108, 109, 110, dan 111. Selain itu pindaan Rang Undang-undang ini juga adalah bertujuan mengadakan satu seksyen baru iaitu seksyen 78A.

Tambahan pula, pindaan ini dilakukan kerana terdapat banyak aduan berkaitan salah laku para peguam dan penyelewangan kepada pihak klien. Oleh itu, dengan kepekaan dan keprihatinan pihak Kerajaan terhadap kepentingan rakyat, suatu keputusan telah diambil bagi menyemak semula beberapa peruntukan Akta Profesion Undang-undang 1976 selaras dengan keperluan dan kehendak semasa.

Oleh yang demikian, pindaan telah dilakukan dengan memperincikan lagi beberapa peruntukan antaranya, seksyen 3, 15, 67, 68, 70, 70A, 71, 88A, 93 hingga 103, 108, 109, 110, 111, dan satu peruntukan baru seksyen 78A. Pindaan telah dilakukan bagi mewajibkan semua peguam untuk terlibat dengan Skim Insurans Indemniti Profesional, dengan mengadakan seksyen 78A yang memberi mandat kuasa kepada Majlis Peguam dengan kelulusan Peguam Negara untuk membentuk kaedah-kaedah bagi melaksanakan Skim Insurans Indemniti Profesional terhadap apa-apa kelas liabiliti profesional (Pernyataan Rasmi Parlimen, 1991).

Metodologi

Kajian ini adalah kajian kualitatif dan menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan. Bagi menjalankan kajian ini, analisis akan dibuat terhadap jurnal akademik dan beberapa dokumen perundangan seperti Akta Profesion Undang-Undang 1976, Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019, dan seluruh Kaedah-kaedah Peguam Syarie Negeri-Negeri di Malaysia. Pendekatan analisis kandungan telah digunakan untuk menganalisis data temubual bagi mengenalpasti tema-tema tertentu dalam kajian ini.

Hasil Kajian

Amalan guaman di Malaysia terbahagi kepada dua iaitu, amalan guaman syarie dan sivil. Kedua-dua badan ini dikawal selia oleh badan atau jawatankuasa yang berbeza. Amalan guaman sivil yang terdiri daripada peguam bela dan peguam cara merupakan profesion yang wajib didaftarkan di bawah Majlis Peguam untuk melanjutkan khidmat. Namun begitu, sebaliknya berlaku dalam amalan guaman syarie di mana, Peguam Syarie hanya tertakluk kepada peruntukan

dan undang-undang di bawah bidangkuasa negeri. Mereka juga mempunyai sebuah jawatankuasa yang berbeza dalam mengawal selia Peguam Syarie di Malaysia mengikut negeri-negeri.

Oleh kerana wujudnya perbezaan badan yang mengawal selia serta mengurus tabdir kedua-dua badan guaman ini, kedua-duanya mempunyai amalan serta peraturan yang berbeza. Dapat dilihat dengan jelas bahawa Insurans Indemniti Profesional diwajibkan kepada kesemua peguam bela dan peguam cara yang berdaftar di bawah Majlis Peguam, namun hal ini sebaliknya berlaku kepada Peguam Syarie. Mereka tidak diwajibkan memiliki Insurans Indemniti Profesional ini disebabkan wujudnya *lacuna* serta kelompongan badan yang mengawal selia pentadbiran mereka.

Dalam amalan guaman sivil, terdapat syarat-syarat yang wajib dipatuhi oleh kesemua peguam bela dan peguam cara untuk membaharui Sijil Amalan dan Sijil Tahunan mereka pada setiap tahun. Sebelum membaharui Sijil Amalan mereka, para peguam bela dan peguam cara hendaklah melakukan audit tahunan terhadap akaun firma serta akaun klien. Di samping itu, mereka juga perlulah membaharui Insurans Indemniti Profesional untuk membaharui Sijil Amalan mereka. Tujuan tindakan ini dilakukan adalah untuk sentiasa memastikan bahawa setiap peguam bela dan peguam cara memiliki insurans indemniti tersebut sebelum memulakan khidmat.

Seterusnya, jika dilihat dalam amalan guaman syarie, kewajipan memiliki insurans indemniti ini tidak diwajibkan dan tiada sebarang syarat atau paksaan dalam memiliki insurans ini. Begitu pun, tiada suatu Akta atau Enakmen di peringkat negeri yang membahaskan tentang keperluan kepada memiliki insurans ini. Walaubagaimanapun, suatu tindakan hebat telah dilakukan di mana cadangan untuk mewujudkan Akta Profesion Guaman Syarie 2019 (Wilayah-wilayah Persekutuan) yang mana bertujuan untuk mengawal selia dan mentadbir Peguam Syarie dengan lebih berkesan dan teratur. Bukan itu sahaja, dengan kewujudan Akta ini suatu skim tanggungan liabiliti seperti Insurans Indemniti Profesional akan diwajibkan kepada kesemua Peguam Syarie yang berkaitan. Akta ini juga merupakan contoh untuk memberi pembaharuan dalam Enakmen dan Kaedah-kaedah di negeri lain.

Justeru itu, perbezaan amalan yang dilakukan di kedua-dua badan memberikan kesan serta impak yang berbeza, meski dari sudut pentadbiran, kawal selia, kewajipan memiliki insurans indemniti dan sebagainya.

Analisis Perbandingan Akta Profesion Undang-undang 1976, Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah Persekutuan) 2019 dan Kaedah Negeri-negeri

Pengaplikasian Insurans Indemniti Profesional hanya dapat dilihat dalam amalan guaman sivil, dan sebaliknya ia tidak diamalkan dalam amalan guaman syarie. Akta Profesion Undang-undang 1976 merupakan suatu Akta yang dipakai di seluruh Malaysia untuk mengawal selia dan mentadbir peguam bela dan peguam cara yang didaftarkan di bawah Majlis Peguam Malaysia (Johan Shamsuddin, 2018).

Manakala Peguam Syarie tertakluk kepada Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri dan juga tertakluk kepada kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan Peguam Syarie negeri-negeri. Bagi Peguam Syarie yang juga peguam bela dan peguam cara, mereka bukan sahaja tertakluk di bawah Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dan peraturan kecil Peguam Syarie, pada masa sama juga tertakluk di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 (Musa Awang, 2017). Ini adalah kerana Peguam Syarie di negara ini terbahagi kepada dua kategori iaitu Peguam Syarie yang bukan peguam bela dan peguam cara; dan Peguam Syarie yang juga peguam bela dan peguam cara (Musa Awang, 2020).

Pengambilan Insurans Indemniti Profesional oleh kesemua peguam yang berdaftar di bawah Majlis Peguam telah dijelaskan dalam Akta Profesion Undang-undang 1976. Kewajipan memiliki Insurans Indemniti Profesional ini telah memberi kuasa kepada Majlis Peguam untuk membuat kaedah-kaedah mengenai tanggung rugi profesional. Seksyen 78A Akta Profesion

Undang-undang 1976 telah memperuntukan dengan jelas bahawa Majlis Peguam boleh membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan pengambilan tanggung rugi profesional bagi peguam bela dan peguam cara terhadap apa-apa kelas liabiliti profesional dan kaedah-kaedah bagi maksud mengadakan tanggung rugi tersebut dengan kelulusan Peguam Negara.

Suatu kaedah yang dibuat dalam melaksanakan kewajipan memiliki insurans kepada setiap peguam yang berkaitan atas kuasa Majlis Peguam telah menetapkan bahawa kaedah yang dibuat bertujuan menentukan terma dan syarat berkaitan tanggung rugi profesional. Kaedah ini juga perlu mewujudkan peruntukan berkaitan cara pengurusan, pentadbiran dan perlindungan terhadap mana-mana kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah kendalian skim insurans ini dan mewajibkan setiap peguam bela dan peguam cara membuat bayaran kepada kumpulan wang tersebut. Kaedah yang dibuat boleh menghendaki peguam bela dan peguam cara membuat pembayaran secara premium ke atas apa-apa polisi yang diambil dalam skim insurans indemniti dan mewujudkan peruntukan berkaitan prosiding oleh Badan Peguam Malaysia atau penanggung insuransnya terhadap mana-mana peguam bela dan peguam cara yang gagal berbuat demikian untuk mendapatkan premium tersebut, serta menetapkan syarat yang perlu dipatuhi oleh suatu polisi insurans. Majlis Peguam juga diberikan kuasa dalam menentukan jumlah apa-apa pembayaran yang dikehendaki dan ditetapkan dalam kaedah-kaedah yang dibuat seperti yang dijelaskan di dalam seksyen 78A(2) Akta Profesion Undang-undang 1976.

Seterusnya, kaedah-kaedah yang dibuat hendaklah memperuntukan hal keadaan dimana jika seorang peguam bela dan peguam cara tersebut telah gagal dalam mematuhi kaedah-kaedah itu, prosiding berkenaan apa-apa jumlah wang yang perlu dibayar oleh peguam tersebut melalui tanggung rugi boleh diambil terhadapnya oleh Badan Peguam Malaysia atau penanggung insuransnya. Tambahan pula, menurut seksyen 78A(2)(f) Akta Profesion Undang-undang 1976 seseorang peguam bela dan peguam cara yang tidak mengambil skim insurans ini tidak layak dan tidak boleh mendapatkan Sijil Tahunan mereka untuk beramal.

Berdasarkan peruntukan yang dinyatakan, jelaslah bahawa setiap peguam bela dan peguam cara yang berdaftar di bawah Majlis Peguam diwajibkan untuk memiliki insurans liabiliti profesional dan ketiadaan skim insurans ini boleh menyebabkan seseorang peguam itu tidak berhak membaharui Sijil Tahunan.

Walaupun bagaimanapun, Jawatankuasa Peguam Syarie negeri-negeri tidak mewajibkan para Peguam Syarie melanggan atau memiliki skim insurans indemniti ini dan ketiadaannya tidak menjejaskan pergerakan mereka untuk beramal. Pada masa kini, undang-undang yang diguna pakai bagi mentadbir dan mengawal selia hal ehwal yang berkaitan dengan profesion guaman syarie adalah berdasarkan kepada Kaedah-kaedah Peguam Syarie negeri-negeri. Kaedah-kaedah yang digunakan pada hari ini adalah terhad dan tidak meliputi kesemua aspek yang berkenaan dengan pentadbiran dan pengawal seliaan profesion guaman syarie di Wilayah-wilayah Persekutuan (Pernyataan Rasmi Parlimen, 2019).

Oleh yang demikian, mereka masih boleh terus beramal tanpa memiliki skim insurans ini dan Sijil Tahunan mereka masih boleh diperbaharui. Tambahan pula, tidak ada satu peruntukan pun yang dinyatakan di dalam mana-mana Kaedah-kaedah Peguam Syarie yang menyebut atau menyatakan tentang keperluan bahkan tiada satu peruntukan pun yang memperuntukan seksyen bagi insurans indemniti ini. Oleh itu, jelaslah bahawa Insurans Indemniti Profesional ini tidak diwajibkan ke atas Peguam Syarie dan Peguam Syarie masih boleh beramal tanpa skim insurans ini.

Justeru itu, disebabkan oleh keterbatasan yang berlarutan dalam amalan guaman syarie, maka Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil telah berusaha menggubal satu undang-undang yang komprehensif dan holistik berkaitan dengan profesion guaman syarie iaitu Rang Undang-undang Profesion Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan 2019) telah digubal bagi tujuan pemakaian di Wilayah-wilayah Persekutuan dan seterusnya menggantikan Kaedah-kaedah Peguam Syarie yang sedia diguna pakai hari ini. (Pernyataan Rasmi Parlimen, 2019).

Dalam Kaedah-kaedah Peguam Syarie negeri-negeri, tidak disebutkan tentang keperluan kepada memiliki kaedah-kaedah berhubung tanggung rugi profesional, namun seksyen 66 APGS 2019 memperuntukkan keperluan kepada tanggung rugi profesional atau insurans indemniti profesional. Majlis Peguam Syarie boleh membuat kaedah-kaedah mengenai pengambilan tanggung rugi profesional bagi setiap Peguam Syarie terhadap apa-apa kelas liabiliti profesional dengan kelulusan Menteri. Kaedah-kaedah itu boleh mengadakan tanggung rugi atau apa-apa yang berkaitan dengannya. Antaranya keperluan mewujudkan kaedah-kaedah tersebut adalah untuk memberi kuasa kepada Majlis Peguam Syarie dalam mengambil dan mengekalkan takaful atas nama Badan Peguam Syarie dengan mana-mana orang atau organisasi yang dibenarkan oleh undang-undang dalam menjalankan perniagaan takaful liabiliti profesional atau perniagaan takaful kerugian kewangan dan meliputi kesemua Peguam Syarie yang beramal.

Kaedah ini juga akan memberi kuasa kepada Majlis Peguam Syarie bagi menubuhkan dan menyenggara suatu kumpulan wang bagi maksud tanggung rugi profesional serta menghendaki dengan mewajibkan kesemua Peguam Syarie untuk mengambil dan mengekalkan takaful. Di samping itu, kaedah-kaedah yang dibuat bagi maksud tanggung rugi profesional ini boleh menyatakan terma dan syarat berkaitan tanggung rugi profesional, mengadakan peruntukan tentang cara pengurusan, pentadbiran dan perlindungan apa-apa kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah tanggung rugi profesional ini, dan mewajibkan para Peguam Syarie untuk membuat pembayaran kepada kumpulan wang tersebut.

Kaedah ini juga boleh dibuat bagi menetapkan syarat yang perlu dipenuhi oleh sesuatu takaful dan memberi kuasa kepada Majlis Peguam Syarie untuk menentukan jumlah apa-apa bayaran yang dikehendaki oleh kaedah-kaedah tersebut. Kaedah yang dibuat boleh menyatakan hal keadaan yang boleh menyebabkan seseorang Peguam Syarie itu perlu membayar apa-apa jumlah wang kepada Badan Peguam Syarie atau penanggung takafulnya dan prosiding berkenaan sekiranya seorang Peguam Syarie itu tidak mematuhi kaedah-kaedah. Selain itu, kaedah boleh menetapkan bahawa Peguam Syarie tidak layak mendapatkan Pengesahan Sokongan melainkan dia telah mendapatkan skim tanggung rugi profesional dan dilindungi sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah ini bagi tempoh yang berkaitan dengan Pengesahan Sokongan. Akhir sekali, kaedah-kaedah tersebut boleh mengandungi apa-apa tatacara, yang bersampingan atau peruntukan lain yang perlu dan sesuai bagi maksud kaedah-kaedah ini.

Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa Insurans Indemniti Profesional atau insurans liabiliti profesional hanya dinyatakan dalam peruntukan Akta Profesion Undang-undang 1976 bagi peguam bela dan peguam cara, Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) bagi Peguam Syarie namun masih belum diwartakan oleh pihak kerajaan. Manakala, Kaedah-kaedah Peguam Syarie negeri-negeri tidak mempunyai sebarang peruntukan berkaitan keperluan kepada Insurans Indemniti Profesional.

Analisis Peranan Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri-negeri

Badan Peguam Malaysia atau lebih dikenali dengan *Malaysian Bar* atau *Bar Malaysia* merupakan sebuah badan bebas yang ditubuhkan seawal tahun 1914 di bawah Ordinan Peguam Bela dan Peguam Cara 1914. Kemudiannya ordinan tersebut digantikan oleh Ordinan Peguam Bela dan Peguam Cara 1940 (R.R. Chelvarajah, 2006)

Kini, penubuhan Badan Peguam Malaysia adalah tertakluk di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 yang mana suatu pertubuhan berbadanan bernama Bar Malaysia ditubuhkan. Bar Malaysia ini merupakan suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun serta mempunyai suatu meterai perbadanan dan mempunyai kuasa tertakluk kepada

Justeru itu, tertakluk kepada seksyen 42(1) Akta Profesion Undang-undang 1976, Badan Peguam Malaysia telah mendapat kuasa dan tujuan penubuhannya menurut Akta Profesion Undang-undang 1976 yang mana ia berfungsi untuk mempertahankan keadilan kepada semua

pihak tanpa mengira kepentingan mana-mana pihak, memudahkan ahli profesion undang-undang serta mana-mana pihak lain memperoleh pengetahuan tentang undang-undang, berfungsi untuk memberikan pendapat atau pandangan berkaitan perkara atau isu yang melibatkan perundangan dan pentadbiran serta amalan undang-undang di Malaysia sekiranya diminta berbuat demikian.

Tertakluk kepada seksyen 42(1) *Bar Malaysia* ini juga bertujuan untuk melindungi dan membantu orang ramai dalam semua perkara atau isu yang menyentuh, berkaitan dan bersampingan dengan undang-undang, membuat peruntukan atau menganjurkan suatu skim atau badan bagi orang yang tiada berwang boleh diwakili oleh peguam bela dan peguam cara yang mana Pusat Bantuan Guaman (PBG) kelolaan Majlis Peguam dikhususkan untuk orang ramai yang tidak mampu melantik peguam terutamanya untuk yang berpendapatan bersih kurang RM600 sebulan (Puspawati Rosman, 2012).

Majlis Peguam dan *Bar Malaysia* adalah merupakan dua istilah yang sering disalah fahami. Pentadbiran dan pengurusan serta perlaksanaan fungsi-fungsi Majlis Peguam yang ditubuhkan diperuntukkan di bawah seksyen 47-67 dan kuasa-kuasanya dinyatakan di dalam seksyen 56 dan 57. Majlis Peguam adalah badan eksekutif yang menguruskan, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan fungsi-fungsi Bar Malaysia. Dalam erti kata lain, Majlis Peguam adalah sebahagian daripada Bar Malaysia. Bar Malaysia terdiri daripada Majlis Peguam, Jawatankuasa Bar Negeri dan peguambela dan peguamcara. Bagi menjalankan fungsinya sepertimana yang terkandung dalam Akta Profesion Undang-undang 1976, Majlis Peguam terdiri daripada Ahli Majlis, Jawatankuasa-jawatankuasa dan Jawatankuasa Bar Negeri-negeri (Zulkifli Hasan, 2017).

Seksyen 42 Akta Profesion Undang-undang 1976 memperuntukkan secara jelas tujuan dan kuasa Majlis Peguam yang mana ia bertindak sebagai Lembaga Kelayakan yang memutuskan kelayakan untuk memasuki profesion perundangan, menjadi Lembaga Tatatertib di mana kesemua peguam bela dan peguam cara adalah tertakluk kepada kawalan lembaga ini dalam semua perkara berkaitan dengan tatatertib (R.R. Chelvarajah, 2006)

Oleh yang demikian, Majlis Peguam merupakan sebuah badan profesional yang ditubuhkan bertujuan untuk mengawal selia dan mentadbir berkaitan peguam bela dan peguam cara di Malaysia berdasarkan peruntukan Akta Profesion Undang-Undang 1976 (Md Zawawi, 2003). Insurans Indemniti Profesional merupakan salah satu keperluan yang wajib dimiliki oleh kesemua peguam yang berdaftar di bawah Majlis Peguam. Namun begitu, dalam mengambil skim insurans ini setiap peguam perlu menepati syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis Peguam.

Skim Insurans Indemniti Profesional untuk Badan Peguam Malaysia telah diperkenalkan pada tahun 1992. Ia adalah mandatori di bawah seksyen 78A Akta Profesion Undang-undang 1976. Pindaan yang dilakukan pada tahun 1992 juga menetapkan peruntukan bagi Majlis Peguam untuk mengekalkan Skim Insurans Indemniti Profesional. Skim mandatori Insurans Indemniti Profesional disediakan untuk peguam bela dan peguam cara meskipun mereka mempunyai sejarah tuntutan. Perlindungan Insurans Indemniti Profesional adalah wajib bagi kesemua peguam yang berdaftar dengan Majlis Peguam sebelum ahli boleh mendapatkan Sijil Tahunan dan Sijil Amalan.

Skim Insurans Indemniti Profesional di bawah Bar Malaysia menginsuranskan ahlinya terhadap liabiliti sivil bagi tuntutan yang timbul daripada amalan undang-undang bagi kerja yang lazim dan sah dilakukan oleh peguam di Malaysia yang termasuk ganti rugi yang perlu dibayar kepada pihak yang menuntut termasuk kos pihak yang menuntut dan kos pembelaan. Had mandatori yang khusus akan dikenakan pada setiap tuntutan apabila lebih asas bagi sesebuah firma telah habis (Malaysian Bar Mandatory PII Scheme).

Dalam amalan guaman syarie pula, badan yang bertindak dalam mengawal selia permohonan dan lantikan Peguam Syarie serta boleh mengambil tindakan tatatertib terhadap Peguam Syarie yang melanggar kesalahan dan etika ialah Jawatankuasa Peguam Syarie bagi setiap negeri. Walaubagaimanapun, kewujudan badan ini tidak memberikan peranan dan fungsi yang besar terhadap profesion guaman syarie. Terdapat banyak *lacuna* dan kelompongan dalam menguruskan dan mentadbir Peguam Syarie di Malaysia. Penubuhan Jawatankuasa Peguam

Syarie bagi setiap negeri adalah terletak di bawah kuasa negeri-negeri maka setiap negeri memperuntukan undang-undang berkaitan pentadbiran Peguam Syarie tertakluk pada negeri itu sahaja. Pada waktu ini, terdapat 14 peruntukan berkaitan Peguam Syarie dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan 13 Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Zulkifli Hasan, 2017). Kaedah-kaedah Peguam Syarie hanya menetapkan perkara-perkara yang berkaitan pentadbiran Peguam Syarie merangkumi aspek jawatankuasa Peguam Syarie, lantikan dan tatatertib (Mohamad Isa Abd Ralip)

Disini jelas bahawa, Jawatankuasa Peguam Syarie negeri-negeri tidak mempunyai peranan yang besar dan luas dalam mentadbir dan mengawal selia Peguam Syarie. Disebabkan oleh itu, Insurans Indemniti Profesional tidak dapat diaplikasikan di dalam amalan guaman syarie kerana tidak adanya badan yang berkuasa secara mutlak untuk mengawal selia segala perkara dan hal ehwal meskipun sekecil-kecil perkara dalam amalan guaman syarie.

Kesimpulan

Insurans Indemniti Profesional merupakan satu kaedah yang dijalankan dalam memberi kemudahan kepada mana-mana pihak yang terpaksa menanggung ganti rugi akibat sebarang kecuaiian atau pelanggaran tugas.

Insurans Indemniti Profesional Peguam ini telah lama wujud dalam amalan guaman sivil dan sudah menjadi sebahagian daripada amalan guaman ini. Dengan adanya skim insurans ini, telah banyak kebajikan dan kebaikan yang diberikan kepada klien mahupun peguam bela dan peguam cara. Ini adalah kerana, pihak yang tidak bersalah atau pihak yang tidak terlibat menanggung kerugian tanpa kerelaannya. Namun, dengan adanya skim insurans ini, ia telah memperuntukkan ganti rugi bagi pihak yang terkilan berdasarkan kepada terma dan syarat tertentu.

Walaupun, kemudahan Insurans Indemniti Profesional ini hanya diwajibkan dan diaplikasikan dalam amalan guaman sivil. Sebaliknya berlaku dalam amalan guaman syarie di mana Insurans Indemniti Profesional ini tidak diwajibkan dalam amalan guaman syarie. Peguam Syarie juga tidak terikat dalam mana-mana perjanjian tanggung rugi. Dalam amalan guaman sivil, kewajipan memilik insurans serta membaharuinya pada setiap tahun adalah selaras dengan membaharui Sijil Amalan mereka. Sekiranya peguam bela atau peguam cara tidak membaharui skim insurans mereka, maka mereka tidak boleh atau dihalang untuk membaharui Sijil Amalan mereka. Disebabkan oleh itu, kesemua peguam bela dan peguam cara terikat dengan skim insurans ini bagi membolehkan mereka untuk terus beramal.

Dalam mengaplikasikan Insurans Indemniti Peguam dalam amalan guaman di Malaysia, badan-badan entiti yang berkuatkuasa perlu memainkan peranan yang penting. Mereka perlulah memastikan bahawa proses pentadbiran dan pengawal seliaan dilakukan dengan sebaik mungkin. Malahan, penambahbaikan perlu dilakukan seiring peredaran zaman dan keperluan semasa.

Rujukan

- Johan Shamsuddin bin Hj Sabaruddin, Shiela Ramalingam & Saroja Dhanapal. (2018), *The Legal Profession In Malaysia, The History of The Legal Profession in Malaysia*. 1 LNS(A) lvi. CLJ Law. *Legal Network Series*.
- Dewan Negara (2019). *Penyata Rasmi Parlimen Keempat Belas Penggal Kedua Mesyuarat Pertama*
- Dewan Negara (2019). *Penyata Rasmi Parlimen Keempat Belas Penggal Kedua Mesyuarat Kedua*.
- Dewan Negara (1991). *Pernyataan Rasmi Parlimen Kelapan Penggal Pertama*..
- Hendon Redzuan, Rubayah Yakob & Mohamad Abdul Hamid. (2005). *Risiko dan Insurans*. Kuala Lumpur, Malaysia.

- Malaysian Bar Mandatory PII Schem. History of PII Retrieved www.praktis.com.my
- Md Zawawi Bin Abu Bakar. (2003). *Isu-isu Peguam Syarie di Malaysia*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Mohamad Isa Abd Ralip. *Kepeguaman Syarie Di Malaysia*
Retrieved <https://jksp.pahang.gov.my/index.php/kepeguaman-syarie-di-malaysia/>
- Musa Awang. (2020). *Panduan dan Amalan Seni Guaman Syarie*. Penerbit Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM).
- Puspawati Rosman. (2012). *Bantuan Guaman dan Peranan Kerajaan*.
Retrieved <https://www.malaysiakini.com/columns/192182>
- R.R. Chelvarajah. (2006). *The Early Beginnings of the Bar Council and the Struggles of the Bar. The Malaysian Bar*
- Tuan Musa Bin Awang. (2017). *Peguam Syarie Di Malaysia :Realiti Semasa & Prospek Ke Arah Penggubalan Akta Profesion Guaman Syarie*. Kertas ini dibentangkan pada Seminar Kebangsaan Mahkamah Syariah 2017- 60 Tahun Pasca Kemerdekaan: 'Menelusuri Cabaran, Melestarti Masa Hadapan' pada 29 Ogos 2017.
- Zulkifli Hasan & Hasnizam Hashim. (2017). *Ke Arah Penubuhan Badan Peguam Syarie Malaysia*. Kertas kerja ini dibentangkan semasa Konvensyen Nasional Peguam Syarie 2017 bertempat di Hotel Grand Season.

Dokumen Perundangan/ Statut

- Akta Profesion Undang-undang 1976.
- Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019
- Kaedah-kaedah Peguam Syarie Selangor 2008
- Kaedah-kaedah Peguam Syarie Melaka 1991
- Kaedah-kaedah Peguam Syarie Wilayah-wilayah Persekutuan 1993
- Kaedah-Kaedah Peguam Syarie Johor 1982
- Kaedah-Kaedah Peguam Syarie Kelantan 1988
- Kaedah-Kaedah Peguam Syarie Negeri Sembilan 2012
- Kaedah-Kaedah Peguam Syarie Negeri Pulau Pinang 1997
- Kaedah-Kaedah Peguam Syarie Perak 2003
- Kaedah-Kaedah Peguam Syarie Perlis 1995
- Kaedah-Kaedah Peguam Syarie Sarawak 1992
- Kaedah-Kaedah Peguam Syarie Terengganu 2015
- Peraturan-peraturan Peguam Syarie Kedah 1988
- Peraturan-peraturan Peguam Syarie Pahang 1995

BAB 15

IMPAK COVID-19 TERHADAP KARAKTER PASANGAN DAN KESEJAHTERAAN RUMAHTANGGA

Anis Syuhada Binti Mat Yusoff ¹, Tengku Fatimah Muliana Binti Tengku Muda²

¹ Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

²Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza)

Pengenalan

Pada Disember 2019, penyakit pernafasan berjangkit yang baharu yang pertama kali dikesan di China telah mengejutkan masyarakat secara global, dan ia dinamakan sebagai Covid-19 atau penyakit coronavirus 2019 oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Untuk mengurangkan jangkitan virus, kerajaan telah menguatkuasakan pelbagai peraturan antaranya, individu diminta mematuhi perintah yang melibatkan pergerakan seperti tinggal di rumah, menjaga jarak sosial, mencuci tangan berulang kali dan mengelak daripada mengunjungi sanak saudara. Secara rasminya, kerajaan Malaysia telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020 (Rozita Talha, 2020). Selain itu, perintah isolasi sendiri dan kuarantin turut dilaksanakan dengan mengambil kira dengan 14 hari inkubasi virus Covid-19. Walaupun telah 2 tahun berlalu dari tempoh awal PKP diperkenalkan, pandemik memberikan impak yang berpanjangan dan masih dibincangkan dalam perbahasan arus perdana. Berdasarkan kajian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, PKP yang dilaksanakan memberi kesan kepada 33.8 juta penduduk di Malaysia yang terdiri daripada 76.6 peratus tinggal di bandar dan 23.4 peratus di luar bandar (Jabatan Perangkaan Malaysia, <https://www.dosm.gov.my/> akses pada September 2021). Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis impak Covid-19 terhadap karakter pasangan suami isteri serta mengenalpasti pendekatan dalam menghadapi konflik rumahtangga sepanjang pandemik.

Sorotan Literatur

Rentetan pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan, pelbagai langkah serta *Standard Operation Prosedur* (SOP) diperkenalkan oleh pihak berkuasa dalam usaha membendung penularan penyakit berjangkit Covid-19. Menurut Rafidah Mat Ruzki (2020), walaupun PKP mampu mengurangkan penurunan kes penyakit berjangkit dalam kalangan rakyat Malaysia, ia telah memberi kesan kepada orientasi kehidupan manusia sejagat. Kajian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan pandemik Covid-19 telah mempengaruhi sektor pekerjaan, kesihatan, keselamatan dan hubungan sosial dalam kalangan masyarakat.

Jadual 1 : Impak Perintah Kawalan Pergerakan Kepada Penduduk Malaysia

Sektor	Golongan Terkesan	Kelebihan	Kelemahan
Pekerjaan dan Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> Majikan kerajaan dan swasta Peniaga Petani dan nelayan 	<ul style="list-style-type: none"> Melahirkan pekerja yang berdisiplin Meneroka ilmu baharu (BDR) Meningkatkan penggunaan e-Dagang Bantuan pemasaran produk Pengecualian 	<ul style="list-style-type: none"> Hilang pekerjaan dan sumber pendapatan Permintaan dan jualan berkurang daripada pemborong dan peniaga Gangguan semasa bekerja (BDR) Perniagaan atau premis terpaksa

		<ul style="list-style-type: none"> • bayaran premis untuk PKS • Subsidi upah • Tambahan bayaran elaun • Mewujudkan platform perniagaan yang baharu (cth: eBazar) 	<ul style="list-style-type: none"> • ditutup • Potongan gaji
Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Murid sekolah • Pelajar IPT • Guru dan Pensyarah 	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan literasi komputer • Sesi pembelajaran di rumah • Merapatkan hubungan murid atau pelajar dengan ibu bapa • Meningkatkan kemahiran mengajar secara online 	<ul style="list-style-type: none"> • Bahan rujukan yang terhad • Kurang komunikasi lisan • Akses internet terhad • Pindaan sesi persekolahan dan ujian
Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk bekerja • Warga emas 	<ul style="list-style-type: none"> • Rehat yang mencukupi • Pemakanan yang sihat Mengurangkan penularan virus COVID-19 • Pengecualian bayaran bagi warga asing yang membuat saringan COVID-19 	<ul style="list-style-type: none"> • Tekanan mental dan emosi • Obesiti sekiranya gaya pemakanan tidak dijaga • Bekalan makanan dan perubatan terhad • Terputus bekalan makanan
Keselamatan	Semua penduduk	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar jenayah berkurang • Kadar kemalangan jalan raya berkurang 	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan scammer • Penderaan dan keganasan rumah tangga • Gelandangan • Rakyat Malaysia terkandas di luar negara
Kebajikan	Semua penduduk	<ul style="list-style-type: none"> • Bantuan tunai secara one-off dan berkala • Bantuan makanan • Bantuan sewa rumah • Derma • Golongan gelandangan dapat dikenal pasti 	<ul style="list-style-type: none"> • Bantuan lambat sampai di kawasan pendalaman
Keagamaan	Penduduk mengikut agama	<ul style="list-style-type: none"> • Diskaun bil utiliti • Beribadah bersama keluarga 	<ul style="list-style-type: none"> • Tempat ibadah tidak digunakan
Hubungan sosial	Semua penduduk	<ul style="list-style-type: none"> • Lebih masa bersama keluarga • Perpaduan di dalam komuniti • Pakej internet percuma 	<ul style="list-style-type: none"> • Komunikasi melalui alam maya • Pertambahan bilangan kelahiran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020

Menurut Pokhrel & Chetri (2021), Tarkar (2020) dan Rashid & Yadax (2020), pandemik COVID-19 telah mewujudkan ‘gangguan’ terbesar dalam sistem pendidikan dalam sejarah manusia. Dalam kajiannya, Pokhrel & Chetri (2021) turut menyatakan bahawa Covid-19 telah menjejaskan hampir 1.6 bilion pelajar di lebih 200 negara dengan penutupan sekolah, institusi dan ruang pembelajaran lain telah memberi kesan kepada lebih 94% populasi pelajar dunia. Kajian-kajian lepas menunjukkan pengaruh pandemik terhadap kesejahteraan sejagat. Kesejahteraan, sebagaimana menurut Veenhoven (2008), dikaitkan dengan kebahagiaan yang kondusif, tidak hanya dengan kesihatan fizikal tetapi juga berkaitan dengan kualiti hidup yang lebih luas. Malahan, kebahagiaan dan kesejahteraan juga ditafsirkan sebagai penyatuan antara ilmu, amal, rohani dan jasmani (al-Ghazali, 1964). Oleh demikian, dalam aspek kekeluargaan, kebahagiaan dan kesejahteraan akan dapat dicapai apabila setiap anggota dalam keluarga bersikap seimbang dalam memenuhi keperluan fizikal yang bersifat material dengan keperluan rohani yang bersifat metafizik.

Dalam menghadapi cabaran pandemik, institusi keluarga turut terkesan sehingga menyebabkan berlaku peningkatan kes penceraiian di Malaysia dalam kalangan pasangan berkahwin yang beragama Islam (Nasaruddin Parzi, 2021). Sebanyak 66,440 kes cerai membabitkan individu beragama Islam didaftarkan sepanjang tempoh pandemik Covid-19 bermula sejak Mac tahun lalu hingga Ogos 2021 (Latifah Arifin, 2021). Peningkatan dari kebimbangan ini menjelaskan bahawa Covid-19 juga mempengaruhi kesejahteraan rumahtangga di Malaysia. Hal ini menjadikan kesan yang berganda ekoran pada musim Covid-19 berbanding sebelum ini. (Ahmad Mustakim, 2021). Kajian yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada 2021 turut merekodkan bahawa selepas tercetusnya gelombang ketiga dan pelaksanaan PKP 2.0, hampir 80.0 peratus ibu bapa menyatakan kehidupan mereka mulai terkesan dari segi ekonomi dan kesihatan mental, 84.1 peratus ibu bapa mengalami tekanan emosi atau stress, cemas, gugup dan gelisah dan 63.0 peratus ibu bapa menyatakan pernah mengalami kemurungan sehingga sukar mengawal kemarahan (Mohd Nasaruddin Parzi 2021). Zamarro dan Prados (2021) telah mengkaji bagaimana pasangan ibu dan bapa menghadapi krisis impak Covid-19 dari segi penyediaan penjagaan anak, pekerjaan, pengaturan kerja, dan tahap tekanan psikologi. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa wanita telah memikul beban yang lebih berat berbanding lelaki dalam penjagaan anak semasa krisis COVID-19. Walaubagaimanapun, ia turut dikaitkan dengan pengurangan waktu bekerja oleh si ibu dan peningkatan peralihan daripada bekerja kepada tidak bekerja. Ini menunjukkan berlaku kecenderungan wanita sebagai ibu untuk berhenti kerja disebabkan beban penjagaan anak ketika pandemik. Dapatan kajian tersebut turut menunjukkan tekanan psikologi (*psychological distress*) yang lebih tinggi dalam kalangan wanita yang mempunyai anak yang masih bersekolah atau anak kecil berbanding wanita yang tidak mempunyai anak yang bersekolah.

Kajian oleh Ramli, Sheikh Dawood dan Mohd Som (2021) menunjukkan kekangan ruang persekitaran, pengaruh dadah dan alkohol, kebergantungan kepada pasangan, ketiadaan sistem sokongan sosial yang kukuh dan konflik dalaman individu adalah antara faktor yang mendorong pasangan melakukan keganasan ketika PKP dilaksanakan. Kajian oleh Aman, Abbas & Lela (2021) seterusnya menemukan bahawa agama dan komitmen memainkan peranan dalam mewujudkan perkahwinan yang sejahtera. Berdasarkan kajian tersebut, ‘*religiosity*’ atau penghayatan beragama mempunyai nilai tersendiri dan merupakan elemen utama dalam mengawal selia kehidupan sosial yang sihat dan mengukuhkan komitmen pasangan terhadap perkahwinan terutamanya apabila menghadapi cabaran Covid-19.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian penerokaan atau *exploratory*. Kajian penerokaan dilakukan bertujuan untuk menilai dan mendalami secara terperinci

tentang sesuatu masalah dengan memberikan perhatian kepada data ilmiah yang berhubung kait dengan sesuatu kajian (Kamarul Azmi Jasmi (2012).

I. Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini akan menggunakan dua kaedah pengumpulan data, iaitu kajian analisis dokumen dan kaedah temubual. Dokumentasi merupakan kaedah bagi mendapatkan sumber atau data utama dalam kajian bidang sains sosial (Ahmad Sunawari Long 2006, 48). Manakala kaedah temubual dijalankan bagi mendapatkan info dan pengetahuan yang lebih jelas daripada informan. Bagi tujuan temu bual, satu set soalan disediakan dan telah mendapat pengesahan daripada pakar dalam bidang kekeluargaan. Kaedah temu bual yang digunakan adalah temu bual semi struktur secara bersemuka. Informan yang ditemubual adalah daripada pegawai rundingcara serta pegawai dalam bidang Undang-Undang Keluarga di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (JHEAT).

II. Kaedah Analisis Data

Data-data yang dikumpul secara dokumentasi dan temu bual dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis kandungan adalah satu teknik yang digunakan untuk membuat kesimpulan dengan lebih objektif dan sistematik bagi mengenalpasti ciri-ciri tertentu pada data yang dikumpul (Ole R. Holsti 1969, 16) melalui rekod ucapan, tulisan dan item tingkah laku yang diperhatikan oleh pengkaji (Glenn A. Bowen 2009, 32). Kaedah ini sesuai digunakan kerana data yang dikumpul adalah terdiri daripada data sekunder berbentuk dokumen-dokumen ilmiah dan data primer berbentuk rakaman temu bual.

Impak Covid-19 Berdasarkan Indeks Kebahagiaan Sedunia

Langkah pencegahan penularan wabak Covid-19 yang dilaksanakan di negara ini melalui sekatan pergerakan serta penutupan beberapa sektor ekonomi memberikan impak yang signifikan kepada masyarakat terutamanya pasangan yang berkeluarga (Latifah Ariffin 2021). Dalam tempoh PKP, seseorang individu dalam satu unit rumahtangga menghabiskan masa yang panjang di rumah, pasangan yang berkerjaya terpaksa menguruskan kehidupan bekerja dari rumah, malah bagi yang kehilangan sumber pendapatan akan merasakan tekanan yang lebih besar. Dalam menghadapi tekanan ini, sikap dan pembawaan karakter pasangan boleh mencorakkan situasi dalam rumahtangga, sama ada positif atau sebaliknya yang serterusnya menyumbang kepada kesejahteraan rumahtangga (Tengku Alina Tengku Ismail & Zaharah Sulaiman, 2020).


Menurut Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia (2011), pengukuran tahap kesejahteraan boleh dibuat dengan persepsi dan taksiran berlainan berdasarkan kepada penempatan, tahap kepuasan individu dalam kehidupan, dan persekitarannya. Komponen yang menjadi pengukuran adalah meliputi Kesejahteraan Psikologi, Kepelbagaian Budaya, Komuniti, Kesihatan, Pendidikan, Kepelbagaian Ekologi, Kualiti Kehidupan dan Kecekapan urustadbir. Berdasarkan dapatan Indeks Kebahagiaan Sedunia, tahap kesejahteraan dan kebahagiaan individu ketika pandemik Covid-19 di Malaysia menunjukkan kemerosotan dimana kedudukan berdasarkan kepada Indeks Kebahagiaan Dunia pada tahun 2021, Malaysia berada di kedudukan ke 81 berbanding pada tahun 2018 iaitu 3 tahun sebelum berlakunya pandemik Covid-19 (World happiness Index, 2021). Jadual di bawah menunjukkan kedudukan Malaysia dalam Indeks Kebahagiaan Dunia pada tahun 2018 hingga 2021.

Jadual 1: Kedudukan Malaysia dalam Indeks Kebahagiaan Sedunia

MALAYSIA- INDEKS KEBAHAGIAAN DUNIA		
Tahun	Kedudukan Kebahagiaan Dunia	Indeks Kebahagiaan Dunia
2021	81	5.384
2020	82	5.384
2019	80	5.339
2018	35	6.322

Impak Covid-19 Berdasarkan Indeks Kesejahteraan Rakyat

Selain daripada pengukuran Indeks Kebahagiaan Sedunia, dapatan pengukuran melalui Indeks Kesejahteraan Rakyat di Malaysia pasca Covid-19 turut direkodkan terjejas dengan kemerosotan dari segi peratusan indeks. Graf dibawah menunjukkan penemuan Indeks Kesejahteraan Rakyat di Malaysia yang menunjukkan terkesan dengan penularan Covid-19:




Rajah 1: Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia Pada Tahun 2018-2020

Berdasarkan kepada graf di atas menunjukkan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) bagi 2020 menurun sebanyak 2.1 peratus kepada 118.3 mata berbanding pada tahun 2019 sebanyak 120.8 mata susulan pandemik Covid-19 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Pelbagai inisiatif telah diusahakan diperingkat kerajaan Persekutuan bagi memperbaiki kedudukan negara dalam carta Indeks Kesejahteraan Dunia dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan keluarga. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah ‘Key Happiness Outcome’ (KHO) atau Kerberhasilan Kebahagiaan dalam memantau pelaksanaan konsep Keluarga Malaysia bagi melengkapi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) antaranya Rumah Ikram Keluarga Malaysia, skuad Keluarga Malaysia, Pakej Peranti Keluarga Malaysia, Pakej Penjagaan Covid-19 Keluarga Malaysia, Keluarga Malaysia Siaga Bencana, Yayasan Kebajikan Siswa Keluarga Malaysia dan Residensi Rumah Keluarga Malaysia. (Lorenzo Isaac Ak Anthony, 2021).

Dapatan dan Perbincangan

Terdapat dua dapatan yang akan dibincangkan pada bahagian ini iaitu impak Covid-19 terhadap karakter pasangan dan pendekatan yang digunakan bagi membolehkan pasangan menguruskan tekanan seterusnya mengekalkan kesejahteraan dalam rumahtangga kesan daripada Covid-19.

I. Impak Wabak Covid-19 Yang Mempengaruhi Karakter Pasangan



Rajah 1: Faktor-faktor yang mempengaruhi karakter pasangan semasa pandemic

Berikutan Sekatan Pergerakan yang berlarutan hampir 2 tahun, krisis ekonomi menjadi salah satu penyumbang dominan terhadap kesan kesejahteraan rakyat. Hampir semua golongan dan sektor terkesan dalam krisis ekonomi yang mengakibatkan ramai individu kehilangan sumber pendapatan (Nurul Adilah & Asmak, 2020). Berdasarkan kajian Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), sebanyak 52.6% daripada 168,182 reponden didapati telah mengalami kesan dalam aspek ekonomi. Daripada jumlah itu, sebanyak 21.9% kehilangan pekerjaan dalam sektor pertanian dan 15% kehilangan pekerjaan dalam sektor perkhidmatan. Pada masa yang sama, sebanyak 46.6% mereka yang bekerja sendiri hilang pekerjaan, dan bagi mereka yang masih bekerja sendiri juga, berlaku pengurangan pendapatan bulanan sebanyak 94.8%. Manakala sebanyak 35.5% daripadanya mencatatkan pengurangan pendapatan yang melebihi 90%. Data ini adalah direkodkan ketika berada dalam fasa ketiga sewaktu pandemik (Nurul Adilah & Asmak, 2020). Cabaran yang dihadapi oleh masyarakat semasa dalam fasa pandemik menyumbang kepada ketegangan khasnya bagi individu yang berkeluarga dan pasangan suami isteri yang mempunyai tanggungan (Latifah Arifin, 2021).

Pandemik Covid-19 ini turut mempengaruhi jadual kehidupan sosial dalam masyarakat secara drastik. Selain itu, kekangan sewaktu pandemik juga menuntut penyesuaian tugas, peranan dan kefungsi pasangan dalam satu rumahtangga, terutamanya bagi keluarga yang mempunyai anak-anak yang ramai dengan keluasan rumah yang terhad, limitasi akses kepada internet dan sebagainya. Penurunan mendadak dalam aktiviti fizikal turut memberi kesan negatif dan menyebabkan gejala kemurungan, kebimbangan, dan keletihan (Weinstein, Koehmstedt & Kop, 2017). Semasa PKP dan larangan rentas negeri dilaksanakan, cabaran adalah lebih besar terhadap pasangan yang tinggal berjauhan atau dirujuk sebagai 'pasangan jarak jauh'. Tempoh perpisahan yang lama menyebabkan pasangan yang tinggal bersama anak-anak menggalas beban yang lebih berat dalam mengimbangi kerjaya, keluarga dan kehidupan sepanjang pandemik yang mampu menambahkan tekanan (Hasyimah Zakaria, komunikasi peribadi, 2021). Wanita bekerjaya akan lebih terbeban apabila perlu bekerja dari rumah dan dalam masa yang sama menguruskan keperluan di rumah (Tengku Alina Tengku Ismail & Zaharah Sulaiman, 2020). Selain itu, pandemik turut menjadi antara pencetus konflik kepada pasangan yang berpoligami, antaranya isu pengabaian tanggungjawab suami kepada isteri-isteri dari segi nafkah zahir dan batin, serta isu penggiliran antara para isteri yang menyumbang kepada tekanan psikologi dan emosi kepada pasangan (Wan Zaiton Wan Yahaya, komunikasi peribadi, 2021).

Tekanan psikologi sewaktu pandemik Covid-19 juga dapat dikaitkan dengan peningkatan kes bunuh diri sebanyak 143% bpada 2021 berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 638 kes yang direkodkan antara Januari hingga Julai (Suraya Roslan, 2021). Dalam tinjauan yang

dilakukan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga pada 2021, seramai 1,1148 ibu bapa yang menjadi responden menyatakan mereka kerap mengalami tekanan emosi, gugup dan gelisah, dan sebanyak 8.8% mengalami kemurungan (Jamiairul Aznizam, 2021).

Relatifnya, ini menunjukkan impak pandemik yang menggugat kesejahteraan dalam rumahtangga. Kebimbangan individu selaku pasangan suami isteri dan ibu bapa dalam sebuah keluarga tentang kewangan, pengasingan sosial, kritikan daripada orang lain, emosi kesedihan dan kesunyian serta tekanan psikologi merupakan kesan pandemik yang menjejaskan peranan mereka sebagai ibu bapa (Gadermann et.al., 2021) dan seterusnya mempengaruhi perwatakan dan karakter pasangan sehingga berlakunya keruntuhan institusi perkahwinan. Malahan juga, pasangan yang sememangnya mempunyai sikap panas baran akan cenderung untuk tidak dapat mengawal kemarahan sehingga menyebabkan isu keganasan rumahtangga (Tengku Alina Tengku Ismail & Zaharah Sulaiman, 2020).

II. Pendekatan Bagi Menghadapi Cabaran Pandemik Dan Mengekalkan Kesejahteraan Rumahtangga

Dalam mendepani cabaran pandemik dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan keluarga, pendekatan yang boleh diambil oleh pasangan adalah merangkumi aspek instrinsik iaitu aspek hubungan individu dengan individu pasangan, serta aspek ekstrinsik iaitu aspek individu dengan Pencipta.

A) Amalan Beragama

Pandemik yang melanda seluruh negara ini telah menguji rakyat dalam pelbagai aspek dalam kehidupan. Bagi membendung penularan wabak, PKP telah dilaksanakan dalam pelbagai fasa bermula tahun 2020 sebelum berakhir pada Disember 2021. Walaupun fasa PKP telah berakhir, kesan kepada pandemik masih dirasai oleh segenap lapisan masyarakat. Oleh itu, mendekati diri kepada Pencipta dan meningkatkan amalan beragama adalah salah satu benteng dalam mendepani cabaran pandemik. Sikap beragama menjadikan seseorang individu untuk tidak merasa keluh kesah dengan cabaran, sentiasa bersabar, bersyukur, merasa cukup atas segala nikmat yang telah diberikan dan selalu redha dengan apa yang ada. Firman Allah SWT dalam surah al-Fajr ayat 27-30 maksudnya:

يَا أَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ ۖ ارْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ۖ فَادْخُلِي فِي عِبَادِي ۖ وَادْخُلِي جَنَّاتِي

Maksudnya “Wahai orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang, kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan engkau berpuas hati (dengan segala nikmat yang diberikan) lagi diredhai (di sisi Tuhanmu). Serta masuklah engkau dalam kumpulan hamba-hambaku yang berbahagia. Dan masuklah ke dalam Syurgaku.”

Berdasarkan ayat tersebut, ketenangan akan memberikan kebahagiaan. Keluarga yang mendahulukan agama sebagai panduan yang utama akan mampu mewujudkan suasana ketenangan dan kesejahteraan disebalik konflik dan cabaran yang dihadapi. Sikap beragama akan turut memberi refleksi terhadap luaran iaitu karakter individu yang mampu mencorakkan pemikiran, tutur kata serta perilaku (Ahmad Helwani Syafi’I & Muhammad Syaoki, 2018).

Selain itu juga, sikap beragama mampu mewujudkan sifat ehsan dalam diri setiap pasangan supaya dapat menjalankan peranan dan tanggungjawab bersama sebagai seorang suami dan isteri dengan sebaiknya (Nur Syazwani Jusoh, komunikasi peribadi, 2021). Ini kerana, penyesuaian peranan dan tanggungjawab dalam tempoh pandemik menuntut kesabaran, persepakatan dan persefahaman (Naemah Hamzah, 2021) tanpa menunding jari kepada salah satu pasangan yang lain bagi mengelakkan mencetuskan ketegangan. Sikap beragama akan

menjadikan seseorang pasangan mampu untuk memberikan empati kepada pasangannya selain saling memberikan sokongan.

B) Pendekatan Komunikasi

Komunikasi berkesan adalah penting dalam mewujudkan keluarga yang sejahtera. Terdapat dua bentuk komunikasi dalam keluarga iaitu komunikasi *verbal* dan *non-verbal*. Komunikasi *verbal* didefinisikan sebagai proses komunikasi yang melibatkan percakapan untuk menyampaikan mesej kepada penerima, manakala komunikasi *non-verbal* pula didefinisikan sebagai semua jenis interaksi manusia kecuali penggunaan perkataan, contohnya bahasa badan, nada suara, kelajuan dan tekanan suara (Jamiah, Sidek, Nik Suryani & Haniza, 2013). Tekanan yang dihadapi ketika Covid-19 mampu mewujudkan perhubungan yang tidak sihat kepada pasangan suami isteri akibat pengurusan komunikasi yang lemah sehingga boleh menyebabkan peningkatan dalam kes penceraiian (Latifah Arifin, 2020). Selain itu, pengurusan komunikasi yang tidak dikawal dengan baik, akan menyebabkan berlaku perselisihan faham yang berpanjangan dan menyumbang kepada kes penderaan atau keganasan rumahtangga (Tengku Alina Tengku Ismail & Zaharah Sulaiman, 2020).

Komunikasi yang baik adalah antara perantara awal antara pasangan bagi mengawal diri dari dipengaruhi oleh emosi. Menurut Al-Qahtani, toleransi merupakan sebuah komunikasi antara pasangan untuk saling memahami kerana ia melibatkan penghargaan dan kehormatan bagi setiap pasangan yang memberi pendapat atau luahan dalam setiap situasi (Ismail Sebugwaawo, 2019). Oleh itu, dalam berkomunikasi, pasangan seharusnya mengamalkan sikap bertoleransi bagi menyelesaikan setiap isu dalam rumahtangga bagi mengelakkan perselisihan faham yang menunjukkan ketidakstabilan kualiti interaksi pasangan dalam perkahwinan (Siti Marziah, Salina Nen, Abdul Rahman et.al, 2019). Firman Allah SWT dalam surah Al-Balad ayat 17:

ثُمَّ كَانَ مِنَ الَّذِينَ آمَنُوا وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ وَتَوَاصَوْا بِالْمَرْحَمَةِ ۗ

Maksudnya: Kemudian dia termasuk orang-orang yang beriman dan saling berpesan untuk bersabar dan saling berpesan untuk berkasih sayang.

C) Kawalan Perbelanjaan

Pandemik telah menuntut semua pihak termasuk individu untuk melakukan pengubahsuaian dalam cara hidup termasuklah dalam menguruskan kewangan. Dari perspektif mikro, semua individu dalam masyarakat khususnya wanita berkeluarga dalam konteks ini, perlu sewajarnya menguruskan wang mereka dengan efektif dan berhemah. Islam menganjurkan supaya umatnya memilih sifat pertengahan di antara kedua sifat iaitu berlaku hemah dalam mengeluarkan harta atau perbelanjaan dan berhemat iaitu tidak cenderung kepada kekikiran dan tidak pula kepada atau pembaziran.

Oleh itu dalam menghadapi cabaran pasca pandemik, amalan perbelanjaan keluarga perlu mengambil kira sama ada keperluan terbabit adalah merupakan perbelanjaan yang utama dan *daruri*, atau hanya kehendak. Ini adalah selari dengan tuntutan al-Quran dalam surah al-Furqan melalui firman Allah SWT dalam surah al-Furqan ayat 67:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا

Maksudnya: "Dan juga mereka (yang diredai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampau batas dan tiada bakhil kedekut dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu."

Berdasarkan peringatan yang diberikan melalui ayat tersebut, pasangan dalam satu unit rumahtangga seharusnya bersikap sederhana dan berhemah dalam perbelanjaan agar tidak

cenderung kepada pembaziran bagi memelihara kesejahteraan rumahtangga terutamanya dalam mendepani cabaran di musim pandemik.

Penutup

Kesimpulannya, pandemik telah memberi kesan kepada pelbagai sektor dalam negara, mengubah landskap ekonomi, mengganggu rutin sosial dan akademik individu, serta memberi kesan kepada pelbagai aspek kehidupan. Peningkatan jumlah perceraian serta kes keganasan rumahtangga adalah refleksi terhadap pengaruh pandemik kepada institusi kekeluargaan. Karakter pasangan sebagai individu dalam keluarga dipengaruhi oleh tekanan kewangan, psikologi dan sosial susulan pandemik. Oleh itu, pendekatan beragama, pengurusan komunikasi yang baik di samping sikap bertolensi, serta pengurusan kawalan perbelanjaan adalah antara langkah yang boleh diamalkan oleh pasangan bagi menghadapi cabaran pandemik. Kemampuan pasangan dalam rumahtangga untuk menangani konflik akan seterusnya menjayakan sebuah keluarga yang sejahtera.

Rujukan

- Ahmad Helwani Syafi'i & Muhammad Syaoki. (2018) Karakter Manusia Dalam Perspektif Al-Qur'an Surat Lukman, *Komunike*. Universitas Muhammadiyah Mataram
- Ahmad Mustakim Zulkifli. (2021). 13 Oktober. *Cerai ketika pandemik: Bagaimana PKP runtuhkan rumah tangga*. *MalaysiaNow*. Di akses pada 26 November 2021
- Al-Ghazali (2017). *Ihya' Ulumuddin*. (trj. Akhyar LC & Syahrin Jusoh). Cet 1. Kuala Lumpur: Pustaka Al Shafa
- Aman, J., Abbas, J., Lela, U., & Shi, G. (2021). Religious Affiliation, Daily Spirituals, and Private Religious Factors Promote Marital Commitment Among Married Couples: Does Religiosity Help People Amid the COVID-19 Crisis?. *Frontiers in psychology*, 12, 657400.
- Bernama. (2020). 17 Mac. Kronologi Covid-19 di Malaysia sehingga 16 Mac 2020. *Hmetro*. Di akses pada 26 November 2021.
- Frica Esther Anak Kik & Ubong Imang (2019). Kesejahteraan Sosial Masyarakat Bandar Di Kawasan Perumahan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 4(6). Sabah: Universiti Malaysia Sabah
- Gadermann AC, Thomson KC, Richardson CG, Gagne M, McAuliffe C, Hirani S, & Jenkins E. Examining the impacts of the COVID-19 pandemic on family mental health in Canada: findings from a national cross-sectional study, *BMJ Open* 2021;11:e042871
- Glenn A. Bowen (2009). Document Analysis as a Qualitative Research Method. *Qualitative Research Journal* 9(2): 3. Barry University
- Hafizi Rosli (2021) 25 Ogos. Keganasan Rumah'Tangga, Poligami Antara Punca Utama Kes Cerai Tinggi-SIS. *Astro Awani*. Di akses pada 27 November 2021
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). (2020). Laporan Survei Khas Terhadap Kesan Covid-19 Pada Ekonomi Dan Individu, Pusingan 2. Di akses pada 27 November 2021
- Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perangkaan Malaysia (2021). 1 Disember. *Kenyataan Media: Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) 2020*. Di akses pada 27 November 2021
- Jamiah Manap, Sidek Baba, Nik Suryani Nik Ab. Rahman & Haniza Rais.(2013). Pendekatan Komunikasi Keibubapaan dalam Keluarga Ibu Mithali. *Journal of Human Development and Communication*. Volume 2, 2013 [73-87]
- Jamiairul Aznizam (2021). Penemuan Tinjauan Pendapat Tekana dan Cabaran Keibubapaan Dalam Mendepani Gelombang Baharu Pandemik Covid-19. *Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)*. Di akses pada 27 November 2021
- Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia (2011). KT3-P5 Indeks Kebahagiaan (Happiness Index). Di akses pada 27 Novermber 2021. Malaysia: Putrajaya.

- Kamarul Azmi Jasmi (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. *Conference: Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Latifah Arifin (2020) 16 September. Pengurusan Komunikasi Lemah Antara Punca Cerai. *BbOnline* Di akses pada 27 November 2021
- Latifah Arifin (2021). 16 September. Sekatan Pergerakan, Krisis Ekonomi Faktor Utama Perceraian. *BbOnline*. Di akses pada 26 November 2021.
- Lorenzo Isaac Ak Anthony (2021). 23 Oktober. PM Umum Pelbagai Program Dan Inisiatif Di Bawah Gagasan Keluarga Malaysia. *Tvs*. Di akses pada 27 November 2021
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (2020). 10 April. Menggali Hikmah Covid-19. *Sinar Harian*. Di akses pada 27 November 2021
- Malaysia: World Happiness Index (2021). *Malaysia*. Di akses pada 27 November 2021.
- Masyitah Abdul Majid (2020). Realiti & Cabaran Dihadapi Pengurus Rumah Tangga Semasa PKP. *Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS)*
- Mohd Nasaruddin Parzi 2021. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/755070/77786-kes-cerai-sepanjang-tempoh-pandemik-covid-19>
- Muhamaad Razis Ismail (2021). 26 Jun. Keluh Kesah Pasangan 'PJJ'. *Hmetro*. Di akses pada 27 November 2021
- Naemah Hamzah (2021). 23 April. Covid-19: Hak dan Tanggungjawab Suami Isteri. *Bernama*. Di akses pada 27 November 2021
- Nasaruddin Parzi (2021). 15 September. 77,786 Kes Cerai Sepanjang Tempoh Pandemik Covid-19. *Hmetro*. Di akses pada 26 November 2021
- Nor Azaian Abdullah (2020). Kesan pandemik Covid-19 Terhadap Perubahan Tingkah Laku Dan Gaya Hidup, Bekerja Dari Rumah (BDR) Serta Perancangan Keluarga. *Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)*. Di akses pada 27 November 2021
- Nurul Adilah Hasbullah & Asmak Ab Rahman. (2020). Peranan Pemegang Taruh Dalam Menjaga Kebajikan Ekonomi Rakyat Semasa Pandemik Covid-19 Dari Perspektif Ekonomi Islam. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*. Vol. 17. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Pokhrel, S., & Chhetri, R. (2021). A Literature Review on Impact of COVID-19 Pandemic on Teaching and Learning. *Higher Education for the Future*, 8(1), 133–141.
- R. Veenhoven (2008). Healthy Happiness: Effect Of Happiness On Physical Health And The Consequences For Preventive Health Care. *Journal Of Happiness Studies*. 8: 449-469. Netherlands: Erasmus University Rotterdam
- Rafidah Mat Ruzki, November 21 ,2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/756703/covid-19-pkp-hentikan-penularan-bukan-tamatkan-pandemik>
- Ramli, M.W., Sheikh Dawood. S.R., & Mohd Som, S. H. (2021). Pandemik COVID-19 dan keganasan rumah tangga: Suatu tinjauan semasa Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17 issue 3 (137-152).
- Rashid, S., & Yadav, S. S. (2020). Impact of Covid-19 Pandemic on Higher Education and Research. *Indian Journal of Human Development*, 14(2), 340–343.
- Rozita Talha (2020). Kajian Kes Impak Perintah Kawalan Pergerakan Kepada Penduduk Malaysia. *NewsLetter*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Siti Marziah Zakaria, Salina Nen, Abdul Rahman Ahmad Badayai & Nor Hazila Mat Lazim (2019). Kualiti Perkahwinan Pada Fasa Pertama Perkahwinan (1-10 Tahun): Pengaruh Gaya Komunikasi Dan Penyesuaian Hidup. *Journal Of Social Sciences And Humanities*. 16 (7): 1-11
- Suraya Roslan (2021). 10 September. Kes Bunuh Diri Meningkat 143 Peratus. *BbOnline*. Di akses pada 27 November 2021
- Tarkar, P (2020). Impact Of Covid-19 Pandemic On Education System. *International Journal of Advanced Science and Technology* Vol. 29, No. 9s,pp. 3812-3814

- Tengku Alina Tengku Ismail & Zaharah Sulaiman, (2020). Kesejahteraan Rumah Tangga Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Kelantan: Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian
- W. A. Amir Zal (2020) 15 Mei. Malaysia Perlu Bersedia Hadapi Kemiskinan Situasi. *Bernama*. Di akses pada 27 November 2021
- Weinstein, A. A., Koehmstedt, C., and Kop, W. J. (2017). Mental health consequences of exercise withdrawal: a systematic review. *Gen. Hosp. Psychiatry* 49, 11–18.
- Yan Piaw Chua (2011). Kaedah dan Statistik Penyelidikan: *Kaedah Penyelidikan*, McGraw-Hill Education. Cet 2. Universiti Malaya
- Zailin Zainal Ariffin (2021) 23 Jun. Kawal Perbelanjaan, Fokus Keperluan Ketika PKP. *BhOnline* Di akses pada 27 November 2021
- Zamarro, G., & Prados, M.J. (2021). Gender differences in couples' division of childcare, work and mental health during COVID-19. *Rev Econ Household* 19, 11–40
- Informan Temubual
- Hasyimah Binti Zakaria. (7 Disember 2020) di Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu (JHEAT), Kuala Terengganu
- Nur Syazwani Jusoh. (7 Disember 2021) di Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu (JHEAT), Kuala Terengganu
- Wan Zaiton Wan Yahaya (7 Disember 2021) di Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu (JHEAT), Kuala Terengganu
- Cochrane, A. (2007). *Understanding urban policy: A critical approach*. Malden, MA: Blackwell Publishing.
- Palmer, G. R., & Short, S. D. (2010). *Health care and public policy: An Australian analysis* (4th ed.). Melbourne, Australia: Palgrave Macmillan.
- Seeley, R., VanPutte, C., Regan, J., & Russo, A. (2011). *Seeley's anatomy & physiology*. New York, NY: McGraw-Hill.
- Bulliet, R. W., Crossley, P. K., Headrick, D. R., Hirsch, S. W., Johnson, L. L., & Northrup, D. (2011). *The earth and its peoples: A global history* (5th ed.). Boston, MA: Wadsworth.
- Niemann, S., Greenstein, D., & David, D. (2004). *Helping children who are deaf: Family and community support for children who do not hear well*. Retrieved from http://www.hesperian.org/publications_download_deaf.php.
- Williams, J., & Nieuwsma, J. (2016). Screening for depression in adults. In J. A. Melin (Ed.), *UpToDate*. Retrieved from <https://www.uptodate.com/contents/screening-fordepression-in-adults>.
- Steel, J., Youssef, M., Pfeifer, R., Ramirez, J. M., Probst, C., Sellei, R., ... Pape, H. C. (2010). Health-related quality of life in patients with multiple injuries and traumatic brain injury 10+ years postinjury. *Journal of Trauma: Injury, Infection, and Critical Care*, 69(3), 523-531. doi: 10.1097/TA.0b013e3181e90c24
- Edge, M. (1996). Lifetime prediction: Fact or fancy? In M. S. Koch, T. Padfield, J. S. Johnsen, & U. B. Kejser (Eds.), *Proceedings of the Conference on Research Techniques in Photographic Conservation* (pp. 97-100). Copenhagen, Denmark: Royal Danish Academy of Fine Arts.
- Duddle, M. (2009). *Intraprofessional relations in nursing: A case study* (Unpublished doctoral thesis), University of Sydney, Australia.
- Lacey, D. (2011). *The role of humiliation in collective political violence* (Masters thesis, University of Sydney, Australia). Retrieved from <http://hdl.handle.net/2123/7128>.
- Simon, J., Smith, K., & West, T. (2009). *Price incentives and consumer payment behaviour*. Retrieved from the Reserve Bank of Australia website: <http://www.rba.gov.au/PublicationsAndResearch/RDP/RDP2009-04.html>.
- New child vaccine gets funding boost. (2001). Retrieved April 16, 2012, from http://news.ninensn.com.au/health/story_13178. As

BAB 16

PENDAKWAAN DAN KEPERLUAN PERUNDANGAN JENAYAH MELIBATKAN SIHIR DI MALAYSIA

Muna bin Hamzan,¹ Tengku Fatimah Muliana binti Tengku Muda²

¹ Institut Perguruan Guru (IPG, Kota Bharu)

² Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)

Pengenalan

Sihir merupakan bentuk perlakuan yang tersembunyi oleh seseorang kepada orang lain yang boleh memberi kesan kepada anggota badan, fikiran dan hati seseorang dengan bantuan jin atau syaitan. Perbuatan sihir boleh berlaku dengan pelbagai jalan sama ada melalui jampi-jampi, ikatan-ikatan buhul. Umumnya, panggilan terhadap pengamal sihir atau ilmu hitam adalah berbeza berdasarkan tempat tinggal masyarakat dan lazimnya perkhidmatan ini dilakukan secara rahsia (Shaw, 1975). Di negara Nusantara seperti Malaysia, pengamal sihir dikenali sebagai bomoh, pawang, tok batin atau dukun yang mempelajari atau memperolehi amalan ini dengan pelbagai cara tersendiri dan lazimnya memerlukan kepada persepakatan antara manusia dan jin. (Ansaruddin Agus & Mohammad Azlee, 2011).

Imu sihir telah wujud dalam sejarah awal umat Islam sebagaimana firman Allah S.W.T di dalam beberapa surah al-Quran tentang kisah sihir di zaman Nabi Sulaiman, Nabi Musa dan Nabi Muhammad S.A.W. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarah ayat 102:

وَاتَّبَعُوا مَا تَتْلُوا الشَّيْطَانُ عَلَىٰ مُلْكِ سُلَيْمَانَ ۖ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانُ وَلَٰكِنَّ الشَّيْطَانَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ ۖ وَمَا أُنزِلَ عَلَى الْمَلَكَيْنِ بِبَابِلَ هَارُوتَ وَمَرْوَتَ ۚ وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّىٰ يَقُولَا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ ۖ فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءِ وَرَوْجِهِ ۚ وَمَا هُم بِضَارِينَ بِهِ ۚ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ ۗ وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ ۚ وَلَقَدْ عَلِمُوا لَمَنِ اشْتَرَاهُ مَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلْقٍ وَلَبِئْسَ مَا شَرَوْا بِهِ ۖ أَنفُسَهُمْ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ

Maksudnya:

“Dan mereka mengikuti apa yang dibaca oleh syaitan-syaitan pada masa kerajaan Nabi Sulaiman (dan mereka mengatakan bahawa Sulaiman itu mengerjakan sihir), padahal Nabi Sulaiman tidak kafir (tidak mengerjakan sihir), hanya syaitan-syaitan itulah yang kafir (mengerjakan sihir). Mereka mengajarkan sihir kepada manusia dan apa yang diturunkan kepada dua orang malaikat di negeri Babil iaitu Harut dan Marut, sedang keduanya tidak mengajarkan (sesuatu) kepada seorangpun sebelum mengatakan: “Sesungguhnya kami hanya cubaan (bagimu), sebab itu janganlah kamu kafir. Maka mereka mempelajari dari kedua malaikat itu apa yang dengan sihir itu, mereka dapat menceraikan antara seorang (suami) dengan isterinya. Dan mereka itu (ahli sihir) tidak memberi mudharat dengan sihirnya kepada seorangpun kecuali dengan izin Allah. Dan mereka mempelajari sesuatu yang memberi mudharat kepadanya dan tidak memberi manfaat. Demi, sesungguhnya mereka telah meyakini bahawa barangsiapa yang menukarnya (kitab Allah) dengan sihir itu, tiadalah baginya keuntungan di akhirat dan amat jahatlah perbuatan mereka menjual dirinya dengan sihir, kalau mereka mengetahui.”

Berdasarkan ayat tersebut, Allah S.W.T telah memperihalkan tentang amalan sihir yang berlaku pada zaman Nabi Sulaiman, serta dengan izinNya kesan sihir yang boleh memudaratkan perhubungan antara dua pihak, sehingga boleh meruntuhkan institusi keluarga melalui perceraian pasangan suami isteri. Hakikat sihir juga disebut dalam hadis Nabi S.A.W adalah sebagai berikut.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُؤْبَقَاتِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ قَالَ الشِّرْكَ بِاللَّهِ وَالسُّحْرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَكْلُ الرِّبَا وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الرَّحْفِ وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْعَافِيَاتِ

[Riwayat Imam Bukhari, no. hadis 2560]

Berdasarkan hadis ini, para ulama bersepakat bahawa amalan sihir hukumnya adalah haram kerana membawa kepada syirik bahkan kufur kepada Allah S.W.T. (Haron Din, 2009; Abdul Basir Mohamed, 1999).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-33, Ke-39 dan Ke-40, pada tahun 1995 dan 1996 telah mengadakan persidangan dan membincangkan isu berkaitan amalan ilmu hitam dan sihir. Keputusan muzakarah tersebut menunjukkan bahawa isu berkaitan ilmu dan amalan sihir ini perlu dipandang serius oleh pihak berwajib. Antara keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan berkaitan dengan amalan ilmu hitam atau sihir ialah; perbuatan sihir adalah dosa besar dan boleh membawa kepada syirik dan hukum mempelajarinya adalah haram, pengamal sihir yang mendatangkan mudarat kepada manusia adalah berdosa besar dan maka wajib dihukum qisas/hudud, dan pihak berkaitan hendaklah menyediakan peruntukan undang-undang bagi menghukum pengamal-pengamal yang sabit melakukan sihir.

Oleh itu, bab ini akan membincangkan keperluan pendakwaan jenayah yang melibatkan sihir serta mencadangkan peruntukan undang-undang yang spesifik bagi pemerkasaan undang-undang jenayah Syariah di Malaysia.

Sorotan Kajian

Amalan sihir yang berlaku dalam masyarakat Melayu telah menarik perhatian sarjana Barat seawal tahun 1970-an. Antaranya, kajian yang dibuat oleh Gimlette, D. John (1971) dan William Shaw (1975) adalah berkisar kaedah yang digunakan oleh pawang dan bomoh dalam amalan perubatan tradisional di Malaysia. Selain itu, kajian juga turut tertumpu kepada konsep ilmu sihir, pengamalan dan kaedah rawatan sihir. Abdul Basir Mohammed (1999) membandingkan perbezaan antara bentuk pengubatan yang menggunakan ilmu sihir dan pengubatan yang mengikut kaedah Islam. Wahid Abdussalam Bali (1994) turut membincangkan kaedah pengubatan Islam untuk merawat mangsa sihir. Kajian yang dijalankan oleh Amran Kasimin (1997) seterusnya memfokuskan kepada amalan yang dikaitkan dengan sihir serta jenis-jenis sihir di alam Melayu. Dalam kajian ini juga, Amran Kasimin menjelaskan tentang simptom-simptom yang boleh dikenal pasti apabila seseorang itu terkena sihir atau gangguan serta penjelasan hukum dalam selok belok sihir. Sekitar tahun 2000-an dan seterusnya, penulisan tentang sihir mula membincangkan tentang aspek perundangan. Antara tema-tema yang menjadi perbincangan dalam bidang sihir adalah pembuktian sihir, dakwaan penggunaan ilmu sihir, permasalahan dan cadangan pelaksanaan undang-undang sihir, serta prospek pemakaian *qarimah* dan pendapat pakar dalam pembuktian jenayah sihir.

Penyelidikan Jahid Sidek (2004) bertumpu kepada pengalaman beliau bersama pengamal pengubatan Islam serta mangsa sihir dengan keterangan ilmiah bagi setiap pengalaman yang dilalui. Kajian beliau juga menyentuh tentang konsep pengubatan Islam, bentuk amalan perawat serta kaedah rawatan memulihkan pesakit gangguan jin. Seterusnya Mahyuddin Ismail (2010)

dalam kajiannya mencadangkan pembanterasannya ilmu sihir melalui mekanisme perundangan. Selain itu, beliau juga telah membuat kajian tentang dakwaan penggunaan ilmu sihir di dalam kes-kes perkahwinan dan perceraian di mahkamah Syariah (Mahyudin Ismail, 2012). Dapatan kajian beliau mendapati bahawa isu penggunaan sihir di dalam rumahtangga turut berlaku dan dibangkitkan dalam perbicaraan di mahkamah Syariah. Kajian ini juga mendapati bahawa faktor akal yang dipengaruhi oleh sihir dapat menjadi pembelaan terutamanya di dalam kes perceraian di mahkamah. Siti Zalikah Md Nor (2006) dalam penulisannya menjelaskan bahawa elemen pembuktian dan keterangan dalam undang-undang berkaitan sihir adalah penting bagi menjaga keadilan pihak-pihak yang bertikai. Menurut Nor Azian Abd Rahman (2010), pembuktian jenayah sihir boleh dilakukan berdasarkan kesan fizikal yang terdapat pada badan mangsa sihir contohnya lebam atau bengkak, serta penemuan barangan sihir. Selain itu, kajian oleh Zulfakar Ramlee Saad (2010) dan Na'imah Suleiman (2014) juga mengetengahkan prinsip-prinsip pembuktian yang termaktub dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah yang boleh diaplikasikan dalam kesalahan sihir contohnya melalui keterangan pendapat pakar (*al-Ra'y al-Khabir*) dan qarinah.

Mohd Sabree Nasri (2015) dalam kajiannya juga turut mengupas elemen pembuktian jenayah sihir dari perspektif perundangan di Malaysia. Dapatan kajian Mohd Sabree Nasri (2015) mendapati bahawa terdapat banyak halangan untuk mewujudkan undang-undang jenayah sihir di Malaysia, dan elemen pembuktian jenayah sihir menjadi lebih sukar kerana '*nature*' atau sifat sihir yang tidak dapat dilihat secara fizikal.

Mekanisme Kawalan Perundangan Terhadap Jenayah Melibatkan Sihir

Setiap perundangan yang digubal mempunyai tujuan yang tertentu. Salah satu faktor perundangan digubal adalah untuk menghalang perbuatan seseorang daripada menjejaskan hak individu lain. Selain itu, penggubalan undang-undang juga penting bagi menjaga kepentingan setiap individu dalam masyarakat. Sejarah telah memperlihatkan bahawa ilmu sihir pernah menjadi amalan masyarakat setempat walaupun pada hakikatnya amalan sihir merupakan salah satu amalan yang mencabuli hak asasi dan kepentingan nyawa manusia. Oleh itu, penggubalan undang-undang bagi mengekang perkembangan amalan sihir adalah sangat signifikan dan wajar.

Hakikatnya, sihir telah diperakui sebagai satu perbuatan jenayah sejak tamadun terdahulu, malah terdapat negara yang mempunyai undang-undang klasik bagi menyekat amalan sihir. Sebagai contoh, undang-undang yang tertulis di dalam *Kod Visigoth* menyatakan amalan sihir sebagai kesalahan ajaran sesat dan hukuman bagi kesalahan tersebut adalah diikat dipancang dan dibakar. Walau bagaimanapun, *Kod Visigoth* hanya digunakan dalam kesalahan yang berkaitan dengan kesalahan agama Kristian kerana amalan sihir tidak termasuk sebagai kesalahan besar berdasarkan undang-undang sivil (Susan C. Karant-nunn dan Merry E. Wiesner-Hanks, 2003).

Golongan yang memerangi amalan sihir dalam masyarakat di Eropah ialah golongan Gereja yang menguasai pemerintah ketika itu. Contohnya, tindakan *Pope John XXVI* dan *King Theodoric* yang mengistiharkan serangan ke atas tukang sihir dalam usaha membendung amalan sihir dalam masyarakat mereka. Bahkan pada zaman awal Eropah, King James VI juga pernah dijatuhkan hukuman bunuh ke atas tukang sihir seperti hukuman bakar hidup-hidup (Richard Kickhefer, 1989).

Pada zaman pemerintahan *Elizabeth I* diperkenalkan pula suatu undang-undang amat ketat kerana kesalahan sihir dianggap sebagai kesalahan agama Kristian (*ecclesiastical*) bahkan jenayah sihir telah diangkat sebagai satu jenayah besar dalam *common law* dan dijatuhkan hukuman gantung seperti hukuman jenayah membunuh (Susan C. Karant-nunn, Merry E. Wiesner Hanks, 2003). Seterusnya, Raja *George II* menukarkan undang-undang sihir sedia ada kepada akta *Witchcraft Act 1736*. Peruntukan tersebut memperuntukkan hukuman lebih ringan terhadap pesalah sihir seperti hukuman denda dan penjara selama satu tahun. Kemudiannya *Fraudulent Mediums Act 1951* dikuatkuasakan sebelum akhirnya dimansuhkan oleh undang-undang

perlindungan pengguna (Stuart Gordon, 1993). Menurut Mahyuddin Ismail (2011), pemansuhan terhadap undang-undang sihir dikaitkan dengan dua faktor. Faktor pertama adalah rasa ketidakadilan dalam kalangan masyarakat minoriti yang mempunyai kepercayaan agama yang berbeza, manakala faktor kedua adalah ketiadaan mereka yang mahir dalam membezakan amalan sihir dan kepercayaan agama.

Di Australia, seksyen 432 Kanun Jenayah Queensland menyatakan; "Mana-mana orang yang berpura-pura melakukan atau menggunakan apa-apa jenis sihir, ilmu hitam, jampi, atau menilik nasib, atau berpura-pura dengan kemahiran atau pengetahuannya untuk mengetahui di mana atau dengan cara apa sesuatu barang yang dicuri atau hilang boleh didapati, adalah bersalah melakukan salah laku, dan boleh dipenjarakan selama tempoh satu tahun." Undang-undang tersebut telah dipinda pada tahun 2005, dan perkataan sihir (*witchcraft*) *per-se* tidak disebut di dalam pindaan. Walau bagaimanapun, seorang psikik yang melakukan penipuan masih boleh didakwa dengan jenayah berdasarkan undang-undang Gangguan Awam di Queensland (Tiller, 2014).

Undang-undang berkaitan sihir turut pernah dilaksanakan di New South Wales, Northern Territory dan Victoria. Walau bagaimanapun, undang-undang amalan sihir tersebut kini dimansuhkan dan digantikan dengan undang-undang yang memperuntukkan kesalahan jenayah terhadap seseorang yang meramal nasib, atau menggunakan apa-apa cara atau tapak tangan dengan tujuan menipu dan memperdayakan seseorang (Tiller, 2014).

Dalam konteks Malaysia, Kelantan merupakan negeri pertama yang menguatkuasakan undang-undang berkaitan jenayah sihir bermula November 2021 susulan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 Kelantan yang mendapat perkenan Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V. Penguatkuasaan ini memberikan kuasa kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (Jaheaik) untuk menjalankan siasatan atas dakwaan sihir. Enakmen berkenaan menafsirkan sihir sebagai suatu perbuatan yang di luar daripada kebiasaan yang bertentangan dengan hukum syarak melibatkan penggunaan jin dan syaitan tidak terhad kepada penyembahan, pemujaan, jampi serapah atau azimat (S.2). Penafsiran yang tidak bersifat *exhaustive* ini memberikan keluasan kepada permedium yang memungkin sesuatu sihir itu dilakukan.

Elemen Pendakwaan Jenayah Yang Melibatkan Sihir

Pendakwaan di mahkamah Syariah negeri-negeri adalah berpandukan tiga undang-undang utama iaitu Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah, Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah dan Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah. Selain itu, terdapat juga Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sejak tahun 2000 serta Arahan Ketua Pendakwa Syarie negeri yang telah diterima pakai di seluruh negeri sejak tahun 2008 (Siti Zubaidah, 2008). Ia lebih bersifat arahan kerja bagi memudahkan tugas pendakwa Syarie. Objektif pendakwaan di mahkamah Syariah ialah mencapai keadilan dan membuktikan tertuduh telah melakukan kesalahan seperti yang dikemukakan dalam pertuduhan. Pendakwaan jenayah yang melibatkan sihir bukan merupakan sesuatu yang mudah dan sesuatu pendakwaan akan bergantung kepada kesempurnaan fail kes yang disediakan oleh pihak penguatkuasa agama. Keputusan sama ada untuk mendakwa sesuatu kes atau tidak adalah satu langkah yang amat penting dalam proses pendakwaan. Ini kerana tidak semua kes yang disiapkan oleh bahagian penguatkuasaan berakhir dengan pendakwaan. Pertimbangan yang wajar harus diberikan kepada kepentingan pengadu, orang yang disyaki dan masyarakat seluruhnya bagi memastikan keputusan yang dibuat adalah tepat.

Dalam melakukan pendakwaan, antara elemen utama yang perlu dipatuhi ialah, tiap-tiap pertuduhan hendaklah jelas dan terang serta mengandungi semua butir-butir yang terkandung di dalam seksyen yang berkaitan. Tujuannya ialah supaya tertuduh memahami dengan jelas pertuduhan yang dihadapkannya. Oleh itu tiap-tiap pertuduhan perlu menyatakan tarikh, masa dan tempat kejadian, termasuk alamat yang lengkap serta bahan-bahan yang perlu

dinyatakan seperti niat dan perbuatan, mangsa serta seksyen dan akta yang berkaitan. Hakim juga perlu memahami kedudukan pertuduhan dan menyemaknya supaya pertuduhan itu tidak cacat (Siti Zubaidah, 2016). Oleh sebab tertuduh dianggap tidak bersalah sehingga ia dibuktikan demikian, beban bukti pendakwa adalah berat (Siti Zubaidah, 2016).

Arahan Ketua Pendakwa Syarie berperanan penting untuk pihak pendakwa Syarie menjalankan tugas pendakwaan. Arahan ini merupakan himpunan tatacara yang diseragamkan dalam kalangan Ketua Pendakwa Syarie Malaysia. Usaha penyeragaman dan penyelarasan dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Undang-Undang, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk digunapakai di negeri-negeri. Arahan ini juga merupakan elemen penting kepada pendakwaan yang berupa garis panduan yang merangkumi carta alir kerja dan tindakan yang dihuraikan untuk kegunaan Ketua Pendakwa Syarie dan Pendakwa Syarie. Ia merangkumi peraturan bermula dari penyediaan buku daftar semenjak penerimaan Kertas Siasatan dari Bahagian Penguatkuasaan dan diikuti dengan kaedah menyemak Kertas Siasatan, penyediaan draf pertuduhan jenayah dan segala tatacara berkaitan prosiding pendakwaan dan ketika perbicaraan (Siti Zubaidah Ismail, 2008).

Menurut Perkara 9 Arahan Ketua Pendakwa Syarie, antara elemen penting dalam mempertimbangkan pendakwaan sesuatu kes adalah:

- (a) Prima facie:
 - (i) Keterangan telah ditapis;
 - (ii) Keterangan telah melalui proses penilaian;
 - (iii) Keterangan mencukupi untuk mensabitkan kes; dan
 - (iv) Saksi-saksi yang kompeten, berkredibiliti dapat dibawa ke mahkamah.
- (b) Kepentingan awam:
 - (i) Keseriusan kes tersebut;
 - (ii) Terdapat faktor keringanan dan pemberatan;
 - (iii) Usia muda, kecerdikan, tiada cacat akal, sihat fizikal kepada tertuduh;
 - (iv) Latar belakang dan riwayat hidup tertuduh;
 - (v) Tahap keterlibatan tertuduh atau kaitannya dengan kesalahan yang dilakukan; dan
 - (vi) Kesan kesalahan terhadap agama, ketenteraman awam dan moral atau akhlak masyarakat serta imej pihak berkuasa agama.
- (c) Kebolehterimaan pengakuan dan keterangan lain:
 - (i) Terdapat keterangan pada diri tertuduh sendiri;
 - (ii) Terdapat dokumen-dokumen yang menyokong; dan
 - (iii) Tidak terdapat unsur-unsur paksaan.

Oleh demikian, panduan Arahan Ketua Pendakwa Syarie dapat digunapakai sebagai satu garis panduan kepada semua Ketua Pendakwa Syarie dan Pendakwa Syarie yang diamanah bagi menjalankan tugas pendakwaan undang-undang jenayah yang melibatkan sihir di negeri-negeri di Malaysia. Selain itu, ianya juga dapat dijadikan asas penting dalam tindakan pendakwaan yang dijalankan oleh Pendakwa Syarie agar dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, efisien dan professional.

Salah satu prinsip umum undang-undang jenayah yang penting ialah seseorang individu biasanya tidak boleh disabitkan dengan jenayah tanpa berniat untuk melakukan perbuatan tersebut. Dengan beberapa pengecualian, individu itu tidak perlu mengetahui bahawa perbuatan itu sendiri adalah jenayah, kerana kejahilan undang-undang bukanlah alasan untuk kelakuan jenayah. Oleh itu, jika seseorang percaya bahawa sesuatu perbuatan itu sah secara sempurna dan dengan sengaja melakukan perbuatan itu, keperluan undang-undang niat jenayah dikira telah dipenuhi. Walaubagaimanapun, undang-undang mengambil kira keadaan mental orang yang dituduh pada masa jenayah yang didakwa dilakukan dan mengecualikan individu tertentu daripada liabiliti jenayah. Prinsip ini turut terkandung dalam peruntukan melibatkan sihir

sebagaimana diperuntukkan oleh EKJS 2019 Negeri Kelantan. Seksyen 61 EKJS 2019 menyatakan bahawa tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang yang pada masa melakukan perbuatan itu oleh sebab ketidaksempurnaan akalnya, tidak berupaya mengetahui sifat sebenar perbuatan itu, atau bahawa apa yang dilakukannya adalah salah dan berlawanan dengan undang-undang. Seksyen 61(2) seterusnya memperuntukkan: “...*jika seseorang berada dalam keadaan mabuk pada masa perbuatan yang diadukan itu dan (a) keadaan mabuk itu adalah sedemikian rupa sehingga dia tidak tahu bahawa perbuatan atau peninggalan itu adalah salah atau dia tidak tahu apa yang dilakukannya; dan (b) keadaan mabuk itu telah terjadi tanpa persetujuannya dan akibat perbuatan niat jahat atau kecuaiannya seorang yang lain maka dia hendaklah disifatkan sebagai orang yang tidak sempurna akal*”. Di bawah seksyen ini, “mabuk” disifatkan termasuk keadaan yang dihasilkan oleh dadah atau sihir (Sek.61(3)).

Permulaan Pendakwaan Jenayah Yang Melibatkan Sihir

Jenayah yang melibatkan sihir merupakan kesalahan Syariah di bawah skop penguatkuasaan jabatan agama Islam negeri apabila merujuk kepada perbuatan dan perlakuan yang berlaku dalam domain awam yang juga berkaitan dengan konsep amar makruf nahi mungkar, iaitu menyuruh ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Permulaan pendakwaan bermula apabila pihak Penguatkuasa Agama menerima laporan dan menjalankan siasatan awal seperti penggeledahan lokasi pemujaan sihir, tangkapan terhadap bomoh atau tertuduh dengan kerjasama pihak polis yang mempunyai autoriti. Pihak Penguatkuasa Agama dan polis akan menerima laporan atau dikenali sebagai ‘laporan maklumat pertama’ berkenaan sesuatu kesalahan sebelum permulaan pendakwaan akan dibuat. Sekiranya kesalahan itu di dalam kategori ‘kesalahan boleh tangkap’ pihak polis akan membuka kertas siasatan dan menjalankan siasatan. Di peringkat pendakwaan, sesuatu aduan atau dakwaan yang telah sempurna syarat-syaratnya hendaklah dikemukakan secara terperinci kepada hakim atau mahkamah tertentu yang mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dakwaan tersebut. Pada kebiasaannya, sesuatu aduan atau dakwaan dibuat dalam borang aduan yang mengandungi butiran-butiran mengenai diri pihak yang menuntut atau mendakwa, yang kena tuntutan atau yang kena dakwa, tarikh tuntutan atau dakwaan dibuat, fakta-fakta tuntutan atau dakwaan serta sandaran-sandarannya. Penyataan butiran-butiran ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pihak yang kena dakwa (tertuduh) mendapat gambaran awal mengenai dakwaan yang dihadapkannya ke atasnya dan dengan ini membolehkannya membuat persediaan yang secukupnya. Di samping itu, ia juga akan membolehkan pihak hakim mendapat gambaran yang jelas mengenai fakta sesuatu dakwaan dan ini dapat membantunya menetapkan tarikh memulakan prosiding perbicaraan dengan mengemukakan keterangan saksi, keterangan pendapat pakar, *qarinah* daripada bahan-bahan sihir sebagai bukti yang cukup serta diyakini bagi pelakuan kes jenayah yang melibatkan sihir (Mohd Fahmi Abd Jalil, komunikasi peribadi, 7 April 2018; Mohd Fadzuli Mohd Zain, komunikasi peribadi, 9 April 2018).

Pertimbangan untuk mendakwa

Bagi menguatkuasakan sesuatu kesalahan jenayah Syariah seterusnya melakukan pendakwaan, sesuatu peruntukan yang ada mestilah jelas agar difahami kehendak sebenar kesalahan itu. Kesukaran akan timbul bagi pihak penguatkuasa agama dan pendakwaan untuk menjalankan tugas sekiranya undang-undang yang dipertanggungjawabkan kepada mereka adalah tidak jelas (Siti Zubaidah, 2017). Berdasarkan akta dan enakmen kesalahan jenayah Syariah sedia ada, kesalahan jenayah Syariah boleh diklasifikasikan kepada beberapa jenis kesalahan. Secara amnya, terdapat empat kategori kesalahan jenayah Syariah negeri. Kategori-kategori ini adalah sebagaimana berikut:

i. Kesalahan berkaitan akidah

Kesalahan ini membabitkan kesalahan yang boleh menjejaskan akidah. Jenayah melibatkan sihir boleh dikaitkan dengan peruntukan di bawah kategori pemujaan salah, mengajar doktrin palsu, mengembangkan kepercayaan agama selain dari agama Islam, mendakwa diri sebagai Rasul, Nabi, Imam Mahdi, wali atau mendakwa mengetahui perkara yang diluar pemahaman manusia. Antara contoh kategori ini boleh dikaitkan dengan jenayah melibatkan sihir ialah kes menceroboh tempat-tempat ibadah atau tanah-tanah perkuburan dengan tujuan melaksanakan upacara sihir dan pemujaan. Tempat-tempat sebegini, terutamanya tanah perkuburan dan kawasan yang kononnya dianggap keramat dan keras, merupakan antara tempat yang menjadi tumpuan upacara sihir seperti upacara tarik duit, tilik nombor, tilik nasib dan tidak kurang juga yang menjadikannya sebagai lokasi pertapaan.

Menurut Engku Ahmad Zaki (2007) bahawa ciri-ciri ajaran salah ialah ajaran yang jelas bertentangan dengan asas rukun Iman dan rukun Islam yang menjadi pegangan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Antara ciri-ciri utama ajaran salah adalah Engku Ahmad Zaki (2007):

- i) Berpegang pada akidah yang menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah
- ii) Memansuhkan kewajipan yang terdapat dalam syariat Islam. Ajaran sesat juga dikenali sebagai ajaran salah, pencemaran akidah dan penyelewengan akidah.
- iii) Mana-mana ketua kumpulan, pengasas ataupun orang yang mendakwah dirinya sendiri ataupun orang lain sebagai nabi terakhir dan sebagainya.
- iv) Mempertikaikan kebenaran al-Quran dan al-Hadis. Secara dasar, ajaran sesat menafikan kebenaran isi kandungan al-Quran dan menganggap al-Hadis hanya rekaan daripada mulut-mulut. Di samping itu, kumpulan ajaran sesat juga berani mengubah ayat-ayat al-Quran dan maksudnya dengan sengaja.
- v) Mendewa-dewakan diri, pemimpin ataupun ahli kumpulan ajaran sesat tersebut secara melampau sehingga membawa kepada syirik.
- vi) Mempercayai wahyu masih turun selepas Nabi Muhamad S.A.W wafat dan mencipta hukum-hakam yang baru.

ii. Kesalahan berhubung dengan kesucian agama dan institusinya

Jenayah melibatkan sihir juga boleh dikaitkan dengan peruntukan di bawah kategori kesalahan seperti menghina Islam dengan mempersenda al-Quran dan al-Sunnah atau mengingkari pihak berkuasa agama, mengingkari perintah mahkamah, mengajar agama tanpa tauliah, tidak menghormati Ramadan, tidak mengerjakan sembahyang Jumaat, tidak membayar zakat, berjudi, mengeluarkan pendapat yang bertentangan dengan fatwa, penerbitan agama yang bertentangan dengan hukum Syarak, menghasut supaya mengabaikan kewajipan agama dan minum minuman memabukkan merupakan kesalahan yang berkaitan dengan kesucian Islam. Antara contoh kategori ini boleh dikaitkan dengan jenayah melibatkan sihir ialah kes Amalan Perbomohan Ibrahim Bin Mat Zain yang difatwakan oleh JAKIM dan Jawatankuasa Fatwa Negeri di Malaysia sebagai ajaran salah dan mencemarkan kesucian agama Islam. Fatwa mengenai penyelewengan amalan perbomohan beliau perlu dikeluarkan supaya ia tidak dapat mempengaruhi orang ramai.

Fatwa negeri Kelantan melalui Mesyuarat Jamaah Ulama' Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 13 Zulkaedah 1438 Hijriah bersamaan 6 Ogos 2017 Bil: 2/2017 telah membincangkan isu berkaitan dengan Fatwa Mengenai Amalan Perbomohan Ibrahim Bin Mat Zain dan mesyuarat bersetuju memfatwakan seperti berikut :

"Bahawa upacara dan amalan perbomohan yang dilakukan oleh Ibrahim Bin Mat Zain atau raja bomoh Ibrahim Mat Zain yang mengamalkan objek-objek tertentu seperti sangkar burung Cenderawasih, tebu salak hitam, bubu, teropong buloh kuning, air telah buta, air belaga simpang tiga atau tanpa menggunakan apa-apa

objek, samada untuk tujuan perubatan, perbomohan atau selainnya, adalah berunsurkan syirik dan khurafat dan berlawanan dengan hukum syarak dan haram”.

Oleh demikian, mana-mana orang Islam atau kumpulan orang Islam dilarang:

- i.) Menganut, mengamal, menjadi ahli, menjadi pengikut, mengisytiharkan diri sebagai pengikut atau
- ii.) Memiliki, menyimpan, mencetak, menerbit, memuat naik, memuat turun, menjual, mengedar atau menggunakan apa-apa terbitan, risalah, majalah, buku, media sosial, dokumen, rakaman audio, filem atau:
- iii.) Mengajar, menyebarkan, mengedit, membantu, menganjur, mempromosi fahaman dan ajaran, menghadiri apa-apa upacara yang dikaitkan dengan ajaran tersebut atau menyokong apa-apa aktiviti perbomohan samada secara langsung atau tidak langsung.

Seksyen 4, EKJS 2019 Negeri Kelantan memperuntukkan kesalahan sihir sebagai kesalahan takzir yang berhubungan dengan agama dengan hukuman yang maksimum. Seksyen berkenaan menyatakan:

- (1) *Mana-mana orang yang melakukan amalan, perbuatan, tindakan atau apa-apa sahaja yang boleh ditakrifkan sebagai sihir dengan apa-apa cara adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit dan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan disebat tidak melebihi enam sebatan*
- (2) *Mahkamah boleh memerintahkan supaya apa-apa peranti, barang atau benda yang digunakan dalam pelakuan atau yang ada kaitan dengan kesalahan yang telah disebut dalam subseksyen (1) dilucuthakan dan dimusnahkan*

iii. Kesalahan berhubung tatasusila

Kesalahan ini melibatkan kesalahan seperti muncikari, persetubuhan luar nikah, percubaan melakukan persetubuhan luar nikah, zina, sumbang mahram, khalwat, lesbian (*musabaqah*), liwat, lelaki berlagak perempuan, atau perbuatan tidak sopan di tempat awam. Selain peruntukan ini, kesalahan hamil luar nikah dikanunkan sebagai jenayah syariah di negeri Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kelantan, Perak, Perlis, Sabah.

iv. Kesalahan pelbagai

Kesalahan yang diletakkan di bawah kategori ini termasuk menggalakkan maksiat, mencemarkan masjid, memujuk perempuan lari daripada suami, takfir, penyalahgunaan tanda halal, menghalang suami isteri daripada meneruskan perkahwinan dan menjual anak kepada bukan Islam. Antara contoh kategori ini boleh dikaitkan dengan jenayah melibatkan sihir ialah kes melarikan atau memikat atau membawa pergi orang dengan menggunakan ilmu sihir.

Cabaran Pendakwaan Jenayah Melibatkan Sihir

Peruntukan undang-undang yang samar atau tidak jelas akan menimbulkan kesukaran kepada pihak pendakwaan untuk menjalankan tugas dengan berkesan dan menyakinkan mahkamah. Cabaran utama dalam jenayah melibatkan sihir adalah bentuk dan kesan sihir yang sangat bervariasi kepada mangsa sihir. Sihir boleh menyebabkan timbulnya perasaan sayang keterlaluan terhadap seseorang sehingga memungkinkan melangsungkan perkahwinan tanpa kerelaan, ia juga boleh menimbulkan perasaan benci kepada pasangan sehingga meruntuhkan rumahtangga, sihir juga boleh menyebabkan gangguan kepada fizikal dan psikologi seseorang yang mampu membuatkan seseorang bertindak di luar kewarasan seperti melakukan kekerasan ke

atas pasangan atau keluarga, malah dalam situasi yang lebih ekstrim, membawa kepada kehilangan nyawa. Oleh itu cabaran pihak pendakwa adalah untuk menentukan peruntukan yang akan digunakan bagi membuat pendakwaan dalam ruang batasan bidang kuasa jenayah mahkamah Syariah.

Bagi menentukan peruntukan tertentu berkait kesalahan yang akan didakwa, pihak jabatan agama Islam negeri dan pendakwa syarie perlu melihat sama ada kesalahan itu telah sedia ada atau tidak dalam undang-undang Persekutuan. Ini adalah kerana, kerajaan negeri atau badan perundangan negeri tidak boleh menggubal undang-undang yang sama sebagaimana undang-undang yang telah digubal oleh Parlimen. Mana-mana peruntukan undang-undang di peringkat negeri yang sama atau bersalahan dengan Perlembagaan adalah '*unconstitutional*' dan boleh dicabar atau dibatalkan.

Pendakwaan Jenayah Melibatkan Sihir Melalui Pemakaian Peruntukan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah

Sebagaimana yang telah dibincangkan, pendakwaan jenayah akan bergantung pada kekuatan dan kebolehterimaan bukti yang dikemukakan sama ada bukti fizikal, bukti saintifik, dan keterangan saksi. Pembuktian dalam pendakwaan jenayah yang melibatkan sihir dapat dilakukan melalui pemakaian peruntukan sedia ada di dalam Akta atau Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri dan undang-undang kesalahan jenayah Syariah negeri sebagaimana jadual 1 dan 2 berikut:

Jadual 1: Pemakaian Peruntukan dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Bagi Jenayah Melibatkan Sihir.

Bil	Perkara	Peruntukan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah
1.	Dakwa seseorang yang terkena sihir melalui simptom atau tanda-tanda	i) Fakta yang menjadi punca, sebab atau kesan bagi fakta persoalan atau relevan adalah <i>qarinah</i> . ii) Fakta yang menunjukkan wujud keadaan fikiran atau keadaan tubuh atau perasaan tubuh ialah <i>qarinah</i>
2.	Seseorang yang mempunyai konflik atau salah faham dengan tertuduh.	Motif, persediaan dan kelakuan yang dahulu atau kemudian
3.	Penemuan bahan-bahan yang mencurigakan dan pelik	i) Tafsiran dokumen, ii) Watak buruk dahulu tidaklah menjadi <i>qarinah</i> kecuali bagi menjawab
4.	Gabungan fakta-fakta relevan	Fakta yang menjadi sebahagian daripada transaksi yang sama ialah <i>qarinah</i>

Jadual 2: Pemakaian Peruntukan dalam Akta atau Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri

Bil	Perkara	Peruntukan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah
1.	Kesalahan Berhubung Dengan Aqidah	Pemujaan Salah
2.	Kesalahan Berhubung Dengan Aqidah	Menghina, atau menyebabkan dipandang hina agama Islam
3.	Kesalahan Yang Berhubung Dengan Keadilan Dan Ketenteraman Awam	Menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan
4.	Kesalahan berhubungan penjagaan agama (Kelantan)	Melakukan amalan, perbuatan, tindakan atau apa-apa sahaja yang boleh ditakrifkan sebagai sihir

Jadual-jadual di atas menunjukkan peruntukan yang boleh digunapakai bagi maksud melakukan pendakwaan atas kesalahan jenayah yang melibatkan sihir. Walau bagaimanapun, peruntukan kesalahan tersebut bersifat umum. Pendakwaan dapat dilakukan secara efektif seterusnya mengelakkan pertuduhan yang defektif sekiranya terdapat peruntukan undang-undang substantif yang spesifik.

Jenayah melibatkan sihir adalah sesuatu yang kompleks kerana melibatkan jenayah mistik yang tidak dapat dilihat melalui mata kasar dan lazimnya dikenalpasti melalui kesannya kepada mangsa. Walaupun bidangkuasa negeri adalah terbatas dalam memperuntukkan kesalahan yang boleh dikategorikan sebagai kesalahan jenayah Syariah dalam kerangka sistem dwi-perundangan di Malaysia, langkah proaktif boleh diambil dalam memperkasakan perundangan jenayah Syariah. Kesalahan jenayah melibatkan sihir bukan sahaja merupakan satu kegiatan yang merosakkan akidah dan melanggar perintah agama Islam, tetapi juga mendatangkan kemudaratan kepada mangsa yang disihir serta ahli keluarga mangsa. Oleh yang demikian, peruntukan undang-undang spesifik yang berkaitan jenayah melibatkan sihir adalah merupakan suatu keperluan dan seharusnya diperhalusi.

Jadual 3: Cadangan Peruntukan Kesalahan Jenayah Melibatkan Sihir

Bil	Perkara	Cadangan peruntukan jenayah melibatkan sihir
1.	Kesalahan Berhubung Dengan Aqidah	<p><i>Mana-mana orang yang melakukan aktiviti perbomohan atau amalan sihir kepada mana-mana orang adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh ... (bentuk hukuman).</i></p> <p><i>Mana-mana orang yang:</i></p> <p>(a) <i>Mendapatkan khidmat tukang sihir untuk menjejaki orang yang dikatakan menyihirnya, atau memulangkan sihir orang, atau membuat ramalan dan tilikan; atau</i></p> <p>(b) <i>menjual, membekal atau menyediakan alatan untuk ilmu sihir ; atau</i></p> <p>(c) <i>Menjadikan kawasan perkuburan, bangunan, premis untuk menjalankan kegiatan sihir; atau</i></p> <p>(d) <i>Menawarkan khidmat sebagai tukang sihir; atau</i></p>

		<p>(e) Mengajar dan belajar ilmu sibir</p> <p>adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh ... (bentuk hukuman).</p>
2.	Kesalahan Pelbagai	<p>Mana-mana orang yang memujuk lari atau mendorong atau memujuk mana-mana orang perempuan supaya lari atau dengan menggunakan sibir menyebabkan supaya lari daripada jagaan ibu bapanya atau penjaganya, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh ... (bentuk hukuman), dan Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya sesuai berkenaan dengan orang perempuan itu.</p> <p>Mana-mana orang yang yang menimbulkan pecah belah dalam rumah tangga dengan menggunakan ilmu sibir adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh ... (bentuk hukuman).</p> <p>Mana-mana orang yang menghasut, memaksa atau memujuk mana-mana orang lelaki atau orang perempuan supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan dan tanggungjawabnya sebagai suami atau isteri dengan menggunakan ilmu sibir adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh ... (bentuk hukuman)..</p> <p>Mana-mana orang yang mengganggu rumah tangga orang lain atau menimbulkan pecah belah dalam rumah tangga orang lain atau mempengaruhinya supaya mengabaikan tanggungjawab rumah tangga sedia ada dengan menggunakan ilmu sibir adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, ... (bentuk hukuman).</p> <p>Mana-mana orang yang menghalang seseorang lain dari berkahwin dengan menggunakan ilmu sibir adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, ... (bentuk hukuman).</p>

Selain keperluan kepada peruntukan tambahan yang spesifik, pendakwaan bagi jenayah melibatkan sihir dapat dilakukan dengan adanya peruntukan yang lebih jelas tentang keterangan pakar terutamanya pakar pengubatan Islam. Cadangan peruntukan adalah sebagaimana berikut:

Jadual 4: Draf Cadangan Peruntukan Keterangan Pakar Pengubatan Islam Dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah

Bil	Perkara	Cadangan Peruntukan Keterangan Pakar Pengubatan Islam
-----	---------	---

1.	Pendapat Orang Ketiga Menjadi Qarinah	<p>i) Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni atau sihir, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni atau sihir itu, atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, ialah qarinah.</p> <p>ii) Orang sedemikian itu dipanggil pakar</p> <p>iii) Dua orang pakar atau lebih hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan jika boleh tetapi jika tidak terdapat dua orang pakar, maka keterangan seorang pakar adalah memadai. Jika dua orang pakar memberikan pendapat yang berlainan, maka pakar yang ketiga hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan.</p>
----	---------------------------------------	---

Jadual 3 dan 4 menunjukkan draf cadangan peruntukan undang-undang yang berkait dengan kesalahan jenayah melibatkan sihir ke arah usaha memperkasakan perundangan jenayah Syariah di Malaysia. Selain menjadikan pindaan enakmen di Negeri Kelantan yang telah berkuatkuasa sebagai model, usaha berterusan haruslah dilakukan di semua peringkat negeri untuk memastikan kelestarian perundangan Islam dalam menangani jenayah yang bersifat metafizik ini sekaligus meraikan keluasan skop perundangan jenayah Islam.

Kesimpulan

Prosedur pendakwaan adalah satu aspek yang amat penting dalam sistem keadilan jenayah Syariah seperti sihir. Terdapat prosedur tertentu yang perlu dilaksanakan sebelum sesuatu pendakwaan dapat dilakukan. Prosedur pertama adalah, pegawai penguatkuasa agama di bawah Bahagian Siasatan Jabatan Agama Islam negeri akan membuat penyiasatan terlebih dahulu sekiranya terdapat laporan mengenai kesalahan jenayah Syariah. Langkah ini penting supaya bukti dan keterangan terhadap laporan tersebut dikumpulkan dan dijadikan bukti. Apabila laporan tersebut lengkap dengan keterangan dan bukti, keputusan untuk mendakwa akan diputuskan berdasarkan hasil siasatan yang telah dikemukakan oleh unit siasatan atau bahagian penguatkuasaan jabatan agama negeri. Dalam konteks pendakwaan kesalahan jenayah yang melibatkan sihir, tugas pendakwaan akan lebih mencabar apabila tiadanya peruntukan yang jelas di bawah undang-undang sedia ada.

Sudah sampai masanya undang-undang berkaitan kesalahan jenayah melibatkan sihir direalisasikan di semua negeri bagi memperkasakan perundangan jenayah Syariah di Malaysia. Walau pun beberapa peruntukan sedia ada dapat dikaitkan dengan jenayah melibatkan sihir secara umum, peruntukan yang khusus akan membolehkan pendakwaan dilakukan dengan lebih efektif dengan klausa jenayah yang jelas di bawah undang-undang. Perluasan bentuk hukuman jenayah Syariah merangkumi kesalahan jenayah melibatkan sihir perlu diberi pertimbangan yang tuntas sesuai dengan undang-undang jenayah Syariah yang anjal dan bukan bersifat *rigid*.

Rujukan

- Imam al-Bukhari (2000). “*Sabih al-Bukhari*” dalam Mawsu’ah al-Hadith al-Syarif Kutub al-Sittah. Riyadh: Darul Salam lil Nasyru wa Tauzi’.
- Al-Nawawi (1981). *Raudat at-Talibin*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Haron Din (2009). “*Sibir: Kesannya Kepada Aqidah Dan Bagaimana Mengatasinya*”, *Kertas Persidangan Muzakarah Pakar: Bentuk-Bentuk Sibir Pengasih & Metodologi Diagnosis*. Selangor: Jabatan Mufti Selangor.
- Abdul Basir Mohamad (1999). *Amalan Sibir Dan Ayat-Ayat Al-Quran: Perbezaannya Serta Kesannya Terhadap Amalan Perubatan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- John D. Gimlette (1971). *Malay poisons & charm cures*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- William Shaw (1975). *Aspect of Malaysian Magic*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Wahid Abdussalam Al-Baly dan Daud Mohd Salleh (1994). *Bagaimana Menentang Ilmu Hitam*. Johor Bharu: Penerbitan Al-Masyhur Sdn. Bhd.
- Amran Kasimin (1997). *Amalan Sibir Masyarakat Melayu: Satu Analisis*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Jahid Sidek (2004). *Berpawang dan Bersahabat dengan Jin dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Mahyuddin Ismail (2010). “*Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Sibir Di Malaysia: Isu Dan Cabarannya*” Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Undang-Undang Jenayah Sihir, anjuran IKIP International College, dengan kerjasama Yayasan Pahang, Majlis Ugama Islam Pahang dan Jabatan Kehakiman Syariah Pahang pada 11 Oktober 2010 di Dewan Utama Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur, Kuantan.
- Mahyuddin Ismail (2011). *Abli Sibir ke Tali Gantung*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Publication.
- Mahyuddin Ismail (2012). *Dakwaan Penggunaan Ilmu Sibir Dalam Kes-Kes Perkahwinan Dan Perceraian Di Mahkamah Syariah: Keperluan Kepada Satu Prosedur Kendalian Standard (S.O.P)*. Kertas persidangan, in 2nd International Seminar In Shariah and Common Law (ISCOL), Universiti Sains Islam Malaysia.
- Siti Zalikah Md Nor (2006). *Beberapa Aspek Dalam Undang-Undang Keterangan Islam dalam Al-Syariah: Undang-Undang Keterangan Islam*. Jld. 3. Cetakan ke-1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Azian Abd Rahman (2010). “*Metodologi Pendakwaan Dan Pembuktian Sibir Berdasarkan Fakta Syariah Dan Sains*” Kertas Persidangan, Muzakarah Pakar : Pendakwaan Pesalah Sihir di Mahkamah Syariah. Selangor: Jabatan Mufti Selangor, Shah Alam.
- Na'imah Suleiman (2014). *Prospek Pemakaian Qarinah dan Pendapat Pakar Dalam Pembuktian Jenayah Sibir*. Tesis Sarjana Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zulfakar Ramlee Saad (2010). “*Pendakwaan Jenayah Sibir: Prinsip-Prinsip Pembuktian Dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah*” Kertas Persidangan, Muzakarah Pakar: Pendakwaan Pesalah Sihir di Mahkamah Syariah. Selangor: Jabatan Mufti Selangor.
- Mohd Sabree Nasri (2015). Jenayah sihir di Malaysia: permasalahan dan cadangan pelaksanaan undang-undang. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*. 19 . 51-58. ISSN 1394-7729
- Susan C. Karant-nunn & Merry E. Wiesner-Hanks (2003). *Luther On Women: A Sourcebook*. Cambridge: Cambridge Univesity Press.
- Ansaruddin Agus dan Mohammad Azlee A. Mutallib (2011). *Perangi Sibir*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Tiller, Allen. 2014. *The Haunts of Adelaide: History, Mystery and The Paranormal*. South Australia: Custom Book Publications
- Richard Kieckhefer (1989). *Magic in the middle ages*. Great Britain: Cambridge University Press.

- Siti Zubaidah Ismail (2008). Dasar dan Amalan penghukuman Kes Jenayah di Mahkamah Syariah: Ke Mana halatuju?. *Jurnal Hukum* 27(1). Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Siti Zubaidah Ismail (2008). Dasar Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Jenayah Syariah Di Malaysia: Satu Analisis. Jld 16. *Jurnal Syariah*.
- Siti Zubaidah Ismail (2016). *Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zubaidah Ismail (2017). *Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007). *Ajaran Sesat: Mengenali Jalan Yang Terpesong*, Selangor: PTS Islamika

ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN DAKWAH DAN USULUDDIN

Buku ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN DAKWAH DAN USULUDDIN (SIRI 3) 2022 merupakan himpunan kertas kerja ilmiah dalam Islamic Conference on Islamic Civilisation Studies (ICONICS) 2022 anjuran Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang diadakan secara dalam talian pada tarikh 20 Oktober 2022. Penganjuran ICONICS 2022 merupakan penjenamaan semula daripada siri seminar IRSYAD anjuran FPPI sejak 2015 hingga 2019. Seminar ini berobjektif memperkukuhkan bidang pengajian Islam agar sentiasa relevan dan mampu bersaing dalam menangkis dan mendepani cabaran arus perdana.

Istilah Pengajian Dakwah dan Usuluddin dalam buku ini merangkumi semua bidang yang berkaitan dengan kajian dakwah dan usuluddin. Penulisan buku ini khususnya disediakan sebagai rujukan khususnya bagi ilmuwan, dan amnya pembacaan ilmiah untuk masyarakat. Buku ini juga memberi pendedahan berkaitan pelbagai wacana dalam disiplin ilmu pengajian Dakwah dan Usuluddin yang diolah berdasar sumber ambilan yang sahih. Semoga perkongsian ilmiah yang mencakupi pelbagai perbincangan dalam buku ini akan membantu menyelitkan kefahaman dalam jiwa pembaca dan memberikan pencerahan maklumat dalam usaha memahami ajaran Islam bagi mendepani cabaran dunia baru era mendatang.

ISBN 978-967-2808-21-3



9 789672 808213

ISU-ISU KONTEMPORARI
DALAM PENGAJIAN DAKWAH
DAN USULUDDIN (SIRI 3)
2022



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR

الكلية الجامعية الإسلامية العالمية
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR

FACULTY OF ISLAMIC AND CIVILIZATION STUDIES
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR